



DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU

NEGERI TERENGGANU

PENYATA RASMI

**DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KESEMBILAN
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT**

Mesyuarat Kali Yang Pertama

**Pada 12 – 14 Mei 1998
dan 30 Jun 1998**

**Bersamaan 15 – 17 Muharam 1419
dan 6 Rabiulawal 1419**

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

*SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU*

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEMBILAN**

**PADA 12 - 14 MEI 1998
DAN 30 JUN 1998
BERSAMAAN 15 - 17 MUHARAM 1419
DAN 6 RABIULAWAL 1419**

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

P E R S I D A N G A N
PADA HARI SELASA, 12 MEI, 1998

МАРИЯ СЕРГЕЕВНА

2001 АЗМ С1 А2А13212/11 АОНЕ

Hari Selasa
12 Mei 1998

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 1]
2. Doa [Muka 5]
3. Titah Ucapan Di Raja [Muka 5]

[BERSAMBUNG]

12 Mei 1998

**DEWAN UNDANGAN NEGERI MULA BERSIDANG PADA PUKUL 10.20
PAGI**

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd,
DPMT.,ASM.,PJK.,BLB.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BFSAR TERENGGANU
Dato' Seri Amar Di Raja (Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad),
SSMT.,PSM.,SPMT.,DA.,DPMJ.,KMN.,JP.,PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,
SPMT.,DSMT.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Dr. Mohd Yusof bin Haji Mohd Noor,
SPMT.,DSSA.,JMN.,PPT.,KMN.
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Dato' Haji Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman,
DSMT.,DPMT.,KMN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Mulia Engku Bijaya Sura (Dato' Syed Omar bin Muhamad),
DSMT.,DPMT.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dato' Haji Aziz & Ibrahim bin Awang,
DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL SURA

Yang Berhormat Encik Ahmad bin Said, ASM.,PJK.
WAKIL KIJAI.

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang,
WAKIL TELEMONG

12 Mei 1998

Yang Berhormat Dato' Dr. Abdul Latiff bin Awang,
DPMT.,KMN.,PKT.,PIK.
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Encik Wong Foon Meng,
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Encik Othman bin Daud, PJC.
WAKIL AJH.

Yang Berhormat Dato' Haji Wan Zakaria bin Abdul Rahman,
DPMT.,ASM.,PJC.,PIK.,PPN.
WAKIL KUALA BESUTI

Yang Berhormat Dato' Haji Muda bin Manat,
DPMT.,PIK.,PPN.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Dr. Abdul Wahab bin Ngah, SMT.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Haji Harun bin Hassan,
AMT.,AMN.,PIK.
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,
DPMT.,AMN.,PIK.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Awang bin Abdul Jabar,
ASM.,SMT.,AMN.,PIK.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Haji Idris bin Mamat, PIK.
WAKIL JERTHI

Yang Berhormat Encik Mohd Jidin bin Shafee,
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Haji Mohammad bin Abu Bakar,
WAKIL BUKIT TUNGGAL.

Yang Berhormat Haji Shafie bin Daud, PIK.
WAKIL RANTAU ABANG

12 Mei 1998

Yang Berhormat Encik Lukman bin Muda, PJK.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Haji Ibrahim bin Yusof,
WAKIL KUALA BEFRANG

Yang Berhormat Tuan Yaakub bin Abdul Kadir,
WAKIL HIULU BESUT

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib,
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong,
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abdul Hadi bin Haji Awang,
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut,
WAKIL WAKAI MEMPELAM

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah,
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali,
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat,
WAKIL THIUK PASU

12 Mei 1998

**HADIR MENURUT FASAL XII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Baharuddin bin Ismail,

DPMT.,ASM.,PJG.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Encik Ab. Karim bin Abd. Rahman

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan & Mohd Naini bin Hashim),

DPMT.,ASM.,KMN.,PJG.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Osman bin Muda, PJK.

12 Mei 1998

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA DEWAN KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI MEMPERSIAKAN DULI YANG MAJIA MULIA TUANKU AL-SULTAN DAN DULI YANG MAJIA MULIA TENGKU AMPUAN BESAR BERANGKAT KE MAJLIS DEWAN UNDANGAN NEGERI, DIHRINGI OLEH DULI YANG TERAMAT MULIA YANG DI PERTUAN MUDA DAN YANG AMAT BERBAHAGIA CIK PUAN SERI ROZITA.

TITAH UCAPAN DI RAJA

Bismillahirahmanirrahim Wabihi Nastain.

Yang Berhormat
Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri

dan

Yang Berhormat
Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri

Beta bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia dan hidayahNya dapat Beta dan Tengku Ampuan hadir ke Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Yang Keempat Dewan Undangan Negeri Yang Kesembilan pada pagi ini.

Beta difahamkan Rancangan Malaysia Ketujuh telah sampai ke pertengahan jalan pada tahun 1998. Perancangan jangka panjang lima tahun dari 1996 hingga 2000 ini diharap dapat menyediakan asas-asas untuk negara melangkah ke abad dua puluh satu kelak. Pelarasan program-program pembangunan dari tahun ini akan memberi kesan secara langsung kepada aktiviti-aktiviti selepas tahun 2000. Oleh itu adalah penting kerajaan melihat kembali kepada prestasi program-program pembangunan sebelum ini untuk dijadikan teladan dan penunjuk bagi menyambung projek-projek pembangunan. Bagi Negeri Terengganu cabarannya adalah untuk melaksanakan program-program pembangunan supaya seiring dengan matlamat bagi membangunkan kerohanian rakyatnya di samping membina kemudahan asas sosial dan ekonomi. Dalam menuju matlamat ini, Wawasan 2020 negara dan Wawasan SIIAT negeri sudah memadai untuk membentuk sebuah masyarakat yang berilmu, berdaya saing dan bertaqwa di Negeri Terengganu Darul Iman. Justeru, Beta berharap program-program pembangunan

insaniyah akan terus diberi penumpuan oleh Kerajaan Negeri terutama kepada golongan muda sebagai asas membentuk akhlak yang mulia. Tindakan sebegini akan memastikan gejala sosial dapat diatasi dari peringkat awalan. Dengan mengambilkira semua faktor ini, matlamat untuk mewujudkan masyarakat bertamadun diharapkan akan menjadi kenyataan pada tahun 2010 ketak. Beta yakin semua Ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan serta rakyat sekalian sedar dengan cabaran ini dan dapat mengambil langkah-langkah yang bersepakut untuk menanganinya.

Tahun 1997 adalah tahun yang paling mencabar bagi negara kerana scenario ekonomi telah dikejutkan dengan kegawatan yang memberi kesan ketara kepada pertumbuhan ekonomi negara. Keadaan ini disebabkan oleh faktor-faktor luaran yang tidak dapat dikawal oleh negara. Seterusnya Kerajaan telah mengamalkan belanjawan berhemat dengan pengurangan peruntukan untuk sektor awam bagi menangani kemelut ekonomi ini. Langkah ini adalah tindakan yang wajar memandangkan keadaan ekonomi semasa di dalam negara. Walaupun demikian pelaksanaan program-program pembangunan di Negeri Terengganu pada tahun lepas telah berjalan dengan lancar. Dalam hal ini, Beta berpuas hati dengan program-program pembangunan yang telah mencapai matlamat tahun semasa dengan peningkatan mutu dan taraf hidup rakyat Terengganu. Pertumbuhan ekonomi Negeri Terengganu sebanyak 7.1 peratus adalah angka yang perlahan jika dibandingkan pada tahun-tahun sebelumnya. Tetapi angka ini seiring dengan kadar yang perlahan di peringkat negara pada tahun 1997. Kadar yang rendah ini adalah akibat dari kemelesetan ekonomi bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di negara-negara jiran. Walaupun begitu kadar ini masih lagi mencukupi untuk memacukan prestasi pembangunan di Negeri Terengganu.

Beta difahamkan prestasi pertumbuhan ekonomi negeri sentiasa stabil kerana sumbangan dari sektor perlombongan dan perkilangan. Keadaan ini dijangka berkekalan terutama dengan peningkatan projek-projek industri dan pengetuaan minyak dan gas di Terengganu. Pada tahun 1997, pertumbuhan sektor perlombongan meningkat kepada 5.3 peratus dari 2.3 peratus pada tahun 1996. Tetapi pertumbuhan sektor perkilangan merosot sedikit dengan kadar 14.8 peratus berbanding dengan 15.1 peratus di tahun 1996. Walaupun demikian kedua-dua sektor menyumbangkan 70.4 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar Terengganu. Bagi pelaburan langsung, Negeri Terengganu pada tahun lepas telah berjaya menarik sebanyak RM2.39 bilion pelaburan dengan perwujudan 1,720 peluang-peluang pekerjaan. Untuk memastikan kepesatian pertumbuhan ekonomi negeri, Beta yakin Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan-tindakan sewajarnya untuk menyokong perkembangan sektor perkilangan terutama dengan program-program galakan pelaburan langsung dan juga pertumbuhan dalam industri hilir sektor perlombongan. Dalam masa yang sama langkah-langkah pelengkap juga harus diambil bagi meningkatkan prestasi sektor perkhidmatan dan sektor pertanian. Dengan strategi-strategi yang lengkap dan sempurna dijangkakan pertumbuhan ekonomi negeri akan terus stabil walaupun pada kadar yang lebih perlahan.

Dari perspektif sektor pertanian pula, ianya perlu diberi penekanan kerana salah satu strategi menangani krisis ekonomi semasa ialah dengan mengurangkan import bahan makanan. Di samping itu, Negeri Terengganu bertanggungjawab untuk memberi penumpuan kepada sektor ini kerana mempunyai jumlah tenaga kerja yang ramai dan juga kawasan pertanian yang masih luas untuk dimajukan. Beta dimaklumkan Negeri Terengganu mengimport lebih kurang RM130 juta hasil-hasil pertanian dari luar. Antara hasil-hasil pertanian yang diimport ialah daging ayam dan

Icembu, sayur-sayuran, beras dan buah-buahan. Jika diperhatikan kebanyakan komoditi-komoditi ini dapat dikeluarkan dalam negeri. Justeru, projek-projek pertanian secara komersil haruslah ditingkatkan lagi. Pewujudan Taman Industri Tani di Setiu merupakan satu pendekatan yang sesuai ke arah peningkatan hasil-hasil pertanian negeri. Selain dari itu, gerakan besar-besaran untuk melibatkan semua lapisan masyarakat menanam bahan-bahan makanan seperti sayur-sayuran, buah-buahan perlu juga dilaksanakan bagi menambah hasil-hasil pertanian negeri. Pengenalan Program Terengganu Menuju Pertanian Maju adalah langkah yang tepat untuk mengatasi kekurangan bahan-bahan makanan di Terengganu.

Beta berpuashati dengan usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk menambah kawasan jelapang padi di daerah Besut dan Setiu supaya rakyat tidak perlu lagi membeli beras dari luar. Pada masa yang sama bidang ternakan dan perikanan perlu juga ditambah kadar pengeluarannya supaya menjadi pelengkap kepada sumber bahan makanan negeri. Dalam bidang ternakan, penekanan perlu diberi kepada bekalan daging kerana tahap sara dirinya adalah sebanyak 32 peratus sahaja. Oleh itu cara menternak di ladang-ladang kelapa sawit bolehlah diperbanyakkan lagi. Untuk bidang perikanan pula, tahap sara diri telah sampai kepada kadar 100 peratus tetapi masih ada ruang lagi untuk memantapkan bidang ini terutama dalam industri ternakan ikan air tawar. Semua program ini diharapkan dapat meningkatkan prestasi sektor pertanian Negeri Terengganu yang mempunyai 65,000 tenaga kerja dengan 20 peratus dari jumlah ini yang masih lagi berada dalam kancang kemiskinan. Beta yakin jika rakyat Negeri Terengganu memberi perhatian sewajarnya kepada sektor pertanian, matlamat pertumbuhan sektor ini pada kadar 4 peratus setahun akan menjadi kenyataan. Tambahan pula peningkatan ini akan mengurangkan lagi keluaran tukaran asing dalam sektor pertanian serta menambahkan lagi pendapatan nelayan, petani dan penternak Negeri Terengganu.

Sektor perkhidmatan harus juga diberi penekanan kerana selepas tahun 2000, sektor ini dijangka akan meningkat sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar. Oleh itu langkah-langkah awalan perlu dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi memajukan sektor ini. Industri pelancongan adalah teras sektor perkhidmatan di Terengganu. Pada tahun 1997, Kerajaan Negeri telah melaksanakan program Tahun Melawat Terengganu yang telah sedikit sebanyak berjaya memperkenalkan Negeri Terengganu kepada pelancong-pelancong tempatan dan luar negeri. Jumlah pelancong yang telah melawat Terengganu pada tahun lepas dianggarkan melebihi satu juta. Bagi meneruskan kedatangan pelancong ke Terengganu, Beta menyarankan supaya program-program penggalakan sektor pelancongan diberi penumpuan lagi. Tindakan ini sesuai dengan keadaan tukaran nilai ringgit yang rendah akan memastikan pertambahan kedatangan pelancong luar negeri ke Malaysia dan seterusnya ke Terengganu. Justeru, adalah wajar peluang-peluang ini diambil oleh usahawan-usahawan sektor ini bagi memantapkan industri pelancongan negeri. Dalam hubungan ini Beta berharap Projek Pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud akan diteruskan. Projek ini akan memastikan Terengganu menjadi destinasi penting pelancongan negera kerana dapat menguruskhan lebih ramai kedatangan pelancong tempatan dan luar. Dalam bidang perdagangan dan perniagaan, Kerajaan Negeri perlu terus menyokong program-program untuk mewujudkan golongan menengah Bumiputera di Terengganu. Walaupun dengan kemelut ekonomi, program sebegini masih boleh dilaksanakan dengan melihat kepada halangan dan rintangan semasa. Beta yakin Kerajaan Negeri melalui program-program keusahawanan akan dapat mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan

Perindustrian Bumiputera dengan lebih cepat. Beta berharap sumbangan sektor perkhidmatan bertambah dari kadar 17.2 peratus pada tahun lepas kepada 21 peratus pada tahun 2000.

Pada asasnya kesemua sektor dalam negeri perlu diperbaikat tetapi dengan mengambil kira keadaan dan cabaran semasa. Kecekapan untuk mengurus ekonomi pembangunan negeri menjadi lebih mencabar dan dalam masa yang sama lebih penting untuk mengejar negeri-negeri yang lebih maju di Pantai Barat. Dengan iltizam penggubai dasar, pelaksana dasar dan rakyat dari semua lapisan, kegawatan ekonomi semasa akan dapat dihadungi dan diatasi dalam jangkamasa yang singkat.

Dalam melaksanakan amalan belanjawan berhemat, Beta berharap projek-projek kemudahan sosial diteruskan kerana Negeri Terengganu masih memerlukan projek-projek sebegini. Pembinaan Lebihhraya Timur-Barat adalah satu projek yang harus dilaksanakan kerana ia hanya akan menggerak kemajuan di Pantai Timur dan Terengganu khususnya. Dengan lahan jalan darat ini, kepesatan pembangunan negeri dijangka akan berlipatganda. Di samping itu, projek-projek membina sekolah dan hospital, perlu juga diteruskan mengikut keperluan dan keadaan semasa. Beta difahamkan tahap perkhidmatan kesihatan di Negeri Terengganu telah meningkat tetapi masih bolch dipertingkatkan jika dibandingkan dengan negeri-negeri Pantai Barat. Kadar bilangan penduduk bagi setiap doktor adalah seramai 4,071 orang manakala purata Malaysia ialah 2,076 orang. Dari segi perkhidmatan pendidikan pula, Terengganu masih memerlukan pembinaan sekolah-sekolah baru bagi menampung pertambahan penduduk. Justeru, adalah penting keadaan ini diperbaiki demi kepentingan tahap kesihatan dan pendidikan rakyat negeri.

Salah satu tanggungjawab kerajaan ialah dalam menyediakan kemudahan untuk rakyatnya memiliki rumah kediaman terutama kepada golongan yang berpendapatan rendah. Beta percaya Kerajaan Negeri akan terus meningkatkan prestasi penyediaan rumah kos rendah dan sederhana kepada yang memerlukannya sehingga akhir 1997. Beta difahamkan sejumlah 8,670 unit telah dibina melalui projek-projek Perumahan Awam Kos rendah dan Skim pertapakan dan Kemudahan Asas. Beta berharap program ini diberi keutamaan dari setahun ke setahun untuk keselesaan hidup rakyat. Selain dari perumahan, peningkatan pendapatan golongan miskin perlu juga ditumpukan oleh Kerajaan Negeri. Beta dimaklumkan terdapat lebih kurang 4,000 keluarga termiskin pada masa kini di Terengganu. Dalam hal ini Beta mencadangkan gerakan bersepadu dilakukan untuk mengeluarkan keluarga-keluarga ini dari kancan kemiskinan. Dengan iltizam menyeluruh semua pihak, Beta yakin matlamat untuk mencapai kadar kemiskinan di paras 9.9 peratus pada tahun 2000 akan menjadi kenyataan.

Beta gembira dengan langkah-langkah Kerajaan Negeri dalam membangunkan sumber manusia di Terengganu. Walaupun bidang ini memerlukan peruntukan yang tinggi tetapi pelaburan melalui pewujudan tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran akan memberi pulangan yang besar di masa hadapan. Tindakan ini perlu untuk menyerap pelajar lepasan sekolah yang hampir 8,000 orang setahun. Beta puas hati dengan perancangan terperinci pembangunan sumber manusia yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan menyediakan peluang-peluang ini kepada generasi muda Negeri Terengganu. Dengan berbekalkan pengetahuan dan kemahiran, setiap pelajar yang keluar dari institusi-institusi ini akan berpeluang mendapat pekerjaan dengan pendapatan yang berpatutan. Pada tahun 1997, kadar pengangguran negeri adalah pada 3.4 peratus. Angka ini menunjukkan Terengganu telah mencapai tahap guna tenaga

12 Mei 1998

penuh. Dalam hubungan ini, Beta menasihatkan golongan muda supaya tidak memilih pekerjaan kerana setiap pekerjaan akan memberi pengalaman kepada seseorang di dalam kehidupannya. Selain dari itu, bidang pendidikan juga diberi penekanan setimpalnya oleh Kerajaan. Sekolah-sekolah rendah dan menengah di Terengganu sentiasa mencipta kejayaan berasaskan keputusan cemerlang dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah, Penilaian Menengah Rendah, Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. Beta berharap bidang pendidikan dan pembangunan manusia akan sentiasa menjadi tumpuan utama teras pembangunan negeri selaras dengan wawasan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan golongan belia dan beliawanis yang berakhlak, berpengetahuan dan berkemahiran.

Dalam mengurus ekonomi pembangunan termasuk penyediaan kemudahan awam, tanggungjawab kakitangan kerajaan adalah antara perkara yang terpenting. Beta ingin setiap kakitangan Kerajaan Negeri dan Persekutuan memberi tumpuan dan perhatian yang sewajarnya kepada kehendak rakyat. Perkhidmatan yang bersih, cekap, amanah, tepat dan adil merupakan unsur-unsur utama yang akan meningkatkan prestasi sektor awam di Terengganu. Selain dari itu pendekatan-pendekatan baru perlulah juga diperkenalkan dari semasa ke semasa bagi menangani masalah-masalah yang baru. Dalam hal ini Beta berharap program Terengganu Net akan menyokong Koridor Raya Multimedia dan seterusnya memantapkan lagi pentadbiran awam negeri. Beta difahamkan Kerajaan Negeri sedang menyediakan Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Maklumat Terengganu sebagai langkah penyelesaian semua program dan projek pemantapan kerajaan elektronik dan perdagangan elektronik di Terengganu. Pelan Tindakan ini akan memastikan penggunaan teknologi maklumat dapat dimanfaatkan oleh semua pihak di Terengganu. Usaha-usaha ke arah ini bukan sahaja bagi menangani masalah semasa tetapi dalam jangka panjang ianya adalah untuk kepentingan agama, bangsa, negeri dan negara. Dengan jumlah penjawat awam seramai hampir 35,000 orang telah memadai untuk memberi perkhidmatan berkesan kepada lebih kurang satu juta penduduk Negeri Terengganu. Oleh itu setiap kakitangan kerajaan haruslah peka dan sedar dengan tanggungjawab masing-masing supaya semua program dan projek kerajaan dapat dilaksanakan dengan sempurna di samping memenuhi keperluan rakyat. Beta yakin jika kakitangan Kerajaan Negeri dan Persekutuan mengambil sikap cakna dan hormat kepada rakyat, setiap masalah akan dapat ditangani bersama dengan cemerlang.

Akhir kata, Beta berdoa kepada Allah agar sentiasa memberi rahmat kepada rakyat dan Kerajaan Beta, semoga usaha-usaha murni ini akan dapat keredaanNya dan beroleh kejayaan jua.

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang, Beta Merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Keempat Dewan Undangan Negeri Kesembilan.

Selamat Bersidang.

DULI YANG MAHA MULIA TUANKU AL SULTAN DAN DULI YANG MAHA
MULIA TENGKU AMPUAN BESAR DIHRINGI OLEH DULI YANG TERAMAT
MULIA YANG DI PERTUAN MUDA DAN YANG AMAT BERBAHAGIA CIK
PUAN SERI ROZITA BERANGKAT DARI MAJLIS DEWAN UNDANGAN
NEGERI.

12 Mei 1998

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA MASUK SEMULA KE DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Datu' Seri Amar Di Raja, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan ini sehingga hari esok, 13 Mei, 1998 jam 9.30 pagi.

Persidangan Dewan ditangguhkan.

DEWAN DIANGGUHKAN PADA PUKUL 10.55 PAGI.

P E R S I D A N G A N

PADA HARI RABU, 13 MEI, 1998

Hari Rabu
13 Mei 1998

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 11]
2. Ucapan Yang Berhormat Yang Dipertua [Muka 15]
3. Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan [Muka 16]
4. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:
 - Soalan-soalan Bertulis [Muka 17]
 - Soalan-soalan Lisan [Muka 18]
5. Usul Yang Telah Diberi Notis [Muka 38]

*Usul Menjunjung Kasih Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Sultan*

[BERSAMBUNG]

13 Mei 1998

**DEWAN UNDANGAN NEGERI MULA BERSIDANG PADA PUKUL 9.30
PAGI**

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd,
DPMT.,ASM.,PJK.,BLB.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Amar Di Raja (Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad),
SSMT.,PSM.,SPMT.,DA.,DPMJ.,KMN.,JP.,PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,
SPMT.,DSMT.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Dr. Mohd Yusof bin Haji Mohd Noor,
SPMT.,DSSA.,JMN.,PPT.,KMN.
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Dato' Haji Mamat Ghazalec bin Abdul Rahman,
DSMT.,DPMT.,KMN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Mulia Engku Bijaya Sura (Dato' Syed Omar bin Muhamad),
DSMT.,DPMT.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dato' Haji Aziz @ Ibrahim bin Awang,
DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL SURA

Yang Berhormat Encik Ahmad bin Said, ASM..PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang,
WAKIL TELEMONG

13 Mei 1998

Yang Berhormat Dato' Dr. Abdul Latiff bin Awang,
DPMI.,KMN.,PKT.,PJK.
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Encik Wong Loon Meng,
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Encik Othman bin Daud, PJC.
WAKIL AJI

Yang Berhormat Dato' Haji Wan Zakaria bin Abdul Rahman,
DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,PPN.
WAKIL KUALA BI-SUT

Yang Berhormat Dato' Haji Muda bin Mamat,
DPMI.,PJK.,PPN.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Dr. Abdul Wahab bin Ngah, SMT.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Haji Harun bin Hassan,
AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad i/o Abu Bakar bin Ali,
DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KIP-MASIK

Yang Berhormat Haji Awang bin Abdul Jabar,
ASM.,SMT.,AMN.,PJK.
WAKIL BUKIT JFSI

Yang Berhormat Haji Idris bin Mamat, PJK.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Encik Mohd Jidin bin Shafee,
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Abu Bakar,
WAKIL BUKIT TUNGGAI.

Yang Berhormat Haji Shafie bin Daud, PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

13 Mei 1998

Yang Berhormat Encik Lukman bin Muda, PJK,
WAKIL JABI

Yang Berhormat Haji Ibrahim bin Yusof,
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Tuan Yaakub bin Abdul Kadir,
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib,
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong,
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abdul Hadi bin Haji Awang,
WAKIL RIU RENDANG

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut,
WAKIL WAKAF MEMPHAM

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah,
WAKIL TEPOII

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali,
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat,
WAKIL TELUK PASU

13 Mei 1998

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNTANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Baharuddin bin Ismail,
DPMT.,ASM.,PJCI.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNTANG-UNDANG NEGERI

Encik Ab. Karim bin Abd. Rahman

YANG BERHORMAT PEMGAWAI KIWANGAN NEGERI

Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan @ Mohd Naizi bin Hashim),
DPMT.,ASM.,KMN.,PJCI.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNTANGAN NEGERI

Encik Osman bin Muda, PJK.


13 Mei 1998

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula.

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amar Di Raja, Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad, Menteri Besar,
Ahli-ahli Yang Berhormat,
Tuan-tuan, puan-puan, hadirin-hadirat yang dihormati sekalian.

Bersyukur kita kehadrat Allah s.w.t. dimana dengan taufik dan inayahNya maka dapat diadakan sidang Dewan kali ini yang telah selamat dirasmikan pembukaannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan. Dan sama-sama kita doakan semoga persidangan kali ini akan berjalan dengan lancar dan membawakan hasil-hasil yang baik.

Saya seperti dalam mesyuarat-mesyuarat yang lepas mengharapkan mesyuarat kita pada kali ini akan sentiasa berada dalam keadaan tenang, harmoni hingga selesai besok, insya Allah. Insya Allah, pada hari ini akan saya peruntukkan bagi Ahli-ahli Dewan, Ahli-ahli Yang Berhormat membuat ucapan membahas Titah Di Raja dan jawapan insya Allah, akan dibuat oleh pihak kerajaan besok.

Memandangkan kepada masa agak terhad, maka sukalah saya ingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat agar dapat menggunakan masa dengan baik supaya peluang yang diberi dapat dimanfaatkan bersama-sama oleh Ahli-ahli Dewan sekalian.

Selain daripada itu, diharap juga Ahli-ahli Yang Berhormat akan sentiasa patuh kepada peraturan Dewan, insya Allah dengan cara demikian maka harapan ke arah mencari kebaikan akan tercapai.

Sekian, terima kasih - Selamat Bersidang. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

13 Mei 1998

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPIRINTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

1. Penyata Kira-Kira Tahunan Majlis Daerah Kemaman Bagi Tahun 1996.

(D.U.N. Bil. 1/98)

2. Penyata Kira-Kira Tahunan Majlis Daerah Hulu Terengganu Bagi Tahun 1996.

(D.U.N. Bil. 2/98)

3. Laporan Tahunan Kelej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) Bagi Tahun 1995.

(D.U.N. Bil. 3/98)

4. Laporan Tahunan Kelej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) Bagi Tahun 1996.

(D.U.N. Bil. 4/98)

5. Penyata Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu Bagi Tahun 1997.

(D.U.N. Bil. 5/98)

6. Penyata Kira-Kira Tahunan Majlis Daerah Setiu Bagi Tahun 1996.

(D.U.N. Bil. 6/98)

13 Mei 1998

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jawapan-jawapan kepada soalan-soalan bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-solalan daripada:

1. Y.B. Tuan Yaakub bin Abdul Kadir
(Wakil Hulu Besut)
2. Y.B. Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong
(Wakil Batu Buruk)
3. Y.B. Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
(Wakil Rhu Rendang)
4. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut
(Wakil Wakaf Mempelam)
5. Y.B. Haji Abu Bakar bin Abdullah
(Wakil Tepoh)
6. Y.B. Encik Yahaya bin Ali
(Wakil Alur Limbat)
7. Y.B. Haji Ismail bin Haji Mamat
(Wakil Teluk Pasu)
8. Y.B. Haji Harun bin Hassan
(Wakil Air Putih)

13 Mei 1998

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya jemput penyayoi pertama iaitu Yang Berhormat Wakil Hulu Besut untuk mengeluarkan soalan.

YANG BERHORMAT TUAN YAAKUB BIN ABDUL KADIR (Wakil Hulu Besut): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

Berapa nombor golongan-golongan cacat dan kurang upaya di seluruh Negeri Terengganu mengikut pecahan daerah-daerah?

Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan dalam usaha membantu golongan-golongan tersebut.

YANG BERHORMAT MULIA ENGKU BIJAYA SURA (Wakil Paku): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wakil Hulu Besut - orang-orang yang kurang upaya, golongan cacat di seluruh Negeri Terengganu adalah bagaimana berikut mengikut pecahan:

Daerah Kuala Terengganu seramai	-	1,140 orang
Daerah Marang	-	445 orang
Daerah Hulu Terengganu	-	607 orang
Daerah Dungun	-	523 orang
Daerah Kemaman	-	468 orang
Daerah Setiu	-	474 orang
Daerah Besut	-	704 orang

JUMLAH: 5,367 orang

.....

yang merupakan lebih kurang 58% daripada jumlah keseluruhan penduduk Negeri Terengganu.

Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam usaha membantu golongan tersebut ialah:

- Pendalaman orang-orang kurang upaya.
- Latihan vokasional.
- Kemasukan ke Institusi Pemulihian.
- Program Perisianan Dalam Komuniti.
- Bantuan kewangan dan alat tiraun.

13 Mei 1998

- Bantuan pelancaran.
- Penempatan kerja.
- Ilaun Pekerja Cacat.
- Kemasukan ke Institusi Pendidikan.
- Perkampungan Taman Rahmat.

Sekian, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT TUAN YAAKUB BIN ABD. KADIR (Wakil Hulu Besut): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Soalan yang kedua -

Apakah usaha-usaha yang sedang dilakukan oleh kerajaan negeri bagi memastikan seluruh rakyat Terengganu mempunyai pengetahuan sewajarnya bagi menjayakan projek "Koridor Raya Multimedia" (MSC)?.

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payung): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli ahli Yang Berhormat sekalian, dalam menjawab soalan yang kedua yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Hulu Besut mengenai usaha-usaha yang sedang dilakukan oleh kerajaan negeri bagi memastikan seluruh rakyat Terengganu mempunyai pengetahuan sewajarnya bagi menjayakan projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Di dalam menjawab soalan ini, sukcita dimaklumkan bahawa pelbagai usaha sedang dijalankan oleh kerajaan negeri Terengganu dalam meningkatkan lagi pengetahuan dan kesedaran rakyat negeri amnya tentang mustahaknya IT dan persediaan pelaksanaan MSC di Kuala Lumpur. Bagi melahirkan masyarakat yang berilmu dan bermaklumat serta berdaya saing, usaha-usaha berikut telah dan sedang kita laksanakan -

Pertama, hampir kesemuanya sekali jabatan kerajaan telahpun mempunyai sistem rangkaian sistem aplikasi tersendiri seperti Pejabat SUK, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Aktauntan Negeri, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri, Pejabat Tanah dan Galian, Majlis Perbandaran Kuala Terengganu dan jugak Majlis-Majlis Daerah dan sekolah-sekolah menengah. Di samping itu, Kurikulum IT, Kelab-kelab Komputer dan Hypermedia telahpun kita wujudkan sebagai persediaan awal kepada pelajar-pelajar mengenali dan menggunakan teknologi maklumat di dalam pembelajaran mereka.

Kita juga telahpun mengadakan kursus-kursus IT pada tahun 1989 lagi di Unit Pengurusan Maklumat Negeri dan sehingga kini telahpun 4,000 lebih telah dilatih dalam bidang IT. Sekarang ini pakej-pakej latihan sedang dikendalikan oleh pihak UPMN.

Di samping itu, kita juga telah mengadakan pendedahan dan pengetahuan IT melalui persidangan, konvensyen, seminar dan jugak festival yang telah kita laksanakan baru-baru ini seperti Festival Sains dan Teknologi, Pameran Pengajian Tinggi dan Ekspos Kerjaya. Kita juga sedang membangun, yang dinamakan Rangkaian Terengganu Net di Negeri Terengganu dan

13 Mei 1998

insya Allah, ini merangkumi hubungan di antara kerajaan dengan kerajaan, kerajaan dengan rakyat dan juga kerajaan dengan swasta. Dalam pembinaan Terengganu Net ini ia merangkumi pembinaan infrastruktur yakni Rangkaian Intra Net dalaman di antara negeri dan Internet antara negeri dengan Persekutuan dan juga dunia luar. Ini insya Allah akan dapat disiap menjelang akhir tahun 1999.

Di samping itu, kerajaan negeri juga telah menubuhkan Majlis Informasi Teknologi Negeri selaras dengan peringkat Persekutuan yang telah menubuhkan Majlis Informasi Negara. Majlis ini berfungsi untuk merancang, mengesan dan membuat polisi-polisi IT negeri sehingga tahun 2010, insya Allah.

Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Apakah inisiatif yang dapat diberi oleh kerajaan negeri di dalam menangani perkara-perkara negatif yang terlalu banyak daripada teknologi maklumat yang disalah gunakan ketika ini, dan ianya berlaku di kalangan masyarakat dengan cara yang ketara

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payung): Terima kasih, soalan daripada Wakil Rhu Rendang.

Dato' Yang Dipertua, apabila kita bercakap tentang IT dan juga penerima maklumat. Maklumat datang tidak tertapis, datang melalui wire, melalui kabel optik ataupun kabel tembaga dan maklumat ini bukannya saja datang daripada dalam negeri tetapi juga luar negeri. Jadi, terserahlah kepada pengguna untuk menapis, mengambil yang baik dan membuang yang tidak baik. Tidak kesemua sekali maklumat yang diterima tidak baik, malah amat berguna kepada pembangunan diri, sahsiah dan juga negara. Tapi di sini harus sedar bahawasanya maklumat ini perlu kita kaji, perlu kita ambil yang baik sesuai untuk generasi kita. Jadi, kita laharn bukan saja melalui IT, tapi melalui TV, radio, surat khabar juga ada yang negatif. Terserah kepada pembaca dan pengguna untuk menilai dan menapis mengambil yang baik dan membuang yang tidak baik, insya Allah.

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN ABDUL JABAR (Wakil Bukit Besi): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Adakah kerajaan bercadang atau apakah langkah-langkah kerajaan dalam memperbaikan budaya multimedia ini di kalangan badan-badan sukarela seperti Persatuan-persatuan Belia, Persatuan Nelayan, Pekebun Kecil dan sebagainya. Sebab apa yang diterangkan oleh pihak kerajaan baru sekejap, multimedia ini hanya meluas di kalangan pegawai-pegawai kerajaan dan ke atas sikit.

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payung): Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil Bukit Besi. Tadi saya maklum bahawa Terengganu telahpun menubuhkan Pusat-pusat Hypermedia ke semua daerah dalam Negeri Terengganu. Dan pusat-pusat ini bukan hanya berfungsi untuk sekolah-sekolah, guru-guru tetapi juga untuk golongan belia melalui Persatuan Belia mereka boleh berhubungan dengan pusat-pusat kita di daerah-daerah untuk menggunakan. Dan Alhamdulillah, setakat ini kita telah dimaklumkan bahawa penggunaan oleh belia cukup membanggakan.

13 Mei 1998

Di samping Pusat Hypermedia yang kita ada, kita juga melalui JKKK, NGO berusaha untuk menubuhkan kelab-kelab di kampung masing-masing. Dengan kita memberi kepakaran, kaedah mengguna dan jugak mengambil kursus-kursus pakej IT. Misalnya, sebagai contoh di kampung-kampung bawah JKKK boleh buat kelab IT, kita akan menolong dari segi *set-up*, mclihati perjalannya supaya sesuai dengan IT yang kita bangun di peringkat negeri, insya Allah.

YANG BERHORMAT TUAN YAAKUB BIN ABD. KADIR (Wakil Hulu Besut): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Soalan ketiga -

Masih ramai lagi golongan masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman yang dikategori sebagai kawasan Hulu tidak dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas seperti perkhidmatan telefon, siaran televisyen dan bekalan air bersih dari kerajaan. Apakah tindakan segera yang patut diambil oleh pihak kerajaan supaya kemudahan-kemudahan tersebut dapat dinikmati oleh masyarakat yang tinggal di kawasan Hulu seperti Hulu Besut?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada ADUN Hulu Besut yang ingin penjelasan apakah program kerajaan untuk membekalkan kemudahan-kemudahan asas bagi kawasan hulu khususnya di Hulu Besut.

Dato' Yang Dipertua. Ahli-ahli yang Berhormat, sebenarnya penduduk kawasan hulu sudahpun menikmati pelbagai kemudahan asas tetapi ada setengah-setengah kawasan yang belum begitu selesa ataupun begitu sempurna menerima kemudahan-kemudahan ini. Menyedari hal ini, tindakan segera yang telah diambil oleh kerajaan untuk membolehkan penduduk di pedalaman ini khususnya di Hulu Besut menikmati dengan lebih baik dan sempurna kemudahan-kemudahan telefon, sistem televisyen dan bekalan air bersih adalah seperti berikut:

Kemudahan Telefon: Kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa langkah segera untuk memberikan kemudahan telefon kepada penduduk Hulu Besut di antaranya dengan pemasangan projek Skim Kabel Kabinet yang telah dan siap di pasang di Jertih, dengan perkhidmatan telefon boleh dibekalkan pada bila-bila masa kepada penduduk-penduduk terutamanya di Kampung Lubuk Kawah.

Pada masa ini juga kerja-kerja penambahan skim kabel di Kampung Padang Bual, Kampung Batu 13 dan Kampung Bukit Payung sedang dilaksanakan. Kerja-kerja ini dijangkakan siap pada bulan September 1998 ini. Apabila kerja-kerja ini siap, penduduk di kampung tersebut akan ditawarkan kemudahan perkhidmatan telefon.

Skim kabel juga akan dibina di Kampung Tanjung Aler dan Kampung Awek, Darau dan dijangka siap pada akhir tahun ini. Kebanyakan kampung di sekitar Ibusawat Tenang telah diberikan kemudahan telefon.

Kedua Kemudahan Sistem Televisyen: Tindakan segera juga diambil bagi memastikan penduduk

13 Mei 1998

di kawasan Hulu Besut menikmati dengan sempurna siaran televisyen dengan kerajaan akan membina stesen Pemancar Televisyen dan Radio di Hulu Besut. Untuk tujuan ini satu tinjauan dan lawatan tapak telahpun diadakan oleh pihak Jurutera RTM Kajang Selangor pada 15 April 1998 baru-baru ini untuk membuat kajian mengenai lokasi yang sesuai bagi penerusan gelombang televisyen dan radio.

Setelah dibuat tinjauan dan lawatan ke berapa lokasi, terdapat dua (2) tapak yang sesuai didirikan stesen pemancar televisyen dan radio iaitu di Bukit Mak Sabit, Mukim Pasir Aker dan di kawasan Batai Serbaguna Keruak.

Pihak RTM juga akan mengemukakan permohonan rasmi bagi menyegerakan kedua-dua tapak ini kepada Pentadbir Tanah Besut.

Yang Ketiga Kemudahan Bekalan Air Bersih: Laluan paip air utama ke Hulu Besut khususnya di Kampung Keruak telah disediakan melalui jalan utama Jertih Hulu Besut. Walau bagaimanapun pemasangan paip-paip jejari melalui jalan-jalan kecil ke kampung-kampung bergantung kepada maklumat dan permohonan yang diterima oleh Jabatan Bekalan Air. Pemasangan kemudahan ini dilaksanakan di bawah program Bekalan Air Luar Bandar yang disediakan peruntukan dalam setiap Rancangan Malaysia.

Pemasangan kemudahan bekalan air bersih oleh Jabatan Bekalan Air sentiasa diadakan dari semasa ke semasa bergantung kepada permohonan dan peruntukan yang disediakan.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT TUAN YAAKUB BIN ABD. KADIR (Wakil Hulu Besut): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dipersilakan Yang Berhormat Haji Roslan Awang Chik, Wakil Ladang mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN AWANG CHIK (Wakil Ladang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sealan kedua -

Kerajaan Negeri Terengganu telah meluluskan beberapa bidang tanah kepada YPK, apakah perancangan pembangunan terhadap tanah-tanah ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAIH (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jawapan kepada soalan itu ialah perancangan pembangunan terhadap tanah-tanah yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri kepada YPK ialah seperti berikut:

6 daripada tapak tanah yang diluluskan adalah untuk aktiviti TASKA dimana 3

13 Mei 1998

daripadanya telah siap dibina dan telah beroperasi. Manakala tiga lagi tapak sedang dalam proses mendirikan bangunan TASKA.

- Satu daripadanya adalah untuk aktiviti Taman Bimbingan Lepasan Sekolah (TABILAS) yang telah siap didirikan bangunan dan telahpun beroperasi.
- Dua daripadanya adalah untuk aktiviti Pusat Keluarga dimana kedua-duanya telah siap didirikan bangunan Pusat Keluarga dan telahpun diguna.
- Satu daripadanya adalah untuk aktiviti Desa Keluarga yang kini telah siap juga didirikan dan akan mula beroperasi pada pertengahan tahun ini.

Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN AWANG CHIK (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, soalan ketiga -

Apakah peranan Planetarium di Padang Hiliran dan adakah ianya berfungsi.

YANG BERHORMAT ENCIK OTHMAN BIN DAUD (Wakil Ajil): Bismillahi rahmani rahhim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, seterusnya Ketua-Ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Peranan yang dimainkan oleh Planetarium di Padang Hiliran ialah sebagai Pusat Pendidikan Astronomi dan juga Pelancongan yang berasaskan kepada keupayaan peralatan yang tersedia dan juga bagi memberi manfaat kepada pelajar-pelajar dari seluruh Negeri Terengganu dan luar Terengganu. Dan sehingga kini jumlah pengunjung-pengunjung terutamanya pelajar-pelajar ke Planetarium Negeri adalah seramai 72,865 orang. Dan setelah ianya beroperasi selama satu tahun setengah, kita dapat melihat bahawa sambutan di kalangan pelajar-pelajar dan pelawat-pelawat lain amnya adalah begitu menggalakkan terutamanya dari Negeri Terengganu sendiri. Pihak pengurusan akan mengadakan tayangan skrip baru Astronomi Islam dijangka bermula pada bulan Jun 1998 ini dan kita berharap dengan tayangan baru ini dia akan menambah lebih ramai lagi pengunjung-pengunjung ke Planetarium ini. Di samping itu juga sebuah Gelari Sains dijangka akan dibuka pada bulan Jun ini juga dan diharap dapat meningkatkan kehadiran pelawat-pelawat dan seterusnya menambah pelancong-pelancong dan pengunjung luar ke Terengganu.

Yang kedua ialah peranan Kompleks Planetarium itu sendiri iaitu ia menempatkan sebuah jabatan agensi kerajaan - Yayasan Pembangunan Ushawan yang merupakan agensi terpenting kerajaan Negeri Terengganu bagi membantu melahirkan usahawan dan membangunkan usahawan. Kompleks Planetarium ini juga dijadikan sebagai tempat bagi mewujudkan gerai-gerai dan ruang-ruang pameran bagi produk-produk usahawan tempatan. Di samping itu juga pihak YPU yang mengurus kompleks ini telah berjaya memfasilitas kemudahan-kemudahan yang ada bagi menganjurkan berbagai-bagai kursus keusahawanan dengan kerjasama berbagai-

13 Mei 1998

bagai pihak seperti MIDA, SIRIM, Pusat Khidmat Kontraktor dan lain-lain agensi dari masa ke masa dan sehingga kini seramai 2,100 orang telah hadir dari kursus yang kita anjurkan tadi.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN AWANG CHIK (Wakil Ladang): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Kalau kita lihat daripada tapak Planetarium ini nampak kanvas-kanvas jalur biru putih. Macam mana perkara ini, kalau dikata kompleks Planetarium ni dia menyakitkan mata sikit. Tidakkah boleh tanya dialih atupun memang gerai-gerai kanvas tu dijadikan sebagai bahan pameran.

YANG BERHOKMAT ENCIK OTTİMAN BIN DAUD (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita mengadakan gerai-gerai sementara yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat yang beratapkan biru putih dan iaitu sebenarnya telah memberi manfaat yang besar dalam usaha kerajaan untuk menyediakan ruang-ruang niaga kepada usahawan-usahawan tempatan. Dan kita memang mempunyai rancangan jangka panjang untuk mengadakan dan melengkapkan kompleks ini dengan lebih sempurna dan baik bila keadaan ekonomi negeri kita dan negara ini mengizinkan, insya Allah.

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN ABDUL JABAR (Wakil Bukit Besi): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Bolchah Yang Berhormat terangkan hubungan subjek Planetarium dan subject-subject yang ada di dalamnya dengan usahawan-usahawan yang ada gerai-gerai di luar.

YANG BERHORMAT ENCIK OTTİMAN BIN DAUD (Wakil Ajil): Terima kasih, Yang Berhormat Yang Dipertua, ini soalan yang saya rasa perlu diberi perhatian yang lebih besar dan memang menjadi agenda utama kerajaan negeri menubuhkan Yayasan Pembangunan Usahawan malah Terengganu merupakan negeri yang pertama dalam Malaysia menubuhkan satu agensi khas bagi membangunkan usahawan ini. Dan sehingga kini, saya difahamkan belum ada lagi negeri lain yang berbuat demikian dan kita mendapat pujian dalam mesyuarat-mesyuarat peringkat Persekutuan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan yang mana kesungguhan kerajaan Negeri Terengganu khususnya membangunkan usahawan-usahawan ini telah pun menampakkan kejayaan. Dan apa yang kita pentingkan di sini dalam pembangunan usahawan ini, dia meliputi berbagai-bagai aspek yang pertama sekali ialah pembangunan dari segi infrastruktur iaitu menyediakan kemudahan-kemudahan tempat niaga, ruang niaga kepada usahawan-usahawan. Yang kedua ialah bagi menyediakan modal yang merupakan juga satu perkara yang dititik beratkan oleh kerajaan Negeri Terengganu yang mana kita baru-baru ni telah pun melancarkan Tabung Pembangunan Usahawan. Dan yang ketiga, yang kita buat setiap masa, setiap minggu, setiap bulan melalui Yayasan Pembangunan Usahawan ialah mengadakan kursus-kursus bagi memberi ilmu dalam bidang pengurusan kewangan, pengurusan permasukan, pentadbiran dan keseluruhannya bagaimana memahami *business unit* yang kita lahirkan tadi supaya usahawan-usahawan kita iaitu usahawan-usahawan yang betul-betul kemandirian.

Terima kasih.

13 Mei 1998

YANG BERHORMAT HAJI AWANG BIN ABDUL JABAR (Wakil Bukit Besi): Dato' Yang Dipertua, tak berapa jejak mana. Saya nak mintak Yang Berhormat terangkan, hubungan sub-Planaterium apa-apa yang ada di dalam, ilmu-ilmu hak yang ditunjukkan dalam bintang apa semua sekali tu dengan pembangunan usahawan, dengan Yayasan Usahawan. Bukan nak cerita pasal gerai, pasal itu.

YANG BERHORMAT ENCIK OTHMAN BIN DAUD (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Planetarium itu sendiri macam saya terangkan tadi untuk menyediakan pelajar-pelajar yang melawat ke sana dan juga orang awam bagaimana pelajaran Astronomi ni yang satu ketika dulu kita pelopori kita nak kembalikan minat di kalangan pelajar-pelajar supaya dengan itu nanti akan timbul pula kesungguhan. Dan minat ini kita harap akan dapat didalami supaya pelajar-pelajar ini akan meneruskan lagi dalam bidang Astronomi. Dan kalau dikaitkan kenapa pulak Yayasan Pembangunan Usahawan diletak dekat Planetarium, saya rasa persoalan ini berbagai-bagai perspektif boleh kita lihat oleh kerana kita dah ada kompleks yang begitu cantik di samping kita guna dia untuk Planetarium kita juga gunakan untuk menempatkan agensi kerajaan ini kerana kita kekurangan ruang ni. Satu langkah yang cukup bijak yang kerajaan buat di samping kita menyewa bangunan-banguaan yang lain atau membina bangunan yang lain kenapa tidak manfaatkan Kompleks Planetarium ni di samping kita mengadakan Planetarium. Saya harap ADUN Bukit Besi, sahumlah - kalau nak jelas panjang boleh panjang lagi.

Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN AWANG CHIK (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasih atas penerangan yang telah diberi itu dan mungkin usahawan-usahawan nanti akan pergi ke angkasa lepas. Dengan adanya Planetarium di situ, dengan adanya YB di situ, akan membawa usahawan-usahawan kita ke angkasa lepas di satu masa yang akan datang. Soalan tambahan - Adakah alat-alat di Planetarium itu berfungsi ke tidak?

YANG BERHORMAT ENCIK OTHMAN BIN DAUD (Wakil Ajil): Setakat ini, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, alat-alat tadi berfungsi sesuai dengan kehendak semasa kita dan keupayaan kita. Dan kita memang akan merancang sebagaimana telah saya katakan tadi dengan adanya tayangan baru nanti dan dari masa ke masa kita akan tambah kemudahan-kemudahan lain, maklumat-maklumat lain bagi faedah umum dan bagi faedah pelajar-pelajar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN AWANG CHIK (Wakil Ladang): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Yang Berhormat Haji Ibrahim Yusof, Wakil Kuala Berang mengemukakan soalan.

13 Mei 1998

YANG BERHORMAT HAJI IBRAHIM BIN YUSOF (Wakil Kuala Berang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan pertama saya telah ditolak, saya pergi kepada soalan nombor dua, Dato' Yang Dipertua.

Sejauh manakah pembinaan Rumah Awam Kos Rendah di negeri ini dapat menampung keperluan sebenar rakyat yang memerlukannya?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, menurut kajian yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak 15,680 unit rumah kos rendah dijangka diperlukan di Negeri Terengganu. Setakat ini pembinaan rumah kos rendah belum mampu menampung keperluan sebenar rakyat yang memerlukannya. Namun demikian, kerajaan negeri sedang berusaha untuk memenuhi permintaan terhadap perumahan kos rendah ini melalui program:

Yang pertama penubuhan Konsortium Perumahan Negeri - Konsortium ini diharapkan dapat membekalkan 10,000 unit rumah kos rendah dalam masa lima tahun pertama.

Menggalakkan pembinaan perumahan secara penswastaan oleh pemaju-pemaju swasta di atas tanah kerajaan serta membantu agensi-agensi kerajaan dan badan berkanun seperti UDA, PMINT, KETINGGAH dan lain-lain melaksanakan projek perumahan kos rendah.

Membantu pemaju swasta melaksanakan projek perumahan di atas tanah milik perseorangan,

serta menujuhkan Sistem Pendaftaran Terbuka bagi mendaftar semua permohonan perumahan bagi rumah kos rendah di Negeri Terengganu untuk mendapatkan jumlah sebenar mereka yang memerlukannya.

Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Assalamualaikum, soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Berdasarkan kepada kemajuan perumahan kos rendah yang telah dilaksanakan setakat ini, umpamanya kita ambil yang terakhir pada tahun lepas - Berapakah jumlah yang berjaya dimajukan oleh pihak kerajaan dan berapakah jumlah yang telah dilaksanakan oleh pihak pemaju swasta dari sudut perbandingan.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sehingga tahun lepas pembinaan rumah kos rendah Negeri Terengganu yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan ialah sebanyak 8,900 unit. Manakala pembinaan yang dilaksanakan oleh pihak swasta, saya perlukan notis Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

13 Mei 1998

YANG BERHORMAT HAJI IBRAHIM BIN YUSOF (Wakil Kuala Berang): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib Embong, Wakil Batu Buruk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

Adakah Kerajaan Negeri bercadang melaksanakan dan mentadbir undang-undang jenayah Islam (Islamic Criminal Law) dan bila?

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOFF BIN HAJI MOHD NOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ya, kerajaan memang berhasrat untuk melaksanakan undang-undang jenayah Islam sebaik sahaja selesai urusan-urusan yang berkaitan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, saya mintak yang akhir tu saya kurang dengar.

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOFF BIN HAJI MOHD NOR (Wakil Kampung Raja): Sebaik sahaja selesai urusan yang berkaitan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Penjelasan, Dato' Yang Dipertua. Urusan yang berkaitan tu, urusan apa?

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOFF BIN HAJI MOHD NOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, soalan itu sebenarnya boleh ditolak kerana bertanyakan perkara yang diketahui umum. Kalau kita nak meluluskan satu undang-undang, tentulah kalau seorang itu menjadi *lawyer* misalnya tentu dia dah tahu dah, buat apa dia tanya.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, saya minta penjelasan dan jawapan yang lebih tepat daripada Yang Berhormat Exco - Apakah yang menghalang ataupun yang melambatkan usaha ini?

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOFF BIN HAJI MOHD NOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, saya tidak menyebutkan bahawa urusan kita terlambat tapi saya menyebutkan bahawa urusan ini sedang dibuat. Hukuman sama ada lambat ataupun tidak adalah subjektif. Biarlah kita serahkan kepada pakar-pakar kerana yang kita lantik ialah pakar-pakar, kalau lambat tentulah pakar yang harus terangkan tapi hasrat kerajaan ialah untuk menyegerakan.

13 Mei 1998

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTUALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Soalan pakar tidak timbul, soalnya pembuat dasar. Sekarang ini soalan saya, saya tanya soal dasar *technical you can over come*, dengan izin. Tapi soal dasarnya dan kalau nak gubal satu malam pun boleh. Saya tanya ni dasar kita.

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOFF BIN HAJI MOHD NOR (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya dah jawab dasar, dasarnya kerajaan bercadang nak buat.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Bilakah dijangka urusan yang berkaitan selesai?

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOFF BIN HAJI MOHD NOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, bila urusan siap.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan - Adakah pihak kerajaan sudah berpuas hati dengan undang-undang jenayah yang diamalkan sekarang dapat menangani masalah-masalah yang wujud di dalam masyarakat?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, barangkali kita harus kepada soalan. Soalan menyebut adakah kerajaan negeri bercadang melaksanakan dan mentadbir undang-undang jenayah Islam. Jawapan telah diberi. Jadi, saya cadangkanlah apa-apa soalan tambahan hendaklah berligar di kawasan ataupun dalam lingkungan soalan dan atas maksud penjelasan semata-mata. Jadi, saya faham bahawa

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTUALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Yang Berhormat Exco tahu tak apa dia undang-undang jenayah Islam?

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOFF BIN HAJI MOHD NOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, bolah saya tanya Yang Berhormat yang berkenaan. Yang Berhormat tahu tak undang-undang sivil?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Barangkali harus kita ingat juga bahawa setiap soalan dikemukakan bukan maksud untuk berdebat, hanya untuk penjelasan. Dan telah diberi oleh pihak menjawabnya tadi. Jadi, saya cadangkan Yang Berhormat

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTUALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya tak dengar apa yang dia kata tadi.

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOFF BIN HAJI MOHD NOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, tak payah saya ulanglah. Tapi yang saya sebut tadi, Yang Berhormat tahu tak undang-undang sivil.

13 Mei 1998

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Adakah Yang Berhormat Exco Agama tahu undang-undang Takzir dan Qisos?

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOFF BIN HAJI MOHD NOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, soalan saya belum dijawab lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya kira

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, kita buang masa sebenarnya Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Memanglah pihak kerajaan bila cakap Islam, buang masa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Bukan Dato' Yang Dipertua, jawab tu sudah diberi memuaskan. Tengoklah jawapan tu, tengok soalan. Saya pun faham bahawa jawapan sudah diberikan dengan memuaskan terhadap soalan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bersetuju dengan apa yang disebut bahawa soalan telah diberi dan telah dijawab, dan saya merasakan telah dapat penjelasan daripada jawapan tadi kepada soalan yang diberi. Jadi, saya kira cukuplah dengan dua tiga soalan tambahan itu dan saya mintak pihak Yang Berhormat kemukakan soalan ketiga, soalan kedua ditolak.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, soalan ketiga -

Sila nyatakan kos sebenar bagi pengambilan balik tanah di bawah PTM.
06/62/1992/A0003 bertarikh 1.1.1996 dan jumlah kos pembinaan jalan yang terlibat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kos pengambilan balik tanah tersebut berjumlah RM85,746.00 dan kos pembinaan jalan terlibat RM91,955.00. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Apa tujuan jalan ini dibina?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, tujuan jalan ini dibina yang pertamanya ialah untuk kemudahan atas bagi kegunaan awam dan di samping itu untuk kegunaan pelancongan, penghijauan dan lanskap Kampung Paya, Mukim Rusila, Marang. Terima kasih.

13 Mei 1998

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Apakah perkara-perkara yang mendesak dan paling mustahak bahawa pembinaan jalan di tempat itu mustahak disegerakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, mustahak.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua - Exco yang jawab tu, dia tahu dak dimana jalan ni?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, lebih dari tahu lagi, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Encik Mohd Jidin bin Shafee, Wakil Permaisuri mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor satu -

Sejauh manakah perkembangan mengenai cadangan penubuhan Universiti Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payung): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan ini yakni sejauh manakah perkembangan mengenai cadangan penubuhan Universiti di Terengganu.

Sukacita kita maklumkan bahawa setakat ini Kementerian Pendidikan telah bersetuju dengan cadangan untuk meningkatkan taraf Universiti Putera Malaysia Terengganu (UPMT) menjadi sebuah Universiti Kolej. Walau bagaimanapun, memandangkan kepada kegawatan ekonomi sekarang, peningkatan taraf ini tidak akan melibatkan perkembangan fakulti baru atau perpindahan lokasi. Kementerian Pendidikan akan mengemukakan satu kertas kabinet mengenai cadangan ini dan sekiranya dipersetujui, insya Allah akan mendapat kelulusan Parlimen ke atas cadangan penubuhan sebuah Universiti Kolej di Terengganu.

Dalam masa yang sama kita juga telah menerima permohonan daripada IPTA tempatan untuk mengadakan cawangan-cawangan di Terengganu. Di samping itu, beberapa permohonan untuk mendirikan kolej swasta yang bertaraf IPTS di Terengganu sedang dalam proses dan insya Allah akan bermula tidak lama lagi.

Di samping itu jugak sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tahu di KUSZA dan di TATI juga hari ini sedang dalam pelaksanaan Program Ijazah UIA dengan KUSZA dan TATI dan UTM. Ini akan memberi kemudahan dan peluang anak Terengganu tempat di Negeri Terengganu. Sekian, terima kasih.

13 Mei 1998

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor dua -

Sejauh manakah perancangan pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di negeri ini yang dapat dilaksanakan sehingga kini.

YANG BERHORMAT ENCIK OTHMAN BIN DAUD (Wakil Ajil): Bismillahi rahmani rahim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puhan sekalian.

Dalam usaha kerajaan untuk membangunkan industri kecil dan sederhana di negeri ini berbagai-bagai langkah, perancangan telah dibuat dan sedang dibuat dan akan dibuat terutamanya dalam usaha menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti mewujudkan kawasan atau tapak industri itu sendiri. Dan ini merupakan perkara yang sangat penting dan asas pembangunan industri kecil dan sederhana di negeri ini. Sehingga kini tapak industri telah mendapat sambutan dan permintaan yang menggalakkan daripada usahawan-usahawan tempatan dalam berbagai-bagai sektor.

Kerajaan juga dalam membangunkan IKS ini telah menyediakan berbagai-bagai peluang dengan pengwujudan kilang-kilang bimbingan dan juga Inkubator Industri Desa yang kita buat di seluruh Negeri Terengganu iaitu dua di Anak Ikan, Besut, dua di Kuala Ping, Hulu Terengganu, dua di Kuala Telemong, dua di Ajil, dua di Menerong, dua di Pasir Akar. Di samping kita sedang merancang membangunkan lebih banyak lagi di tempat-tempat lain. Kilang-kilang bimbingan ini akan disewakan kepada usahawan-usahawan IKS yang berpotensi dan yang mampu menjalankan aktiviti masing-masing.

Tumpuan perancangan juga diberikan kepada pembangunan insan ataupun pembangunan usahawan melalui Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor tiga -

Apakah Langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang telah dan akan diambil oleh kerajaan negeri dalam menangani masalah kegawatan ekonomi masa kini bagi memastikan jaminan ekonomi yang kukuh dan stabil.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tindakan-tindakan jangka pendek yang telah diputus dan dilaksanakan untuk menangani kegawatan ekonomi semasa di negeri ini ialah mengawal perbelanjaan atau dengan perkataan lain belanja lebih jimat dan hemat, menggalakkan tabungan, memberi penerangan mengenai ekonomi semasa, menyelaraskan peluang-peluang pekerjaan.

13 Mei 1998

Untuk jangka panjangnya pula Dato' Yang Dipertua, merasionalisasi badan-badan berkanun iaitu menjuruskan kegiatan-kegiatan asas satu-satu badan berkanun, meningkatkan hasil pertanian dan pada masa yang sama menggalakkan pelaburan dalam sektor yang banyak mengeluarkan barang-barang eksport selain daripada galakan pelaburan langsung, Dato' Yang Dipertua. Dan arahan-arahan yang diterima secara langsung dari Kerajaan Persekutuan yang sesuai dilaksanakan di negeri ini, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Yang Berhormat Haji Idris bin Mamat, Wakil Jertih mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI IDRIS BIN MAMAT (Wakil Jertih): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan pertama-

Apakah konsep yang digunakan apabila Kerajaan Negeri menubuhkan Tujuah Buah Pusat Hypermedia? Bagaimanakah Pusat Hypermedia beroperasi dan siapakah yang menggunakan kemudahan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang Dipertua, konsepnya ialah menghimpunkan kemudahan pada satu tempat tertentu, jadi dalam hal ini menghimpunkan kemudahan komputer dan alat-alat yang berkaitan dengannya di satu tempat, sekolah ataupun bangunan-bangunan yang ada hubungannya dengan pendidikan untuk diguna pakai oleh semua pelajar-pelajar, guru-guru dan juga belia-belia dalam kawasan tertentu. Untuk maksud ini Pusat Hypermedia beroperasi secara autonomi maksud saya ertiinya dia boleh berdiri di atas kaki sendiri dengan bantuan awal dan kemudiannya disokong sedikit sebanyak belanja daripada sekolah yang berkenaan. Kerana selepas itu sehingga sekarang tidak ada sebarang bantuan kewangan diberikan kepada Pusat-Pusat Hypermedia ini.

Pusat ini diurus oleh seorang Penyelaras yang bekerja sepenuh masa. Penyelaras itu seorang guru tidak ada sebarang elauan dibayarkan kepada Penyelaras. Masa bekerja waktu pejabat atau waktu-waktu yang ditentukan bila timbul keperluan.

Secara umumnya pelajar-pelajar yang menggunakan kemudahan Hypermedia ini ialah pelajar-pelajar tingkatan 4, 5 dan 6, ahli-ahli Kelab Sekolah seperti kelab Komputer, Geografi, Bahasa Inggeris dan lain-lain. Para pendidik, guru diberi peluang untuk sama-sama menggunakan atau memimpin penggunaan oleh pelajar-pelajar dan pada waktu-waktu tertentu tidak bercanggah dengan masa yang diperlukan oleh guru dan pelajar-pelajar peluang diberikan juga kepada belia-belia setempat untuk menggunakan kemudahan di Pusat Hypermedia ini, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

13 Mei 1998

YANG BERHORMAT HAJI IDRIS BIN MAMAT (Wakil Jertih): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Apakah Pusat ini dibuka juga kepada orang ramai secara perseorangan mahupun berkelompok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang Dipertua, saya tidak terima dengan jelas. Tapi saya rasa apa yang dimaksudkan oleh penanya ialah adakah ia dibuka kepada orang ramai? Seperti yang saya sebut tadi peluang diberi kepada belia ertinya sebahagian kecil saja diberi kerana masa terhad kepada mereka untuk mengelakkan daripada masa yang diperlukan oleh murid-murid terutamanya dan guru-guru di Pusat Hypermedia ini, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI IDRIS BIN MAMAT (Wakil Jertih): Dato' Yang Dipertua, soalan nombor dua -

Difahamkan bahawa penggunaan air bersih daripada Jabatan Bekalan Air di Daerah Besut, kini telah melebihi dariapda kemampuan Jabatan memprosesnya. Apakah Langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri agar bekalan air di Negeri Terengganu tidak akan menjadi masalah kepada pengguna. Adakah Kerajaan mencadangkan untuk mengswastakan Jabatan Bekalan Air?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Jabatan Bekalan Air Terengganu telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan air bersih di daerah Besut. Di antaranya, langkah segera dan langkah jangka pendek dengan meningkatkan keupayaan pengeluaran air di Loji Pembersihan Air Bukit Bunga dari 3.7 juta gelen sehari kepada 4.5 juta gelen sehari dengan menggantikan kabel elektrik baru agar 3 pam air mentah dapat beroperasi serentak.

JBA juga mengadakan kempen pemasangan tangki air simpanan persendirian di kalangan pengguna agar air boleh dibekalkan di waktu *off-peak*. Mengawal penggunaan air dengan mengadakan kempen penjimatkan air.

Bagi langkah jangka panjang Dato' Yang Dipertua, JBA akan membina sebuah loji pembersihan air baru di Bukit Bunga, Besut yang berkeupayaan mengeluarkan air bersih sebanyak 8 juta gelen sehari ia dijangka akan dilaksanakan pada akhir tahun ini. Tender dijangka akan dikeluarkan segera dimana pada masa sekarang kerja-kerja peringkat akhir penyediaan dokumen tender sedang diuruskan oleh Jurutera Perunding yang dilantik. Pembinaan loji ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2001.

Pembinaan loji pembersihan air ini adalah salah satu pakej kontrak di bawah Projek Bekalan Air Besut yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Pihak Jabatan telah mengetahui pasti beberapa pakej kontrak di bawah projek bekalan air Besut untuk bekalan air daerah Besut

13 Mei 1998

Fasa Kedua. Pakej-pakej ini akan diteruskan apabila peruntukan diluluskan oleh pihak kerajaan Pusat dengan mengambil pasti bahawa kegunaan demostik dan industri di daerah Besut adalah sangat perlu bagi keperluan ini sehingga 2010 yang akan datang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua - Apakah usaha Jabatan Bekalan Air untuk mengatasi masalah kehilangan air kerana paip bocor dan berapakah kerugian setahun di seluruh negeri akibat daripada kehilangan air daripada paip-paip bocor ni.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih. Dato' Yang Dipertua, soalan ini saya rasa ada soalan Yang Berhormat dan saya akan menjawab apabila sampai masanya. Dan soalan yang kedua saya perlukan notis. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI IDRIS BIN MAMAT (Wakil Jertih): Dato' Yang Dipertua, soalan ketiga -

Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Jabatan Pertanian Negeri/Kerajaan Negeri Terengganu untuk memperluaskan lagi penanaman sayur-sayuran secara hidroponik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih. Ahli Yang Berhormat itu bertanyakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Jabatan Pertanian Negeri/Kerajaan Negeri Terengganu untuk memperluaskan lagi penanaman sayur-sayuran secara hidroponik.

Bagi menjawab soalan ini Dato' Yang Dipertua, sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan dan jugak Kerajaan Negeri sememangnya pada masa dahulu dan jugak pada masa sekarang sangat menggalakkan penanaman sayur secara hidroponik terutamanya di kawasan-kawasan perumahan di bandar-bandar utama bagi mereka-mereka yang tidak memiliki tanah dan jugak sebagai penghasilan sayur-sayuran untuk kesihatan. Selain daripada itu kerajaan juga menggalakkan supaya tanaman sayur-sayuran hidroponik ini dibuat secara usahawan iaitu secara komersil dan besar-besaran.

Berbagai-bagi langkah telah dijalankan oleh Jabatan Pertanian untuk menggalakkan memperluaskan lagi tanaman sayur-sayuran secara hidroponik ini iaitu melibatkan kempen-kempen kesedaran untuk meningkatkan kesedaran ataupun *awareness* dalam bahasa Inggerisnya Dato' Yang Dipertua, melalui program kempen-kempen, ceramah-ceramah, demonstrasi-demonstrasi dan lawatan-lawatan sambil belajar serta jugak tunjuk ajar-tunjuk ajar dan khidmat-khidmat nasihat. Di samping itu, berbagai-bagi bentuk bantuan seperti bekas-bekas takungan hidroponik jugak diberikan termasuklah masa dan jugak khidmat pegawai dan kakitangan di bawah jabatan. Pada masa ini suka saya menyatakan bahawa 25 program kempen penerangan, lawatan sambil belajar dan demonstrasi dan sebagainya sebagaimana yang telah saya katakan,

13 Mei 1998

telah dijalankan di Negeri Terengganu meliputi taman-taman perumahan, sekolah-sekolah, kakinangan jabatan-jabatan dan agensi-agensi dan ketua-ketua serta pemimpin-pemimpin masyarakat.

Insya Allah, tanaman sayur secara hidroponik ini akan ditingkatkan oleh rakyat Negeri Terengganu sendiri, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI IDRIS BIN MAMAT (Wakil Jertih): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua - Adakah kerajaan bercadang untuk memberikan kemudahan tanaman hidroponik ini kepada jabatan-jabatan kerajaan untuk menggantikan tanaman bunga.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHIMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, belum ada lagi fikiran itu. Boleh kita tengok, Dato' Yang Dipertua. Bagus, bunga digantikan dengan sayur. Kita tengok.

YANG BERHORMAT HAJI IDRIS BIN MAMAT (Wakil Jertih): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Yang Berhormat Haji Harun bin Taib, Wakil Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, soalan pertama -

Apakah kesan-kesan yang telah dikenalpasti dan dirasai oleh pihak kerajaan akibat kegawatan ekonomi sekarang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAIH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, secara keseluruhannya kesan langsung kepada kerajaan masih terkawal atau akibatnya masih terkawal kerana program-program Kerajaan Negeri tidak banyak yang terdedah dengan penurunan nilai ringgit dan sentimen negatif Bursa Saham Kuala Lumpur. Kesan-kesannya barangkali boleh disebut pada asasnya kesan utama ialah pertumbuhan ekonomi negeri berkurangan atau akan berkurangan kepada tahap 4% hingga 5% tahun semasa tahun 1998. Angka ini lebih tinggi daripada angka negara iaitu 2% hingga 3% kerana KDNK Terengganu banyak bergantung kepada sektor petroleum dan kesan kepada sektor ini tidak seterusnya sektor lain sekarang.

Dari perspektif yang sama, pertumbuhan sektor pembuatan pada tahun ini dijangka pada kadar 12.5% sahaja dibanding dengan 15% pada tahun yang lalu. Dan tidak dapat dinafikan kesan seterusnya adalah pengurangan peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk projek-projek Persekutuan di negeri kerana amalan perbelanjaan berhemat di seluruh negara dengan kadar pengurangan sebanyak 10%.

13 Mei 1998

Tetapi untuk projek-projek peningkatan mutu dan taraf hidup rakyat seperti yang pernah disebut, peruntukannya tidak terjejas termasuk projek-projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) seperti penambahan peruntukan RM1 bilion yang telah diumumkan oleh kerajaan.

Kesun' lain Dato' Yang Dipertua ialah dari segi penyediaan peluang-peluang pekerjaan kepada pekerja-pekerja yang terpaksa diketepikan untuk mengelakkan kadar pengangguran yang naik begitu drastik sekali, Dato' Yang Dipertua.

Kesan kepada hasil pendapatan kerajaan dijangka tidak banyak berubah kerana Alhamdulillah, syukur kita royalti petroleum seperti kadar harga sekarang boleh dikatakan tidak begitu membimbangkan.

Itulah beberapa kesan yang dapat disebut secara kasarnya sehingga ini, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, soal tambahan - Apakah yang dapat diramalkan oleh kerajaan kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku pada beberapa ketika yang dekat ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAI (Wakil Seberang Takir): Berdasarkan kepada petunjuk-petunjuk semasa, misalnya tukaran wang, turun naik harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur, dapat disebut dengan ringkas bahawa kedua-dua pasaran ini - pasaran wang dan pasaran saham ini belum begitu mantap, Dato' Yang Dipertua. Terapi berdasarkan kepada tindakan-tindakan kerajaan harga barang-barang boleh dikatakan dapat dijamin, kita kata tidak akan naik terutamanya barang-barang keperluan asas, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada ramalan-ramalan kemungkinan, selain daripada apa-apa yang telah disebut dan dijawab kepada persoalan yang telah ditimbulkan oleh wakil daripada Permaisuri, apakah langkah-langkah lain yang difikirkan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah yang mungkin berlaku dalam menghadapi kegawatan ekonomi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAI (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang Dipertua, di sini dapat juga saya sebut lanjutan kepada apa yang saya sebut tadi - kemungkinan bila kerajaan dapat hasil kurang daripada syarikat-syarikat seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beberapa minggu yang lalu. Jadi, hasil kerajaan daripada sumber ini, daripada punca-punca ini berkurangan jadi tentulah caruman ataupun pemberian atau agihan daripada Kerajaan Persekutuan yang kita terima pun akan berkurangan jugak, Dato' Yang Dipertua. Intinya projek-projek yang telah dirancang dulu terpaksalah di sana-ini dikurang ataupun ditangguhkan kecuali projek-projek yang terlalu perlu, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan kedua ditolak. Soalan tiga

13 Mei 1998

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tiga.

Sila nyatakan kemajuan projek Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang menghubungkan Karak hingga ke Kuala Terengganu.

YANG BERHORMAT MULIA TENKU PUTERA BIN TENKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kemajuan projek Lebuhraya Pantai Timur yang menghubungkan antara Karak ke Kuala Terengganu setakat hari kelmarin:

- 1) Projek ini akan diteruskan di bawah penswastaan Kerajaan Persekutuan.
- 2) Perjanjian konsesi antara Kerajaan Persekutuan dan pihak pengusaha akan dilaksanakan seberapa segera dan sekarang berada di peringkat akhir.
- 3) Kerajaan Negeri telahpun mengenal pasti laluan yang dicadangkan dan proses pengambilan balik tanah akan dijalankan apabila mendapat permohonan daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPIERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, memandang masa untuk soalan telah selesai dan diharap insya Allah, mana-mana soalan yang belum dijawab akan dijawab secara bertulis. Dan mulai sekarang saya tangguh Dewan dan kita sambung balik jam 11.00 pagi, insya Allah.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.40 PAGI.

13 Mei 1998

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyurat disambung semula.

USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DI RAJA

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAIH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan -

"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju merakam dan merafakkan sembah ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan kerana menyampaikan Titah Di Raja mengenai dasar-dasar Kerajaan bersempena dengan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Keempat Bagi Dewan Undangan Negeri Yang Kesembilan dan bersetuju merafakkan sembah ikrar taat setia Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan kesediaan memberi kerjasama yang erat kepada Pentadbiran Negeri supaya dapat melaksanakan dasar-dasar kerajaan dengan memtuaskan demi kepentingan negeri dan rakyat seluruhnya."

Saya mohon mencadangkan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD JIDIN BIN SHAFFI (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan, sekarang saya buka untuk perbahasan. Sila -

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD JIDIN BIN SHAFFI (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pertamanya kita bersyukur kepada Allah s.w.t. dengan limpah dan rahmatNya kita telah diberi kesihatan dan dapat berada di dalam Dewan yang mulia pada pagi ini bersama untuk menyokong usul merakam dan merafakkan sembah ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan yang telah menyampaikan Titah Di Raja mengenai dasar kerajaan bersempena dengan pembukaan Penggal Persidangan Keempat Bagi Dewan Undangan Negeri Kesembilan serta merafakkan sembah ikrar taat setia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan di atas kerjasama erat kepada pentadbiran negeri bagi melaksanakan dasar kerajaan demi kepentingan negeri dan rakyat seluruhnya.

Dato' Yang Dipertua, pada keseluruhannya prestasi pembangunan Negeri Terengganu sangat membanggakan. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Exec, Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pegawai-pegawai kerajaan negeri serta Pusat yang telah bekerja dengan gigih dan kuat serta mengembangkan tenaga dan buah fikirannya bagi memastikan Negeri Terengganu ini terus makmur.

Wawasan SIHAT yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Terengganu ternyata mampu telah dapat membentuk masyarakat yang berilmu, berdaya saing, bertakwa. Kita yakin dengan pelaksanaan program-program pembangunan yang berkesan matlamat untuk membentuk generasi berakhhlak mulia dan menghapuskan gejala sosial hendaknya dapat dicapai. Walaupun pertumbuhan ekonomi Negeri Terengganu pada tahap 7.1% agak perlahan berbanding pada tahun-tahun sebelumnya namun angka ini selari dengan kadar perlahan di peringkat kebangsaan tahun lalu disebabkan oleh kegawatan ekonomi yang bukan saja melanda negeri dan negara kita malah juga negara di Asia Tenggara. Begitu pun kita di Negeri Terengganu harus bersyukur kerana kesan kegawatan sejak pertengahan tahun lalu tidak seteruk di negara-negara lain.

Dato' Yang Dipertua, falsafah pembangunan kerajaan negeri yang telah melaksanakan secara berperingkat mengikut fasa-fasa tertentu merupakan langkah yang baik dan tepat. Terengganu bertuah kerana fasa pertamanya telahpun selesai yang merupakan nadi asas pembangunan untuk pembangunan berikutnya. Pembangunan fasa pertama ini sudahpun selesai dan Terengganu kini memasuki Fasa Kedua iaitu fasa pengisian pembangunan. Jika negeri lain terpaksa menangguhkan beberapa projek infrastruktur mereka ataupun kemudahan asas oleh kerana kegawatan ekonomi sekarang, Terengganu tidak menghadapi masalah itu dan hampir kesemua kemudahan asasnya sudah terbina di dalam Fasa Pertama dahulu.

Dato' Yang Dipertua, pengisian Fasa Kedua yang berjalan sekarang tidak kurang pentingnya bagi menjana kemajuan negeri. Justeru, kita berharap kegawatan ekonomi sekarang tidak dijadikan alasan untuk menangguh atau pun membatalkan projek yang dirancang dalam Fasa Kedua, terutamanya projek Lebuhraya Pantai Timur dan projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud misalnya amat penting dalam menjana ekonomi negeri khususnya di bidang perindustrian dan pelancongan.

Dato' Yang Dipertua, dengan rakyatnya hampir sejuta orang sektor perlombongan dan perkilangan memberi sumbangan sebanyak 70.4% kepada kadar pengeluaran dalam negeri kasar. Walaupun begitu sokongan daripada sektor pertanian tidak harus dipandang ringan memandangkan kerajaan perlu terus memberi penumpuan khusus kepada pengeluaran sumber makanan asasi melalui penambahan kawasan jelapang padi negeri, penternakan dan perikanan. Kemarau yang panjang akibat fenomena El Nino sekarang dilaporkan turut menjelaskan hasil pertanian di beberapa negeri ataupun negara di rantau ini. Selepas itu kita pula difahamkan La Nina juga diramalkan akan memberi fenomena hujan yang lebat. Walau bagaimanapun usaha-usaha itu akan kita teruskan.

13 Mei 1998

Gejala seumpama ini jika tidak ditangani melalui rancangan jangka panjang boleh memberi kesan buruk kepada rakyat di masa akan datang. Kita sudah dengar bagaimana rakyat negara jiran menghadapi masalah kekurangan makanan sehingga memberi kesan kepada kestabilan politik di negeri mereka.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekarang boleh baca?

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD JIDIN BIN SHAFIE (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, walaupun apa keadaan di negeri ini lebih baik dan insya Allah tidak sampai ke tahap itu perancangan perterinci perlu diusahakan segera bagi memastikan keadaannya tidak berlaku di sini dan rakyat terus tidak menghadapi kekurangan makanan serta kegawatan ekonomi yang berpanjangan dan bencana alam. Insya Allah, kita mendoakan kepada Allah s.w.t. supaya negeri kita diberi rahmat.

Di dalam hubungan ini, kita berharap usaha menggalakkan rakyat memaksimumi penggunaan tanah sama ada padi, sayuran dan buah-buahan terus ditingkatkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, barangkali apa yang disebut oleh Wakil Manir tadi ada betulnya dan saya cadangkan Yang Berhormat boleh melihat sekali sekala saja kepada catatan itu.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD JIDIN BIN SHAFIE (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, cuma kita melihat kepada panduan saja bukan kita membaca terus.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, rakyat Terengganu khususnya orang-orang Melayu belum merasai kegawatan ekonomi ini kerana mereka tidak ramai menyertai bidang perniagaan ataupun bermain saham. Dengan sebab itu kita akan terus melaksanakan dasar-dasar yang ada serta membangun dengan keadaan keupayaan negeri kita sendiri. Kenaikan harga makanan dan kesukaran mendapatkan bahan, langkah penjimatkan majikan dan tindakai memperkecilkan saiz pekerja sudahpun berlaku di negeri ini. Tindakan kerajaan negeri mengambil beberapa langkah berjimat cermat adalah satu langkah yang baik serta langkah-langkah yang berjaga-jaga.

Kerajaan juga perlu menyemak semula beberapa kedudukan atau harta kerajaan yang mana difikirkan jika ada perkara yang boleh atan yang tidak menguntungkan kerajaan sebaliknya jika perkara-perkara tersebut perlu dijual atau dilelong hendaklah dibuat tindakan dengan kadar yang segera.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin juga menyentuh perkara yang telah dibangkitkan oleh rakyat ramai terutamanya di kawasan DUN Permaisuri iaitu perkara mengenai kemudahan yang telah dilaksanakan, kemudahan kepada rakyat yang mana bekerja sebagai nelayan tradisi iaitu mencandat sotong. Dimana difahamkan bahawa lesen-lesen besar yang telah diberi kepada nelayan nelayan yang mempuuayai potensi dimana had

13 Mei 1998

had jarak daripada pantai telahpun diberi syaratnya. Walau bagaimanapun, kita telah mendapat rungutan bahawa sebahagian daripada nelayan-nelayan tradisi ini telahpun mengalami masalah dimana nelayan-nelayan besar ini telahpun mencerobohi kawasan yang sepatutnya tidak dibenarkan.

Jadi dengan demikian saya mencadangkan supaya kerajaan terus memberi perhatian serta mengambil langkah-langkah yang baik bagi menyelamatkan dua tiga ratus orang nelayan-nelayan tradisi yang mana sebahagiannya mendapat sumbangan ataupun subsidi kerajaan terutamanya bagi membeli bot dan pukat, enjin dan sebagainya sehingga tidak dapat untuk membayar balik subsidi yang mereka pinjam. Akibatnya mereka begitu di dalam keadaan cemas dan keluh kesah dan kita harap langkah-langkah yang lebih baik supaya nelayan-nelayan tradisi ini akan terus mendapat perhatian dijaga supaya mereka terus mendapat rezeki di masa-masa akan datang.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang menjadi lumrah ketika makmur kerajaan dan negara memang sentiasa dipuji sama ada oleh masyarakat setempat ataupun masyarakat antarabangsa. Tetapi apabila keadaan ekonomi dan kita mengalami kegawatan semua dasar yang dianggap dulu sebagai baik telah menjadi cemuh. Dalam hal ini kerajaan perlu bersabar di dalam menangani permasalahan ini kerana musibah yang datang ini bukanlah kerana ketidak ataupun kerana kealpaan pemerintah tetapi adalah kealpaan semua. Bahkan ini merupakan satu daripada dugaan besar daripada Allah Taala supaya kita semua dapat bersatu mendukung cita-cita harmoni bagi melihat semua rakyat di negeri ini khususnya mendapat rezeki dan kebahagiaan serta makmur di dalam kehidupan seharian.

Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh soal perpaduan serta yang berkaitan dengan sembahyang Jumaat dua masjid satu kampung yang masih lagi terdapat kesan yang kurang baik atau kesan negatif. Dan perkara ini perlu juga disebut beberapa kali supaya tindakan lanjut perlu diambil bagi melihat umat Islam di negeri ini terus berpadu dan kukuh di dalam mendukung cita-cita sama ada cita-cita negeri, hasrat pemimpin dan sebagainya untuk melihat Islam sebagai pegangan hidup yang luhur. Jadi, masih terdapat lagi terutamanya di kawasan Parlimen Setiu, gejala-gejala seperti ini terutamanya di kalangan orang-orang tua. Saya menyifatkan keadaan ini merupakan satu proses pengacauan fikiran oleh pembangkang ataupun yang mempunyai kepentingan. Sebab orang-orang tua ini sebahagian besarnya seakan-akan tidak mahu mendengar langsung nasihat supaya mereka pergi ke masjid yang telah disediakan oleh kerajaan kononnya masjid ini tidak mendapat pengiktirafan. Mereka lebih suka pergi ke masjid-masjid yang mereka tetap akan pergi termasuk pondok-pondok dan surau-surau yang buruk sehinggakan kita rasa kecewa. Dan kita berharap kepada yang berkenaan supaya sama ada pembangkang atau kerajaan dan dimana difahamkan juga kalaupun pembangkang, saya difaham jugak pembangkang ada, sama ada wakil rakyatnya dan orang-orang besarnya pun hadir ke masjid kerajaan sedangkan bagaimana pulak rakyat jelata ini dipusingkan otaknya supaya tidak pergi ke masjid kerajaan kononnya tidak betul akidah.

13 Mei 1998

Jadi, kita haraplah sama-sama untuk melihat satu umat Islam di negeri ini terus berada di dalam keadaan sejahtera

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAU GHAZALI BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan Pusing apa tadi tu, saya tak berapa dengar. Pusing apa tadi?

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD JIDIN BIN SHAFFI (Wakil Permaisuri): Pusing otaknya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAU GHAZALI BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Pusing otak.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD JIDIN BIN SHAFFI (Wakil Permaisuri): Di dalam bahasa yang lain fikirannya diresahkan atau dipesengkan.

Jadi, dalam perkara ini kita berharap sama-sama, sama ada pembangkang ataupun kerajaan terus bersama-sama dalam mendukung cita-cita Islam supaya kita dapat menegakkan yang dikhendaki Islam ini sebagai *adlm* dan kerjasama supaya bersama dan sehatan untuk melihat orang Melayu yang beragama Islam mendukung cita-cita ini bukananya melalui perpecahan

Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPIERTUA: Terima kasih. Sila Yang Berhormat -

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang Dipertua, titah ucapan yang disampaikan oleh Baginda Al Sultan yang menjadi ucapan dasar kerajaan negeri dititahkan dengan begitu rupa selaras dan sejajar dengan perkembangan mutakhir yang berlaku dalam negara kita sama ada dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Kami menyedari betapa hasrat yang dikhendaki oleh Baginda Al Sultan di dalam ucapannya, di dalam titahnya antara lain menyatakan bagi Negeri Terengganu cabarannya adalah untuk melaksanakan program-program pembangunan supaya seiring dengan matlamat bagi membangun rohaniah rakyatnya di samping membina kemudahan atas sosial dan ekonomik. Seterusnya mengharapkan masyarakat yang berdaya saing dan bertakwa.

Hasrat ini tidak boleh dicapai selagi kerajaan negeri tidak mempunyai sikap yang terbuka, terbuka di dalam menerima pandangan-pandangan dan kritikan-kritikan sama ada daripada pihak pembangkang ataupun daripada pihak dalam kerajaan dan juga daripada pegawai-pegawai kerajaan. Dimana sikap yang terbuka ini jelas tidak ada apabila kelihatan berlakunya tindak tanduk, apabila diberi pandangan-pandangan yang merupakan teguran yang mendedahkan kesilapan-kesilapan dan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh kerajaan negeri. Sepatutnya kerajaan negeri yang dipimpin oleh seorang yang tinggi dalam bidang agama mengambil contoh dan teladan daripada pemimpin-pemimpin yang ditunjuk oleh Allah s.w.t. untuk menjadi contoh dan teladan kepada kita semua. Di antaranya Nabi Sulaiman a.s. yang dikurniakan oleh Allah, kerajaan yang disebut dengan *muqala yanbari liyahad*, kerajaan yang tidak sayugia diberi kepada seorang pun selain daripadanya. Namun begitu besarnya kerajaan yang dipimpin oleh Nabi Allah Sulaiman, beliau tetap menganggap sama ada ia dalam keadaan baik ataupun dalam keadaan buruk, ia adalah suatu balak, smatu ujian dari Allah s.w.t. yang perlu bagi dirinya membuat perhitungan seperti yang dinyatakan oleh Al-Qur'anul-Karim:

كَلَّا لَهُنَّ مِنْ نِعْمَةٍ رَبِّ إِيمَانِهِ وَمِنْ شَكْرِ أَعْمَالِهِ
وَمِنْ شَكْرِ فِي عَمَلٍ يَشْكُرُ لِذِيْنَهُ وَمِنْ كَثْرَ خَيْرَاتِ
(فِي عَمَلٍ كَرِيمٍ)

Yang bermaksud Baginda bersabda: *Inilah adalah kurnia dari Tuhanku, sama ada ia malu menguji aku, adakah aku seorang yang bersyukur ataupun aku seorang yang kufur. Dan sesiapa yang bersyukur maka sesungguhnya kesyukuran itu untuk dirinya sendiri dan sesiapa yang kufur sama ada ajarannya atau nikmatnya, maka sesungguh Allah itu maha kaya dan lagi maha pemurah.*

Apabila berlaku tahun kemarau yang menjelaskan hasil pertanian, yang memberi kesan kepada hasil ekonomi negara Nabi Sulaiman a.s. menghisab dirinya, beristighfar dan bertanbat mengajak rakyatnya supaya bersembahyang Istiqaq memohon turunkan hujan. Apabila mereka keluar ke padang, tiba-tiba Naib Sulaiman a.s. melihat seekor semut yang melentang menadah tangan ke langit yang berdoa kepada Allah s.w.t. - Ya Allah, Ya Tuhanku turunkan hujan, ampunilah dosa-dosa yang dilakukan oleh manusia. Semut menyatakan manusia yang membuat dosa, Naib Sulaiman a.s. mengajak rakyatnya pulang dan memberitahu bahawa ada golongan yang lain yang berdoa dan menyatakan bahawa kita telah membuat maksiat dan memohon ampun kepada Allah s.w.t. Nabi Sulaiman tidak marah, tidak menerjah dan menghancurkan semut yang menyatakan bahawa kesilapan yang dilakukan oleh manusia termasuk diri Nabi Sulaiman a.s. walaupun ia seorang yang dipelihara daripada dosa.

Dalam sejarah Islam, Allah s.w.t. menunjukkan contoh-contoh Khalifah-khalifah Islam yang terbilang. Boleh dikatakan tiap-tiap orang daripada mereka apabila dilantik menjadi pemimpin mereka membuat penegasan:

13 Mei 1998

سِرِّيْنَتِيْنَ يَهِ اعْوَاجَاجَ مَدِيْفُورْمَ

Apabila kamu melihat dalam diri saya mi ada peryelewengan maka sia perbetulkanlah saya.
Adakah yang terbuka ini ada pada diri kerajaan. Kita melihat pembangkaang memberi teguran-teguran dianggap semuanya kasar, dianggap semuanya tidak boleh diterima. Kalau ada dalam kalangan kerajaan sendiri yang mempunyai pandangan yang lain daripada pemimpin, maka orang yang ada dalam kerajaan juga akan disingkir. Kalau ada di kalangan pegawai yang berani mengkritik kerajaan, sudah tentu pegawai itu tidak akan naik pangkat.

Ini adalah sikap-sikap yang negatif sama ada berdasarkan kepada Islam ataupun berdasarkan kepada demokrasi barat. Dimana kita melihat orang-orang barat juga mempunyai sikap yang terbuka, mengapa kita tidak berani membuka peluang untuk mana-mana pihak mengkritik dan segala kritikan itu dibuat penilaian dan ukuran. Kita perlu menyedari bahawa segala perkara-perkara negatif yang berlaku dalam negara kita sama ada yang berkait dengan politik, yang berkait dengan gejala sosial, yang berkait dengan ekonomi, semuanya telah kita beri amaran. Kita memberi amaran betapa politik wang yang diamalkan dalam pilihan raya yang boleh membawa rasuah di dalam pemerintahan, yang menimbulkan jahanam kepada negara, yang tidak boleh memberi kepercayaan kepada pelabur-pelabur sama ada dalam negeri ataupun luar negeri. Dan semua rakyat mengetahui, ia tidak menjadi rahsia lagi bagaimana gejala politik wang ini menular di dalam UMNO yang menjadi tulang belakang kepada kerajaan yang memerintah.

Ini adalah contoh-contoh yang tidak baik. Disebut oleh para Ulama kita: *Anassuladinnulukhumi - Rakvet mengikut contoh pemimpin-pemimpin mereka.* Kalau pemimpin begini sifatnya dinedai oleh politik wang dalam pertandingan Ketua Bahagian sahaja, ada yang menghabiskan wang sampai ratus-ratus ribu dan ada yang mungkin menghabiskan duit sampai berjuta-juta. Dimana politik wang ini disahkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, pemimpin kerajaan dalam kenyataannya melalui Utusan Malaysia 28 Mac 1998 - berita yang diambil daripada daerah Kemaman. Menteri Besar sendiri telah mendedah perkara ini dan pihak yang berkenaan di dalam undang-undang tidak mampu mengambil sifatkan terhadap mereka yang terlibat dengan politik wang ini kerana undang-undang dalam negara kita lebih bersifat undang-undang *sarang labah-labah* yang hanya boleh mengambil, menangkap semut-semut, lalat-lalat yang kecil-kecil saja, burung-burung yang besar boleh tebus begitu saje. Begitu juga dalam masalah ekonomi, kita perlu menyedari bahawa walaupun Negeri Terengganu dikatakan masih lagi mempunyai ketahanan dalam perkara ekonomi, kita perlu menyedari bahawa kesan daripada kerapuhan ekonomi yang berlaku di peringkat nasional akan menjelaskan juga di peringkat Negeri Terengganu. Sering kali pihak kerajaan menyalahkan pihak-pihak tiar dimana di dalam ucapan titah, di dalam ucapan dasar kerajaan ini pun juga memberi penekanan kepada masalah-masalah luar yang menjadi sebab kepada keruntuhannya ekonomi. Kita perlu menyedari bahawa kami pernah memberi nasihat kepada kerajaan, antara perkara yang menjahannikan ekonomi ialah kita beramal dengan saudara setan - membazir. Projek-projek membazir banyak ada di dalam negara kita ini. Projek-projek yang tidak memberi peluang dan faedah, manfaat yang banyak kepada rakyat. Projek-projek di antaranya terlalu banyak memberi penekanan dalam perkara sukan. Sukan adalah perkara yang penting, tidak perlu dinafikan

tetapi memberi kemudahan asas kepada rakyat yang masih ketinggalan masih ada 4,000 lagi rakyat termiskin seperti yang dide dahkan di dalam ucapan dasar ini, adakah menyediakan kemudahan-kemudahan sukan lebih dahulu daripada menyelesaikan masalah 4,000 rakyat termiskin. Rakyat yang masih belum ada lagi kemudahan elektrik dalam kawasan pedalaman dan rakyat yang masih tidak terbelia di kalangan nelayan dan lain-lain tidak dapat mengeluarkan diri daripada kepompong termiskin kepada keadaan yang lebih baik.

Kemudahan-kemudahan yang diberi kepada orang-orang yang tertentu apabila adanya perayaan-perayaan yang besar-besaran, kita melihat bagaimana lampu-lampu yang banyak dipasang mengeluarkan tenaga elektrik yang begitu banyak ini mengambilkira cara untuk mengapu kalangan yang tertentu tidak memandang kepada kepentingan rakyat yang perlu dibela. Semua perkara-perkara ini adalah ruang-ruang yang menempah bala yang boleh menjahanamkan negara.

Kita juga dilanda oleh penyakit sosial, penyakit keruntuhan akhlak tetapi oleh kerana ekonomi yang menjadi rukun yang pertama kepada kerajaan, apabila timbulnya masalah ekonomi maka jadi macam kiamat. Segala masalah-masalah yang lain, termasuk masalah sosial dianggap sebagai suatu masalah yang kecil ataupun dilupakan begitu saja. Masalah sosial yang berlaku dalam negeri, masalah keruntuhan akhlak ini perlu diatasi. Dalam titah ucapan menyatakan bahawa kita perlu membuat persediaan daripada peringkat awal lagi untuk menyediakan rakyat yang berakhhlak melalui sistem pendidikan yang diamalkan di dalam negara. Kita hendaklah menyedari bahawa lahirnya generasi yang runtuh akhlak pada hari ini adalah gagal daripada sistem pendidikan yang diamalkan di dalam negara.

Sistem Pendidikan yang memberi penekanan juga dalam masalah akhlak dan pendidikan agama. Tetapi akhlak dan pendidikan agama semata-mata menjadi mata pelajaran bukannya menjadi pelajaran yang mendidik, yang mengajar, yang mengasah fikiran. Kerana pelajaran berbeza dengan pendidikan sehingga kerajaan mengubah daripada Kementerian Pelajaran kepada Kementerian Pendidikan kerana mempunyai hasrat bukan saja untuk memberi pelajaran tetapi pelajaran yang membina insan, yang membina manusia, yang membina hati yang menjadi raja di dalam diri manusia supaya memerintah anggota, memerintah sikap dan pendirian menjadi manusia yang berakhhlak luhur dan berbudi pekerti mulia.

Tetapi perkara-perkara ini tidak berlaku, menandakan bahawa di sana adalah kelemahan di dalam sistem pendidikan yang diamalkan di dalam negara. Tetapi sistem pendidikan itu masih dipertahankan. Saya pernah memberi peringatan di dalam Dewan ini bahawa sistem pendidikan yang diamalkan dalam mana-mana negara hendaklah sejajar dengan akidah, dengan akhlak, dengan moral yang menjadi amutan kepada penduduk sesebuah negara. Bahkan di kalangan negara barat sendiri berbeza di antara satu negara dengan satu negara yang lain walaupun mereka sama-sama menganut kristian. Sistem pelajaran di England berbeza dengan sistem pelajaran di Amerika, sistem pelajaran di Perancis berbeza dengan sistem pelajaran di Jerman walaupun mereka sama-sama menganut kristian, menganut faham kapitalisme barat dan demokrasi barat, tetapi dalam sistem pelajaran mereka berbeza di antara satu sama lain.

Ini menunjukkan bahawa di dalam mengemukakan sistem pelajaran dan pendidikan, dan merealisasikannya mestilah diambilkira apakah akidah yang dianut oleh penduduk negeri yang

13 Mei 1998

berkenaan. Apakah moral yang dianut kepada negeri yang berkenaan. Apa yang berlaku pada hari ini menunjukkan kepada kita bahawa sistem pendidikan yang diamalkan di dalam negara lebih memberi penekanan pelajaran agama dan pelajaran akhlak hanya menjadi mata pelajaran bukannya menjadi suatu keyakinan yang dibuatkan di dalam hati yang membentuk sifit dan membina insan.

Kita melihat bagaimana dalam tahun 50-an dan 60-an dulu, Jabatan Hal Ehwal Agama diberi peranan yang begitu besar di dalam mendidik, ada kelas Fardhu Ain di waktu petang di semua sekolah kebangsaan di masa itu. Dan kita melihat bahawa peranan Sekolah Agama Petang yang dikendalikan oleh Jabatan Agama di masa itu memberi kesan yang baik kepada anak-anak muda, dimana generasi tua yang lahir pada hari ini adalah melalui sistem pelajaran yang diamalkan pada tahun 50-an dan 60-an. Kita menyedari ada kelebihannya tetapi cara menonjolkan pendidikan agama dan akhlak sepatutnya menjadi contoh kepada kita. Tetapi dalam tahun 60-an, apabila adanya teori yang menyatakan, teori yang dikemukakan oleh Menteri Pelajaran dimasa itu, makin banyak sekolah agama, makin banyak penyokong-penyokong PAS. Mereka bimbang kalau ada sekolah agama, orang mengaji agama banyak penyokong-penyokong PAS. Ibu teori yang dikemukakan oleh Menteri Pelajaran di masa itu.

Lalu mereka menggubal sistem pelajaran yang baru dan kita melihat di antara yang dikemukakan dan ditonjolkan di masa itu ialah penghapusan tulisan jawi dan penghapusan huruf-huruf al-Quran. Dimana generasi selepas itu, yang lahir daripada sistem pelajaran yang tersebut adalah generasi yang buta jawi, yang buta al-Quran, yang buta Fardhu Ain, yang buta dalam ilmu agama kerana sebahagian besar daripada buku-buku teks agama ditulis dengan huruf Arab. Ibu adalah suatu perkara yang sepatutnya menjadi pelajaran dan pengiktirafan, dan suatu pembetulan perlu dilakukan.

Kita perlu menyedari bahawa di dalam menangani masalah sosial bukan sahaja kita diwajibkan mengambil pendekatan secara pendidikan. Pendekatan melalui kuasa pemerintah juga hendaklah dilakukan kerana Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ يُعَذِّبُ مَنْ يُعَذِّبُ وَمَنْ يُفْسِدُ فَإِنَّمَا يُفْسِدُ بِأَنَّهُ يُفْسِدُ بِأَنَّهُ يُفْسِدُ

Sesapa di kalangan kamu yang melihat perkara yang mungkar hendaklah ia mengubah dengan tangan, kalau tidak mampu dengan lidah, kalau tidak mampu benci di dalam hati. Para Ulamak ada yang menyatakan bahawa yang dimaksudkan mengubah dengan tangan itu ialah kuasa pemerintahan. Kerajaan hendaklah menggunakan kuasa pemerintahan, kuasa undang-undang yang ada padanya bagi membendung aktiviti-aktiviti yang menggalakkan keruntuhan akhlak dan gejala sosial. Diantaranya hiburan-hiburan yang boleh merosakkan akhlak.

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payung):
Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasan sedikit mengenai sistem pendidikan di barat tadi. Yang Berhormat menyatakan bahawa saya sebenarnya juga melihat dan mengkaji sistem pendidikan, tetapi kurikulum satu persatu di England, di Amerika tapi Perancis saya tak tengok.

13 Mei 1998

di Switzerland dan Belanda saya tengok. Tadi Yang Berhormat memberitahu ada perbezaan walaupun sistem barat dan berdasar kepada kristianiti tetapi masih ada perbezaan di antara England, Amerika dan Perancis. Jadi, kita nak tengok dimana perbezaan tadi. Kita akui bahawa kurikulum yang kita buat pendidikan di Malaysia berbanding di Jepun, di Saudi Arabia, di Mesir, di negara-negara lain bahawa ada perbezaan. Tetapi dimana perbezaan yang kita boleh ambil contoh untuk memperteguh dan memperkuatkan lagi sistem kita. Jadi untuk hal ini barangkali Yang Berhormat boleh memberitahu kepada Dewan perbezaan-perbezaan yang ada di Perancis, di England dan di Amerika. Saya tidak tahu di Perancis macam mana perbezaan yang ketara tadi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang Dipertua, boleh bagi masa kepada saya dua jam. Kalau benar saya bercakap dua jam saya boleh terangkan perkara ini.

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payung): Contohnya saja, hak yang di Perancis apa dia beza, tak payah dua jam, lima minit

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Saya beritahu supaya beliau membaca sebuah buku yang ditulis oleh seorang penulis Islam yang terkenal Maulana Abu Hassan Ali Al-Nadawi - "Ke Arah Pendidikan Islam Yang Bebas" dimana di dalam buku tersebut beliau telah menjelaskan secara perbandingan di antara pendidikan di negara-negara barat, bahkan di antara barat dengan negara komunis dan dibanding dengan sistem pendidikan Islam, menunjukkan betapa perlunya kita kembali kepada sistem pendidikan Islam yang telah diletakkan landasannya oleh Allah s.w.t. di dalam Al-Quranulkarim: *Ikrabbismirabik - Bacalah dengan nama Tuhan*. Semua ilmu, sama ada ilmu agama ataupun ilmu sains dan teknologi mestilah berdasarkan kepada beriman kepada Allah. Ilmu yang dikendalikan oleh barat, banyak memberi penekanan kepada materialisme, kepada kepercayaan kepada kebendaan sesuatu yang bersifat materialistik yang diasingkan daripada beriman kepada Allah yang tidak menimbul masalah dosa dan pahala. Kita perlu menyedari oleh kerana amalan demokrasi di Perancis, di Amerika berbeza begitu juga amalan yang berlaku di England berbeza di antara satu sama yang lain. Begitu jugak suasana masyarakat bahkan mazhad kristian yang dianut oleh mereka juga berbeza di antara satu sama lain. Oleh kerana itu, mereka juga membuat perbezaan perbezaan di dalam sistem pelajaran dan pendidikan di kalangan mereka. Beliau mahu detail boleh rujuk kepada buku-buku dan kalau perlu kepada satu kuliah pendidikan saya boleh bagi. Tuan Yang Dipertua.

Oleh kerana ini mesyuarat Dewan Negeri dan kita ada tajuk-tajuk yang lain maka saya terpaksalah bercakap pula dalam tajuk-tajuk yang lain.

Kita perlu menyedari bahawa pihak kerajaan perlu menggunakan kuasa yang ada padanya. Diantara kuasa undang-undang yang ada pada kerajaan ialah menyekat aktiviti-aktiviti hiburan yang menjadi baja kepada menyeburkan gejala-gejala sosial. Antaranya aktiviti selama ini dibenarkan oleh pihak kerajaan, konsert-konsert yang liar sempena dengan hari-hari sambutan yang tertentu. Perkara ini lebih menjurus kepada nak suka-suka saja dengan kita tidak menyedari betapa pulangan yang menjahanamkan sosial yang berlaku. Pesta Pantai yang diadakan umipamanya, yang diberi sokongan oleh kerajaan, Pesta Pantai yang diubahsuai dengan

teknik-teknik yang baru, yang beberapa program yang diadakan di daiannya boleh mencetuskan gejala-gejala sosial yang tidak baik. Hal-hal ini diketahui oleh masyarakat.

Pihak kerajaan hendaklah membentulkan keadaan-keadaan ini dan diantara cara untuk menangani masalah sosial juga ialah tindakan undang-undang. Islam mempunyai undang-undang yang sempurna dan lengkap. Dalam sesi soal jawab tadi, ada sesal jawab yang berkait dengan undang-undang, tetapi Exco yang berkenaan memberi jawapan yang tidak memuaskan, yang terlalu pendek dan saya merasakan jawapan itu lebih bersifat jawapan yang tidak bertanggungjawab, tidak bersungguh untuk sama-sama menangani dan menyelesaikan masalah. Kita menyedari bahawa di dalam undang-undang jenayah Islam berbeza dengan undang-undang jenayah barat kerana undang-undang jenayah barat tidak ada di dalamnya aspek yang dinyatakan di dalam Al-Quran: *Nakalaminallah - Cegahan daripada Allah s.w.t.*. Adapun undang-undang Islam, ada Nakalaminallah - Cegahan daripada Allah yang menguasai diri manusia. Kita melihat contohnya apa yang dilakukan oleh kerajaan Pusat, sebagai contoh - Hukuman mandatori yang dikenakan kepada pengedar-pengedar dadah. Walaupun undang-undang ini begitu keras sekali kelihatan tetapi sehingga hari ini tidak dapat mendidik rakyat di dalam mengatasi masalah dadah. Pengedaran juga berlaku, penagihannya juga bertambah meningkat dari satu masa ke satu masa. Ini menunjukkan kegagalan undang-undang yang diamalkan walaupun tegas undang-undang, walaupun keras mengapa ia tidak berkesan.

Kerana kita perlu menyedari undang-undang Islam mempunyai dua aspek yang tidak ada dalam undang-undang yang lain. Yang pertama aspek lahiriah dan yang keduanya aspek *spiritual*, aspek rohaniah yang ada dalam undang-undang Islam. Dimana perhitungan dalam undang-undang Islam bukan saja berdasarkan kepada salah dari segi undang-undang tetapi berdasarkan kepada dosa disisi Allah s.w.t. Walaupun seseorang yang melakukan kesalahan itu tidak diketahui oleh pihak yang berkeasa ianya diketahui oleh Allah s.w.t.. Walaupun seseorang itu terlepas daripada tindakan undang-undang di dunia ia tidak terlepas daripada hukum Allah di hari akhirat kelak. Ini adalah aspek yang ada di dalam undang-undang Islam yang tidak ada di dalam undang-undang barat. Ini suatu hal yang mestii kita faham dan pihak kerajaan perlu bersungguh di dalam mengemukakan perkara ini, dan kami bersedia untuk mengadakan perbincangan bersama.

Dimana Islam telah membahagikan secara yang sistematik dalam perkara yang tidak mungkin diselesaikan oleh manusia dengan akal fikiran mereka maka Allah s.w.t. mengadakan hukum-hukum yang dinasarkan di dalam Quran, yang dirasakan di dalam hadis Nabi s.a.w. yang dinamakan Hukuman Qisos dan yang dinamakan Hukuman Hudud. Dimana Hukuman Qisos dan Hukuman Hudud adalah hukum yang dinasarkan oleh Allah yang memberi hak hanya oleh Allah s.w.t. kerajaan tidak boleh campur dalam perkara ini. Ini adalah milik Allah s.w.t. dimana orang-orang Islam yang berada di dalam kerajaan hendaklah tunduk kepada nas yang dinyatakan oleh Al-Quran. Mereka boleh bincang bagaimana nak menguatkuasakan undang-undang, bagaimana nak mengendalikan saksi, bagaimana nak mengedalikan mahkamah, bagaimana nak mentadbir undang-undang. Ini boleh difikir dan boleh dibincang tetapi undang-undang itu secara nas adalah milik Allah s.w.t.. Dimana Allah menyebut di dalam Al-Qur'anul-Karim secara nas dalam Hukuman Qisos sebagai contoh:

13 Mei 1998

بِالْحَمْدِ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَإِنْ شَاءَ كَتَبَ عَلَيْكُمُ الْعَذَابُ صَفْرٌ إِلَيْهِ الْقُدْرَةُ

Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu hukuman qisos dalam perkara pembunuhan. Dimana kalimah yang sama disebut dalam perkara kewajipan kuasa:

بِالْحَمْدِ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَإِنْ شَاءَ كَتَبَ عَلَيْكُمُ الْصِّرَاطُ

Wahai orang-orang yang beriman diwajibkan ke atas kamu berkuasa. Dipakai dengan perkataan *kutuba* menuujukkan bahawa ini adalah suatu kewajipan yang diamanahkan kepada orang Islam yang dimestikan menunaikan tanggungjawab tersebut. Dalam perkara hukuman qisos, ini adalah tanggungjawab pemerintah dan kita melihat bagaimana di dalam perkara qisos ini kita melihat tidak banyak halangan-halangan kerana di negara kita juga membenarkan hukuman bunuh, qisos juga membenarkan hukuman bunuh. Walapun ini kuasa kerajaan Pusat, tapi kalan kerajaan Pusat tak mahu, maka kerajaan negeri yang majoriti penduduknya orang Islam boleh melaksanakan dan boleh mendesak kepada kerajaan Pusat supaya membenarkan kerajaan negeri melaksanakan hukum ini di negeri yang majoriti orang Islam seperti di Terengganu, Kedah, Kelantan dan lain-lain untuk menjadi contoh. Dan kita melihat bagaimana perbezaan yang jauh di antara qisos dengan hudud yang diamalkan. Umpamanya, dalam undang-undang yang diamalkan oleh negara kita, undang-undang British yang berhak untuk memberi keampunan kepada penjenayah ialah Lembaga Pengampun. Lembaga Pengampun, dia boleh mengampunkan orang yang dijatuhkan hukuman bunuh. Sedangkan mengikut hukum qisos, orang yang berhak untuk mengampun ialah keluarga kepada simati. Ini dinyatakan oleh Al-Quranulkarim, kalau dalam perkara kecederaan maka orang yang menjadi mangsa itu berhak mengampun bukan Lembaga Pengampunan. Dimana kita melihat bahawa pengampunan yang dilakukan melalui Lembaga Pengampunan tidak boleh menghilangkan dendam yang ada di dalam diri orang-orang yang menjadi mangsa.

Kemudian dalam perkara hudud, kita melihat walaupun hukumannya adalah terlalu keras tetapi di dalam masalah saksinya adalah terlalu ketat. Untuk menjatuhkan hukuman, terlalu payah bukannya senang kerana saksi mestilah adil, tidak melakukan dosa besar, tidak berterusan mengerjakan dosa kecil, tidak terus menerus dalam melakukan perkara yang menjatuhkan maruah mestilah mempunyai bilangan yang cukup, dalam kes zina 4 orang yang mencukupi syarat-syarat saksi. Untuk menjatuhkan hukuman terlalu payah, tetapi undang-undang ini menggerunkan, menakutkan. Inilah yang penting dimana undang-undang ini mempunyai aspek pendidikan.

Apa yang berlaku di dalam undang-undang yang diamalkan sekarang tidak ada aspek pendidikan, tidak menggerunkan penjenayah, tidak menggerunkan bakal penjenayah. Ini suatu hal yang perlu difahami oleh kerajaan. Kerajaan hendaklah merasa bertanggungjawab dalam perkara ini walaupun di peringkat negeri dimana desakan boleh dibuat kepada kerajaan Pusat untuk menunjukkan contoh bagaimana cara Islam ini memberi kesan di dalam menangani masalah-masalah sosial. Kita tidak mahu kerajaan negeri hanya menjadi gerobok keretapi kepada kerajaan Pusat. Apa yang disebut oleh kerajaan Pusat, kita angguk - apa kenyataan yang dibuat oleh kerajaan Pusat semuanya angguk, ada yang faham dan ada yang tak faham. Bila kerajaan Pusat sebut, Wawasan 2020 habis semua bercakap wawasan 2020.

13 Mei 1998

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Waki Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, adakah kerajaan Negeri Kelantan juga salah satu gerobok-gerobok yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ADUN Rhu Rendang? Dato' Yang Dipertua, soalan saya - Adakah Kerajaan Negeri Kelantan juga salah satu daripada gerobok yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Untuk menjelaskan Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Negeri Kelantan telah meluluskan suru Kamus Jenayah Dua Negeri Kelantan dan telah dikemukakan kepada kerajaan Pusat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya mendedahkan dalam Dewan ini, telah menghantar surat kepada Kerajaan Negeri Kelantan memberi amaran, sekiranya kerajaan Negeri Kelantan melaksanakan undang-undang ini maka kerajaan Pusat akan bertindak. Kami tidak jadi gerebek dan kami masih terbuka dan kami telah membuka kepada kerajaan Pusat untuk mengadakan perbincangan.

Bahkan dalam sidang Parlimen baru-baru ini, saya sendiri telah mengemukakan dua usul kepada kerajaan Pusat dalam menangani masalah murtad dalam perkara itu murtad dan dalam perkara undang-undang murtad. Dikemukakan kepada kerajaan Pusat dan kerajaan Pusat merentah untuk saya mengemukakan dan membentangkan secara hujah tetapi ditolak secara diam-diam. Ditolak secara diam-diam. Dan saya mempunyai bukti bahawa Perdana Menteri pernah membuat kenyataan dalam ucapannya bahawa beliau tidak mahu kepada hukum hadud, tidak mahu kepada hukum Islam dan beliau menganggap bahawa hukum ini adalah tak sesuai diambilkan dalam negara ini. Apa yang menyedihkan saya, orang yang ahli dalam ilmu agama yang hadir sama dalam mesyuarat itu tidak memberi nasihat, tidak memberi hujah, hanya mendiamkan diri sahaja. Sekurang-kurangnya mereka memberi pandangan dan hujah berkenaan dengan hukum Islam dan undang-undang Islam, jangan menjadi setan bisu dalam majlis yang seperti itu. Ini menyebabkan orang yang tidak tahu seperti Perdana Menteri memberi tahu hal-hal yang seperti ini. Kita perlu menyedari bahawa perkara ini

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, perkara yang ada hubungannya dengan Perdana Menteri selayaknya di kemukakan di dalam Dewan Rakyat supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi penjelasan. Tidak guna Dato' Yang Dipertua, dibangkitkan di sini.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Oleh kerana Yang Berhormat Seberang Takir tanya maka saya jawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tak tanya hal-hal yang ada hubungan dengan Perdana Menteri. Apa yang saya tanya ialah hubungannya dengan kerajaan Negeri Kelantan yang sampai sekarang pun, seperti yang kita tengok bersama Dato' Yang Dipertua, masih menjadi dengan setianya sebuah gerobok, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Mengapa tanya hal Kelantan, tak tanya hak Terengganu? Oleh kerana itu saya jawablah hal Kelantan.

13 Mei 1998

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAII (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang Dipertua, kita tahu Yang Berhormat bersama-sama dua tiga orang Yang Berhormat yang lain menjadi Penasihat yang cukup pandai kepada kerajaan Negeri Kelantan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, ini merujuk kepada apa yang saya sebut dalam ucapan tadi masa kita amat terhad sebenarnya. Walaupun saya percaya masih banyak hujah-hujah yang akan diberi tetapi memandang kepada masa terhad dan mungkin ramai lagi yang nak bercakap dan saya bercadang bersedialah untuk berhenti, insya Allah.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Saya nak gulung - Menggulungnya Tuan Yang Dipertua, bukan saja kita mengalami masalah politik, masalah sosial, saya nak tekan dalam masalah ekonomi dimana kerajaan negeri bergantung kepada sumber tabii, sumber tabii hasil petroleum menjadi sumber yang diberi oleh Allah s.w.t. tetapi ditumpahkan kepada perkara-perkara yang tidak membina, yang tidak menghasilkan satu sumber yang lain sekiranya telaga-telaga minyak itu kering. Ini suatu hal yang berlaku, sebabnya tidak lain dan tidak bukan oleh kerana kerakusan dalam berpegang kepada faham materialisme yang mengambil kesempatan daripada kewangan yang banyak, yang ada yang tidak bersifir untuk melakukan sesuatu yang bersifat kepentingan kepada generasi yang akan datang. Di antaranya saya pernah memberi nasihat dalam masalah pertanian supaya menyediakan projek-projek pertanian yang menghasilkan makanan yang cukup bagi negeri. Saya masih ingat lagi, bila saya sampaikan perkara ini dalam Dewan ini ada Ahli-ahli Yang Berhormat menyatakan saya ulang hak tula, tiap-tiap tahun ulang hak tula. Memang saya ulang hak tula beberapa tahun. Saya memberi amaran sebelum daripada gejala ekonomi ini berlaku. Sekarang Alhamdulillah, kerajaan pusat sudah menerima pandangan ini, memerlukan kepada strategi ekonomi mencukupkan makanan negara sebagaimana yang dilakukan oleh negara-negara besar dalam dunia. Negara-negara gergasi industri seperti Amerika, Jepun, England dan lain-lain, walaupun mereka dianggap sebagai gergasi ekonomi tetapi mereka mempunyai persediaan makanan yang cukup.

Jepun memberi subsidi 99 peratus kepada pertanian makanan bagi negaranya, 99 peratus subsidi untuk mencukupkan makanan bukan subsidi untuk nak kempen pilihan raya, beri subsidi lembu dua ekor, beri dua tiga ekor untuk pilihan raya. Dua tiga ekor nak mencukupkan makanan bukan menyediakan ladang bagi mencukupkan daging bagi negeri. Ini sebagai satu contoh, banyak tanah-tanah yang terbiar, kita boleh ambil manfaat daripada empangan Kenyir yang banyak airnya boleh disalurkan ke kawasan-kawasan pertanian yang boleh menghasilkan makanan. Sepatutnya perkara ini sudah lama dibuat, sudah lama difikirkan oleh kerajaan tapi bila terhantuk kepala - bicut barulah nak sedar.

Dan mudah-mudahan kerajaan peka dalam amaran-amaran yang saya beri. Dan saya rasa sekadar itulah yang dapat saya berikan terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

13 Mei 1998

YANG BERHORMAT ENCIK LUKMAN BIN MUDA (Wakil Jabi): Bismillahi rahman
rahibi. Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPEMUA: Sila Wakil Jabi

YANG BERHORMAT ENCIK LUKMAN BIN MUDA (Wakil Jabi): Assalamualaikum, Dato'
Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pejawai kanan kerajaan, pemerhati yang
saya hormati sekalian. Minta maaf, Dato' Yang Dipertua takut tak dan sebab hari ini pended
sekerat hari, mungkin.

Saya bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana diberi peluang untuk bersama-sama dalam
membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah merasmikan Pembukaan
Penggal Persidangan Keempat Dewan Undangan Negeri Kesembilan pada semalam. Saya insya
Allah, tidak akan mengambil masa yang panjang dalam membahaskan Titah Ucapan kerana saya
akan pergi kepada perkara-perkara pokok yang telah disampaikan oleh kawan-kawan saya tadi
Yang Berhormat Permaisuri dan Ayah Cik kita, Yang Berhormat Rhu Rendang.

Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dalam Titah Ucapan Duli Yang
Maha Mulia Tuanku. Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah berpuas hati dengan program-program
program pembangunan yang telah mencapai matlamat semasa dengan peningkatan mutu
dan taraf hidup rakyat Terengganu. Kalan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sendiri telah berpuas
hati selaku Ketua Kerajaan yang sentiasa memerhati tindak-tanduk kita selaku Wakil wakil
Rakyat ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat, maka tidak syak lagi bahawasanya kepimpinan Yang
Amat Berhormat Dato' Seri Amar Di Raja, Menteri Besar Terengganu telah memperlihatkan
satu perkara yang amat baik dan patut kita contohi. Tidak kira sama ada kita dari Terengganu
ataupun kita dari Kelantan, kita dari pembangkang atau kita dari pihak kerajaan. Kerana persera
inilah sebenarnya yang telah diberi ataupun yang telah diperlakukan oleh Yang Amat Berhormat
Menteri Besar dengan barisan Exco dalam usaha kita untuk memantapkan keadaan
kehidupan, keharmonian kita di negeri kita ini.

Dalam titah ucapan Baginda yang lain, Baginda juga telah menyarankan supaya beberapa
program penggalakkan sama ada dari sektor pelancongan ataupun sektor-sektor lain diberi
penumpuan lagi kerana ini telah menjelaskan kepada kita bahawasanya melalui program-program
yang telah diaturkan oleh pihak kerajaan telah diberi satu ganjaran yang baik iaitu kita secara
tidak langsungnya telah menambahkan pendapatan kepada negeri kita ini dan juga kepada sektor-sektor
yang akan memberi pulangan. Contohnya, dalam industri pendidikan sebagaimana yang
dinyatakan oleh Yang Berhormat Exco Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Teknologi
Tinggi Terengganu.

Cuma yang menjadi masalah kepada kita sekarang ini ialah kita sentiasa menafikan apa tujuan
yang dibuat oleh pihak kerajaan. Saya tertarik sebagaimana kata Yang Berhormat Rhu Rendang,
menyatakan bahawasanya semasa perbincangan ataupun semasa apa, saya tidak tahu sebab saya
tidak Ahli Parlimen, insya Allah tahun depan saya bertanding Parlimen pulak, mungkin
menyatakan bahawasanya orang yang pandai agama ialah setan bisu. Tetapi kita tidak ada seram
bisu, yang kita ada jin bisu. Kerana jin bisu ini sebagaimana yang dinyatakan oleh saudara saya

13 Mei 1998

ADUN Permaisuri menyatakan bahawasanya masalah sembahyang dua masjid satu kampung yang begitu berleluasa di Parlimen Setiu. Saya ambil contoh, dalam DUN saya, DUN Jabi kita ada tujuh masjid dua kampung - tujuh kampung dua masjid dalam tu saya nak terang - ah tujuh masjid dalam dua kampung

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, ada tujuh buah kampung, dalam tiap-tiap kampung ada dua buah masjid.

YANG BERHORMAT ENCIK LUKMAN BIN MUDA (Wakil Jabi): Terima kasih Abang Mat (KITAWA), kita Setiu ni memang tolong menolong sebenarnya. Jadi yang menjadi masalah kepada kita pihak pembangkang selalu mengkritik kerajaan dia kata peringat tiap-tiap kali Dewan bersidang peringat sokmo, peringkat sokmo ke pihak kerajaan. Jadi, kita pun dok peringat sokmo, peringkat sokmo nak suruh betul masalah ni. Ini masalahnya gejala sosial kerana pada saya gejala sosial ni kita tidak ikut apa yang telah diberitahu, difirman dan juga disabda oleh Allah dan Nabi mengenai apa yang betul. Saya minta maaf, saya tidak pandai agama. Tapi saya nak royat secara *directnya* bahawasanya masalah kita sekarang ini, kita tidak payah fikir masalah bagaimana kerajaan nak membentuk negeri kita ini, nak memulihkan keadaaan, nak menambahkan pendapatan mengatasi masalah gawat tetapi perkara asal kita yang telah menjadi bala kepada negeri kerana salah satu kerena ialah daripada parti pembangkang. Saya yakin dan percaya bahawasanya kerana masalah ini sudah terlalu lama. Kita pihak kerajaan dan saya sendiri selaku Wakil Rakyat sentiasa berjumpa, sentiasa berbincang macam mana masalah ini berlaku? Macam mana masalah ini boleh berurutan sampai sekarang? Tetapi jawab mereka yang senangnya, kalau kita ada fatwa kata hak mula tak sah, gerenti kita mari sembahyang masjid kerajaan. Ini yang menjadi masalah.

Jadi, tuan-tuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita balik kepada asal iaitu dalam usaha kita nak memajukan negeri kita ini, kita jangan lalai, kita jangan lupa apa yang telah dibenarkan oleh kerajaan dan apa yang telah diarahkan oleh Allah s.w.t. dan apakah yang dilarang oleh Allah s.w.t. Jadi kita tak nak dalam Dewan yang mulia ini, kita bercakap, kita beri contoh Nabi Sulaiman, kita beri contoh Nabi Noh, kita beri contoh

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Saya rasa Dato' Yang Dipertua, kenalah kali ini Dato' Yang Dipertua sendiri atas nama Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Ummah memanggil mesyuarat, dalam masa dua tahun tak mesyuarat. Ditubuhkan Jawatankuasa tersebut untuk mengatasi masalah-masalah yang sering dibangkitkan. Kalau nak bangkit masalah dua masjid Dato' Yang Dipertua, kawasan saya Wakaf Mempelam dah ada Masjid Tokku Paloh, kerajaan bina masjid lain. Di Sungai Rengas, kawasan saya - masjid seberang jalan saja - dua masjid sekampung yang kerajaan bina. Kuala Ibai, 3 masjid. Mekah banyak lagi dekat-dekat. Jadi, biarlah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua sebagai Pengerusi panggil mesyuarat, dalam masa dua tahun dah tak bermesyuarat dan jangan ada lagi Ahli-ahli Dewan yang mengungkitkan perkara-perkara seperti ini. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK LUKMAN BIN MUDA (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, saya sambung sikit lagi. Masalah masjid yang kerajaan bina kerana masjid lama tu buruk, bina

13 Mei 1998

hak baru. Mekah memang banyak masjid. Tetapi soalnya sekarang, awak dia tu cukup tak cukup, maknum dia tu cukup tak cukup. Dan kalau susah sangat nak jadi Pengurus Perpaduan Ummah bila saya sendiri senang, bila saya panggil sendiri, mesti tak mari. Saya takutnya Yang Dipertua panggil, tak mari, sibuklah ada tulah, ada tulah. Jadi, kita kira siapa yang nak jadi, kalau kita kira ustaz Wahid, kita beri ustaz Wahid.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakil Mempelam): Dato' Yang Dipertua, saya cabar boleh kenunkakan siapa yang tak ada dalam mesyuarat? Sama ada kita pembangkang yang tidak ada dalam mesyuarat ataupun daripada kerajaan. Senang.

YANG BERHORMAT ENCIK LUKMAN BIN MUDA (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, soal nak panggil insya Allah, kita akan panggil. Kerana saya rasa saya dah akan dilantik Pengurus, insya Allah saya akan panggil (KETAWA)

Dato' Yang Dipertua, perkara yang menjadi satu kenyataan atau satu perasaan yang sedih kepada kita Ahli-ahli Yang Berhormat ialah usaha kita, dalam Dahl Yang Maha Mulia Tuanku telah mengiktiraf kepimpinan yang ada pada hari ini, kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amar Di Raja dan juga barisan Exco serta pegawai-pegawai kanan kerajaan dalam usaha untuk mempastikan bahawasanya rakyat di negeri kita ini dan juga program-program yang telah diadu ini mencapai satu tahap yang begitu membanggakan. Maka yang menjadi kenyataan seperti yang saya katakan tadi bahawa kita masih lagi tidak diberi pengiktirafan oleh rakan-rakan kita, Ahli-ahli Yang Berhormat di pihak pembangkang. Kerana saya telah difahamkan bahawasanya beberapa rombongan daripada Kerajaan Negeri Kelantan telah datang dan berjumpa Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, Dato' Seri Amar Di Raja, Menteri Besar Terengganu untuk belajar mengkaji dan mengetahui perjalanan pentadbiran yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita. Tapi sayangnya mungkin barisan rombongan yang datang ke Negeri Terengganu kita ini untuk mengetahui dan belajar tidak memberitahu kepada penasihat-penasihat kanannya daripada Negeri Terengganu kita sendiri.

Jadi, tuan-tuan Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara ini tidak akan dinafikan dan saya yakin kalau kita nak beritahu siapa siapa yang datang untuk nak belajar dengan kita, cara kita nak tadbirkan negeri, cara kita membuat beberapa program untuk meningkatkan taraf pendidikan membasmikan kemiskinan yang ada di negeri kita ini, sudah tentu kita akan kenunkakan namanya, insya Allah. Pihak kerajaan, saya rasa tidak takut dan tidak malu kerana kita berkata benar dan kita akan melakukan setiap perkara yang baik. Kerana percayalah wahai tuar-tuan Ahli-ahli Yang Berhormat dari barisan pembangkang kerana kita semua akan mati dan setiap kita mencintai syurga yang telah dijanjikan oleh Allah s.w.t.

Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat Bukit Tenggal -

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN ARU BAKAR (Wakil Bukit Tenggal): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan yang dirahmati Allah sekalian.

13 Mei 1998

Saya ingin mengambil kesempatan untuk menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang merangkumi pelbagai aspek dan pengharapan. Satu perkara yang menarik perhatian saya ialah berkenaan dengan sentuhan yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku ialah berkenaan dengan sektor industri pelancongan yang merupakan teras perkhidmatan di Terengganu. Sebagaimana yang kita sedia maklum pada tahun 1997, kita telah melancarkan Tahun Melawat Terengganu dan hasil daripada pelancaran Tahun Melawat Terengganu itu, kita telah dikunjungi lebih kurang satu juta pelancong sama ada daripada dalam negeri dan daripada luar negara. Seharusnya usaha-usaha ini diteruskan dan kita mengharapkan supaya industri pelancongan ini merupakan satu daripada pendapatan ataupun pulangan yang besar kepada Negeri Terengganu yang mana Negeri Terengganu ini mempunyai tempat-tempat yang menarik, tempat-tempat sejarah yang begitu unik dan juga tempat-tempat yang memberi kesan bukan saja dari segi kesan ilmiah dan juga kesan dari segi rohaniah.

Suka saya menyatakan di sini beberapa perkara berkenaan dengan untuk meneruskan lagi kedatangan pelancong-pelancong ke Negeri Terengganu yang lebih ramai. Kita seharusnya melengkapkan maklumat-maklumat mengenai tempat-tempat yang menarik dan juga perelokkan lagi usaha-usaha pemugaran mesti dibuat atau dipertingkatkan. Sudah pasti banyak tempat-tempat yang menarik yang boleh dikenal pasti dan dipugarkan untuk dijadikan pusat pelancongan dan menjadi satu daripada tarikan kepada Negeri Terengganu dan pendapatan kepada Negeri Terengganu ini.

Yang kedua, kita harus melengkapkan maklumat-maklumat yang betul kepada pemandu-pemandu teksi. Saya boleh sebut di sini, pemandu-pemandu teksi, pemandu-pemandu van, pemandu-pemandu bas ataupun konduktor-konduktor bas ataupun pemandu-pemandu beca dan juga organisasi-organisasi tertentu kerana terdapat kesilapan-kesilapan yang ketara terutama sekali daripada pemandu-pemandu teksi dan van. Bila pelancong-pelancong yang datang ke negeri kita ini bertanya sesuatu mereka itu beri maklumat-maklumat yang sangat berlainan - kata yang lebih tepat maklumat yang salah. Dan bagi melengkapkan kepada pemandu-pemandu teksi ini kita perlu beri, kalau katakan kursus, kita berikan kursus, kalau kita perlukan kuliah, kita berikan kuliah kepada mereka ini. Dan mereka ini juga perlu diberi penghormatan kepada kenderaan mereka. Umpamanya, kalau kenderaan teksi tu kita beri satu label, teksi ini boleh beri panduan kepada pelancong-pelancong dan hak yang tak boleh beri panduan kepada pelancong tu jangan beri label. Kalau kita pergi ke luar negara sekalipun, kita naik teksi mesti kita pilih yang dapat memberi maklumat kepada kita. Salah satu contoh yang telah diberi maklumat yang salah kepada saya sendiri, saya tak nak sebutlah nombor teksi tu - bila saya tanya berkenaan dengan Batu Bersurat. Jadi, saya pergi ke Kuala Berang itu hari - dia kata Batu Bersurat tu orang tulis, orang tulis atas batu, jadi batu bersuratlah, kata dia. Jadi, mungkin dia tak kenal saya

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, saya minta penjelasan sedikit - saya ingat dulu cerita dah ni, ke cerita hak lain pulak? Dulu pernah cerita dah hak ni, cerita hak lain pulak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN ABU BAKAR (Wakil Bukit Tunggal): Pernah cerita dah? Sekali lagi, tak dengar?

13 Mei 1998

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, dulu cerita dah kisah ni, saya mintak cerita hak lainlah pulak (KUTAWA)

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN ABU BAKAR (Wakil Bukit Tunggal): Tak apa, kita peringatkan. Tadi kata kita nak peringatku, ingat mengingat tu satu daripada yang barus kita amalkan.

Perkara yang ketiga iaitu kita harus juga pergiatkan latihan-latihan kepada pemandu-pemandu pelancong. Sebab saya melihat benda ni

YANG BERHORMAT ENCIK OTHMAN BIN MUDA (Wakil Ajil): Dato' Yang Dipertua, cerita tadi kalau boleh selesaikan, pasal kita dari Hulu Terengganu nak ambil tindakan. Cerita naik teksi tadi macam mana? Kalau boleh teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN ABU BAKAR (Wakil Bukit Tunggal): Cerita naik teksi tadi, maksudnya saya tanya berkenaan dengan Batu Bersurat. Saya kata batu bersurat ni dimana dijumpai? Jadi, dia pun tak bolah jawablah sebab mungkin pemandu teksi tu dia tak tahu. Tapi bila saya tanya - Batu Bersurat ni benda apa? Dia kata batu bersurat ni orang tulis atas batu. Betul dah dia jawab tu tapi kalau kena pelancong daripada luar negara ataupun luar negeri jadi benda tu dia buat balik ke negeri dia, beratlah kita kata orang. Jadi, kita mengharapkan supaya pemandu-pemandu teksi ni juga diberikan maklumat-maklumat yang lengkap supaya bila dia bawak orang tu dak payah orang tanya dia cerita selalu, sampai di Wakaf Tapai ni, kampung ni nama Wakaf Tapai kerana benda ni-benda ni. Itu maksud sayanya. Dan Kuala Berang ni, sebab apa dinamakan Kuala Berang? Dia cerita selalu. Mintak maaf lah ni.

Kemudian selain daripada itu jugak

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat, cerita pasal Tepoh sikit.

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN ABU BAKAR (Wakil Bukit Tunggal): Saya rasa kalau saya cerita sebuah kampung, ke sebuah kampung, kalau Yang Berhormat Rendang nak dua jam, saya boleh ambil satu hari satu malam. Jadi, saya mintak hak ni kita cerita luarlah tak usah cerita dalam Dewantara sebab orang lain nak ambil peluang nak cakap jugak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN ABU BAKAR (Wakil Bukit Tunggal): Kemudian perkara yang seterusnya ialah kita seharusnya menghidupkan juga budaya-budaya yang positif dan kraftangan-kraftangan supaya dijadikan demonstrasi dan juga penerangan-penerangan kepada pelancong-pelancong. Kita mengharapkan supaya punca-punca pendapatan negeri ini bukan saja daripada pendapatan lain dan kita mengharapkan punca industri pelancongan ni merupakan satu daripada punca pendapatan yang besar.

13 Mei 1998

Di samping itu juga saya mohon izin Dato' Yang Dipertua, saya mohon maaf supaya maklumat-maklumat ini juga diberi kepada pegawai-pegawai kerajaan dan juga kepada mereka-mereka yang dianggapkan penting kepada kemajuan pelancongan di negeri ini terutama sekali kepada Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan dimana kita mengharapkan supaya mereka ini apabila mengadakan kursus-kursus seperti di Pupuk Semangat, di institusi-institusi dan dimana-mana saja perkara ini patut didedahkan kepada mereka.

Di samping itu juga kita harus ingat untuk menarik pelancong ini, pelancong biasanya mula-mula dia datang ke negeri kita ni, dia nak datang ke Bandar Kuala Terengganu. Dimana Bandar Kuala Terengganu ini pusat pentadbiran dan pintu utama datang ke Kuala Terengganu ialah melalui darat dan juga melalui udara. Saya rasa melalui laut tu kurang dah. Salah satu pintu kedatangan paling utama ialah melalui udara terutama sekali daripada pelancong-pelancong luar negara. Yang mana kita mengharapkan apabila mereka datang daripada Lapangan Terbang Sultan Mahmud itu ke Bandar Kuala Terengganu ini sudah pastilah mereka akan melihat perkampungan-perkampungan dan juga pembangunan-pembangunan daripada lapangan terbang ke Bandar Kuala Terengganu. Kita mengharapkan supaya kerajaan dapat memberi perhatian yang serius, saya perlu ulangkan sekali lagi perkara ini walaupun saya pernah bercakap dalam Dewan pada sesi yang lepas, pembangunan serius di pinggir-pinggir bandar terutama sekali pulau-pulau dalam Sungai Terengganu, contohnya Pulau Duyung. Sebab hari ini Pulau Duyung dikunjungi boleh dikatakan tiap-tiap hari oleh pelancong-pelancong daripada dalam negeri dan juga luar negeri.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Yang Berhormat pernah tengok dak pelancong-pelancong mari?

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN ABU BAKAR (Wakil Bukit Tunggal): Ya?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat pernah tengok gok pelancong-pelancong hak mari?

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN ABU BAKAR (Wakil Bukit Tunggal): Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, memang saya tengok.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, kalau pernah tengok setuju gok dengan saya, 10% tu tak senonoh pakaian?

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN ABU BAKAR (Wakil Bukit Tunggal): Yang datang ke Pulau Duyung tu Yang Berhormat, saya tengok tu pakaiannya senonoh. Hak kat lain tu wallahu alam. Kalau ke Batu Buruk, wallahu alam, sebab saya tak pergi tengoklah sana tu. Sebab hak Pulau Duyung tu dia datang tu untuk melawat tempat pembinaan bot yang termasyhur di dunia, yang difokus dalam televisyen di seluruh dunia. Jadi, tempat pembinaan bot tu depan rumah saya.

13 Mei 1998

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, kalau Yang Berhormat dapat duduk dekat *airport* tu, boleh tengoklah maknanya separuh tu tak sampai 5% pun pakai baju.

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN ABU BAKAR (Wakil Bukit Tunggal): Saya tak pergi tunggulah di *airport* tu. Minta maaflah. Jadi, saya mintak sambung Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Batu Buruk tu yang dia tahu sangat, dia tengok ke? Yang Berhormat tengok?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTAIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, jenis-jenis hak mari tu saya kata 10% tak senonoh pakaiannya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHAMAD BIN ABU BAKAR (Wakil Bukit Tunggal): Saya pohon sambung Dato' Yang Dipertua.

Pembangunan di pulau dan juga di sekitar laluan daripada lapangan terbang harus diberi perhatian yang serius terutama sekali di Pulau Duyung tu saya kata tadi tiap-tiap hari ada pelancong-pelancong yang datang terutama sekali daripada dalam negeri pada musim cuti sekolah ni. Dan yang paling menariknya apabila mereka ni datang mereka selalu meninggat dalam perkampungan itu dan salah satu daripada yang jadi anch. minta maaflah, Pulau Duyung tu dibenteng di tepi di bahagian depan dan di bahagian belakang saja, di tengah dok benteng. Tetapi Alhamdulillah, saya telah mendapat jawapan daripada kerajaan negeri pembentengan tu akan disambung dan ditangguhkan oleh kerana kegawatan ekonomi. Surat tu ada kalau nanti tengok pun.

Dato' Yang Dipertua, satu lagi perkara yang saya nak sentuh berkenaan dengan sektor sosial. Negeri Terengganu merupakan satu negeri yang saya rasa sangat bertuah. Bertuah dalamerti katanya sangat murah hati. Kalau dibandingkan di negeri-negeri lain Negeri Terengganu adalah yang paling banyak sekali yang mengeluarkan bantuan bulanan kepada penerima-penerima bantuan. Hampir 20,000 kita keluar bantuan bulanan kepada penerima-penerima bantuan. Tetapi kita mengharapkan dalam kajian kita, bantuan ini tidak akan diberi secara berpanjangan dan usaha-usaha telabpun dibuat supaya mereka ini dapat berdikari dengan harapan supaya mereka ini diberi bantuan-bantuan modal dan juga menghasilkan hasil-hasil tangan seperti - saya mengesyorkan mereka ini mengeluarkan hasil-hasil tangan gayung yang dibuat daripada tempurung, maksudnya peralatan-peralatan lama supaya menjadi sebagai buah tangan ataupun kita kata sebagai cenderamata, timba-timba nipi dan kuih-kuih tradisional.

Dan kita sedia maklum, kerajaan telahpun membantu pihak-pihak ini dalam berbagai-bagai aspek terutama sekali bantuan modal yang dilaksanakan oleh kerajaan seperti melalui program Jaya Diri, program Amanah Ikhtiar, oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, oleh LKIM, oleh KEMAS, Jabatan Perikanan dan Yayasan Pembangunan Keluarga. Satu perkara yang menarik perhatian saya dan seharusnya menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan, Yayasan Pembangunan Keluarga ni bukan saja mengeluarkan bantuan itu bahkan diberi pulak cendermata kepada orang

13 Mei 1998

yang melahirkan anak lebih daripada enam orang. Ini satu perkara yang sangat menariklah tapi diberi kepada orang tertentu, saya tak beri setabot anak lebih daripada enam. Tak apalah mungkin saya tak layak.

Dato' Yang Dipertua, kita juga harus merenung kembali bahawa dalam kegawatan ekonomi dan pentadbiran kita harus diberi pujian. Sebab kecemerlangan pentadbiran jabatan-jabatan di negeri kita ini telah mendapat Anugerah Cemerlang seperti Pentadbiran Tanah Setiu mendapat peringkat pertama di peringkat negara. Dan Jabatan Tanah Kuala Terengganu mendapat tempat kedua di peringkat negara. Ini merupakan satu daripada perkhidmatan yang harus kita turut bangga. Dan saya juga telah dimaklumkan bahawa kita telah mendapat tahniah daripada Perdana Menteri sendiri bagaimana usaha kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita untuk menabung di kalangan Wakil-wakil Rakyat dan juga ditawarkan kepada pegawai-pegawai kerajaan. Dimana hari ini saya rasa Wakil-wakil Rakyat telahpun menjawab surat menabung sama ada melalui Tabung Hajji, ASDI dan sebagainya. Kalau tak silap saya melalui Tabung Hajjilah.

Kemudian saya inginlah mengambil peluang menyentuh sedikit politik wang ni. Saya nak sentuh bahagian hak sayalah, politik wang ni. Saya rasa tertarik jugak di kawasan saya pada tahun 1995 tu ada satu kempen yang dilakukan oleh Parti Semangat 46 yang semasa itu menjadi anggota sepakat dengan PAS - APU. Cerita ni bukan cerita dongeng, cerita sebenarnya. Di dalam masa kempen itu pihak 46, hari ni tak dok 46 tu - telah membuat satu cara kempen kata dia 'mak cik' kepada orang yang menerima bantuan miskin, 'mak cik kalau Parti 46 menang, kalau saya menang bantuan mak cik akan dinaikkan kepada RM200.00 - hak RM50.00 kita naik RM200', kata dia. Tapi malang sekaliilah Kawasan Bukit Tunggal di menangi oleh Barisan Nasional.

Jadi, cerita yang menariknya, dua minggu setelah saya jadi wakil rakyat kata orang, datanglah seorang hamba Allah yang menerima bantuan, dia mari menagih janji. Dia kata 'Cik Awang' dia tak panggil Yang Berhormat, dia dok kenal lagi Yang Berhormat masa tu, dia panggil Cik Awang. Dia kata 'Cik Awang, saya mari ni saya nak tuntut janji'. Saya kata janji apa mak cik - 'dulu janji dulu kalau menang mak cik hak boleh RM50.00 naik RM200.00'. Saya pun tanya, siapa yang janji dulu? Dia kata orang hak mengempen tulah janji. Jadi, saya kenal pastilah orang yang mengempen tu, saya tak nak sebutlah di sini, tapi memang orang 46lah, hak mengempen. Jadi, saya katalah kepada mak cik tu, hak janji tu bukan pihak saya, mak tahu dok mengempen. Jadi, saya katalah kepada mak cik tu, hak janji tu bukan pihak saya, mak tahu dok menang hak menang ni parti mana? Dia kata saya tak tahu menang hak mana, dia tidak tahu menang parti Barisan ke, parti 46. Jadi, saya kata saya tak bolehlah naik sebab bukan kuasa saya nak naik RM200.00, RM500.00, yang menaikkan ialah satu Jawatankuasa. Saya pun tanyalah dia, kata dah mak cik nak RM200.00 mak cik pangkah apa? Pangkah 46lah, pasal nak RM200.00, kata dia. Jadi, mak cik tak pangkahlah saya, tapi saya tak potong bantuan dia tu. Jadi, saya tanyalah dia - dah kalau mak cik pangkah 46, dah mak cik nak dah pitis RM50.00 ni? Eh .. nak Cik Awang, jangan potong, minta maaf, minta ampun. Ini politik wang, tapi tak bagi lagi wang, janji nak beri wang. Itu cara kempen yang dilakukan oleh parti 46 dul. Sekarang Parti 46 tak dok dah cuma saya sebutkan ni sebagai satu liputan sejarah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya suka juga menyentuh berkenaan dengan sistem pendidikan kita. Sistem pendidikan kita kalau dibuat perbandingan saya buat jugak

13 Mei 1998

perbandingan tapi tidaklah sedalam sebagaimana yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Rhu Rendang tadi, dalam sistem pendidikan kita hari ini kadang-kadang kita terlupa dalam kurikulum kita sendiri sudah ada diselitkan atau dimestikan kepada guru-guru ataupun pendidik-pendidik yang dikatakan nilai-nilai murni. Nilai-nilai murni itu sudah jadi teras sistem pendidikan kita. Umpamanya, dalam pengajaran kita-kira ataupun kita kata matematik, kita sebut satu maka dengan sendirinya pendidik itu akan mengaitkan satu siapa satu. Cuba kita sebut siapa yang satu ataupun kita kaitkan secara tidak langsung - Allah s.w.t. satu saja. Tapi dari segi pelaksanaan di rumah dan sebagainya itu kita tidak harus pertikaikan lagi sebab kadang-kadang pendidikan bukan saja kita buat secara formal di sekolah, tetapi juga di sekolah saya pasti benda itu telahpun dilaksanakan oleh guru-guru.

Dan sistem pendidikan di negeri kita ini banyak bersifatkan *locality* berdasarkan kepada Malaysia sendiri. Justeru itu marilah kita bersama-sama memberi perhatian agar sekiranya ada lagi kelonggaran-kelonggaran dalam pembinaan akhlak ataupun kegiatan sosial yang berlaku dalam negara kita, marilah kita sama-sama memperbaiki, janganlah kata orang Terengganu 'lok ke pihak kerajaan saja'. Umpamanya, saya beri contoh selatu, sebab saya beri contoh ni kena atas kepala saya, umpamanya ada satu ketika dulu bila ada satu orang buat salah kebetulannya, saya minta maaflah ni saya terpaksa sebutlah, yang buat salah tu orang tu memang saya pasti dia tak sokong saya - dia mengaku dia tak pangkah saya - jadi bila berlaku kesalahan tu, dia kata pergi jumpa wakil rakyatlah. Bila saya kata, ini bukan masalah wakil rakyat, ini masalah kita bersama maka pihak yang bertanggungjawab, orang-orang yang berkenaan dalam kawasan tu pun, dia kata wakil rakyat adakan, wakil rakyat buat apa. Seolah-olah dia nak melepaskan tangan bahawa benda itu tanggungjawab bersama. Pada hal saya tidak pilih sama ada dia tu orang PAS ke? UMNO ke? orang DAP ke? Orang apapun setelah saya menjadi wakil rakyat, saya adalah bertanggungjawab kepada rakyat dalam kawasan saya. Saya tidak ada pilihan, saya tak buat pilih orang PAS begini, tak begini. Orang PAS mari minta bantuan persekelahan di rumah saya, kalau saya beri bantuan kepada orang Barisan RM100.00, orang PAS pun saya beri RM100.00 juga. Sebab saya telah diamanahkan oleh Allah s.w.t. supaya kita menjalankan tugas seadil-adil yang mungkin.

Jadi, marilah kita sama-sama sekali lagi bersama-sama berganding bahu agar apa-apa kelebihan ataupun kelonggaran-kelonggaran yang ada itu sama-sama kita baiki. Janganlah kita fiki kita kita menyatahkan pihak kerajaan saja.

Sekian, walbiillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPEKU'A: Sila, Wakil Alur Limbat.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, semua pemerhati yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, pertama-pertamanya saya bersyukur kepada Allah s.w.t. dan mengucapkan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua, kerana memberi laluan kepada saya untuk turut mengambil bahagian membahaskan Titah Ucapan Sultan pada hari kematian. Perkara yang pertama saya nak sebutkan Dato' Yang Dipertua, soal berjimat cermat dalam suasana ekonomi

13 Mei 1998

kita yang semakin berat ataupun dengan istilah Exco kita sebut tadi, masih belum mantap. Walaupun pada peringkat awal dulu pihak kerajaan meramalkan soal ekonomi kita ini tidak mengambil masa hanya merupakan masalah sementara tapi nampaknya semakin berlarutan, lebih daripada enam bulan sekarang ni. Kemudian, walaupun banyak usaha-usaha pihak kerajaan, Menteri Kewangan sendiri dua tiga kali bentang di Parlimen, nampaknya masih belum pulih. Keadaan nilai ringgit kita semakin jatuh, harga barang makin naik, saham pun jatuh kepada orang bermiaganya. Cuma yang menjadi suatu fokus sekarang ui yang dimintak oleh pihak kerajaan ialah penekanan kepada rakyat untuk berkorban. Sehingga sekarang ni mintak barang-barang kemas, gelang atau apa pun mintak dilaburkan. Jadi ini menunjukkan bahawa kita sekarang ni berada di satu keadaan yang sangat kritikal.

Maka oleh kerana itu saya bersetuju sangatlah dengan seruan pihak kerajaan supaya rakyat kena ikat perut sikit dengan masalah yang kita hadapi. Saya tak berapa bimbang sangat dengan orang ramai Dato' Yang Dipertua, sebab kalau dia nak berjoli pun memang dia tak dok pitis. Yang saya lebih bimbang dan merasa sangsi ialah di pihak kerajaan sendiri sebab dia yang pegang amanah duit rakyat sama ada daripada royalti minyak, hasil cukai dan sebagainya bagaimana mereka buat contoh dalam berjimat cermat. Jangan nanti orang kata cakap tak serupa bikin. Sebab itu saya ada tanya dalam soalan saya pada pagi tak dam nak jawab, berhubung dengan suatu komitmen pihak kerajaan sendiri untuk mengurangkan pemberian ataupun elaun-elaun yang mereka nikmati selama ini. Saya bercakap ni sebenarnya bukan kerana rasa dengki, tak dok benda-benda macam tu. Cuma saya sebutkan tadi kalau kita bercakap biar kita kata ada contoh yang lebih sungguh sikit. Walaupun ada peruntukan kita tak berapa lahap sangat nak *claim* umpamanya, sebagai meraikan kesusuhan rakyat yang lebih berat dibandingkan dengan kita yang sudah banyak kemudahan. Barangkali kerajaan rasa berpuas hati dengan potongan 3 atau 5% itu.

Dan perkara ini saya tertarik dengan satu kisah yang terkenal, dalam contoh kepimpinan Islam yang berlaku pada zaman Saidina Omar iaitu Gabenor tu namanya, kalau tidak silap saya - Umru bin An'as. Dimana ringkas ceritanya dia telah dibawa kepada satu perbicaraan umum berhubung dengan perasaan tidak puas hati rakyat kepada beberapa tingkah lakunya di hadapan Saidina Omar sendiri. Pertamanya, ialah ceritanya setiap hari dia masuk lewat, masuk kerja - kita kata masuk pejabatlah. Yang keduanya, sehari dalam seminggu dia tidak masuk, tak nampak muka langsung. Yang ketiganya dia tak boleh jumpa orang pada sebelah malam. Jadi, Dato' Yang Dipertua, kalau kita kata zaman kita benda-benda macam ni benda biasalah, tetapi rupanya Gabenor ini, Umru bin An'as ini sebenarnya seorang yang hebat, yang mengagumkan. Dia dengan penuh rasa rendah diri telah memberikan penjelasan kerana rakyat tidak puas hati. Saidina Omar sendiri bawak kemuka orang ramai, dia memberikan jawapan satu persatu yang mengagumkan orang ramai pada waktu itu. Dalam kes pertama dia kata sebab dia mari lewatnya setiap hari semata-mata kerana bantu orang puan dia kisar gandum. Dan apabila ditanya Saidina Omar, bukankah dia diberi elaun, kita kata mudah cakap ialah pembantu rumah, dia mengatakan tidak sampai hati nak guna elaun itu kerana ramai lagi rakyatnya yang masih miskin. Dan bila ditanya lagi dalam kes kedua, dia mengatakan dia cuma ada baju sehelai saja. Tak nampak muka satu hari tu kerana nak basuh baju tu jugak. Kemudian ketiga tu, saya takut masa kecederaan ni saya tak payah cerita.

13 Mei 1998

Jadi, ringkasnya Ummu bin An'as ini kuat pada dia jaga amanah rakyatnya dan gambaran dia macam tu sekali sehingga Pegawai Baitumal kata, dia ni layak terima zakat. Jadi, oleh kerana itu Dato' Yang Dipertua, apa yang saya nak sampaikan mesej di sini bukanlah saya nak suruh Menteri Besar ataupun Exco-exco kita ni pakai baju sebelai ataupun takboh ada pembantu rumah, tidak. Cuma kita kata nak ambil cerita rob ini biarlah kita kata apabila kita menjadi pemimpin, biarlah kita ambil satu perasaan tanggungjawab yang lebih bersungguh dalam suasana kemelsetan, kegawatan ekonomi yang sedang kita hadapi sekarang ini. Kalau kita kata takboh ambil semua pun roh daripada cerita ini, jangan kita tolak semuanya.

Perkara yang kedua, saya sebut Dato' Yang Dipertua ialah mengenai masalah perumahan rakyat terutamanya rumah kos rendah yang jugak dititah oleh Tuanku Al Sultan supaya pihak kerajaan hendaklah meningkatkan prestasi dalam perkara ini. Walaupun ada Exco sebut tadi, tapi saya yakin dia jawabpun dia tidak berapa puas hati dengan prestasi kerajaan, dengan bantuan daripada pihak pemaju swasta untuk membina rumah yang betul-betul mencukupi keperluan rakyat yang sebenarnya. Jadi, dalam perkara ini kita bercakap soal kuantiti sejauh manakah kerajaan benar-benar komited dalam membangun dan jugak membina rumah-rumah kos rendah yang arana bilangan penduduk kita ni semakin bertambah. Jangan kerajaan nienjadikan masalah kegawatan ekonomi sekarang sebagai alasan untuk tidak meletakkan perkara ini sebagai suatu keutamaan.

Yang keduanya ialah mekanisme yang digunakan supaya pengagihannya, rumah-rumah yang telah siap dibina ini dibagikan dengan penuh keadilan. Saya dalam sidang-sidang sebelum pada ini, saya fikir saya antara yang banyak bercakap berhubung dengan soal perumahan ini. Kita selalu mengingatkan rakyat, kita selalu mengingatkan pihak kerajaan bahawa soal-soal keperluan hidup rakyat sama ada isu kemiskinan, pendidikan dan begini jugak soal perumahan ini jangan dipolitikkan nanti lambat laju kerakusan kita itu akan diperlihatkan oleh Allah s.w.t. dalam kehidupan kita pulak. Saya ada terima aduan dan buat siasatan sendiri perkara seumpama ini, contohnya dalam pembahagian rumah di Pekan Bukit Payung. Dimana ada kes kerana atas kes dianggap sebagai satu kesalahan atau dosa kerana dia orang PAS, namanya digugurkan sebagai orang yang layak memiliki rumah tersebut. Sedangkan hamba Allah ni sudah terima surat tawaran dan sudah bayar wang deposit sebanyak RM2.500 dan bayaran pindah milik sebanyak RM600 kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu. Saya ada suratnya. Pihak kerajaan boleh memberi apa saja alasan untuk menjelaskan perkara ini. Tetapi kita tahu, siapa di belakang yang melakukan kerja koter seumpama ni. Saya tahu ada orang menjadikan kawasan perumahan barn sebagai projek politik mereka. Saya dak sangkalah, dulu dalam masa zaman ABIM dulu, saya nampak bagus tapi bila masuk UMNO perangai tidak berapa jerus. Dalam saat-saat kita menghadapi kegawatan ekonomi biarlah kerja dan tindak-tanduk kita jurus sikit supaya ada keberkatannya dalam kita nak menyelesaikan sesuatu masalah dengan keadilan yang kita tunjukkan.

Dato' Yang Dipertua, perkara yang seterusnya yang saya nak sebutkan ialah berhubung dengan masalah air. Walaupun negeri kita ini belum lagi menghadapi masalah kegawatan air yang meruncing sebagaimana yang dihadapi di Lembah Kelang tetapi kerajaan tidak boleh memandang ringan masalah ini daripada segi persiapan jangka panjangnya. Masalah kita ni, apabila kita sebut satu-satu masalah yang ditimbulkan kegawatan, ekonomi, air dan seumpamanya selalu kita tepek - ini berhubung dengan faktor luaran, ini berhubung dengan faktor semula jadi. Jarang kita nak sebut perkara ini sebagai satu peringatan daripada Allah

13 Mei 1998

s.w.t. ataupun sebagai suatu bala daripada Allah s.w.t. di atas kelemahan-kelemahan kita, kemungkaran-kemungkaran kita, keangkuhan sikap dan cakap-cakap kita dan seumpamanya. Kadang-kadang baik orang bukan Islam pulak, saya ada teringat satu kes tanah runtuh di Genting Highland dulu ada Pengurus dia di situ sebut, dia kata itu Tuhan Allah punya kerja. Makna lebih bagus orang macam ni, walaupun dia orang bukan Islam tapi dia balik pada Tuhan. Tapi kita selalu sebut, ini masalah luaran, ini faktor yang di luar daripada kawalan kita dan seumpamanya.

Dato' Yang Dipertua, apa yang saya nak tekan di sini ialah tanggungjawab kerajaan bukan saja membekalkan air, tetapi yang tidak kurang pentingnya ialah mempastikan bekalan air kita itu mestilah berkualiti, bersih dan seumpamanya. Saya banyak terima aduan daripada orang ramai mengenai perkara ini iaitu air kita ni, bukan saya kata semua sekali ni, air kita ni setengah-setengah tempat banyak lagi hak kuning, banyak lagi hak berkarat dan seumpamanya. Paling akhir saya terima ialah daripada penduduk kawasan Dungun yang menggunakan loji air di Bukit Bauk. Kerana pengguna-pengguna di Loji Bukit Bank ni, saya fikir ni masalah lama dah orang kampung terima air dalam keadaan masin. Kita boleh tunjuk contoh dan Jabatan Bekalan Air sendiri pun memang ada keluar notis air hanya sesuai untuk membersih dan juga bukan sesuai untuk minum, itu maksud sayanya. Jadi, oleh kerana itu apa yang mendukacitakan saya ialah kes ini sudah lama sampai kepada pihak yang bertanggungjawab tetapi tiada tindakan yang benar-benar konkret telah diambil. Saya ada dengar cerita, masalah yang berlaku kerana pihak kerajaan terlalu nak jaga kepentingan pelabur-pelabur yang membuka industri mereka dari bertindak sewajarnya menyelesaikan masalah ini. Yang menjadi percakapan orang ramai sekarang ialah bagaimana kerajaan boleh meluluskan permit gali pasir sebegini banyak, sudah duduk *check*, lebih kurang 14 buah mesin sedut pasir ni daripada muara Kuala Paka hingga ke Durian Mentangau tempat pam air ni sehingga pam air di Durian Mentangau sekarang ni bukan sedut air sungai dah, sedut air laut dah - masin. Pengguna-pengguna air yang menggunakan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Alur Limbat ni dah tukar kawasan ke? Saya nampak dia bercakap hal Dungun saja, dia bertukar kawasan ke macam mana? Ke dah buat *preparation* untuk sekali lagi Dato' Yang Dipertua, di Dungun.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Insya Allah, kita tidak bertanggungjawab di kawasan kita saja, kita bertanggungjawab kepada apa saja perkembangan di Terengganu ni. Sebab itu orang bubuh di Terengganu. Jadi, Dato' Yang Dipertua, masalah yang berlaku ni saya bimbang. Dulu saya bercakap benda ni, katanya ada tindakan, berhenti sekejap sedut pasir ni. Selepas tu air moleklah. Apabila sambung balik sedut pasir ni air masin pulak - kawasan Paka, kawasan Kertih, di Felda dua, tiga ni memang terima air masin sokmo. Ada Jabatan Bekalan Air janji mulai sembilan haribulan lima air dak masin, tapi saya *check*, selepas subuh tadi saya *check* lagi sebab tu saya kata saya bukan nak jaga kawasan Alur Limba saja - saya *check* lagi, dia kata masin lagi.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat rasa di Paka ke selepas subuh tadi?

13 Mei 1998

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Ahur Limbat): Ya, kita ada kemudahan, kita ada telefonku?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Ahur Limbat ni, terlalu angkuh dengan *statementnya* dan dengan andaian-andaianya kerana kita mempunyai program. Program untuk mengatasi masalah air ni bukan program buat hari ini esok selesai. Tanya soalan dan insya Allah kita akan jawab, tetapi andaian dengan tidak ada tindakan. Kita mempunyai program untuk kesejahteraan rakyat Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Ahur Limbat): Terima kasih, saudara saya ni, kawan saya lama sebenarnya daripada ITM lagi. Tapi saya tidak tahu macam mana dia cepat sangat berasa hati selalu. Bolch jadi

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Sebab Yang Berhormat tidak bertanggungjawab. Kita menerima anugerah yang paling berjaya di Terengganu sistem pengurusan air untuk 1998, 1997 dan banyak lagi. Yang Berhormat patut tahu, jangan hak yang masalah, menang ada masalah dimana-mana sekalipun.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, ka-an berasa anugerah bolch macam ni, orang tukang beti anugerah tu tidak tahu jugak. Hadiah tak tepat tu.

YANG BERHORMAT MULIA ENGU BIJAYA SURA (Wakil Paka): Dato' Yang Dipertua, saya duduk Paka, dak minum air masin pun.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakil Mempelam): Di Paka, dak dengar Dato' Yang Dipertua, di Kijal bukan main seksa nak boleh air, air hak ada dahlah sikit, buat siram padang gooi.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, takut Wakil Paka ni, dia mandi lain minum lain sebab dia dak berasa (KETAWA)

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Ahur Limbat): Saya nak jawab gitu gok Dato' Yang Dipertua, takut masa tu dak duduk kawasan Paka dak.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua, sebab itulah Ahli Yang Berhormat Ahur Limbat ni kalah di Paka, sebab dia cakap tak serupa yang sebenarnya.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Ahur Limbat): Dato' Yang Dipertua, kita bercakap di Dewan ni bukan kita nak bergurau Dato' Yang Dipertua. Kita bercakap berdasarkan kepada fakta, saya cabar AHJUN Telemong adakah dia boleh menafikan ada bukti daripada Jabatan Bekalan Air bahawa air pada waktu dikeluarkan surat itu tidak sesuai diminum, adakah ke dak? Jangan cakap metambang

13 Mei 1998

YANG BERHORMAT MULIA TENKU PUTERA BIN TENKU AWANG (Wakil Telemong): Saya tidak menafikan, masalah yang saya katakan kita ada program untuk menyelesaikan masalah ini. Jangan membuat tohmahan bahawa kita tidak bertanggungjawab. Untuk mengatasi segara yang ditanya oleh Yang Berhormat, yang segera dan jangka panjang kita ada dan dah selesai sebagaimana kita katakan. Dan

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Saya dak kata pihak kerajaan tidak bertanggungjawab Dato' Yang Dipertua, saya ingat boleh *check* rakaman. Bahkan saya ucap terima kasih pegawai-pegawai kerajaan, Jabatan Bekalan Air yang bersungguh. Memang dia ada usaha, dia hantar nun tangki-tangki ke kampung-kampung tapi saya *check* dak cukup. Nak kabarnya memang air masin sungguh, tangki air tu dihantar di kampung-kampung, tapi dak cukup. Saya kabar masalah ni, masalah saya bercakap benda ni daripada tahun lepas lagi, sebab tu saya ulang balik supaya mudah-mudahan diambil tindakan segera. Jangan tidak nak bela dua tiga orang, orang-orang yang terlibat dengan projek pasir dan seumpamanya rakyat jadi mangsa. Takut-takut begitu, kalau tak dak Alhamdulillah.

YANG BERHORMAT MULIA TENKU PUTERA BIN TENKU AWANG (Wakil Telemong): Insya Allah, saya akan jawablah. Tapi andaian macam tu kita takboh. Bela orang tu, nak bela orang ni - tohmahan yang tidak bertanggungjawab.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, saya banyak nak bercakap bab air ni tapi saya bimbang kawan saya berasa hati banyak, tak apalah saya rai ke dia.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALIE BIN ABDUL RAHIMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, air tak cukup pokok banyak mati sekarang. Pokok durian, pokok duku, dokong banyak mati. Ahli Yang Berhormat daripada Batu Buruk pun kabar saya jugak daripada bulan satu sampai ke bulan lima ni kemarau pokok durian banyak mati, cuba cakap hal tu sikit.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Kita tak cakap air dak cukup, kita cakap air hak ada ni, hak dah boleh nak pakai. Sebab tu JBA sebut tu, air ni sesuai untuk mandi dan basuk saja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALIE BIN ABDUL RAHIMAN (Wakil Langkap): Dah bagus, Dato' Yang Dipertua, dia royat begitu. Kalau dia dak royat, kan orang minumkan jadi masalah pulak, itu dari strategi dipanggilkan tadbir. Tuhan duduk di atas mentadbirkannya hal ehwal makhluk dia. Jadi kita di sini pun cuba tadbir jugak masalah hal ehwal kita ni. Mana ada masa takdak masalah, pada satu-satu masa adalah masalah tapi kita tadbir. Tapi jangan buat andaian pasal korek sungai ambil pasir, nak bela beberapa orang ni, ini dia panggil *slanted* punya ucapan, tak comel Dato' Yang Dipertua, ucapan macam tu.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Insya Allah, kita doakan masalah ini tidak akan berterusan dan tindakan-tindakan yang begitu bersungguh-sungguh akan dibuat.

13 Mei 1998

Seterusnya Dato' Yang Dipertua, saya nak sentuh sikit dalam masa yang sangat terbatas ini kebimbangan kita bersama berhubung dengan kes-kes gejala sosial dalam masyarakat tertamanya di kalangan generasi muda ataupun remaja termasuk di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Sebutlah apa saja isunya sama ada ubat batuk, penyatahgunaan dadah, pergaulan bebas, simpan kondomnya, simpan bahan bucahnya dan sebagainya sudah menjadi perkara biasa sekarang ini. Dari satu sudut saya bersetuju untuk mengatakan bukan masanya sekarang ini kita menuduh jari kepada pihak tertentu dalam meletakkan kesalahan atau punca mengapa perlakunya perkara ini, sama ada mereka sebagai pemerintah atau kerajaan, atau pemimpin masyarakat, atau ibu bapak, atau anggota masyarakat keseluruhannya semuanya bertanggungjawab. Sebagaimana ayat yang disebut -

كُلُّ مُرْدٍ عَنْ رِعْيَتِهِ

Setiap daripada kaum adalah pengembala, yakni pemimpin dari setiap orang akan ditanya sejauh manakah tanggungjawab kepada rakyat atau kepimpinannya. Walaupun kita tidak menafikan peranan dan tanggungjawab yang perlu dimainkan oleh pihak-pihak lain, tetapi kerajaan mempunyai suatu tanggungjawab yang tersendiri yang tidak boleh dilakukan oleh pihak lain. Apa yang perlu dilakukan oleh pihak kerajaan ialah yang boleh dilaksanakan sekarang, kena laksanakan sekarang dan yang belum lagi dapat dilaksanakan, mestilah ada usaha yang bersungguh-sungguh supaya perkara itu dalam kemampuan dan biarlah ada *frame-work* dengan izin, yang jelas dan diusaha sungguh-sungguh di dalam melaksanakannya. Rakyat harus diodidik di dalam suasana keislaman yang bersih dan pada masa yang sama ditutup ruang-ruang yang membangkitkan cita-cita hidup bebas, berseronok, berimewah, melakukan kemungkaran dan sebagainya. Apa maknanya kita berekakap berdegat-degar, kita ada jaguh pendidikan kita yang hebat berekakap soal masa depan ummah dan sebagainya tetapi media massa kita, TV, radio, surat khabar kita bersikap hipokrit. Kita menganjurkan budaya metosakkah dan pemimpin lebih suka berekakap soal pembangunan kebendaan sahaja dari mengingatkan rakyat atas tujuan dan matlamat apa dijadikan oleh Allah s.w.t. Ini belum lagi masuk kepada perkara-perkara yang telah dibincangkan oleh saudara saya daripada Rhu Rendang tadi.

Pendek kata Dato' Yang Dipertua, harus ada tindakan secara bersepakut dari semua sudut dan bukan secara *double standard* dengan izin, barulah kita boleh tengok kesan dan barulah kita bolch kata sebagaimana Allah s.w.t. menyebut -

فَادْعُمْهُ تَحْوِيلَهُ

Apabila kita berazam dan membuat persiapan sungguh-sungguh untuk menangani persoalan gejala sosial kita ni baru kita bertawakal kepada Allah s.w.t.

Sehubungan dengan ini, saya tertarik dan mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah berusaha membangunkan sumber manusia sehingga betjaya mengeluarkan graduan pertama TATI baru-baru ini. Apa yang kita harapkan mereka akan menjadi pekerja yang mahir yang mempunyai kualiti mengikut acuan kita. Walaupun kursus yang diadakan sebahagian dengan kerjasama pihak Switzerland dan United Kingdom tidak bermakna kita terikat sepenuh dengan corak pendidikan mereka. Kita tidak mahu atas kerjasama ini pelajar-pelajar kita tidak mempunyai kualiti dalam soal pendidikan Islam. Saya ada terima aduan daripada ibu bapak yang menghantar anak mereka ke TATI, yang merasa bimbang dengan akhlak mereka kerana

13 Mei 1998

katanya kurang diberi perhatian dalam soal pendidikan agama kerana tumpuan terlalu diberikan kepada soal kemahiran. Tetapi kalau sudah diambil tindakan, saya mengucapkan syabas kerana penubuhan TATI masih baru senang kita nak *adjust* kalau ada apa-apa. Penubuhan TATI ini

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payung): Penjelasan, Yang Berhormat Dato'. Jadi, saya terima kasih banyak, beritahu balik kepada orang yang bertanya Yang Berhormat tahu siapa dia dua tahun lepas pun sama, kurikulum pendidikan agama Islam telahpun kita laksanakan di samping memberi kuliah-kuliah agama tambahan untuk membentuk akhlak dan sahsiah supaya kemahiran di kepala pun ada, tangan pun ada dan insya Allah di hati pun dapat, insya Allah itu yang kita buat sekarang.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHAYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Terima kasih. Itulah yang saya sebut tadi, kalau sudah diambil tindakan. Penubuhan TATI ini, Dato' Yang Dipertua, adalah perancangan kita sendiri yang sepatutnya kitalah yang mencorakkan pelajar-pelajar ini. Apa yang kita mahu Dato' Yang Dipertua, supaya pendidikan kita tidak terpisah antara memenuhi keperluan negeri dalam soal tenaga kerja dan pada masa yang sama memenuhi keperluan dan tanggungjawab mereka kepada Allah s.w.t. Oleh itu kita merasa bangga kalau hasil keluaran TATI ini dan jugak institusi-institusi IPT yang ditubuhkan di negeri kita ini adalah terdiri daripada pemuda-pemuda kita yang lincah dan menguasai kemahiran mereka dan pada masa yang sama mereka mempunyai akhlak yang tinggi dan menjadi kerja mereka sebagai satu ibadah hasil daripada pendidikan Islam mengikut acuan yang kita kendalikan.

Jadi oleh kerana masa yang tidak mengizinkan, saya setakat itu sajalah - Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguh Dewan dan akan disambung semula jam 2.30 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUJ 1.00 TENGAH HARI.

13 Mei 1998

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat disambung semula. Dijemput Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian membahaskan Titah Di Raja. Sia, Yang Berhormat Wakil Teluk Pasu.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAI BIN HAJI MAMAI (Wakil Telek Pasir);
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana mengizinkan saya berucap di dalam sama-sama berkongsi idea bagi membahaskan Titah Ucapan Di Raja, yang ada beberapa perkara menyentuh jiwa saya selaku anggota Dewan hari ini bertanggungjawab jugak memberi peringatan dan pesanan. Walaupun daripada insan yang kredil ini boleh jadi kepada kerajaan ianya perkara biasa, tetapi di atas tanggungjawab yang sama-sama kita akan hadapi di akhirat kelak maka perlu jugak peringatan diberi dan diutarakan. Ada lima perkara yang menyentuh perasaan, yang pertama ialah ucapan akhir Baginda Al Sultan yang di antara lainnya Baginda berharap agar usaha-usaha murni ini akan dapat keredaan Allah dan beroleh kejayaan.

Bila menyebut keredaan Allah s.w.t. maka keredaan Allah itu mestilah dan Allah Taala mensyaratkan dengan syarat ada berkait iaitu disyaratkan dengan adanya takwa. Kerana di depan kita ada satu ayat firman Allah utaata -

ما يتعلّم الله من المتقى

Sesungguhnya Allah Ittala terima hanya daripada orang-orang yang bertakwa. Dan kita sudah taham bahawa kerajaan dipandu oleh orang-orang yang diberi tanggungjawab memerlukan negara maka takwa itu mestilah didahulukan. Cumanya perbezaan pendapat, menafsirkan makna takwa. Jadi saya di sini ingin memperturunkan sebauh pertanyaan yang diajukan oleh Mu'az bin Jabal kepada Rasulullah s.a.w., Mu'az berkata -

من المفترض

Siapakah orang-orang bertakwa itu? Lalu Rastiullah s.a.w. bersabda -

نعم، انقران المشرفة و مدار

Satu kaum yang mengawasi dirinya daripada sirik dan mengabdiikan diri kepada patung berhala serta mengikhlaskan diri, mengabdiikan diri kepada Allah lalu mereka itu melainkan kepada surga. Oleh itu difaham hadis ini asas takwa itu ialah penolakan semua bentuk sirik dan mengikhlaskan pengabdian diri hanya untuk Allah s.w.t. Asas ini tidak akan tercapai kalau tidak diberikan pemimpinan kepada pembinaan insan dimana Titah Di Raja ini, didapati dari awal

13 Mei 1998

muka surat lagi harapan Baginda Al Sultan supaya penumpuan kerajaan kepada pembinaan insan itu dititik beratkan.

Oleh itu amat sesuai sekaliilah kita berbicara pada hari ini terhadap perkara tersebut. Apabila disebut insan maka ia terbagi kepada tiga unsur yang penting. Manusia terdiri daripada akal, tubuh badan atau jasmani serta hati. Maka sudah tentu tiga unsur ini perlu ditarbiahkan, dididik supaya mengeluarkan insan yang betul-betul berguna kepada Allah Taala, kepada masyarakat, negara dan individu-individunya sendiri. Oleh itu tarbiah akal ialah dengan menolak segala bentuk sirik dan meletakkan di dalamnya akidah yang begitu iaitu mengesakan Allah dalam apa-apa bentuk kehidupan ini. Begitu juga tarbiah kepada tubuh badan, jasmani ialah dengan didikan syariat Islamiah dengan meletakkan syariat Allah sebagai arah pandu dalam hidup dengan menolak segala bentuk perundungan yang lain daripada Islam. Tarbiah kepada hati ialah dengan mengosongkan jiwa dari akhlak-akhlak *mazmumah*, akhlak terkeji yang dianggap najis dan menghiasi diri dengan akhlak-akhlak *mahnudah*.

Oleh itu perlu disarankan kepada kerajaan supaya mengadakan tiga perkara, dengan tiga perkara ini diharapkan dapat mencapai apa yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. Yang pertama ialah kerajaan hendaklah merangka suatu sukanan tambahan terhadap tarbiah Islamiah atau pendidikan Islam walaupun kita sudah ada pendidikan negara. Tetapi penekanan yang begitu serius perlu diberikan terutama kita sebuah negeri yang bernama negeri Darul Iman - tempat keimanan. Maka alangkah sesuai dan patutnya oleh kerana kita ramai daripada kalangan orang beragama yang memerintah negeri ini supaya ada suatu wadah yang boleh dirujuk oleh semua negeri yang lain.

Yang kedua, harapan jugak agar kerajaan dapat memprogramkan program masyarakat yang dapat menolak dan menghindarkan rakyat daripada program-program *lagha* ataupun program yang tidak mendatangkan faedah malahan mendatangkan beban kepada masyarakat dan negara. Dan ini seperti mana firman Allah Taala, di antara orang-orang yang berjaya -

سَلَّمَ اللَّهُ مُنِعْ

Sesungguhnya berjavalah otei orang-orang yang beriman. Disebut ciri beriman -

وَمَنْعَمَ اللَّهُ مُرْسَلٌ

Mereka tentang terhadap perkara *tagha*, perkara yang meraiatkan mereka tinggal atau mereka membelaangi.

Saranan ketiga kepada kerajaan supaya adanya penubuhan badan *Hisbah* atau badan kawalan yang bertolak dari pelaksanaan hukum syariat Islamiah untuk menentukan keadilan dari semua pihak akan berkuatkuasa di negeri ini. Segala-galanya tidak akan tercapai kalau ianya tidak ada hasrat untuk menegakkan hukum Allah atau syariat Allah di muka bumi ini.

Perkara kedua, suka saya menyentuh tentang kegawatan ekonomi yang memberi kesan kepada semua perkara dan memang kita pun terasa. Semasa saya di bilik rehat ketika makan terdengar di hujung-hujung telinga terasa benar sikit kuih tahun ni. Jadi inilah satu contoh dan oleh kerana itulah bila menyebut perkara ini kadang-kadang kita boleh berlepas diri, saya tak katalah kerajaan berlepas diri, saya kata diri saya sendirilah - boleh jadi kita katakan yang kegawatan

13 Mei 1998

ekonomi berpinjaman dari luar. Tetapi kita pernahkah kita *bermuhasabah*, hitung diri kita terutamanya diri kita ini kerajaan supaya kita hidup sebagai budaya yang memeriksa diri bukan melihat kepada faktor-faktor luaran saja. Dimana budaya memeriksa diri dianggap satu perkara yang baik dan mencapai keredaan Allah s.w.t. Sabda Rasulullah s.a.w. -

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مَا تَعْلَمُ وَمَا لَمْ تَعْلَمْ وَمَا يَرَى وَمَا لَمْ يَرَى

Apabila Allah mengketahui sesorang huma itu baik, Ia akan beri yang pertamanya kefahtaman dalam agama. Keduanya, Dia akan melihat kearuan dirinya sendiri. Oleh itu adalah penting kita mengelakkan diri kita dari empat perkara, yang empat perkara ini membinaasakan semua orang. Sejarah telah mempamerkan bahawa empat perkara ini juga membinaasakan seorang yang pernah beribadat kepada Allah, 80,000 tahun mengikut setengah tafsir iaitu Azazil. Dimana perasaan ini kalau kita boleh hindari, kita dan kerajaan maka insya Allah, bantuan Allah akan dekat dengan kita, iaitu yang pertama - takbur, yang kedua - wujud, yang ketiga - riax dan yang keempat - sumah.

Suka saya menghuraikan perkara takbur ini - takril 'takbur' itu ialah memandang dirinya melebih orang lain, yang sifat kesempurnaan terutamanya memandang remeh temeh risalah Islam. Saya suka menyebut di sini sebagai suatu peringatan untuk diri saya juga dimana Allah Taala berfirman dalam hadis Qurdzi -

الحمد لله رب العالمين من نار عن سلطان

Sifat ketinggian itu pakauan atasKu dan sifat kebesaran itu pakaian bawahKu, barang siapa menentang dua sifat ini akan Aku hancurkan. Oleh itu perlulah kita menghindarkan sifat ini.

Dan sifat yang kedua sifat 'wujud'. Sebelum saya menyentuh 'wujud', suka saya menyentuh perkara 'takbur' supaya kita bersih dari sifat-sifat ini terutamanya orang-orang yang akan melaksanakan program daripada jabatan-jabatan kerajaan. Saya suka menyentuh dalam perkara Jabatan Pendidikan yang mana kita masing-masing jabatan ada perkara yang dipanggil rujukan dan rujukan kita kebanyakannya ialah jabatan Pendidikan yang kita harap Jabatan Pendidikan akan menjadi tonggak kepada keharmonian semua masyarakat. Oleh itu saya harap Ketua Jabatan dan pegawai-pegawaiannya hendaklah bersifat *tawaduk*, bersifat terbuka, dada terbuka dan merendah diri, adalah tidak luuk kalau kita merendah diri kerana sesiapa yang merendah diri Allah akan angkat diri. Dimana sabda Rasulullah s.a.w. -

Sesapa yang merendah diri, Allah angkat dia.

سَقَاطَ حُمْدَةَ اللَّهِ

Dan kerana itulah dalam perkara kedua saya akan menyebut bahawa sifat yang perlu dijauhi ialah 'wujud'. 'Wujud' ini satu perasaan bahawa kita saja yang lebih daripada orang lain dan di sana Allah Taala -

لَا تَزَكُوا أَنفُسَكُمْ فَرَأَوْهُمْ مِنْ أَنفُسِ

13 Mei 1998

Maka jangan kamu bersih diri kamu sedangkan diri Allah lebih tahu sesiapakah yang lebih bertakwa.

Dan sifat ketiga ialah 'riak' - buat kerja untuk menunjuk-nunjukkan dan yang keempat 'sunrah' memperbaikan kebaikan diri kita sendiri.

Oleh itu empat perkara ini dianggap sirik kecil yang perlu dijauhi oleh semua orang terutama kita memerintah negeri ini lebih kepada merujuk kepada hukum Allah barulah Allah Taala memberi bantuan kepada kita. Alhamdulillah, kita dianugerahkan Allah Taala dengan geografi Negeri Terengganu yang amat baik sekali daripada pandangannya bukit-bukau dan gunung-ganang serta tanah pamah masing-masing mempunyai keistimewaan yang mana gunung-ganang, bukit bukau itu tempat aliran sungai-sungai yang boleh dihasilkan ternakan dan tanah pamah untuk sawah-sawah dan pertanian. Suka saya sebut di sini, kurniaan ini perlu disyukuri dengan kita berfikir merancang suatu pertanian yang memberi manfaat kepada seluruh rakyat negeri ini. Dalam perkara meluaskan padi di daerah Besut dan Setiu, dan juga insya Allah di daerah-daerah saya harap melalui Jabatan Pertanian dapat mengusahakan dengan sesungguh-sungguhnya perkara pertanian ini terutama sawah padi. Kerana ahli ekonomi meramalkan hari ini Asia terutama Asia Tenggara mengalami keruntuhan atau kejatuhan nilai-nilai ringgit atau nilai mata wang. Tetapi diramalkan jugak sedikit masa lagi bukan jatuh nilai, barang takdak yang dipanggil 'inflasi'. Apabila inflasi berlaku lebih susah lagi daripada nilai jatuh. Dan untuk membuat persiapan inilah manusia perlu kepada makan maka sektor pertanian terutama padi perlu diambil kira dalam menghadapi inflasi yang bakal muncul, boleh jadi pada hari-hari yang kemuka.

Semua perkara yang disebut tadi, yang kita bicara tadi tidak akan terlaksana dengan jayanya kalau tidak adanya keadilan. Tidak saya menuduh keadilan itu keadilan pengurusan atau keadilan pentadbiran sahaja tetapi keseimbangan yang telah Allah Taala letak pada azali lagi telah kita nodai iaitu dimana Allah Taala berfirman -

أَلَا تَظْهِرُ أَمْيَنْتَ حَافِظُوا الْوَزْتَ

الْقَنْكَارَ وَدَخْنَرَ الْمِيزَانَ

Jangan sekali-kali kamu wahai manusia, melampaui batas neraca timbangan dan dirikan neraca timbangan dengan keadilan dan jangan kamu mengurangkan neraca timbangan. Ulamak Upasirim menafsirkan neraca timbangan ini ialah melaksanakan dengan hukum Allah s.w.t. Oleh itu bila ianya dinodai maka berlakulah kekurangan, sebagaimana disabdarkan oleh Rasulullah s.a.w. *مَنْفَصُورُ الْمِيزَانَ وَالْمِيزَانُ إِلَهٌ حَنْزَ*

بِالسَّمِينِ وَجْهُ الرَّسُولِ

Tidak mereka itu mengurangkan neraca dan timbangan kecuali mereka dibalakan dengan kekeringan, kekontangan atau kemarau dan kezaliman pemerintah. Oleh itu saya salah satu anggota Dewan ini, saya rasa tidak dapat duduk diam kalau saya tidak bercakap dan memberi peringatan kepada kerajaan yang Allah Taala kurnia kepada mereka memerintah. Cumanya harapan saya agar sama-sama dalam hati masing-masing merenung dan bercita-cita untuk merujuk kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w.

13 Mei 1998

Kenapa lah perasaan ini terlalu kesal dan pilu, boleh jadi lah jawapan dari Exco bahagian Agama terhadap soalan cadangan melaksanakan dan mentadbir undang-undang jenayah Islam itu; begitu ringkas dan kabur inilah memilukan saya. Scolah-olah menandakan ada permasalahan kepada beliau yang sengaja disembunyikan bagi menjaga beberapa kepentingan yang lain. Oleh itu sebagai seorang Ahli Dewan dan seorang kawan, yang mana

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Tukir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mencelah - buruk sangka ni tak baik, Dato' Yang Dipertua. Anggap-anggapan pun tak baik sebenarnya, Dato' Yang Dipertua, tidak sesuai dengan ayat-ayat yang dibaca tadi, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Rashid Ngah yang memberi peringatan kepada saya. Oleh kerana saya kata scolah-olah, saya tidak *torture* saya kata tu sebab kita manusia ni, kalau tidak Alhamdulillah. Saya kata kalau ada masalah, saya rasa macam ada masalah - saya rasa boleh jawab esoklah, insya Allah.

Tetapi ingatlah kita sebagai seorang insan kita dipertanggungjawabkan untuk mengutamakan kepentingan agama melebihi dari kepentingan-kepentingan yang lain. Kalau pun ada terasa apa yang saya sebut ini memang menjadi tabiat kita sesama memberi peringatan bukan saja tuan-tuan dari pihak kerajaan, jugak kami dari pihak-pihak pembangkang.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Wakil Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Ippoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahi rabbi alami wabihi nasta ni. Yang saya hormati Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat seterusnya Ketua-ketua Jabatan dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bagi bersama-sama dalam Titah Ucapan Tuanku Al Sultan, suka sava menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan Titah Ucapan tersebut untuk diambil perhatian dan pertimbangan daripada pihak kerajaan dan mereka yang terlibat bagi kepentingan rakyat Negeri Terengganu khususnya dan Malaysia amnya. Di antara perkara yang disentuh di dalam Titah Ucapan Al Sultan ialah berhubung dengan pembangunan insaniah yang perlu diberi penekanan di samping pembangunan sosial dan ekonomi. Walaupun perkara ini barangkali disebut namun ia juga tetap merupakan perkara penting bagi sebuah negara. Satu hakikat yang mestilah diakui bahawa usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan bagi mengimbangi di antara kemajuan pembangunan insan dengan pembangunan fizikal ini menampakkan suatu kegagalan. Apa yang kita dapat bahawa sama-sama maju, pembangunan sosial maju, pembangunan keruntuhannya akhlak pun juga - sama-sama naik. Ini satu kejayaan yang diperolehi oleh pihak kerajaan sendiri kerana memanglah seperti mana kita sedia maklum bahawa kerajaan mestilah dipertanggungjawabkan apa-apa saaja usaha-usaha yang dilakukan di negeri ini kerana amanah telah diberikan kepada mereka untuk membawa rakyat ke mana yang harusnya dihala-tuju. Kalau kerajaan benar-benar ingin mempastikan rakyat Negeri Terengganu ini menjadi rakyat yang mempunyai keperibadian yang

13 Mei 1998

mulia, keperibadian yang tinggi maka sudah tentulah program-program yang merupakan pendidikan rakyat berteraskan kepada Islam dilipat gandakan. Dan program-program yang boleh membawa keruntuhan keperibadian rakyat hendaklah dibasmikan.

Dato' Yang Dipertua, sesungguhnya kalau lihat apa yang disebut dalam Titah Ucapan Tuanku Al Sultan menekankan soal pendidikan. Kita tidak menafikan bahawa kerajaan telah banyak menyediakan pusat-pusat pengajian sama ada di peringkat prasekolah, di peringkat rendah, menengah sehingga ke peringkat yang lebih tinggi. Tetapi nampaknya usaha-usaha ini kebanyakannya ditumpukan kepada pencapaian kelulusan akademik tanpa kita melihat kepada kesungguhan membentuk keperibadian dan akhlak di kalangan para pelajar dan di kalangan remaja. Jadi, oleh kerana itulah apabila keadaan ini berlaku kesannya ialah gejala sosial, keruntuhan akhlak yang lahir daripada sistem pendidikan yang tidak mementingkan didikan agama yang berasaskan kepada tauhid sebagaimana yang dikhendaki oleh Allah s.w.t. Yang Maha Mengetahui terhadap keperluan makhluknya.

Dato' Yang Dipertua, sehubungan dengan itu kesan yang begitu ketara pada hari ini akibat daripada program-program maksiat yang disediakan atau lahir daripada pusat-pusat hiburan yang semakin tumbuh, dan juga pesta-pesta yang memberi kesan negatif yang dilibat sama dan yang digalakkan sama oleh pihak kerajaan. Pertamanya, kalau kita lihat pada hari ini, pada bulan ini Pesta Pantai diadakan secara besar-besaran sedangkan dalam masa yang sama kita dapatkan bahawa kerajaan memperkenalkan Wawasan SIIAT untuk melahirkan manusia yang bertakwa, manusia berilmu dan berdaya saing tetapi Wawasan yang sihat ini melahirkan manusia yang tidak sihat. Wawasan saja yang SIIAT tetapi manusia tidak sihat. Maksud saya tidak sihat ni, tidak bertakwa, tidak berilmu dengan ilmu sebagai ilmu - ilmu yang dikatakan ilmu yakni ilmu yang boleh memanfaatkan untuk diri dan juga masyarakat, seterusnya untuk membina negari ini negeri ini sebagai sebuah negeri yang direndai oleh Allah s.w.t. Sesuai dengan panggilan negeri ini 'Darul Iman', jadi kita semua sekali memang bersetuju negeri ini nama 'Darul Iman' sebagai mewarisi sejarah negeri ini. Tetapi kalau negeri saja sebagai 'Darul Iman' tidak ada guna kalau kerajaan dan rakyatnya tidak beriman.

Dato' Yang Dipertua, sehubungan dengan ini saya

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAJIMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, penjelasan - Ada ke maksud Yang Berhormat itu rakyat Negeri Terengganu ni terdiri daripada orang yang tidak beriman atau kurang beriman? Saya tak faham daripada ucapan tadi.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepoh): Ada yang beriman dan ada yang tidak beriman, Dato' Yang Dipertua.

Dato' Yang Dipertua, sehubungan dengan ini saya mencadangkan supaya pihak kerajaan menitik-beratkan pendidikan Islam dalam suasana yang ada pada hari ini dan untuk *survival ummah* ataupun rakyat di masa yang akan datang. Kerana kalaularah kita tidak mengambil berat soal pendidikan Islam di semua bidang kehidupan masyarakat pelajar, masyarakat belia dan masyarakat dewasa di negeri ini sudah tentulah apa yang akan terjadi di masa yang akan datang. Inilah perlu kita mengambil perhatian daripada awal-awal lagi. Oleh kerana kita yakin dan

13 Mei 1998

percaya bahawa apabila akhlak di kalangan rakyat rosak, jatuh berudum maka inilah akibatnya ekonomi kita pun jatuh berudum juga kerana berpunca daripada kemanusiaan itu sendiri. Kalau tidak dibina dengan akhlak yang mulia maka nafijah daripada inipun dia akan membawa kepada suatu keadaan yang tidak baik.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu saya mencadangkan juga di tempat-tempat rekreasi yang menjadi destinasi pelancongan bukan saja dalam negeri malupun luar negeri supaya diadakan kawalan-kawalan dan peraturan-peraturan bagi memastikan bahawa tempat-tempat rekreasi ini tidak disalah gunakan dan diubah menjadi tempat-tempat yang boleh merebaknya gejala sosial yang perlu dibendung dari sekarang ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu saya ingin menekankan juga dalam perkara yang berhubung dengan keadaan sosial. Kalau kita lihat walaupun kerajaan barangkali menyatakan untuk menegakkan sebuah kerajaan adil tetapi keadilan yang sebenarnya adalah diukur melalui netaca al-Quran dan sunnah Nabi s.a.w. Kalau kita lihat dalam soal pembahagian bantuan kemiskinan kepada rakyat, walaupun barangkali saya timbulkan dalam Dewan ini dan diperjelaskan oleh pihak kerajaan tetapi masih didapati bahawa ramai di kalangan rakyat kita yang tidak mampu, yang tidak mendapat hak yang sewajarnya. Walaupun beberapa alasan dikemukakan oleh pihak kerajaan, umipamanya diskriminasi politik masih wujud dalam soal pembahagian, pengagihan kekayaan terutamanya di kalangan masyarakat di luar bandar.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu saya ingin nyatakan juga dalam soal pembahagian duit hari raya dulu - yang tadi soalan saya tidak sempat dijawab - kita dapat bahawa pembahagiannya banyak berlaku penyelenggengan walaupun kita dapat ada satu syarat yang dikenakan oleh pihak kerajaan untuk sesiapa yang layak mendapat duit hari raya pada hari raya yang lalu, tetapi dari segi pembahagiannya tidaklah menepati dengan sasaran. Kita dapat bahawa ada di kalangan mereka yang layak mendapat tetapi tidak diberi ketulusan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, penjelasan - Saya baru dengar hari ni, kerajaan bagi duit raya kepada rakyat. Saya tak dengar lagi, hari ni baru saya dengar - kalau hari raya Cina dibagi *ang-pow*, hari raya puasa ni dibagi duit raya. Minta penjelasan, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bukan duit *ang-pow* ni, duit antuk persiapan menghadapi hari raya yang diberikan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Itu zakat, Dato' Yang Dipertua, bukan duit raya.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepoh): Zakat pun duit jugak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Bahah, tapi duit raya dengan zakat ni lain. Duit raya ni Yang Berhormat, hari raya hak budak-budak

13 Mei 1998

mari bagi seringgit, dua ringgit, tu duit rayalah tu orang panggil.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepoh): Duit untuk rayalah walaupun duit tu zakat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Kalau dak tahu tu, kata dak tahu sudahlah.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu saya ingin tekankan juga masalah yang dihadapi oleh peneroka Felda. Walaupun barangkali saya menyatakan dalam ucapan yang lalu tetapi perkara ini masih belum mendapat penyelesaian yang sewajarnya. Iaitu menyentuh soal harta pesaka dari tanah milik yang diberikan kepada peneroka Felda apabila seorang peneroka meninggal dunia maka harta pesakanya, tanah yang dimiliki itu diberi kepada waris yang seorang saja tidak kepada yang lain. Sedangkan mengikut hukum syarak bahawa semua waris berhak menerima harta pesaka ini. Jadi, kita harap supaya perkara ini dipindah oleh pihak kerajaan kerana dengan pindaan ini tidaklah merugikan pihak kerajaan dan jugak pihak peneroka.

Selain daripada itu khususnya saya menekankan permasalahan yang dihadapi oleh peneroka Felda Belara yang membangkitkan soal hutang yang ditanggung oleh mereka selama ini. Mereka membuat aduan kepada saya, hutang-hutang tidak tahu jumlah. Jadi mereka mahu pihak kerajaan campur tangan dalam soal ini supaya peneroka Felda tidaklah menanggung beban hutang sehingga selepas daripada mati pun masih tanggung hutang. Jadi oleh kerana itu kita mengharapkan suatu penyelesaian dibuat bagi mengatasi masalah ini.

Dato' Yang Dipertua, yang akhir sekali saya ingin menyentuh soal permasalahan yang berlaku di

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHIAZALHI BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, saya bukan mengganggu kerana saya nak bagi penjelasan nanti supaya saya tidak keliru. Yang Berhormat mengatakan tadi tanah milik peneroka tidak dibagikan mengikut *faraid*, itu maksud Yang Berhormat? Ataupun ada - itu tidak berapa jelas. Tanah milik ataupun dia menjadi peneroka dia meninggal, haknya itu diberikan kepada satu orang saja ataupun tanah yang sudah diberi milik kepada dia dipindahkan kepada satu orang saja, tidak mengikut *faraid*. Mintak dijelaskan.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepoh): Ya, tanah ini hakmilik, kemudian apabila dia mati hanya seorang saja waris yang boleh menerimanya. Sedangkan mengikut hukum syaraknya semua waris berhak menerima pembahagian harta pesaka.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang akhir sekali saya ingin menyentuh soal permasalahan yang berlaku di kalangan pekerja-pekerja Kilang Papan Metro Pacific Sdn. Bhd. Kekecohan berlaku di antara pekerja dengan syarikat kilang tersebut. Banyak atau ramai di kalangan pekerja-pekerja yang telah diambil tindakan termasuk pembuangan kerja,

13 Mei 1998

penggantungan kerja, penahanan claim, pangkat dan sebagainya. Jadi perkara seperti ini walaupun kerajaan dalam masa yang sama menggalakkan pelaburan dari luar negeri tetapi pekerja-pekerja tempatan khususnya rakyat Terengganu ini mestilah juga diambil perhatian untuk keadilan mereka. Jadi, oleh kerana itu kita minta kerjasama daripada pihak kerajaan supaya menangani masalah ini, janganlah perbalahan di antara pekerja dan Persatuan Pekerja-Pekerja Perkayuan ini terus menerus dengan pihak syarikat iaitu Kilaang Papan Metro Pacific Sdn. Bhd.

Jadi, itulah harapan saya dan saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Walbillahi taufiq wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, saya jemput Wakil Rantau Abang. Sila -

YANG BERHORMAT HAJI SHAFIE BIN DAUD (Wakil Rantau Abang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Mulia Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa terkilan sekianya tidak sama-sama dalam membahaskan Titah Ucapan Di Raja yang berlaku pada pagi semalam. Kerana dalam Titah ini ada perkara yang menarik perhatian saya. Walaupun perkara ini telah disentuh beberapa orang sama ada pihak kerajaan ataupun pembangkang iaitu mengenai tenang penekanan kemajuan rohani dan jasmani. Saya rasa pihak kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telahpun berjaya menerapkan nilai-nilai murni kepada masyarakat Negeri Terengganu. Sebenarnya saya hidup dua zaman - sebelum merdeka dan lepas merdeka. Pada tahun 1957, pada masa itu saya dapati sekolah agama hanya sebuah saja di Kuala Terengganu iaitu Zainal Abidin Sekolah Inggeris Sultan Sulaiman dan juga Grammar School. Tapi pada tahun 1958, semua daerah telah diwujudkan sekolah-sekolah agama di Dungun, Kemaman, Marang, Hulu Terengganu, Besut. Jadi, di sini bahawa lepas saja merdeka tumpaknya kemajuan agama ini telah diambil berat dan serta merta telah menubuhkan institusi agama ini. Dengan ini memberi peluang yang lebih besar kepada rakyat Negeri Terengganu untuk mencari ilmu pengetahuan tentang agama Islam. Kerana ini menepati dengan tuntutan agama Islam sendiri kerana menuntut ilmu pengetahuan ita merupakan suatu yang wajib kepada orang Islam.

Kemudian pada peringkatnya, sekarang ini sekolah agama pendek kata begitu banyak sekali dan kemuncaknya daripada sistem sekolah agama Terengganu ini! Lahirlah apa yang kita katakan KUSZA iaitu Kolej Agama Sultan Zainal Abidin. Inilah kemuncak sistem pendidikan agama Negeri Terengganu yang dipelopori oleh kerajaan Barisan Nasional. Barangkali sahabat saya Wakil Manir, memang bersama dengan saya, barangkali Wakil Tepoh jugak sempat sipi sipi sudah tentu telah dapat menikmati bersama-sama belajar di Sekolah Zainal Abidin ini. Pada masa itu penuntutnya tidak begitu ramai, hanya jumlahnya tak lebih daripada 200 orang. Itulah kemajuan agama. Jadi, atas itulah maka sebahagiannya ada antara kita yang menduduki Dewan ini pun daripada pendidikan Sekolah Agama Zainal Abidin.

Kemuncak daripada sistem pendidikan agama ini, Kerajaan Pusat juga oleh kerana melihat begitu banyak penuntut penuntut agama telah berselerak di seluruh negara telah menubuhkan

13 Mei 1998

Universiti Kebangsaan Malaysia dan diwujudkan satu fakulti Islam. Sebenarnya fakulti Islam ini asasnya daripada Kolej Islam sendiri. Ini menunjukkan bahawa kerajaan Barisan Nasional memang peka terhadap pendidikan agama ini. Jadi, kita tidak boleh mengatakan kerajaan tidak mengambil berat tentang pendidikan agama, saya rasa itu tuduhan yang tidak tepat.

Kalau kita tengok pula perkara lain, sekarang ini pertumbuhan masjid-masjid, sekarang ini di seluruh Negeri Terengganu bilangan masjid tak kurang daripada 480 buah masjid, suraunya beribu-ribu. Tetapi sayangnya walaupun masjid begitu banyak tetapi masih ada juga di kalangan kita cuba mendirikan masjid-masjid yang lain untuk mendirikan Jumaat. Ini satu perkara yang menyedihkan. Sedangkan dalam Islam kita boleh mendirikan masjid yang lain sekiranya masjid itu tidak dapat menampung jemaah. Tetapi saya rasa masjid kita di Negeri Terengganu memang besar masih lagi mampu untuk menampung jemaah-jemaah sembahyang Jumaat kita. Ini barangkali saya rasa ada perkara lain

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Penjelasan, Dato' Yang Dipertua - Salah ke diri masjid?

YANG BERHORMAT HAJI SHAFIE BIN DAUD (Wakil Rantau Abang): Memang tidak salah, tetapi kita memang ada aturan dan peraturannya. Kita boleh diri masjid seberapa banyak yang boleh tetapi kita mestilah ikut peraturan yang telah digariskan oleh fatwa sendiri. Kerana mengikut Negeri Terengganu sendiri Fatwa Mufti - kita boleh mendirikan masjid jarak masjid sekurang-kurang satu batu, tetapi ada masjid-masjid yang didirikan kurang daripada satu batu. Ini menjadi masalah. Tujuan sebenarnya kita buat fatwa ini supaya kita umat Islam di negeri ini bersatu padu, tidak timbul masalah. Jadi, di antara punca-punca perpecahan yang ada sekarang ini sedikit sebanyak berpunca jugak daripada pembangkang. Ini pendapat saya.

Kemudian ada jugak lagi menyatakan kita memang kerajaan negeri telahpun mengambil berat sangat tentang masalah kemiskinan. Mengikut laporan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Dungun saja bantuan yang kita berikan kepada penerima kebajikan masyarakat Daerah Dungun saja menyamai sebuah Negeri Melaka. Makna banyaknya kita beri bantuan kepada orang susah. Tapi yang

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan - Ke orang Melaka takdak miskin, yang takdak ramai terima - takdak orang miskin?

YANG BERHORMAT HAJI SHAFIE BIN DAUD (Wakil Rantau Abang): menunjukkan banyaknya kerajaan beri kepada orang miskin di daerah Dungun saja. Irtinya di sini, manapun ada terdapat orang-orang miskin dengan tidak mengira kumpulan mana, asal miskin kita beri. Kemudian, saya rasa dukacita jugalah ada tohmannan atau tuduhan kita tidak memberi kepada parti-parti pembangkang. Sebenarnya ada sebab tak beri. Kadangkalanya begini - parti pembangkang ni dia berasa kadang-kadang takbur, sompong. Maksud saya begini - kita beri kepada A, katalah UMNO, kadang-kadang kita beri kepada B - PAS, UMNO tak dapat. Apa bendamu, mu masuk UMNO saja bantuan tak dapat. Jadi, ini dapat complain daripada orang UMNO sendiri. Jadi mahu tidak mahu keadilan, memang dalam keadilan kita maknanya kita

13 Mei 1998


beri yang hampir dulu, orang sokong kita beri dulu - itu biasa, itu adil. Kalau kita ada anak kita, takkan kita beri anak orang dulu. Itu *fair*, adil.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Rantau Abang ni, barangkali terlupa orang sokong boleh dulu, orang bangkang boleh kemudian, dia terlupa. Jangan kita mengatasi sifat Allah s.w.t. - Tuhan dia beri belaka, orang kafir pun beri, orang Islam pun beri, takdak dulu - kemudian. Jadi, maknanya orang UMNO ni dia berlagak sombong pada Tuhan lagi.

YANG BERHORMAT HAJI SHAFIE BIN DAUD (Wakil Rantau Abang): Sebab tu kita, erang kerajaan kalau kita buat jalan raya, semua orang PAS boleh laju. Sekarang kita buat jambatan ni, semua orang PAS kita tidak sekat.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Pasal dia ambil pitis belaka, dengan orang PAS pun dia ambil pitis gok. Orang laju ikut tu kena 50 sen belaka.

YANG BERHORMAT HAJI SHAFIE BIN DAUD (Wakil Kentau Abang): Yang itu pasal nak bayar, itu soal lain. Kalau tak nak bayar laju ikut sana - jauh. Ini adil, apa erti adil -



Kita letak suatu pada tempatnya. Kalau dia tak sokong kita, tak beri tak apa. Adil, saya rasa adil.

Kemudian masalah Felda, saya pun ingat jugak sebab saya ni hidup lama. Dulu tahun 69, Felda Jerangau, kita cuba kempenlah penduduk-penduduk sekitar Jerangau tu supaya pindah ke Felda - tak ada orang nak pindah. Kerana ada penghasut-penghasut mengatakan bahawa kalau awak pindah ke rancangan Felda ini awak tidak akan dapat apa, cuma dia beri RM69.00 pada masa itu. Maka orang-orang tempatan Jerangau tak pindah. Akhirnya apa jadi, akhirnya kita hanyalah menjadi tukang tikam tandan, orang lain tanke, kita tikam tandan. Inilah akibat daripada dakyah-dakyah yang dibuat oleh parti pembangkang - saya sedih.

Kemudian kita dalam Titah Ucapan semalam ada menyatakan Baginda Sultan telah membolon supaya kita menekankan masalah pertanian, ini saya rasa wajar kita buat. Alhamdulillah, kerajaan Negeri Terengganu sendiri telahpun buat, walaupun perkara ini tidak disahkan cuma itu hanya untuk diperingatkan lagi, kerajaan telahpun mengambil perjalanan yang dahulu daripada ini. Saya masih ingat lagi, masa tahun 66-an, masa aruah Dato' Ibrahim Pikri dulu, kita nak ambil nak ganti penutupan Bukit Besi. Pada masa itu tak salah sayalah kalau ada duit pun cuma sekitar RM50,000 atanpun RM500,000 saja nak buat ladang di Sungai Tong. Tetapi dengan kesungguhan kerajaan negeri pada masa itu, dengan hasrat supaya nak memberi pekerjaan kepada pekerja-pekerja Bukit Besi, Alhamdulillah dengan berkat kesungguhan akhirnya Ladang Sungai Tong berkembang begitu rupa sehingga sekarang ini kita dapatkan bukan hanya dapat menumpung pekerja-pekerja Bukit Besi tetapi telah memberi hasil pu'langan yang besar kepada kerajaan Negeri Terengganu sendiri. Dengan itu, sekarang ini pulak kerajaan negeri telah menubuhkan di bawah Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT), menubuhkan Ladang Rakyat yang berjalan dengan baik. Kemudian Kumpulan Ladang-ladang dan baru-baru ini saya dapat laporan bahawa pihak Ladang-ladang ini mendapat keuntungan yang

13 Mei 1998

besar sehingga Iadang Rakyat, saya kira telah mendapat keuntungan RM12 juta. Satu kejayaan yang besar. Kita patut beri pujian kepada pihak PMINT kerana telah berjaya di dalam pengurusan pertaniannya.

Kemudian, saya memang berasa simpati dengan apa yang diucapkan oleh sahabat-sahabat saya Wakil Teluk Pasu. Dia kata, kita ni sebagai orang Islam seharusnya kita jangan ada perasaan takbur, perasaan wujud, perasaan riak, perasaan sumah - itu memang ajaran Islam. Tetapi apa yang diamalkan setengah daripada kita sebaliknya. Kerana saya lihat apa yang dibuat oleh parti pembangkang sekarang ini, kalau ceramah-ceramah mereka secara besar-besaran. Ini saya rasa sama ada nak kategorikan sebagai 'riak' ataupun ia dia 'wujud', atau sumah. Kalau 'riak' boleh kata jugak nak memperlihatkan manusia, itu ada tujuan lain, tujuan politik. Sebab itulah kita lihat sampai sekarang pun nampaknya Parti PAS masih lagi tidak dapat nak memerintah negeri ini kerana kemungkinan ada perasaan-perasaan 'wujud', perasaan 'sumah', perasaan 'takbur' dalam diri, sebab itulah nak buanglah sifat tersebut. Sebab itulah orang UMNO, Barisan Nasional dia tidak ada sifat 'takbur', kalau kita buat perjumpaan hanya dua tiga saja sebuah rumah, itu saja sikit-sikit - tak ramai, tak tunjuk orang. Ini lebih berkesan, lebih berjaya. Tak kata orang pulak tu, kita cuma beritahu kita saja. Sebab itulah saya rasa, kena ikutlah orang UMNO. Dan kalau boleh saya rasa, saya seru semua kalau boleh orang PAS ni masuk UMNO semua.

Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPIERTUA: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan Dewan dan disambung balik jam 3.50.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.25 PETANG.

13 Mei 1998

PUKUJ 3.50 PIHANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat disambung semula dan saya jemput Yang Berhormat Wakil Wakil Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakil Mempelam): Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pejawai kerajaan, para pemerhati yang saya hormati dan saya kasih sekalian. Pertama-pertama saya syukur kepada Allah s.w.t. kerana saya dapat berpeluang untuk menyatakan dan bercakap sedikit sebanyak. Mengucap terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua dan pada satu hari tadi kita telah mendengar ramai di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat telaipun memberi pandangan dalam membahaskan Titah Ucapan Tuanku Al Sultan semalam. Dan saya insya Allah, akan mengambil masa yang sedikit untuk memberikan pandangan saya tentang beberapa perkara yang saya rasa perlu diberi beberapa ulasan.

Yang pertama Dato' Yang Dipertua, saya perhatikan di muka surat dua bila menyentuh masalah kegawatan, disebutkan bahawa faktor-faktor luaranlah yang menyebabkan berlakunya krisis yang tersebut yang tidak dapat dikawal oleh negara. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, fakta ini bagi saya amat mengelirukan dan perlu diberi penjelasan yang lebih teliti. Oleh kerana sebelum daripada ini pun Dato' Yang Dipertua, pihak kerajaan senantiasa menanam dalam pemikiran rakyat bahawa asas-asas ekonomi kita kukuh, *fundamental* kita kukuh, pertumbuhan ekonomi sebelum ini tumbuh dengan kadar lebih daripada 8% setahun selama lapan tahun berturut-turut. Pelabur asing dan dana asing datang mencurah-curah, pasaran saham naik dengan cepat dan indeks saham di BSEI mencecah lebih daripada angka seribu empat ratus mata, bank-bank kita kukuh dan dikatakan stabil. Persoalannya sekarang Dato' Yang Dipertua, kenapa situasi ekonomi merundum dan dikejutkan dengan kegawatan yang memberi kesan ketara kepada pertumbuhan ekonomi. Kenapa bila kita kata asas ekonomi kita kukuh, *fundamental* kita kukuh tetapi tidak mampu dan tidak ada daya tahan antuk menangkis apa lagi untuk nak kawal faktor-faktor daripada luaran.

Perdana Menteri, saya ingat lagi bila berlaku krisis ekonomi yang mula-mula sekali kata George Soros, spekulator wang yang menyebabkan antaranya punca kegawatan ekonomi. Tanpa dia sendiri tidak mengakui yang dia sendiri pula boros, sekarang tengah duduk buat rumah besar di Putra Jaya. Enam bulan mengambil masa untuk nak mengatakan kepada Soros tanpa tizak duduk dan memberitahu secara tepat, secara terperinci punca sebenar yang berlaku kegawatan yang kita di Terengganu pun terasa jugak terasa jugak panas dan peritnya. Tetapi bila George Soros cabar untuk berdebat di Hong Kong, dia tak berani walaupun dua-dua pada masa itu berada di Hong Kong. Sebenarnya Dato' Yang Dipertua, pakar-pakar ekonomi telah membuat analisa dan menegaskan bahawa kerja spekulator saja tidak boleh dan tidak mampu untuk mengganggu-gugat ekonomi sesbuah negara. Hakikat sebenarnya ialah asas ekonomi negara tidak kukuh.

13 Mei 1998

Ekonomi negara tumbuh bukan atas asas produktiviti yang tinggi tapi atas asas sebab modal asing dan buruh asing, di samping hutang asing yang terus meningkat. Negara menghadapi masalah defisit akaun semasa yang sangat tinggi, sama tinggi dengan negara Mexico yang bankrap pada tahun 1994. Nilai mata wang kita jatuh sehingga ke paras 45 hingga 50%, indeks saham jatuh dari seribu empat ratus mata kepada paras kurang daripada enam ratus mata menyebabkan lebih daripada sembilan ratus bilion ringgit Malaysia hilang di pasaran saham, cukup untuk dua tahun pengeluaran negara. Ekonomi negara tumbuh bergantung kepada hutang dan dana asing. Hutang luar sektor swasta meningkat 80%, hutang kerajaan meningkat 32%, hutang bank dalam negeri meningkat 30%. Ekonomi yang berteraskan hutang dalam sistem kapitalis yang mengamalkan riba dan *interest* termasuk Negeri Terengganu yang dijangkakan pada tahun Negeri Terengganu akan dapat RM9 juta daripada pelaburan dalam bank, dalam *fixed deposit*.

Selain daripada itu kedudukan kewangan yang saya sebutkan tadi, faktor lain ialah rizab antarabangsa negara yang rendah berbanding dengan Singapura dan juga politik wang dan rasuah yang makin ketara dan teruk dalam negara dan dalam negeri yang telah banyak dikupaskan oleh Ahli daripada Rhu Rendang tadi. Jadi kemelut dan kegawatan serta krisis ekonomi sekarang sebenarnya telah menjadi *crisis of confident* dengan izin Dato' Yang Dipertua. Krisis keyakinan dimana sekarang ini pelabur asing dah buat lari dana. Dalam bulan Februari, pada bulan Februari yang lepas bukan saja pelabur asing, bukan saja rakyat asing tapi rakyat Malaysia sendiri, rakyat tempatan sendiri telah buat lari keluar duit kerana tidak yakin kepada sistem kewangan yang ada. Dalam keadaan ini pun kepimpinan negara sibuk untuk menyelamatkan syarikat-syarikat anak-beranak dan syarikat-syarikat kaum kerabat, dan syarikat-syarikat yang ada kepentingan dengan parti pemerintah, yang tenat walaupun terpaksa guna tabung dan duit rakyat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALIE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Dia sebut sumber makluamt tu, ini sumber pakar ekonomi dalam negara ke ataupun di surat khabar dan majalah asing, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua, laporan yang saya kemukakan ni ialah laporan yang boleh disahihkan dan laporan yang diterima daripada laporan-laporan yang diterbitkan dari masa ke semasa oleh pihak kerajaan sendiri. Dato' Yang Dipertua, rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang berlaku di kalangan ahli politik telah menular sampai ke negeri kita. Sehingga ada di kalangan pegawai di Terengganu ini yang saya difahamkan telahpun dimintak untuk bersara awal.

Jadi, Dato' Yang Dipertua, umumnya bila saya tengok dari segi Titah Ucapan Tuanku Al Sultan semalam, kejatuhan ringgit dan seterusnya kemerosotan ekonomi negara secara keseluruhannya jugak telah memberi semacam sedikit nafas baru atau menyegarkan semula sektor pertanian khususnya dalam bidang pengeluaran makanan. Semasa kegawatan ekonomi pertengahan tahun 80-an dulu, pernah berlaku kegawatan ekonomi dan kerajaan pada waktu ini memperkenalkan Buku Hijau, program Buku Hijau. Tetapi sekarang ni tidak ada kesungguhan nampaknya dia nampaknya dikempen sekadar untuk tanam pokok, tanam sayur secara hidropenik. Walaupun kita tidak nafikan bila bercakap sektor pertanian ini Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri

aku meang luarkan Dasar Pertanian Peringkat Negeri. Tetapi dalam keadaan itu pun kita dapat rasa bawa i apot hasil-hasil pertanian dan bahan makanan terus meningkat. Ini ialah kerana, saya rasakan Dato' Yang Dipertua, kerajaan tidak secara bersungguh untuk memikir dan melaksanakan kerja secara *integrated* untuk mempastikan pengeluaran makanan dalam negerinya cukup. Pada satu ketika dulu, saya ingat lagi sibuk dengan pembinaan padang-padang bola, lepas tu dengan padang-padang goif, tanpa kita tidak mampu dan tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk membuka tanah-tanah ataupun kawasan-kawasan pertanian yang baru. Walaupun kita akui di negeri kita rakyat ramai yang miskin tidak ada kerja, tanah dan kawasannya begitu luas.

Begitu juga dalam sektor perikanan, kita masih lagi tertumpu kepada jeti-jeti untuk pelancungan dengan tidak memberikan, bukan saya kata tidak memberi langsung, tapi kurang tumpuan dan perhatian kita kepada bot-bot dan jeti-jeti perikanan. Sebagai contoh di Kuala Besut, Dato' Yang Dipertua, di Kuala Besut, saya dapat bahawa apa yang ada di Kuala Besut dengan permasalahan airnya cetek, yang tohor pelabuhan perikanan di Kuala Besut yang adanya sedikit sebanyak bot tetapi ikan takdak. Bot perikanan hampir 80% mendaratkan ikan mereka di To' Bali, Kelantan. Jadi, Kuala Besut hanya hidup dengan jeti pelancungan untuk ke Pulau Perhentian. Jadi itu sebabnya Dato' Yang Dipertua, saya mintak kalau boleh pihak kerajaan agar membuat kajian dan penilaian semula Dasar Pertanian.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALI BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, saya mintak maaf Dato' Yang Dipertua, ni *sweeping statement* kalau mengikutkan maklumat yang ada pada kita Dato' Yang Dipertua. Pelabuhan Perikanan adalah pelabuhan perikanan yang mendaratkan ikan yang paling banyak di Negeri Terengganu. Jadi, janganlah Yang Berhormat berucap buat *sweeping statement* gunakan fakta. Memang betul diakui ada lagi bot daripada negara kita yang mendaratkan ikan di negara asing. Ini diakui oleh kerajaan dan tangkah-langkah sedang diambil. Tapi kalau Yang Berhormat berucap macam itu tentulah tidak betul dan mengelirukan, memberikan gambaran yang tidak tepat sama sekali. Itu saja Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUH WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

Jadi, saya mintak sungguh-sungguh agar pihak kerajaan negeri membuat kajian dan penilaian semula Dasar Pertanian Negeri untuk kita lihat sejauh mana ianya telah capai objektif dalam konteks kemerosotan ekonomi sekarang dan boleh membantu dalam menampung pertambahan hasil pertanian khususnya makanan dalam negeri ini. Kita tidaklah sekadar buat cadangan, saya ingat lagi Ixo yang baru memberi jawapan tadi Dato' Yang Dipertua, dia buat cadangan dalam Dewan yang lalu supaya agar rakyat negeri ini kurang makan nasi. Sekadar buat cadangan kurang makan nasi kerana dikatakan bahawa rakyat Terengganu makan nasi 96 kilo setiap banding dengan rakyat negeri lain hanya 80 kilo. Kalau makan sayur rakyat Terengganu dan buah hanya 14 kilo kurang, berbanding dengan negeri lain 25 kilo. Tapi sebenarnya Dato' Yang Dipertua, ini ialah manifestasi daripada kemiskinan rakyat yang tak mampu beli buah dengan mahal sangat, rok beli nasi saja, beli beras untuk anak. Jadi, Dato' Yang Dipertua, itu pun beras naik, hari ini saya difahaman 30 sen sekilo pulak Dato' Yang Dipertua.

13 Mei 1998

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, saya beri penjelasan. Yang saya sebut itu, bukan saya sebut secara dasar atau secara berya-ya, sebut itu dengan izin Dato' Yang Dipertua, *as a humour* ataupun sebagai satu *joke*. Tapi kalau tidak begitu pun Ahli Yang Berhormat ini patut ingat, Ahli Yang Berhormat daripada Rhu Rendang, dia menyebut tentang Dasar Pertanian Jepun, Jepun *support* pengeluaran beras dengan memberi subsidi kepada petani-petani. Tetapi di Jepun itu pun ada kempen dan di Korea ada kempen supaya rakyat makan nasi kurang lagi, lebih daripada separuh. Tetapi itu tidak menjadi salah. Disebutkan ni menjadi satu perkara yang dah nak dijadikan bahan yang besar-besaran. Itu saja Dato' Yang Dipertua, terima kasih. *Please be rational*lah dengan izin, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi, Dato' Yang Dipertua, satu lagi cadangan yang saya ingin kemukakan kepada pihak kerajaan negeri ialah supaya difikirkan semula untuk membuka secara meluas permohonan untuk buka tanah-tanah pertanian untuk tanam bahan-bahan makanan supaya kita lebih *rational*. Dan saya dapat mengikut maklum balas yang saya terima bahawa golongan petani yang *genuine farmer* dengan izin Dato' Yang Dipertua, mereka ini tidak memiliki tanah sendiri yang mencukupi untuk aktiviti pertanian. Mereka terpaksa teroka tanah kerajaan dan setengahnya pulak terpaksa sewa tanah orang. Ini hakikat yang berlaku supaya difikirkan perkara-perkara yang seumpama itu.

Jadi Dato' Yang Dipertua, satu perkara lagi yang saya nak sentuh sikit ialah berhubung dengan bidang pendidikan dan jugak pembangunan sumber manusia yang jugak disentuh dalam Titah Ucapan Tukuan Al Sultan semalam. Iaitu berhubung dengan peluang anak Negeri Terengganu untuk menyambung pelajaran ke universiti makin sengit. Kerana kita dapat sejak akhir-akhir peluang mereka-mereka yang mendapat kejayaan atau keputusan peperiksaan yang cemerlang untuk menyambung ke seberang laut barangkali dah agak tertutup, walaupun tak rapat tutupnya tapi agak terbatas oleh kerana kemelut dan masalah kewangan. Jadi, oleh itu usaha ataupun ikhtiar kita untuk meramaikan anak negeri melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi di negara kita ni jugak agak terbantut. Kerana saya dapat Dato' Yang Dipertua, semenjak penswastaan institusi-institusi pendidikan tinggi di negara kita ini kosnya terlampau tinggi. Dan saya difahamkan oleh seorang ayah, seorang ketua keluarga yang mana telahpun hantar anak dia untuk mengikuti kursus matrikulasi. Sekarang ini kursus matrikulasi pun banyak yang telah *difrancaisikan* - untuk kursus matrikulasi saja tiga semesta bayaran yang dikenakan RM13,500.00. Itu belum mengaji betul lagi tu, baru matrik RM13,500.00. Dahlah

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAI (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam memberi kenyataan dari institusi pengajian swasta mana yang mengenakan untuk tiga semesta RM13,000.00.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua, salah satunya yang saya difahamkan ialah Sunway, institusi pengajian tinggi swasta bukan hak kerajaan.

13 Mei 1998

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang Dipertua, harus jugak difikirkan bahawa mungkin terdapat di dalam kos yang dikenakan itu belanja makan, tempat penginapan tidak semata-mata bayaran fees, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan, Dato' Yang Dipertua, tak termasuk bayaran makan, belanja-belanja lain dan *accommodation* ataupun penginapan. Belanja belajar saja - RM13,500.00. Jadi, gambaran yang saya ingin beritahu kepada Dato' Yang Dipertua, dengan keadaan rakyat Terengganu, dengan kos yang begitu tinggi saya bimbang Dato' Yang Dipertua, akhirnya dasar ini akan memecahkan golongan anak Terengganu untuk mendapat peluang yang saksama untuk belajar kalau mereka tidak mampu dan tidak dapat peluang belajar di institusi pengajian tinggi awam yang barangkali harganya agak murah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang Dipertua, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau kita hantar lebih ramai ke Sunway Kolej? Adakah Yang Berhormat mementingkan Sunway Kolej daripada kolej-kolej swasta yang lain?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua, saya tidak memberi gambaran bahawa kita utamakan yang swasta, tapi kalau tidak ada pilihan

YANG BERHORMAT HAJI ABIDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat tidak memberi gambaran tetapi Yang Berhormat menyebut begitu dengan jelas disaksikan oleh Ahli-ahli dalam Dewan ini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua, saya ingiu nak meringkaskan masa kerana ada lagi yang hendak bercakap, kalau nak jawab boleh jawab esok Dato' Yang Dipertua.

Saya memberi gambaran oleh kerana saya memerhatikan bahawa dalam keadaan sekarang ni dengan kegawatan ekonominya, dengan peluang pelajaran yang akan dinikmati oleh anak-anak negeri ini, kita bimbang takut wujud semacam ada kasta-kasta pulak di kalangan anak Terengganu. Yang ada duit macam anak-anak Abli Yang Berhormat tu barangkali tidak menimbulkan masalah sangat.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan, Dato' Yang Dipertua, nampaknya Yang Berhormat Wakaf Mempelam nak gaduh ke lain dan banyak fakta-fakta yang meleset dibawak ke dalam Dewan ini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Cuba jelaskan fakta apa yang meleset?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang gaduh sangat tu nak ke mana?

13 Mei 1998

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tak gaduh apa - masa terlalu suntuk yang diberi dan saya nak beri peluang ada lagi yang nak bercakap dengan masa yang terhad.

Dato' Yang Dipertua, ada satu lagi contoh berhubung dengan pendidikan. Pihak MARA sebagai contoh, dia membuat semacam syarat. Oleh kerana sekarang dah tidak biasiswa semua kena buat pinjaman, dia buat syarat seorang ayah hanya boleh jamin, saya difahamkan dua orang anak dia saja untuk melanjutkan pelajaran. Tapi di Terengganu ni memang hak lebih dua anak orang ramai, saya sendiri sembilan orang anak Dato'.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Penjelasan, Dato' Yang Dipertua, setahu saya MARA tidak semua dibatalkan biasiswa, ada setengah-setengah kursus dia terus bagi biasiswa. Program-program *twinning* dengan Amerika Syarikat dalam bidang-bidang tertentu dia bagi biasiswa, dak kira yang mampu dak mampu masih diteruskan. Jadi, kenyataan Wakil Wakaf Mempelam tu tak betul, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tak sebut biasiswa Dato' Yang Dipertua, saya sebut pinjaman dan pihak MARA hanya menghadkan bagi seorang penjamin, ayah sebagai penjamin hanya membenarkan dua orang anak saja. Ini yang saya rasakan barangkali akan timbul banyak masalah. Kalau ayah sendiri tidak dibenarkan menjamin anak, siapa lagi? Tidak orang nak jamin dalam keadaan situasi yang ada sekarang ini Dato' Yang Dipertua.

Dato' Yang Dipertua, hak akhirnya Dato' Yang Dipertua - saya tengok-tengok ada jugak disentuh berhubung dengan kakitangan kerajaan dalam ucapan Titah ini dimana disebut bahawa kemelesetan ekonomi

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, penjelasan - Jadi, Wakil Wakaf Mempelam ni cakap berkaitan dengan perkara-perkara yang dasar kerajaan, perkara-perkara yang penting. Kalau kita nak bincang perkara-perkara dasar yang sangat penting kepada negara, kita kena bincang secara teratur satu persatu jangan buat macam naik roket ke bulan. Jadi tak betul cara begitu. Kita bincang, kalau kata kolej swasta mahal, apa sebab kolej swasta mahal? Untuk siapa dia buat kolej swasta? Banyak perkara, banyak faktor yang perlu dikaji. Jangan bagi *sweeping statement* begitu Dato' Yang Dipertua. Kalau kita bercakap macam tu, orang kata kita ni tidak begitu matang. Saya tak berani kata benda tu bodoh, daklah maaf Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh main perkataan bodoh, bodoh le ni Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak boleh.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dak boleh - Jadi, Dato' Yang Dipertua, kemelesetan ekonomi ni menjejas semua pihak, umumnya terlibat rakyatnya, golongan peniaganya, petaninya termasuklah pegawai kerajaan. Dan saya difahamkan bahawa saya juga mengambil kesempatan di sini mengucapkan

13 Mei 1998

terima kasih kepada pegawai-pegawai, dalam macam mana susah pun mereka terus menjalankan khidmat mereka dengan cemerlang. Walaupun saya difahamkan bahawa mungkin tahun ini tidak ada kenaikan barangkali, kenaikan tahunan gaji. Saya tidak tahu setakat mana di Terengganu ini, kalau-lah duit banyak barangkali boleh timbang untuk dibagikan supaya tidak ada sekawan ataupun apa-apa yang menjelaskan kenaikan gaji tahunan mereka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALI BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, ucapan bermotif politik.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya orang politik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALI BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Bermotif politik. Jadi, kita taham Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih. Jadi, Dato' Yang Dipertua, oleh kerana saya dapatiti bahawa salah hak lepas-lepas dah selain daripada kenaikan gaji tahunan, ada yang kenaikan gaji kalau dapat kerja cemerlang cara menegak, ada cara melintang. Tahun ini nampaknya menirap semuanya. Jadi, walaupun bagaimanapun saya harap sungguh-sungguh kalau pihak kerajaan untuk khususnya di Terengganu ni

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Ini merupakan satu kenyataan yang memalukanlah. Ada dalam SSB mengatakan kenaikan *menirap*. Jangan bahan rambang gok kita ni. Dato' Yang Dipertua, bukan main-main ini serius Dato' Yang Dipertua. Tadi dia jet pegawai kerajaan, sekarang dia menjatuhkan maruah pegawai kerajaan. Ada nirap, nirap ni - hak nirap batik rumahlah, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua, ada orang yang sensitif dengan ucapan saya. Walaupun bagaimanapun saya ucap terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, bukan sensitif, ini maruah tu - mintak tarik balik, nirap-nirap ni benda apa ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT Wakil Wakaf Mempelam): Jadi, Dato' Yang Dipertua, yang akhir sekali Dato' Yang Dipertua, saya dapatiti ada satu fakta yang tidak berapa tepat dimana dicatatkan di sini dalam Ucapan Titah Tuanku, terdapat lebih kurang 4,000 keluarga termiskin pada masa ini di Terengganu. Saya rasa fakta ini tidak tepat. Fakta yang dikeluarkan oleh Dr. Ibrahim Saad, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri kepada satu perjumpaan, saya sebut dah di sidang yang lepas, kepada pegawai-pegawai kerajaan seluruh negeri Sarawak, negeri Sabah, Negeri Terengganu. Jumlah di negeri Terengganu keluarga termiskin 8,600 orang dan disokong pulak oleh angka yang dikeluarkan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia, di Terengganu sebanyak 8,634 keluarga termiskin bukan 4,000. Fakta ini perlu diperbetuli untuk memberi gambaran yang jelas bahawa Terengganu masih ramai keluarga miskin.

13 Mei 1998

Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakil Kuala Besut, sila -

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amar Di Raja, Tan Sri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana telah memberi keizinan kepada saya untuk sama-sama turut serta menyampaikan ucapan dan merafak sembah ucapan penghargaan dan junjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan kerana menyampaikan Titah Ucapan Di Raja mengenai dasar-dasar kerajaan pada pembukaan rasmi Dewan semalam.

Sukalah saya mengambil kesempatan ini pertama-pertamanya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang telah memberi perhatian yang serius dari segi melaksanakan program-program pembangunan dalam bidang rohani, jasmani dan juga pembangunan insan selaras dengan wawasan yang digariskan oleh negara kita iaitu Wawasan 2020 dan juga Wawasan SIIAT yang digariskan oleh pihak kerajaan negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita rasa bangga kerana sejak tahun 1980 lagi kerajaan Terengganu telah merangka program pembangunan kepada dua fasa. Untuk makluman Yang Berhormat terutama sekali di kalangan pembangkang Fasa Pertama yang bermula pada tahun 1981 sehingga 1995 dan Fasa Kedua 1996 sehingga 2010. Dalam fasa yang pertama penekanan telah diberi oleh pihak kerajaan yang berpaksikan kepada pembangunan insan seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang - Pembangunan luar dan juga pembangunan manusia. Tiga perkara yang penting ini diberi penekanan oleh pihak kerajaan dalam tempoh pembangunan fasa yang pertama 1981 - 1995.

Alhamdulillah, kita syukur kepada Allah s.w.t. dalam jangka 15 tahun dari segi pencapaian telah mencatatkan perubahan yang membanggakan kepada kerajaan dan kepada rakyat negeri kita sendiri. Umpamanya dalam pembangunan insan dan manusia, langkah-langkah yang telah diambil dengan penubuhan beberapa agensi kerajaan seperti Yayasan Pembangunan Keluarga yang menawarkan program-program khusus seperti TASKA, program Jaya Diri, khidmat kaunseling, pra-perkahwinan, khidmat kaunseling kesihatan ibu mengandung dan sebagainya. Di samping itu telah ditubuhkan Yayasan Islam Terengganu, Yayasan Terengganu, Mahaad Tahfiz, Kolej Sultan Agama Sultan Zainal Abidin, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat wakil daripada Rantau Abang. Dan kita menujuhan pertubuhan kebajikan seperti Kebajikan Anak-anak Yatim dan sebagainya.

Jadi, Dato' Yang Dipertua, program-program di bawah YPK, Yayasan Islam, Yayasan Terengganu semuanya berperanan secara bersambung mengikut umur dari peringkat bayi sehingga kepada peringkat dewasa. Dato' Yang Dipertua, jadi ini semua adalah merupakan pembangunan manusia.

Sebagai contoh sedikit dalam masa yang singkat ini - dalam Pembangunan Luar Bandar Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita lihat apa yang kita nikmati hari ini adalah hasil daripada perancangan dan pelaksanaan yang dibuat oleh pihak kerajaan dalam Fasa yang pertama tuju. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, projek-projek ekonomi, projek-projek kemudahan asas serta program yang saya sebutkan tadi boleh dijadikan asas untuk mempertingkatkan prestasi dalam Fasa yang kedua yang kita berada masa kini supaya arus pembangunan ini terus kencang selama 15 tahun akan datang, 15 tahun seterusnya. Bagi menghadapi Fasa yang kedua pembangunan Negeri Terengganu kita akan menghadapi lebih banyak cabaran daripada apa yang telah dihadapi oleh kerajaan, oleh rakyat dan oleh kita sendiri sebagai pemimpin dalam fasa yang kedua ini.

Dalam konteks ini, saya rasa Negeri Terengganu telah membina wawasan pembangumannya yang lebih khusus seperti mana jugak di peringkat negara dengan membentuk satu wawasan iaitu Wawasan SHHAT. Saya rasa Wawasan SHHAT inilah pihak pembangkang tak faham sebab itulah dia bangkitkan tadi terutama sekali wakil daripada Tepoh, wakil daripada Teluk Pasu dan sebagainya. Wawasan SHHAT merupakan jambatan ke alat barn ini. Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat faham tentang misi Wawasan SHHAT ini terutama sekali dari segi kerajaan, ahli-ahli daripada kerajaan memahami misi Wawasan SHHAT. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, falsafah yang menandu Wawasan SHHAT ialah pembangunan *tezkiah* meliputi pelbagai dimensi yang memberi pengiktirafan kepada kuasa dan keesaan Hahi kepada peranan manusia sebagai *Kalifah* di muka bumi ini yang bertindak mewujudkan keadilan dalam usaha mencapai *al-jalilah* ataupun kejayaan di dunia dan di akhirat. Itulah falsafahnya.

Kalau kita faham tentang falsafah Wawasan SHHAT ini saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Tepoh dan Teluk Pasu tadi, tidak akan timbul - banyak menyebut tentang kerajaan tidak buat itu, kerajaan tidak buat ini dan banyak membuat maksiat dan sebagainya. Inilah hasrat kerajaan dan cita-cita ini berjalan, cita-cita ini dilaksanakan oleh pihak kerajaan ntenerusi berbagai-bagai program, melalui berbagai-bagai agensi dan jabatan kerajaan. Kalau kita memahami mengenai Wawasan SHHAT, saya rasa kita dapat menjalankan usaha-usaha kita selari dan selaras tak kira ianya pembangkang, tak kira ianya daripada kerajaan dan sebagainya untuk kita membangunkan rakyat dari segi rohani, jasmaninya dan seterusnya dari segi ekonominya. Kalau kita bergandingan di dalam kita menjalankan usaha untuk kita membangunkan negeri kita ini insya Allah, saya rasa Negeri Terengganu akan berada lebih maju lagi di tahun-tahun akan datang. Tapi kalau keadaan dan masalah yang kita hadapi sekarang seperti mana yang ditimbulkan oleh wakil daripada Permaisuri sekejap tadi, wakil daripada Jabi pada pagi tadi iaitu masih ada lagi kita dekat kampung dimana sembahyangnya berasingan, masih lagi ditahap ini. Kalau masih lagi ditahap ini saya rasa kita tidak akan cepat mencapai apa yang dicita-citakan di dalam Wawasan SHHAT ini.

Orang kampung memanglah pemikirannya cukup sensitif dan oleh kerana kita sebagai pemimpin pergi ke kampung meracuni pemikiran mereka maka berlakulah seperti mana yang dikatakan tadi. Apa yang dirancangkan oleh kerajaan dan akan dilaksanakan oleh jabatan dan agensi kerajaan melalui pegawai-pegawai kita cukup susah sebab masalah yang ada di hadapan kita. Masalah inilah perlu diselesaikan. Maka saya memang bersetuju supaya kita menipercepatkan, menyelesaikan masalah perpaduan ummah dalam negeri kita ini. Dan Jawatankuasa yang telah dipersetujui di suatu ketika lalu di dalam Dewan ini perlulah digerakkan dan mesyuarat perlulah

13 Mei 1998

dipertingkatkan agar pemahaman dan saling mengambil tindakan ini akan mempercepatkan dalam membangunkan masyarakat kita ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam fasa yang kedua pembangunan Negeri Terengganu lima teras utama yang menjadi paksi kepada pembangunan kerajaan. Dalam fasa yang pertama tadi tiga teras pembangunan insan, pembangunan manusia dan pembangunan prasarana. Tetapi di dalam fasa kedua yang akan kita lalui di masa akan datang ini lima teras yang menjadi paksi. Seperti mana jugak fasa yang pertama iaitu pembangunan insan, pembangunan prasarana, pembangunan sumber manusia, pembangunan bandar dan pembangunan ekonomi. Inilah tumpuan yang akan diberi oleh pihak kerajaan dalam kita menuju ke arah yang lebih maju di tahun-tahun yang akan datang.

Dato' Yang Dipertua, dalam kita membangun manusia kerajaan berhasrat mewujudkan budaya ilmu melalui budaya membaca. Ini telahpun dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Menteri Besar dimana-mana ucapan belian. Melalui penubuhan pusat-pusat pra-sekolah yang terancang dan bersepadu serta peningkatan kemudahan perpusatakan bukan saja di peringkat negeri malah di peringkat daerah sampailah ke peringkat kampung-kampung. Kerajaan juga akan menggabungkan ilmu-ilmu duniai dan ukhrawi kepada pelajar-pelajar sekolah melalui sistem pendidikan negeri yang lebih sempurna dan pusat bimbingan yang lebih terancang dan bersepadu. Begitulah juga telah meningkatkan bidang pendidikan teknologi dan teknologi maklumat seperti pembelajaran dan pendedahan kepada pelajar-pelajar kita dan jugak kita mendedahkan kepada pelajar-pelajar dan belia-belia kita mengenai dengan multimedia dan perisian komputer seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sekejap tadi. Ini saya kira selaras dengan apa yang dititih oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Jadi, kalau tidak diambil cakna dan tidak ingin ambil tahu tentang apa yang dibuat, apa yang dirancang oleh kerajaan maka terbangkitlah seperti mana dibangkitkan di dalam Dewan ini pada setiap kali Dewan bersidang. Dato' Yang Dipertua.

Oleh yang demikian, kita mengharapkan bahawa kita Ahli-ahli Yang Berhormat selain daripada pihak kerajaan malah daripada pihak pembangkang juga mestilah mengambil berat tentang perkembangan yang sedang dibuat oleh pihak kerajaan hari ini supaya kita tidak memesongkan rakyat. Apa yang dibuat oleh kerajaan ialah untuk kita nak membangunkan rakyat, itu hasrat kerajaan. Dan kalau lah kita memberi penerangan yang negatif dan sebagainya, saya rasa rakyat tidak akan cepat kita bangunkan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga menyebut tentang sektor pertanian yang perlu diberi penekanan kerana salah satu daripada strategi untuk menangani krisis ekonomi semasa ialah dengan mengurangkan import bahan makanan. Seperti mana yang kita maklum, kerajaan telah mengimport makanan lebih daripada RM130 juta setahun dan ini merupakan satu angka yang besar, dan ini merugikan kita. Kita sedar bahawa sektor pertanian merupakan satu sektor yang banyak menghadapi masalah seperti kekurangan tenaga, harga yang tidak menentu, tahap pelaburan yang rendah dan penghijrahan para belia kita ke sektor industri yang menyebabkan kekurangan tenaga dan tidak ada petani-petani kita yang muda yang boleh menyambung kerja-kerja pertanian, apa yang telah dilakukan oleh orang-orang dewasa. Oleh yang demikian, sektor pertanian tidak begitu meyakinkan terutama sekali di

13 Mei 1998

kalangan anak-anak muda. Oleh itu sektor pertanian perlulah dipermoden, tidak lagi kita memungkarkan secara tradisi. Jadi, untuk memodenkan sektor pertanian ini saya rasa ialah penggunaan jentera, kita kena peringkatkan penggunaan jentera kepada sektor pertanian iaitu. Kita lihat hari ini terutama sekali di Besut, petani-petani yang mengerjakan sawah di sawah-sawah padi di daerah Besut bila sampai musim menanam padi, musim menuai padi masalahnya ialah tidak cukup jentera - jentera membajak, jentera menuai dan sebagainya. Kadang-kadang berebut-rebut yang di setengah-setengah tempat terpaksa dibiarkan tidak ditanam pada waktu yang sama. Oleh yang demikian, penekanan perlulah diberi kepada penambahan kejenteraan di peringkat ladang-ladang ini sama ada di sawah padi ataupun yang lain-lain. Walaupun pihak Peladang telah mengambil bahagian yang sama Peladang jugak mempunyai Pusat Mekanisasi dari segi kejenteraan itu tetapi ianya tidak mencukupi. Kerana Peladang merupakan satu pertubuhan yang dianggotai petani-petani yang susah dan sebagainya. Walaupun kita dapat gabungkan tenaga mereka untuk kita nak menambahkan jentera ini tetapi oleh kerana mereka daripada golongan yang susah maka mereka tidak dapat mengeluarkan modal untuk membeli jentera tersebut. Oleh itu kita mengharapkan supaya kerajaan jugak sama-sama memberi pertolongan, memberi bantuan dalam kita nak menambahkan kejenteraan ini kepada golongan-golongan petani khususnya yang terlibat dengan tanaman secara besar-besaran seperti mana dilakukan di daerah-daerah seperti Besut, daerah Setiu dan sebagainya.

Jadi apabila kita memodenkan sektor pertanian ini maka kita boleh buat bidang pertanian dengan lebih besar lagi, dengan lebih luas lagi dan baruolah kita pergi ke arah komersil. Jadi, kalau kita mengharapkan individu petani melaksanakannya, saya rasa kita tidak dapat mengkomersialisasikan kita punya pertanian. Tetapi kalau kita buai secara berkelompok yang besar di bawah mana-mana agensi ataupun di bawah mana-mana pertubuhan yang ada kaitan dengan petani seperti Pertubuhan Peladang dan sebagainya, maka kita yakin program ini akan dapat kita jalan. Dan untuk kita menambahkan pengeluaran makanan bagi rakyat Negeri Terengganu khususnya akan dapat kita atasi dalam masa yang agak singkat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan terima kasih khususnya kepada KETARA kerana telah memainkan peranan yang penting untuk memajukan bidang pertanian di samping Jabatan Pertanian dan sebagainya di daerah Besut. Di samping memajukan bidang pertanian di daerah Besut, pihak KETARA juga telah melaksanakan satu projek yang besar iaitu membenteng mutu kuala Sungai Besut dengan melibatkan perbelanjaan yang begitu besar iaitu sebanyak RM25 juta tidak termasuk RM6 juta untuk kemudahan pendaratan ikan di Kompleks 1 KIM. Tadi disebutkan oleh Wakil Wakaf Mempelam, kerajaan kurang memberi tumpuan kepada kemudahan nelayan ini. Lepi ini telah membuktikan bahawasanya kerajaan telah melanjutkan peruntukan yang begitu besar RM25 juta untuk membina pelabuhan perikanan di Knala Besut dan membina jeti yang baik untuk mendaratkan ikan nelayan di Kuala Besut itu sendiri. Memang benar masih ada lagi nelayan yang tidak masuk ke Kuala Besut, masih ada lagi beberapa buah motobot mendarat ikan di To' Bali. Ini adalah kerana pada waktu pembinaan dahulu tauke-tauke ini telah membina kemudahan di To' Bali secara persendirian maka dia tidak mahu lagi tinggal, pasal dia buat sendiri, dia belanja sendiri maka lambat sedikit mereka mahu pindah ke Knala Besut.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan, Dato' Yang Dipertua. Saya sebutkan kes di Kuala Besut kerana saya

13 Mei 1998

pergi sendiri melawat dan didapati air muara sungai terlampau cetek dan bot tidak boleh masuk, tunggu air pasang baru boleh masuk. Orang pakat lari belaka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Dato' Yang Dipertua, dalam masa kita membina benteng pihak KITARA telah menggali muka kuala yang berkenaan. Kalau dia pergi setahun yang lalu, dua tahun yang lalu memang betul, cetek. Tapi kalau masa kini, saya rasa tidak timbul lagi cetek. Saya akui kecetekan yang ada tetapi di sebelah hulu sedikit iaitu di atas jambatan, bukan di atas jambatan itu tidak, di sebelah atas hulu sungai kepada jambatan. Ini tidak diambil tindakan oleh pihak KITARA pasal dia tidak termasuk dalam projek. Oleh yang demikian, saya mengharapkan kepada kerajaan supaya mengambil tindakan ini. Walaupun peruntukannya tidak begitu banyak tetapi kalau kita ambil tindakan dari masa ke semasa insya Allah, masalah yang boleh mencetekan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam tadi tidak akan berlaku lagi dan nelayan-nelayan akan masuk dengan mudah mendaratkan ikau mereka. Dan apa yang telah terbukti pada masa yang lalu pendaratan ikan di Kuala Besut yang terbesar sekali, yang terbanyak sekali di Negeri Terengganu akan kembali balik pada masa-masa yang akan datang. Jadi, saya mengharapkan kepada kerajaan supaya dapat memperuntukkan peruntukan untuk kita menggali di sebelah atas. Kalau tidak apa yang telah diambil tindakan oleh pihak KITARA ini akan tertimbus balik dan ianya akan menjadi cetek sampailah kepada muka kuala.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, biar engineer tengokkan benda ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya lihat dari segi kawasan-kawasan paya di Negeri Terengganu ni banyak. Kalau kita berjalan daripada Saujana sampailah kepada Peuarik, begitu luas kawasan paya yang boleh diubah, ditukar kepada sawah padi. Dan kita harap pihak kerajaan negeri memberi tumpuan di kawasan yang berkenaan iaitu Baruh Permaisuri supaya kita dapat mengeluarkan hasil padi. Walaupun saya rasa projek ini ada dirancang di bawah KITARA, tapi untuk KITARA melaksanakan dengan segera saya rasa dia ada program-program tertentu, ada perancangan-perancangan tertentu. Tetapi kerajaan negeri jugak mestilah memainkan peranan untuk kita memperbaiki sawah padi yang berkenaan yang beribu-ribu ekar ini yang boleh menambahkan pengeluaran padi/beras kepada Negeri Terengganu dan kita tidak lagi mengimport, membeli beras daripada negeri-negeri yang lain untuk mencukupi rakyat Negeri Terengganu.

Dato' Yang Dipertua, membangunkan sektor perkhidmatan terutama menggalakkan sektor pelancongan, merupakan sektor penting dalam pembangunan ekonomi negeri seperti mana yang dititih oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Kedatangan pelancong ke Terengganu telah meningkat dari setahun ke setahun. Dalam tahun 1997 lebih daripada satu juta pelancong datang ke Terengganu. Kita ucapan tahniah kepada kerajaan yang telah melaksanakan program Tahun Melawat Terengganu. Peningkatan ini mencerminkan bahawa potensi pembangunan industri pelancongan mempunyai masa depan yang amat cerah bagi negeri kita ini. Kita boleh tingkatkan lagi kedatangan pelancong ke Terengganu kerana kita mempunyai keindahan semula jadi. Namun begitu kita perlu pertahankan nilai-nilai murni. Apabila pelancong ramai datang

13 Mei 1998

ke Terengganu, mereka datang melawat, mereka datang berhat dan sebagainya. Tetapi apa yang kurang hari ini, apa yang disinggut oleh pelancong-pelancong daripada luar ialah kita tidak ada produk pelancong. Mungkin saya produknya ialah dari segi hasil-hasil kraf/tangan, kerjatangan tidak ada. Kalau pelancong pergi ke Pulau Perhentian, dia singgah ke Kuala Besut umpamanya, dia datang ke Pulau Redang singgah ke Kuala Terengganu tidak ada kedai kraf/tangan. Yang banyak di Terengganu ini ialah kedai-kedai kopi tidak seperti mana kita pergi ke tempat lain banyak hasil-hasil kraf yang dijual kepada pelancong-pelancong. Dan pelancong hari ini dia bersungut tidak ada tempat nak beli-belah benda-benda yang kecil *souvenir* dan sebagainya. Oleh yang demikian, saya rasa pihak kerajaan perlu merancang ini. Kalau kita boleh buat industri secara besar-besaran, membuat itu, membuat ini - apakah kita tidak boleh organisasikan suatu tempat yang boleh kita keluarkan produk-produk ini bagi memenuhi kehendak pelancong terutamanya sekali yang datang daripada luar negara. Jadi, barulah mereka suka, mereka berminat datang sini lebih-lebih lagi kalau kita sediakan barang-barang, produk-produk yang lebih murah yang boleh pelancong bawa balik ke negeri dan negara mereka sebagai kenangan kepada mereka.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALIE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, orang Besut duduk buat apa yang tak buat benda ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya rasa masa dah cukup.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Saya dah cukup Dato?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sebenarnya panjang dah saya beri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Saya nak jawab, orang Besut duduk buat apa?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa dia dah tahu dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Saya neapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Dato' Yang Dipertua iaitu orang Besut duduk buat apa? Saya nak tauya balik, orang Setiu duduk buat apa? Jawatankuasa Pelancongan Negeri buat apa? Patutlah memikirkan perkara ini, orang Besut, orang Setiu dan Jawatankuasa yang berkenaan di peringkat negeri kita pakat fikir dan kita melaksanakan itu. Dan saya rasa insya Allah, akan dapat mengeluarkan produk ini dengan lebih baik lagi.

Cuma Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak sambung sedikit lagi satu dua minit. Pasal saya teringat tadi apa yang disebut oleh wakil daripada Khu Rendang. Saya duduk cakap-cakap hal Kuala Besut, jadi tak teringat nak sebut yang ni. Sebab dalam ucapan Wakil Khu Rendang tadi menyebut dalam segi politik wang UMNO saja yang kena. Saya rasa PAS lebih

13 Mei 1998

Iama dalam politik wang ni. Politik wang dalam PAS berbeza dengan UMNO. Kalau UMNO disebut tadi, pemimpin bagi wang untuk bertanding di Bahagian tetapi dalam PAS, dia kutip duit rakyat - kasihan rakyat. Sekali-kali ceramah satu ketika loloh ni gelang . apa semua ni - dah miskin, miskin lagi. Hak yang dapat bantuan am pun derma kepada PAS. Lebih pada politik wang lagi, dekat pilihan raya lagi teruk. Politik wang dalam PAS, Dato' Yang Dipertua.

Dah dia kata banyak buat projek membazir, disebutkan projek membazir. Apa dia membazir? Satu ketika yang lalu PAS menyebut dalam ceramahnya, buat jambatan Kuala Terengganu membazir

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTUALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Ni tak tahu istilah langsung bercakap ni. Dak tahu istilah 'politik wang'. Adakah minta derma politik wang, bodoh dak oh lalu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Politik wanglah tu, dah duit tak wang?

YANG BERHORMAT ENCIK AIIMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Saya mintak Wakil Batu Buruk, menarik balik perkataan 'bodoh' sebentar tadi. Kalau tidak dia bodoh jugak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Membazir perkataan membazir senang sebut. Kerajaan buat jambatan dulu sebut membazir, kerajaan membazirkan wang beratus-ratus juta buat jambatan

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTUALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, saya dan Wakil Kuala Besut ini berada dalam Dewan dan saya bertanggungjawab apa yang saya kata. Tapi bukan saya kata membazir, saya kata kerajaan tidak tahu memberi keutamaan di dalam membina jambatan itu. Itu perkataan saya di Dewan ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Memang, hak kerajaan buat tu dah keutamaan. Sekarang ni berapa kesenangan yang didapati. Yang pertamanya, kereta yang sebut membazir tulah yang naik dulunya. Begitulah projek-projek lain. Kerajaan memang begitu teliti merancang sebelum melaksanakan sesuatu. Memang betullah, yang nak bercakap memang senang.

Terima kasih Dato' Yang Dipertua, assalamualaikum warhamatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Yang Berhormat Wakil Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, Pegawai-pejawai Kerajaan, pemerhati dan hadirin dan hadirat sekalian - Assalamualaikum warhamatullahi wabarokatuh. Pertama-pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berkongsi pandangan, pendapat dalam

13 Mei 1998

membahaskan Ucapan Titah yang disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan pada hari semalam.

Ada beberapa perkara yang mungkin yang dapat saya sebut di sini tapi saya ingin merujuk kepada ucapan Duli Yang Maha Mulia antara lainnya mengatakan adalah penting kerajaan melihat kembali ada prestasi program-program pembangunan sebelum ini untuk dijadikan teladan dan penunjuk bagi menyambung projek pembangunan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, hari ini 13 haribulan Mei tahun 1998 menyebabkan saya teringat pada 13 haribulan Mei tahun 1969. Hasil daripada peristiwa 13 Mei tahun 1969, beberapa perkara baru ditonjolkan di dalam negara kita ini disebabkan hasil daripada kajian yang dibuat di antara sebab-sebab yang berlaku peristiwa yang menyayatkan hati orang-orang Islam dan rakyat Malaysia pada masa itu ialah perbezaan yang terlalu tinggi di antara orang-orang Melayu dengan orang-orang bukan Melayu khususnya dalam dua bidang ataupun dua sektor yang penting iaitu di bidang pendidikan dan pembelajaran tinggi dan jugak di bidang ekonomi. Yang lahir selepas daripada itu satu dasar ekonomi yang dikenali dengan DEB iaitu Dasar Ekonomi Baru dan di peringkat pengajian tinggi pula diwujudkan kuota untuk orang-orang Melayu sehingga orang-orang Melayu dapat menyaingi orang-orang bukan Melayu di dalam pendidikan dan pembelajaran tinggi.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bila kita meneliti, analisa kembali peristiwa itu dan matlamat yang hendak dicapai menjelang tahun 1990 nampamanya maka Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kajian-kajian menunjukkan bahawa kita tidak berjaya, kita tidak berhasil. Jadi, oleh kerana itu, satu Majlis yang dipanggil Majlis Perundungan Ekonomi Negara ditabuhkan oleh pihak Kerajaan Malaysia untuk mengumpul pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat semua pihak bagaimana cara yang terbaik untuk mengatasi permasalahan ekonomi yang akan berlaku di dalam negara kita. Pandangan-pandangan banyak diberi, di antaranya parti-parti politik juga dikehendaki memberi pandangan dan pendapat. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum daripada tamatnya tempoh perkhidmatan Majlis Perundungan Ekonomi Negara, sebelum daripada resolusi dikemukakan secara rasmi maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah mengisyiharkan bahawa kerajaan tidak terikat dengan pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat yang diberikan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Oleh kerana itu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerajaan mengisyiharkan sebagai ganti daripada cadangan dan pandangan yang dikemukakan oleh MAPEN maka kerajaan mengisyiharkan Wawasan 2020 yang selalu saya sebut ialah dua kosong dua kosong. Saya sebut dua kosong dua kosong, saya masih merasakan bahawa wawasan itu akan menghasilkan natijah kosong iaitu tidak berjaya. Saya berkata itu pada beberapa ketika pada peringkat awalan Wawasan dua kosong dua kosong itu dilancarkan tapi sebelumnya daripada kita pergi atau kita menjangkau tahun 2020 maka sudah nampak kesan-kesannya, tanda-tanda bahawa memang wawasan itu dua kosong dua kosong tidak 2020. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Bila kita meneliti segala perancangan yang telah dijalankan oleh kerajaan, bagi saya - maafkan saya kalau saya silap dan tolol tegur saya kalau saya tidak betul - saya mendapati bahawa ketidakjayaan, bukan saya kata gagal, tapi ketidakjayaan dalam banyak perkara. Yang pertama dalam perkara agama, dalam perkara agama jelas, kalau kita ada matlamat bagaimana UMNO selalu melaung-laungkan - maaf Dato' Yang Dipertua, kerana saya terpaksa sebut UMNO sebab

13 Mei 1998

dia jadi kerajaan yang memerintah bersama-sama dengan Barisan Nasional - UMNO selalu menyebut perjuangannya untuk mempertahankan agama tapi hari ini telah nyata dengan jelas pada kita betapa bertambah peristiwa-peristiwa murtad di kalangan orang-orang Islam, di kalangan orang-orang Melayu sendiri. Angka-angka yang ditunjukkan bahawa terlalu banyak berlaku kemurtadan di zaman-zaman mutakhir ini di bawah pentadbiran, di bawah pemerintahan dan di bawah naungan kerajaan Barisan Nasional yang berteraskan UMNO Baru, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Itu kegagalan dari sudut agama, maka sudah jelas kerajaan yang ada pada hari ini tidak dapat mempertahankan agama. Agama rakyat tidak dapat dipertahankan.

Yang kedua Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di bidang politik sekali lagi saya mengatakan bahawa saat-saat mutakhir ini menunjukkan bahawa pimpinan Barisan Nasional telah menghadapi satu kegagalan di bidang politik di dalam mempertahankan negara Malaysia ini bahawa teras pemerintahannya dipimpin oleh orang-orang Melayu supaya menjadi semakin kuat maka adalah tidak berjaya. Perkara ini adalah diakui sendiri oleh pemimpin tertinggi UMNO di dalam ucapan-ucapannya. Maka oleh kerana itu, maka UMNO terpaksa bertolak ausur, bertolerasi memberikan banyak lagi kerusi-kerusi tambahan di dalam kawasan-kawasan Parlimen hatta dalam kawasan-kawasan pilihan raya yang mana majoritinya pengundi orang Islam, orang Melayu - UMNO kerana setiakawannya berjaya ataupun sanggup melepaskan kawasan itu kepada kawannya. Oleh kerana itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jelas di dalam mempertahankan keutuhan politik yang dipegang oleh orang-orang Melayu dalam negara kita sendiri terhakis dari semasa ke semasa. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini sebagai renungan.

Yang ketiga, yang dilaung-laungkan oleh pimpinan Barisan Nasional yang berteraskan UMNO bahawa Malaysia menjadi contoh terutama sekali dalam pembangunan ekonominya di dalam negara yang dipanggil sebagai bahasa diplomatiknya iaitu 'negara-negara membangun' atau negara-negara sedang membangun yang mana tidak diistilahkan dalam negara-negara membangun. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di bidang ekonomi jelas ucapan yang disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Al Sultan kelmarin dan jugak ucapan-ucapan pemimpin utama negara bahawa kita Malaysia hari ini balik kepada suatu zaman yang lebih teruk daripada 15 ataupun 20 tahun yang lalu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekali lagi tidak berjaya, sekali lagi gagal maka itu wajar ucapan Duli Yang Maha Mulia Al Sultan itu dikaji dan diteliti dengan baik.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bila kita bercakap soal kemelesetan ekonomi ataupun kegawatan ekonomi pada hari ini maka kita tidak boleh mengelak diri daripada hakikat dan kenyataan yang sebenarnya. Walaupun di dalam ucapan itu mengatakan bahawa ini adalah pengaruh daripada luar, unsur daripada luar tetapi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagi saya kita tidak boleh menafikan adanya unsur-unsur daripada dalam. Dan kita juga tidak nafi juga unsur dari luar tetapi unsur dalaman. Bila kita kaji unsur dalaman punca kepada kemelesetan atau kegawatan ekonomi kita pada hari ini ialah berpunca daripada turunnya mata wang kita iaitu nilai ringgit. Apakah sebab-sebabnya nilai mata wang kita turun? Maka itu satu perkara yang patut kita bicarakan dan kita mencari sebab-sebabnya. Bagi saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, orang yang mengaji sekolah pondok, yang tidak mengaji ekonomi secara formal tapi kita membuat kajian dan analisa bahawa punca dari dalam itu besar.

Yang pertama, kalau saya nak baca sejarah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kes mata wang ni ada satu cerita dengan maaf Dato' Yang Dipertua. Yang Berhormat Wakil daripada Paka mungkin dia ingat cerita ni sebab dia banyak cerita - ini kes mata wang - sebab apa mata wang diwujudkan, semua kita tahu, kita ahli politik, kita bercakap tentang ekonomi. Kisah mata wang - ada tiga orang puteri raja, seorang raja ada tiga orang anak, seorang raja zaman dahulu - tiga orang anak perempuan. Ini bagaimana nak menetapkan mata wang - Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, raja ini bertanya kepada anak-anaknya yang tiga orang - kenapa kakak sulung, kamu nak ikut tuah ayahanda ataupun nak ikut tuah siapa? Anak yang kedua, dia tanya kamu nak ikut tuah siapa? Dan begitulah anak yang ketiga. Anak yang pertama kata anakanda mahu ikut tuah ayahanda, maka dikahwinilah dengan anak raja juga dan diberi keistimewaan-keistimewaan dan dia hidup dalam bahagia. Anak yang kedua, begitu juga tak ikut tuah ayahanda, maka dikahwinikan dengan orang-orang bangsawan, orang besar dan orang kaya. Sementara anak yang ketiga, yang bongsu mengatakan anakanda ingin mengikut tuah isteri ayahanda. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dengan izin - maka ayahandanya, raja itu dengan rasa kecewa terhadap anaknya yang ketiga, lalu mencari seorang pemuda yang kerjanya mencari kayu api saja. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kais pagi makan pagi dan dikahwinikan dengan anak perempuannya yang bongsu itu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Setelah perkahwinan tidak lama diarahkan berpindah, tidak lagi tinggal di istana. Maka sianak muda yang kerjanya kais pagi makan pagi dengan mencari kayu api itu pun mengajak isterinya, puteri raja itu berpindah ke suatu kawasan. Kalau kita cakap orang Terengganu, di Hulu Dangau, mungkin Yang Berhormat Wakil Setiu tahu Dangau itu - Wakil Langkap, maaf. Kalau sahabat saya Wakil Telemong lagi dia tahu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ringkas ceritanya, ayahnya - raja itu oleh sebab dia terlalu kasihan kepada anaknya walaupun dengan marah beri juga bekal sebesar jari kelengkeng seketul emas kepada anaknya. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, anaknya mengambil bekal itu membawa bersama-sama dengan suaminya. Pada suatu hari ringkas cerita Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kehabisan bekal, kais pagi makan pagi tak dapat, cari kayu api tak dapat hari itu, hari petangnya hujan. Tak ada makanan, bekalan

YANG BERHORMAT ENCIK OTIIMAN BIN DAUD (Wakil Ajil): Dato' Yang Dipertua, saya dengar cerita Yang Berhormat Manir macam To' Selampit, macam hikayat seribu satu malam, saya ingat kita lebih berjejak di bumi nyatalah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, nak berpijak ni. Dia kapal terbang, dia berjalan di udara dulu lepas tu baru dia landing, dia ada cara jugak.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pada suatu hari tak ada bekalan, habis beras, habis minyak dan sebagainya. Siswami beritahu kepada isteri dia, adinda hari ini barangkali kita tak ada makanan sebabkekanda tak dapat mencari kayu api dan tak dapat untuk dijual dan tidak ada duit. Isterinya menghadiahkan kepadanya emas, seketul emas sebesar ini kepada suaminya - nahkekanda ambillah emas ini dan pergi kedai, belilah barang-barang yang kekanda perlu daripada emas ini. Maka lalu suami bawa emas itu ke kedai

13 Mei 1998

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Penjelasan, Dato' Yang Dipertua, mengikut Peraturan Dewan kita tamat bahas sesi Dewan pukul 5.00 tepat. Jadi, cerita pun cerita lama Dato' Yang Dipertua, saya cadangkan kita tamat di sini saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, saya pun sedar sebenarnya cuma nak tunggu dia berpijak ke bumi saja.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sekarang nak berpijak, suruh saya duduk ke, suruh saya bercakap?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Takut berpijak esok nampaknya.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Esok boleh, insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat memandang kepada masa sidang Dewan telah berakhir, jadi saya tangguh Dewan dan akan disambung semula pada jam 9.30 besok dengan jadual menjawab soalan-soalan kemudian gulungan ataupun jawapan daripada pihak kerajaan. Sekarang saya tangguhkan Dewan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya boleh sambung gok esok? Saya dak sudah lagi, tak betul Dato' Yang Dipertua. Kalau besok potong ucapan saya tak sampai lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, tak payah pijak-pijak, tak apa dah. Biar gantung gitu.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, takut dah tu. Kalau berani beri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, memandang kepada permintaan Yang Berhormat, saya dengan kuasa yang ada insya Allah, saya beri. Lima minit cukup? Ya, lima minit, terima kasih.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 5.00 PIATANG.

**PERSIDANGAN
PADA HARI KHAMIS, 14 MEI, 1998**

Hari Khamis
14 Mei 1998

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 98]
2. Solan-soalan Yang Telah Diberi Notis
- Soalan Lisan [Muka 102]
3. Usul Yang Telah Diberi Notis [Muka 121]

*Usul Menjunjung Kasih Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Sultan*

[sambungan perbahasan]

4. Usul Menangguhkan Persidangan Dewan [Muka 138]

[BERSAMBUNG]

14 Mei 1998

**DEWAN UNDANGAN NEGERI MULA BERSIDANG PADA PUKUL 9.30
PAGI**

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd,
DPMT.,ASM.,PJK.,BLB.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Amar Di Raja (Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad),
SSMT.,PSM.,SPMT.,DA.,DPMJ.,KMN.,JP.,PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,
SPMT.,DSMT.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Dr. Mohd Yusof bin Haji Mohd Noor,
SPMT.,DSSA.,JMN.,PPT.,KMN.
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Dato' Haji Mamad Ghazalee bin Abdul Rahman,
DSMT.,DPMT.,KMN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Dato' Haji Aziz (t/ Ibrahim bin Awang,
DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL SURA

Yang Berhormat Encik Ahmad bin Said, ASM.,PJK.
WAKIL KIJAI.

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang,
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Dr. Abdul Latiff bin Awang,
DPMT.,KMN.,PKT.,PJK.
WAKIL BUKIT PAYUNG

14 Mei 1998

Yang Berhormat Encik Wong Foon Meng,
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Encik Othman bin Daud, PJC
WAKIL AJI

Yang Berhormat Dato' Haji Wan Zakaria bin Abdul Rahman,
DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,PPN.
WAKIL KUALA BE-SUT

Yang Berhormat Dato' Haji Muda bin Mamat,
DPMT.,PJK.,PPN.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Dr. Abdul Wahab bin Ngah, SMT.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Haji Harun bin Hassan,
AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad *ia* Abu Bakar bin Ali,
DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Awang bin Abdul Jabar,
ASM.,SMT.,AMN.,PJK.
WAKIL BUKIT BE-SI

Yang Berhormat Haji Idris bin Mamat, PJK.
WAKIL JERTHI

Yang Berhormat Encik Mohd Jidin bin Shatee,
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Abu Bakar,
WAKIL BUKIT TUNGGAJ

Yang Berhormat Haji Shafie bin Daud, PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Encik Lukman bin Muda, PJK.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Haji Ibrahim bin Yusof,
WAKIL KUALA BE-RANG

14 Mei 1998

Yang Berhormat Tuan Yaakub bin Abdul Kadir,
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib,
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong,
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah,
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat,
WAKIL THLUK PASU

TIDAK HADIR

Yang Berhormat Mulia Engku Bijaya Sura (Dato' Syed Omar bin Muhamad),
DSMT.,DPMT.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Abdul Hadi bin Haji Awang,
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut,
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali,
WAKIL AI.IUR LIMBAH

14 Mei 1998

**HADIR MENURUT FASAL XII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Baharuddin bin Ismail.
DPMT., ASM., PJC., PJK.

YANG BERHORMAT PI-NASHIAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Ab. Karim bin Abd. Rahman

YANG BERHORMAT PEMERINTAHAN NEGERI
Dato' Seri Muda (Dato' Haji Mazlan @ Mohd Nuri bin Hashim),
DPMT., ASM., KMN., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Osman bin Muda, PJK.

14 Mei 1998

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sekarang sidang disambung semula dan suka saya maklumkan bahawa dalam menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan soalan, saya akan memaklumkan sedikit perubahan. Dimana pada hari kelmanin empat orang Ahli-ahli Yang Berhormat tidak sempat diberi jawapan kepada soalan-soalannya dan soalan-soalan mereka ada pada hari ini. Jadi, saya akan mulakan - ini untuk perhatian Ahli-ahli pihak kerajaan - saya mulakan dengan menjemput Yang Berhormat Haji Harun Hassan, kemudian Haji Shafie Daud, Haji Ismail Mamat, kemudian Haji Abu Bakar Abdullah. Selepas itu saya akan balik menurut susunan asal dengan saya akan menjemput Tuan Yaakub, Yang Berhormat Ibrahim Yusof, Yang Berhormat Haji Wan Muttalib, Mohd Jidin dan Haji Idris Mamat.

Jadi, saya jemput Yang Berhormat Harun Hassan, Wakil Air Putih mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Air Putih): Bismillahi rahmani rahim. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Soalan yang pertama -

Nyatakan bilangan pekerja asing di Negeri Terengganu tahun 1998, 1997 dan 1996 dalam sektor:

- a. Pertadangan
- b. Pembinaan
- c. Lain-lain sektor

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang akhir sekali.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Pada menjawab soalan yang pertama Wakil Air Putih, sukalah saya mengatakan bahawa jawapan yang dikehendaki bagi sektor perladangan, pembinaan dan lain-lain sektor bolehlah didapat dengan lebih jelas daripada jawapan kepada soalan bertulis nombor satu daripada Yang Berhormat Wakil Batu Buruk, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. ABIDUL WAJID BIN NGAH (Wakil Batu Rakit): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua - Sekiranya bilangan yang sebeginu banyak daripada sektor ladang dikeluarkan daripada Negeri Terengganu, bagaimakah terjejasnya ekonomi ataupun perolehan negeri daripada perladangan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pihak pengurusan kebanyakannya ladang mengatakan

14 Mei 1998

bahawa mereka sangat-sangat bergantung buruh asing untuk kerja-kerja di ladang mereka. Jika sekiranya kita keluarkan mereka tentulah terjejas. Entinya sebahagian besar kerja-kerja di ladang tidak dapat dijalankan dan berikutnya tentulah hasilnya kekurangan. Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAHIR (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Apakah sebab-sebab yang mengatakan bahawa pengusaha-pengusaha ladang itu sangat memerlukan kepada tenaga-tenaga asing? Apakah Negeri Terengganu menghadapi krisis tenaga buruh?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAI (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, perkara ini bukanlah satu fenomena yang baru, masalah ini sebenarnya telah lama bersama-sama dengan kita. Ini disebabkan antara lain Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ialah keengganan atau keberatan pekerja-pekerja tempatan untuk menjalankan kerja-kerja yang dijalankan oleh buruh asing ini, Dato' Yang Dipertua. Selain daripada perkara-perkara biasalah yang kalau ditanya apakah sebabnya keberatan, tentulah ada alasan-alasan yang akan diberikan oleh pekerja-pekerja tempatan ini. Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Di dalam kerajaan menyediakan kajian kenungkinan untuk perladangan, tidakkah diambil kira kedatangan buruh-buruh asing ini akan menimbulkan masalah sampingan yang berpanjangan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAI (Wakil Seberang Isteri): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, diambil kira semuanya. Tapi jangan kita nafikan bahawa sektor-sektor lain juga berkembang malah lebih cepat daripada sektor perladangan. Jadi, pekerja-pekerja tempatan ada pilihan yang lebih luas daripada hanya bekerja di ladang 10 atau 15 tahun yang lalu. Jadi, adalah lojik bagi mereka bekerja di tempat yang lebih baik daripada di ladang untuk mendapat pendapatan yang lebih tinggi daripada di ladang. Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nomor tiga -

Bila tak projek Lebuhraya Jabur - Kuala Terengganu akan dimulakan. Bila tak puli projek itu dijadualkan siap sepenuhnya. Syarikat mana yang akan melaksanakan projek itu dan berapakah kos keseluruhannya.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telomong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, menjawab kepada soalan yang ketiga Yang Berhormat ingin mengetahui perkembangan mengenai projek Lebuhraya Pantai Timur.

14 Mei 1998

Semalam saya telahpun menjawab soalan yang sama mengenai kemajuan setakat ini daripada Yang Berhormat Wakil Manir dan tambahan yang saya ingin jawab pada hari ini mengenai berapakah kos keseluruhan dan jangka masa menyiapkan projek ini. Jangka masa pembinaan projek ini ialah tiga setengah tahun dan anggaran kos keseluruhannya dalam kira-kira RM3 bilion. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN HASSAN (Wakil Air Putih): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Wakil Rantau Abang, Tuanku Haji Shafie Daud.

YANG BERHORMAT HAJI SHAFIE BIN DAUD (Wakil Rantau Abang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan nombor satu -

Bagaimanakah cara kerajaan mengatasi masalah tanah-tanah terbiar di negeri ini sama ada tanah-tanah terbiar tersebut milikan individu/syarikat dan milikan kerajaan sendiri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, tanah terbiar hanya melibatkan tanah-tanah yang telah diberimilik kepada orang ramai. Tanah-tanah kerajaan tidak dikategorikan sebagai tanah terbiar.

Badan-badan kerajaan seperti FEICRA dan RISDA membantu memajukan tanah-tanah petani dengan tanaman kelapa sawit dan getah melalui program pemulihan dan tanaman semula. Bagi tanah-tanah sawah Lembaga Pertubuhan Peladang bersama dengan Pertubuhan Peladang Kawasan membantu menyediakan kemudahan bagi membantu petani-petani dengan tanah-tanah mereka. Jabatan Pertanian Negeri menggalakkan petani-petani mengusahakan tanah-tanah terbiar dengan pelbagai jenis tanaman mengikut kesesuaian tanah.

Di bawah Program Tanaman Sentang, Kerajaan Negeri juga melalui Jabatan Perhutanan menyediakan insentif dalam bentuk anak benih kepada pemilik-pemilik tanah terbiar yang ingin mengusahakan tanah-tanah mereka dengan tanaman sentang. Jabatan juga akan membantu dalam bentuk bantuan anak benih dengan nilai RM500.00 sekar kepada para peserta. Sehingga kini seluas 4,000 ekar dan melibatkan 1,500 peserta telahpun didaftar untuk menyertai program ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SHAFIE BIN DAUD (Wakil Rantau Abang): Dato' Yang Dipertua, soalan nombor dua -

14 Mei 1998

Pada tahun 60-an pihak kerajaan telah banyak membuka tanah secara berkelompok/pinggir untuk diberikan kepada penduduk/masyarakat setempat mengusahakan secara kelompok dan rancangan ini mendapat kejayaan.

Oleh itu, adakah pihak kerajaan bercadang untuk membuka semula rancangan pembukaan tanah berkelompok/pinggir seperti mana sebelum ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pihak kerajaan masih belum menutup rancangan pembukaan tanah biasa, tanah berkelompok. Pembukaan tanah rancangan berkelompok di daerah-daerah adalah bergantung kepada cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Tanah Berkelompok Daerah pada satu-satu masa tertentu.

Manakala pembukaan rancangan tanah pinggir pula Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pada masa ini kita tidak bercadang dibuka baru, dimana yang lama yang telah menjelaskan bayaran GAC atau belum jelas serta tiada pemaju oleh agensi, Pentadbir Tanah dibenar poleh kepada pihak berkuasa negeri untuk tukar status kepada tanah kelompok biasa. Setakat ini belum ada satupun rancangan tanah pinggir yang tiada pemaju oleh agensi yang dipohon untuk ditukar kepada rancangan kelompok biasa, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI SHAFFI BIN DAVID (Wakil Rantau Abang): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Haji Ismail Mamat, Wakil Teluk Pasu mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor satu -

Sila nyatakan berapa buah sekolah yang telah dibekalkan dengan internet mengikut pecahan daerah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekolah-sekolah yang mempunyai kenyudahan internet mengikut pecahan daerah seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Teluk Pasu ialah:

Kuala Terengganu	-	11 buah sekolah
Besut	-	2 buah
Setiu	-	2 buah
Kemaman	-	1 buah

14 Mei 1998

Marang	-	1 buah
Dungun	-	1 buah
Hulu Terengganu	-	Belum ada lagi,

Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua - Adakah pembekalan ini diutamakan sekolah-sekolah menengah sahaja ataupun ianya bentuk menyeluruh?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon diulang tidak jelas bagi saya, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Adakah keutamaan pembekalan internet ini hanya kepada sekolah-sekolah menengah sahaja, tidak kepada sekolah rendah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada beberapa faktor yang menjadi asas penyediaan internet ini. Yang pertama, jumlah komputer yang sedia ada di sekolah itu dan yang kedua kemungkinan wujudnya kelab ataupun Kelas Komputer di sekolah itu dan faktor-faktor lain yang mendorong diberi kemudahan internet. Keadaan sekarang menunjukkan bahawa internet merupakan kemudahan tambahan yang lebih asasnya kemudahan komputer itu sendiri, dimana jumlah komputer di sekolah-sekolah pun tidak sama banyak, Dato' Yang Dipertua. Terpulang kepada apa yang dapat disediakan oleh kerajaan dan ditambah dengan usaha-usaha PIBG dan juga sumbangan-sumbangan daripada pihak-pihak tertentu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya nak mendapat kepastian adakah setakat ini ada juga sekolah rendah dibekalkan dengan komputer atau internet ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya memerlukan notis untuk menjawab soalan ini, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Selepas ini saya menjemput Haji Abu Bakar bin Abdullah, saya akan jemput Tuan Yaakub kemudian terus mengikut susunan yang sedia ada. Ini akan dapat makluman kepada pihak yang menjawab. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah, Wakil Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan pertama -

14 Mei 1998

Adakah benar kerajaan bercadang menempatkan loji majis yang akan dikendalikan oleh Indah Water (IWK) di Bukit Seraya, Sungai Mas Tepoh, Kuala Terengganu.

YANG BERHORMAT ENCIK AIIMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tidak benar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan kedua -

Nyatakan nama enam buah syarikat dari Kanada dan Jerman yang dikatakan berminat mengadakan usahasama dengan syarikat tempatan untuk melabur dalam industri automatif, petrokimia dan kimia di Negeri Terengganu. Berapakah jumlah pelaburan dan imbalan ekuiti dalam pelaburan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAI GHAZALIFF BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Ahli Yang Berhormat yang berkenaan bertanyakan nama enam buah syarikat daripada Kanada dan Jerman yang dikatakan berminat mengadakan usahasama dengan syarikat tempatan untuk melabur dalam industri automatif, petrokimia dan kimia di Negeri Terengganu dan berapa jumlah pelaburan yang terlibat.

Bagi menjawab soalan ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dan Dewan ini bahawa sehingga ini tiada syarikat dari Kanada yang berminat mengadakan usahasama dengan syarikat tempatan untuk melabur dalam industri automatif, petrokimia dan kimia di Negeri Terengganu. Bagaimanapun terdapat sehingga ini dua buah syarikat daripada Jerman yang telah mendapat kelulusan yang diberikan oleh MITI iaitu untuk membuatkan syarikat mereka di Negeri Terengganu, pertama SGL Carbon GmbH telah diluluskan bagi mengeluarkan *graphite electrode* dengan jumlah pelaburan RM506 juta di kawasan perindustrian Teluk Kalong, Kemaman. Projek ini dimiliki 100% pelabur Jerman dan sekarang di dalam perancangan.

Satu kelulusan lagi telah diberi pada Februari 1998 iaitu kepada Gebr Knauf bagi mengeluarkan *plasterboard* dengan anggaran jumlah pelaburan RM101 juta di kawasan perindustrian Teluk Kalong juga, iaitu berasaskan sisa buangan daripada kilang Tioxide. Projek ini adalah merupakan usahasama pelabur asing Jerman 51% dan pelabur tempatan 49% dan kini sedang dalam perancangan aktif.

Di samping itu, Dato' Yang Dipertua, terdapat dua lagi pelabur Jerman iaitu Bayer AG dan Degussa AG ada menunjukkan minat untuk melabur di dalam industri kimia dan petrokimia di Negeri Terengganu dan mereka sedang berunding dengan rakan-rakan daripada tempatan untuk

14 Mei 1998

melaksanakan projek ini. Ini berdasarkan lawatan dan tinjauan yang dibuat oleh kedua-dua pelabur tersebut ke Negeri Terengganu beberapa kali sudah. Bayer AG dijangka akan melabur di dalam industri kimia iaitu bagi mengeluarkan *polyurethane* iaitu bahan bagi kegunaan industri automatif, elektrik dan elektronik, pembungkusan dan lain-lain dengan anggaran pelaburan Amerika Syarikat - US Dollars 250 juta. Degussa AG pula berminat untuk melabur di dalam industri petrokimia mengeluarkan berbagai produk bagi kegunaan industri tekstil, makanan haiwan dan alam sekitar seperti *hydrogen peroxide*, *sodium cyanide* dan sebagainya. Anggaran pelaburan adalah RM200 juta. Kedua-dua syarikat bagaimanapun belum lagi mendapat kelulusan daripada MIDA.

Sekian, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepoh): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua - Kenapa syarikat dari Kanada ini tidak jadi untuk mengadakan usahasama?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHIAZALIE BIN ABDUL RAHIMAN (Wakil Langkap): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Sebenarnya saya sendiri pun tidak sedar bahawa ada syarikat daripada Kanada yang pernah menyatakan minat mereka untuk melabur di Negeri Terengganu. Tetapi saya suka menyatakan, berdasarkan kepada keadaan *rationalization policies* negara-negara di dunia, negara-negara perindustrian dunia pada masa ini didapati bahawa negara Jerman merupakan sebuah negara yang sangat aktif untuk merasionalisasi dasar perindustrian mereka bagi melabur di negara-negera luar daripada benua Eropah dan daripada negara mereka sendiri. Insya Allah, mudah-mudahan kita boleh meneroka negara-negara lain seperti Kanada jugak pada masa yang akan datang. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Yaakub bin Abd. Kadir bagi mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT TUAN YAAKUB BIN ABD. KADIR (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan pertama -

Apakah langkah persediaan yang telah diambil oleh pihak kerajaan Negeri Terengganu dalam usaha mengatasi kekurangan bekalan air di Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKA PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pihak Jabatan Bekalan Air telah mengambil beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air di negeri ini. Persediaan untuk mengatasi kekurangan bekalan air boleh diuraikan dalam dua perspektif iaitu dari sumber air mentah dan juga proses rawatan air termasuk agihan air bersih.

I angkah-langkah jangka panjang adalah pertama Aji Mentah. Usaha-usaha telah diambil untuk mengatasi kekurangan bekalan air di negeri ini walaupun secara amnya sumber bekalan air mentah di negeri ini tidak menghadapi masalah. Di antaranya ialah pihak kerajaan telah melantik Jurutera Perunding bagi mengkaji keseluruhan sumber air termasuk kawasan tadahan, sungai, tasik dan lain-lain lagi bagi tempoh kegunaan air dari tahun 2000 sehingga tahun 2050. Kajian sumber air ini dijangka siap pada pertengahan tahun 1999. Hasil dari kajian ini akan digunakan sepenuhnya untuk merancang pembangunan sumber air di Negeri Terengganu.

Dato' Yang Dipertua, masalah sumber air mentah yang sedang dihadapi oleh Jabatan ini bawah kemasukan air masin di tempat pengambilan air ataupun *intake* di Sungai Paka, Dungun. Tindakan segera telah diambil untuk mengatasi masalah ini dengan membina sebuah empangan rendah di sungai tersebut. Projek ini dijangka akan dilaksanakan pada awal tahun 1999. Dengan siapnya empangan rendah tersebut masalah kemasukan air masin di Sungai Paka boleh diatasi dan bekalan air mentah dapat dibekalkan dengan kuantiti yang banyak.

Bekalan Air Bersih - di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah meluluskan 6 projek baru dengan anggaran kos projek sebanyak RM362.60 juta. Projek-projek yang dilaksudkan ialah Projek Bekalan Air Kuala Terengganu Peringkat 3, Dungun Peringkat 2, Besut, Setiu Peringkat 2, Hulu Terengganu dan Tasik Kenyir. Pembentangan kos projek adalah dari sumber Pinjaman Pusat.

Kesemua projek-projek di atas akan melibatkan pembinaan beberapa komponen projek seperti pembinaan loji pembersihan air, tangki air, rumah pari dan paip-paip utama. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh hanya pembinaan loji pembersihan air dan kerja-kerja yang berkaitan sahaja dilaksanakan untuk Projek Bekalan Air Kuala Terengganu Peringkat 3, Dungun Peringkat 2, Besut dan Tasik Kenyir.

Manakala langkah jangka pendek untuk mengatasi kekurangan bekalan air di negeri ini adalah bagi tempoh yang terdekat, usaha-usaha telah diambil oleh Jabatan Bekalan Air dengan melaksanakan projek membaik pulih loji air dan projek menaiktaraf sistem retikulasi di seluruh negeri. Anggaran kos projek ini adalah sebanyak RM80 juta dengan dibiayai secara 49% dari sumber Pinjaman Pusat dan 51% dari sumber Pinjaman Bank Pembangunan Asia.

Projek membaik pulih loji air melibatkan daerah Hulu Terengganu dan Kuala Terengganu dimana loji air Kuala Berang dan Bukit Losong akan diperingkatkan keupayaan pengeluaran air dari 2 juta gelen sehari kepada 3 juta gelen sehari di Loji Kuala Berang dan dari 1.5 juta gelen sehari kepada 3 juta gelen sehari di Loji Bukit Losong. Di samping itu, pihak Jabatan juga telah dan sedang melaksanakan projek menaiktaraf sistem retikulasi di seluruh negeri di bawah program mengawal kehilangan air dengan melaksanakan projek mengganti paip-paip lama yang telah bocor dan sentiasa bermasalah kepada jenis paip-paip yang bermutu tinggi seperti paip *mild steel, ductile iron* dan *high density polyethylene*.

Di bawah program-program ini ia dijangkakan akan melibatkan sepanjang 133 kilometer paip baru akan dipasang dan juga akan melibatkan pembinaan 3 buah tangki air baru yang akan dibina di seluruh negeri. Keseluruhan skim-skim ini dijangka dibina dan akan siap pada akhir tahun 1999. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

14 Mei 1998

YANG BERHORMAT DR. ABDUL WAHAB BIN NGAH (Wakil Batu Rakit): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua - Adakah kerajaan bercadang untuk membekalkan air bagi tujuan pertanian selain daripada mempertimbangkan dengan teliti keperluan air untuk tujuan demostik dan industri?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua, sebenarnya kerajaan bercadang sekiranya sektor pertanian menghadapi masalah dari segi bekalan pengairan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Permasalahan air di Sungai Paka, tidakkah kerajaan terfikir bahawa ianya suatu permasalahan lokasi kerana pembangunan di persekitaran tidak dapat lagi mengizinkan lokasi yang ada.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua, saya bercadang untuk menjawab soalan ini dalam penggulungan Titah Ucapan Di Raja, walaupun bagaimanapun saya telah bangkit sedikit tadi soal di Paka. Tetapi secara keseluruhan masalah pembangunan ada pengambilan pasir dan sebagainya berada di dalam kawalan pihak kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua mengenai permasalahan air. Kita semua tahu bahawa takungan air di Tasik Kenyir dan melebihi - Tidakkah kerajaan negeri bercadang untuk mengadakan sistem GRID ataupun pengagihan bersambung menggunakan air dari Tasik Kenyir?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang saya nyatakan masalah bekalan air dan sumber air di negeri kita ini buat masa ini belum menghadapi masalah. Walaupun bagaimanapun, sumber bekalan air Tasik Kenyir akan merupakan sumber kita yang terbesar dan sekiranya perlu, sebagaimana saya katakan tadi menggunakan sumber ini sebagai sama ada penggunaan dalam negeri dan luar negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TUAN YAAKUB BIN ABD. KADIR (Wakil Hulu Besut): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Soalan nombor dua -

Pencapaian pelajar-pelajar dalam peperiksaan SPM dan STPM di Negeri Terengganu telah meningkat dari setahun ke setahun. Apakah persediaan kerajaan bagi memastikan agar pelajar-pelajar yang cemerlang dalam SPM dan STPM dapat menjelak kaki ke Institut Pengajian Tinggi (IPT)?

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payung): Bismillahi rahmani rrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih soalan yang kedua ni. Yang Berhormat bertanyakan

14 Mei 1998

mengenai persediaan kerajaan bagi memastikan bahawa pelajar-pelajar lulus cemerlang SPM dan STPM dapat masuk ke IPT. Alhamdulillah, soalan pun bertepatan pada hari ini InfoLine, pelajar-pelajar dapat tahu hari inilah masuk ke universiti.

Jadi untuk menjawab soalan ini, beberapa saluran pelajar-pelajar lulus SPM dan STPM memasuki IPT sama ada IPT tempatan ataupun luar negeri, swasta ataupun awam. Pertamanya melalui tingkatan enam, kelas-kelas tingkatan enam tempat persediaan anak-anak kita masuk ke IPT. Yang keduanya ialah program matrikulasi, asasi sains, diploma dan juga integrasi ini juga banyak diperkenalkan di universiti tempatan. Yang ketiga melalui A Level, matrikulasi dan juga *foundation* oleh universiti-universiti luar negeri juga dibuat di Malaysia. Yang Keempat, terus masuk seperti KUSZA, kolej-kolej swasta, TATI dan sebagainya. Yang kelima, melalui program-program latihan contohnya di Terengganu kita ada IKM (Institut Kemahiran Mara), ILP (Institut Latihan Perindustrian), ILPP dan juga IKBN di Wakal Tapai. Ini juga menyediakan tempat kepada pelajar-pelajar lulusan SPM untuk dilatih kemudian boleh meneruskan pelajarannya kalau dia baik di peringkat diploma dan akhirnya untuk ijazah.

Bagi Negeri Terengganu, Alhamdulillah dengan kemampuan yang kita ada kita telahpun membuat persiapan bukan saja untuk pelajar-pelajar cemerlang tapi yang kurang sedikit cemerlang pun untuk kemasukan ke IPT. Pertamanya kita telah mengadakan KUSZA seperti tuan tuan tahu pengambilannya cukup berganda pada tahun ini kerana tekanan kemasukan ke IPT tempatan. Yang kedua untuk bidang-bidang teknikal, TATI juga sedang menambah bilangan penuntut baik dalam bidang diploma dan juga degree atau ijazah.

Yang ketiga ialah di Terengganu ini sendiri kita telah barn saja menujuhkan Kolej Matrikulasi Terengganu. Kolej ini berfungsi dua cara, yang pertama kita membuat usahasama dengan IPT tempatan, sebagai contoh UKM, USM, UM, UPM mengenai program-program matrikulasi bagi pelajar-pelajar yang cemerlang. Bagi pelajar-pelajar yang kurang cemerlang, barangkali yang dapat gred satu, gred dua yang lemah sedikit mata pelajaran sains juga berpeluang untuk belajar di sini untuk kemasukan ke IPT-IPT tempatan. Ini peluang untuk anak Terengganu, *specialnyalah*. Yang keempat, di samping itu kita ada hubungan dengan ITM, dengan mengadakan program dinamakan pra-sains dan pra-diploma bagi anak-anak kita yang sedikit kurang untuk belajar terus ke ITM. Ini dibuat dengan ITM dengan Yayasan Terengganu.

Dan akhir sekali kita juga ada pelajar-pelajar yang cemerlang juga tapi kurang cemerlang untuk masuk terus ke IPT. Yang ini boleh kita tampung di TTSDEC - TTSDEC mengendalikan kursus-kursus kemahiran TTICCI yakni institusi latihan kemahiran berdasarkan perkayuan di Teris di Kuala Berang. Ini telahpun bermula pengambilannya untuk bidang-bidang sektor yang berdasarkan perkayuan. Yang keliganya dalam bidang binaan *construction* dengan izin ini juga sedang berjalan juga di Kuala Berang untuk pengambilan sebanyak 14 kursus.

Jadi bagi anak-anak Terengganu yang cemerlang masuk terus ke universiti atau IPT, yang kurang sedikit memasuki pusat-pusat yang kita buat untuk akhirnya masuk balik ke IPT. Jadi sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. ABDUL WAHAB BIN NGAH (Wakil Batu Rakit): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua Adakah kerajaan bersedia untuk menghadapi kemungkinan

14 Mei 1998

mereka-mereka yang begini ramai lulus institusi pengajian tinggi, anak-anak Terengganu mendapat peluang-peluang pekerjaan nanti ataupun manfaatkan diri mereka hasil daripada pengajian yang telah mereka perolehi.

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payung): Terima kasih Yang Berhormat Batu Rakit, kita kena faham bahawa aset ataupun benda yang paling utama ialah untuk melatih generasi yang berilmu dan bertakwa. Ini aset utama kepada negara dan negeri. Oleh sebab itu, kita ingin memberi peluang seramai mungkin anak-anak Terengganu dilatih, diberi ilmu dahulu tentang soal kerja Alhamdulillah, misalnya kalau ada peluang di Terengganu, Terengganulah dia. Tetapi kita yakin bahawa anak Terengganu tak semuanya ingin bekerja di Terengganu, ada jugak yang mencari pengalaman di Kuala Lumpur, di Johor akhirnya dia balik semula berbakti di Terengganu, mencari pengalaman duju. Jadi tentang soal kerja tu kita timbang juga yang paling penting memberi tempat duju, dilatih dan diberi ilmu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TUAN YAAKUB BIN ABD. KADIR (Wakil Hulu Besut): Soalan ketiga -

Apakah tindakan yang seharusnya diambil oleh pihak kerajaan bagi menyekat ajaran-ajaran sesat seperti yang terdapat di Hulu Besut dan Marang dari terus merebak secara berleluasa?

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, berdasarkan perkembangan yang mutakhir dan dilaporkan kepada saya malam tadi bahawa tempat yang disyaki itu telah dibangunkan bangunan yang diragui digunakan bagi tujuan pengajaran ilmu yang mungkin berlawanan dengan ajaran Islam. Maka tindakan yang akan diambil ialah usaha-usaha ke arah mencari dan mengumpul bahan bukti kesalahan untuk memudahkan tindakan ke arah mencegah penyebaran ajaran yang bercanggah dengan Islam akan dibuat seberapa segera yang boleh. Dan bangunan yang dibina mengikut yang dilaporkan itu berbentuk macam panca persada tempat seorang raja, murid-murid duduk di tingkat bawah. Jadi, bangunan seperti ini diragui mungkin bercanggah dengan ajaran Islam itu sendiri.

YANG BERHORMAT TUAN YAAKUB BIN ABD. KADIR (Wakil Hulu Besut): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Adakah kerajaan berpendapat selain daripada ajaran sesat yang berkembang di Hulu Besut dan Marang ni termasuk juga fahaman atau ideologi sekular, sosialisme, komunisme dan materialisme untuk dibuat sekatan dan pembanterasan terhadap ajaran tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, yang saya tahu ialah ada pengajaran-pengajaran yang dibuat dengan kepentingan untuk mengukuhkan kumpulan yang taksub. Ketaksuhan itu memang bercanggah dengan Islam. Tapi apa yang disebut sebagai sekularisme dan materialisme kalau

14 Mei 1998

kedua-dua unsur ini terkawal di bawah prinsip Islam, saya belum berjumpa bahawa mengamalkan ajaran-ajaran atau amalan yang berkaitan dengan keduniaan, di bawah naungan Islam tidak ada bercanggahan. Saya mungkin merasa kecewa sebenarnya bila disebut oleh Yang Berhormat bahawa materialisme dan sekularisme itu sebagai satu perkara yang bercanggah dengan Islam. Yang kita tahu, selagi usaha yang dibuat dalam perkara-perkara yang berbentuk sekular tapi tunduk kepada ajaran syariat maka ia tidak bercanggah dengan Islam. Sekularisme kalau sudah jadi satu fahaman - itu salah. Tapi mengamalkan kerja-kerja yang berkaitan dengan keduniaan merupakan sebahagian daripada tuatutan Islam.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUT'ALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Bolehkah Yang Berhormat memberi rujukan *terms of reference* yang boleh digunakan oleh orang awam bagi membantu, membanteras, menghalang dan mengurangkan ajaran sesat di kampung-kampung?

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, ingin memberi satu *terms of reference* yang mudah iaitu ikut panduan yang dibuat oleh Quran dan Sunnah.

YANG BERHORMAT TUAN YAAKUB BIN ABD. KADIR (Wakil Hulu Besut): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Yang Berhormat Haji Ibrahim Yusof, Wakil Kuala Berang.

YANG BERHORMAT HAJI IBRAHIM BIN YUSOF (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan pertama -

Sejauh manakah perkembangan cadangan membina landasan keretapi yang menyambung Pantai Barat ke Pantai Timur untuk kemudahan pengangkutan kepada rakyat Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT MULIA TENKU PUTERA BIN TENKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Kuala Berang yang ingin tahu soal cadangan pembinaan landasan keretapi yang menghubungkan Pantai Barat dengan Pautai Timur. Setakat ini tiada cadangan dibuat untuk membina landasan keretapi yang menyambung Pantai Barat dan Pantai Timur khususnya Negeri Terengganu dan Pantai Barat.

YANG BERHORMAT HAJI IBRAHIM BIN YUSOF (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor dua -

14 Mei 1998

Adakah kerajaan masih lagi berhasrat untuk menjalankan Program Penjualan Air Bersih dari Tasik Kenyir ke Negara Timur Tengah sebagaimana yang diuraikan untuk pelaksanaannya dahulu. Dan adakah Negara Timur Tengah benar-benar berminat untuk melaksanakannya? Sejauh manakah perkembangan peringkat pelaksanaannya setakat ini?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua, kerajaan negeri berhasrat dan berminat untuk menjalankan Program Penjualan Air Bersih dari Tasik Kenyir bukan saja ke Negara Timur Tengah malah ke mana-mana jua yang dijangkakan boleh membawa keuntungan. Setakat ini pihak pemaju awal yang mencadangkan kepada kerajaan negeri masih berminat dan sedang menguruskan soal perjanjian jual beli air berkenaan dengan pihak-pihak yang berkaitan.

YANG BERHORMAT DR. ABDUL WAHAB BIN NGAH (Wakil Batu Rakit): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua - Adakah kerajaan bercadang untuk menjualkan air ini ke pasaran dalam negeri?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Insya Allah, jika ada yang boleh menguntungkan sebagaimana saya kata tadi, kita berhasrat.

YANG BERHORMAT HAJI IBRAHIM BIN YUSOF (Wakil Kuala Berang): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Soalan tadi tidak dijawab iaitu sejauh manakah perkembangan peringkat pelaksanaan setakat ini?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, perkembangan setakat ini sebagaimana saya kata tadi pihak pemaju awal yang membuat cadangan kepada kerajaan negeri masih menguruskan soal perjanjian jual beli dengan pihak yang berkaitan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI IBRAHIM BIN YUSOF (Wakil Kuala Berang): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib Embong, Wakil Batu Buruk.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Assalamualaikum - Soalan yang pertama, Dato' Yang Dipertua -

Adakah Negeri Terengganu bercadang mengadakan undang-undang keterangan, kontrak, prosedur, pentadbiran pembahagian harta pesaka orang Islam untuk pentadbiran Mahkamah Syariah.

14 Mei 1998

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, kerajaan negeri memang bercadang untuk memasukkan semua undang-undang yang dimaksudkan ke dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak yang sedang digubal penyelarasannya di peringkat Pusat.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tambahan Dato' Yang Dipertua - Di peringkat negeri selain daripada bergantung kepada Pusat Islam, apakah tindakan-tindakan segera yang dilakukan ataupun tidak ada?

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, di peringkat negeri telahpun dipersetujui supaya kita bekerjasama dengan Pusat dan hasil daripada kerjasama itu akan dibawa balik ke negeri untuk dibentangkan ke dalam Dewan ini setelah melalui proses yang dijadualkan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tambahan Dato' Yang Dipertua - Adakah itu bermakna negeri hanya menunggu dan tidak ada inisiatif sendiri?

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, saya dah kabar dah negeri setuju. Itu inisiatif negeri kalau sekiranya negeri tak bersetuju bermakna negeri tidak ada inisiatif. Negeri telah mengambil inisiatif berbincang bukan saja di peringkat negeri tetapi dalam urusan undang-undang Islam ini, tidak ada *boundary* mesti kita lihat apa yang berlaku di negeri yang berdekatan barulah kelihan unsur keIslamam. Kalau kita lihat Islam secara kelompok, maka kita menyempitkan Islam sendiri. Inisiatif negeri ialah kita merancang, mengatur, mengusaha dan melihat apa yang dibuat oleh negeri lain. Inisiatif negeri ialah bertindak dan kita bekerjasama dengan negeri lain.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tambahan Dato' Yang Dipertua - Tidakkah kerajaan negeri sedar bahawa bidang kuasa kerajaan negeri adalah mutlak? Tanggungjawab kerajaan negeri juga untuk melaksanakan syariah ini adalah hak kerajaan negeri? Dan bukanlah sekadar nak ikut negeri-negeri lain. Dan perkara yang terpenting Dato' Yang Dipertua, yang menjadi permasalahan yang berpanjangan ialah Undang-Undang Keterangan bagi kegunaan di Mahkamah Syariah.

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, saya tidak bermaksud untuk berbahas kerana *dispremature* belum sampai masanya lagi. Tapi kuasa negeri dalam urusan Islam, kerajaan negeri sangat mengetahuinya tapi bila kita nak menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan Islam walaupun kita sedar negeri mempunyai kuasa, jangan kita menyalahgunakan kuasa, mengeneplikan kedudukan sekitar sehingga mengorbankan masa depan kita.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, tidak timbul soal pengorbanan - pembicaraan tanpa Enakmen Keterangan, tanpa prosedur adalah benda yang tidak teratur.

14 Mei 1998

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOF BIN HAJI MOHD NOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, soal lain tapi nampaknya dah ditarik ke perkara yang lain.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan yang kedua, Dato' Yang Dipertua -

Sila nyatakan kos dan perbelanjaan bagi menyiapkan CARAVAN CAMP di Marang dan kos pembinaan jambatan merentangi Sungai Merchang daripada Caravan Camp ke Lot 996.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ (@ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kos pembinaan *Caravan Camp* dan jugak *camping site* di Marang ialah sebanyak RM470,688.00.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Jambatan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ (@ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, yang jambatan ni saya rasa Wakil Batu Buruk, dia tidak tahu, dia tidak siasat. Kelmarin dia tanya saya Yang Berhormat tahu dak jalan ni? Jadi, hari ini saya nak tanya dia balik - dia tahu dekat mana jambatan ni? Tak dengar Dato' Yang Dipertua, dia soal ke dia apa?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila ulang sekali lagi Yang Berhormat dan cuba kuat sikit.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya kata, penghubung jalan itu memerlukan jambatan dan ada jambatan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ (@ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Betul dah Dato' Yang Dipertua, tapi soalan Wakil Batu Buruk ni tak betul. Soalan dia salah, jadi saya tak jawab Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan salah Dato' Yang Dipertua, mesti ditolak. Namun demikian Dato' Yang Dipertua, berapa sehingga hari ini kegunaan *Caravan Camp* ni, saya nak tahu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ (@ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, kita kena mintak notislah pasal dia melibatkan perangkaan. Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

14 Mei 1998

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Perangkaan - adakah ke tidak? Saya tidak tengok satu pun *Caravan* di Malaysia ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Ada *Caravan* Dato' Yang Dipertua, di Kuala Lumpur. Kita buat dulu ni untuk cadangan pada masa akan datanglah, Dato' Yang Dipertua. Jadi, oleh kerana ekonomi tidak berapa baik, orang pun kurang berjalan dari segi *caravan* ini jadi digunakan untuk *camping*. Untuk camping, ramai digunakan Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, soalan yang ketiga -

Sejak pengumuman Y.A.B. Menteri Besar, Januari 1998 di atas kesediaan kerajaan negeri menyerahkan tanah terbitar kepada pengusaha pertanian berapa banyak kawasan dan luas mengikut daerah telah dikenalpasti dan sila beritahu prosedur dan syaratnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALI@ BIN ABDUL RAIMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat itu bertanyakan sejak pengumuman pada Januari 1998 di atas kesediaan kerajaan negeri menyerah tanah terbitar kepada pengusaha pertanian, berapa banyak kawasan dan luas mengikut daerah telah dikenalpasti dan sila beritahu prosedur dan syaratnya. Dato' Yang Dipertua, saya akan cuba menjawab soalan ini dengan sebaiknya mungkin tidak sepenuhnya kerana had batasan masa dalam tempoh soal jawab.

Dato' Yang Dipertua, perlu dijelaskan bahawa kesediaan kerajaan negeri menyerahkan tanah-tanah terbitar untuk dimajukan oleh usahawan-usahawan dan orang-orang perseorangan bererti menyerahkan penggunaan tanah-tanah itu kepada usahawan dan orang perseorangan mengikut *modelity-modelity* atau *modul* bahasa Inggerisnya yang tertentu dan tidak semestinya secara pelupusan terus sebagaimana biasa. Di antara program-program yang telah diatur termasuklah pertamanya bagi pertanian dengan memperkenalkan konsep dan pendekatan baru Taman Industri Tani di semua daerah-daerah di seluruh Negeri Terengganu yang telah dimulakan pada peringkat awal ini dengan rancangan yang pertama di Rhu Tapai, iaitu Taman Industri Tani Rhu Tapai. Jumlah kawasan yang akan dijadikan Taman Industri Tani dianggarkan kira-kira 3,000 hektar. Di bawah konsep ini kawasan dikenalpasti dan dibangunkan berdasarkan kepada konsep kawasan perindustrian dimana akan disediakan dengan kemudahan-kemudahan asas dan juga air menitis, seperti jalan masuk, jalan dalam dan jugak bekalan air. Ianya akan disewakan kepada usahawan-usahawan dan orang-orang perseorangan.

Kedua-dua tanah padi - kawasan-kawasan yang baru iaitu kawasan *skunder* di Besut, Setiu seluas 5,000 hektar telah dirancangkan, dikehui untuk Kecajuan Persekutuan untuk dibangunkan dan ini termasuklah untuk dibangunkan secara komersil oleh pihak swasta. Dianggarkan RM53 juta diperlukan bagi menjayakan rancangan ini.

14 Mei 1998

Bagi padang ragut Dato' Yang Dipertua, kerajaan negeri telah bersetuju menswastakan 29 kawasan padang ragut yang tidak dapat dibangunkan sehingga ini oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan di seluruh negeri meliputi kawasan seluas 2,314 hektar. Kawasan ini akan dibangunkan oleh swasta dengan tanaman kelapa sawit dan diintegrasikan dengan ternakan lembu iaitu satu pendekatan yang baru. Pemohon yang berjaya diberi peluang memajak tanah-tanah tersebut untuk satu tempoh tertentu. Pada masa ini terdapat lebih daripada 10 permohonan untuk menyertai rancangan ini. Satu sambutan yang menggalakkan.

Dato' Yang Dipertua, seterusnya bagi program tanaman limau secara besar-besaran kerajaan Negeri Terengganu telah merangka satu pendekatan dan program baru untuk mewujudkan satu kawasan Lembah Limau ataupun dalam bahasa Inggerisnya *Citrus Valley* meliputi kawasan 1,200 hektar di kawasan KETI:NGAH, di kawasan Durian Mentangan. Dan pada masa ini terdapat 10 permohonan daripada usahawan-usahawan, satu telahpun diluluskan.

Dato' Yang Dipertua, seterusnya program ternak air kerajaan negeri bukan saja bersedia menyewa ataupun melupuskan tanah-tanah tetapi jugak kawasan perairan. Bagi ternakan air tawar kerajaan negeri telah memperuntukkan kawasan seluas 1,800 hektar di Tasik Kenyir sebagai zon akuakultur, pihak swasta berminat dipelawa menyertai projek ini. Sehingga ini satu syarikat tempatan telah menunjukkan kejayaan dalam ternakan ikan talapia di Tasik Kenyir. Sebuah syarikat berhad yang terkenal telah menyatakan minat untuk mengusahakan ternakan ikan dalam sangkal secara besar-besaran di Tasik Kenyir termasuk rancangan memproses dan mengeksport.

Selain daripada itu Dato' Yang Dipertua, kerajaan Negeri Terengganu suka meneroka perusahaan yang baru iaitu mengadakan tukun untuk *lobster* di perairan pantai Negeri Terengganu yang mana usaha ini telah diteroka oleh Jabatan Perikanan dan telah menunjukkan kemajuan. Insya Allah, kalau ada pihak swasta yang berminat mereka boleh diberikan lesen untuk menjalankan perusahaan ini.

Masalah dalam menangani tanah-tanah terbiar ialah kurangnya keyakinan di pihak pelabur di dalam mengusahakan perusahaan pertanian sedangkan pelaburan di dalam bidang pertanian adalah satu pelaburan yang sangat menguntungkan. Sebagaimana cerita kejayaan yang telah dicapai oleh beberapa syarikat tempatan untuk limau madu sebagai contoh, Syarikat Vibrant Sdn. Bhd., untuk tembikai untuk eksport Syarikat Zat Tani Sdn. Bhd., dan ternak air Syarikat Zaki Wasadah Sdn. Bhd.

Sekian, Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Bagi mengekalkan pemilikan dan hak-hak individu tidakkah kerajaan fikir di dalam memajukan tanah-tanah terbiar ini suatu perbadanan seperti Felera sepatutnya ditubuhkan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, saya bimbang saya tidak akan dapat jawab dengan tepat kerana soalan itu kurang jelas pada saya.

14 Mei 1998

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Yang Berhormat Encik Mohd Jidin, Wakil Permaisuri.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD JIDIN BIN SHAFFEE (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor satu -

Setakat ini apakah program dan jumlah kos pembiayaan dalam bidang pertanian, ternakan dan perikanan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam menangani masalah kegawatan ekonomi untuk penduduk desa yang berpendapatan sederhana dan miskin.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALIE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat yang berkenaan mahu tahu setakat ini apakah program dan jumlah kos pembiayaan dalam bidang pertanian, ternakan dan perikanan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam menangani masalah kegawatan ekonomi untuk penduduk desa yang berpendapatan sederhana dan katanya miskin.

Bagi menjawabnya Dato' Yang Dipertua, pertama Kerajaan Negeri telah melaksana dan meningkatkan usaha untuk membantu golongan petani, penternak dan nelayan melalui program-program yang dilaksanakan oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensi seperti Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Perikanan dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan serta jabatan-jabatan sokongan yang lain seperti JPS, EAMA, Felera, Risda dan sebagainya.

Di antara program-program yang dilaksanakan ialah satu Sayur-sayuran melalui program kelompok tani, program sayur koordinator, rancangan sayur komersil dan taman industri tani yang telah saya sebut tadi.

Bagi buah-buahan - rancangan tanah berkelompok di daerah-daerah, dusun nukleus, dusun-dusun individu. Sebagai contoh Dato' Yang Dipertua, kalau boleh sebut sebagai contoh tanaman duku. Semenjak 5 tahun yang lalu terdapat peningkatan tanaman duku yang baru di kalangan rakyat Negeri Terengganu dan ini akan menjamin pendapatan yang baik bagi mereka dalam jangka masa panjang. Di samping mempastikan tanaman duku, pengeluaran duku, penghasilan duku di Negeri Terengganu sebagai buah Terengganu tidak akan pupus pada masa akan datang.

Bagi padi - jelapang padi di KETARA dan jugak di luar jelapang padi usaha-usaha merata tanah, membaiki perparitan dan pintu air, aktiviti agronomi dan sebagainya.

Bagi ternakan - menyediakan insentif ternakan untuk ternak di sungai-sungai dan jugak di tasik-tasik.

14 Mei 1998

Bagi ternakan ayam daging - program di bawah kelolaan Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri bersama TD Poultry telah mewujudkan sistem *contract farming* dimana petani-petani menyertai rancangan payung dengan hasil pengeluaran mereka dibeli oleh TD Poultry secara dijamin.

Penyediaan rizab ragutan ternakan - penternak-penternak diberi peluang menggunakan rumput-rumput di padang ragut untuk makanan ternakan mereka.

Rancangan lembu pawah secara komersil, secara besar-besaran juga telah dilaksanakan. Sesingga ini kerajaan negeri telah membelanjakan sebanyak RM3 juta untuk program lembu pawah kepada petani-petani diusahakan secara komersil. Tidak lagi dua ekor, satu ekor sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli daripada Batu Buruk kelmarin, Dato' Yang Dipertua.

Seterusnya peruntukan yang diberikan bagi rancangan ini pada tahun 1998 adalah seperti berikut - Jabatan Pertanian - RM5.6 juta, Jabatan Perkhidmatan Haiwan - RM2.7 juta dan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan - RM3.0 juta berjumlah lebih kurang RM12.5 juta, Dato' Yang Dipertua.

Selain daripada itu Dato' Yang Dipertua, terdapat jugak usaha yang lain iaitu di bawah rancangan tanaman Sentang yang telah dijayakan bermula pada tahun 1997 dan diteruskan pada tahun ini. Pada tahun lepas peruntukan RM1 juta dan pada tahun ini RM1 juta, insya Allah.

Di bawah rancangan membantu nelayan, program yang baru diperkenalkan ialah rancangan bersama Amanah Ikhtiar. Amanah Ikhtiar dimana pada tahun ini sebanyak RM810,000.00 telah diperuntukkan dan telah dikeluarkan bagi membantu masyarakat nelayan. Dan selain daripada itu untuk nelayan jugak, 70 tapak tukun telahpun dilaksanakan sejak beberapa tahun dengan belanja RM4.4 juta.

Sekian, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN AWANG CHIK (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Daripada keterangan yang diberi banyak galakan-galakan yang telah disambut oleh rakyat Negeri Terengganu dalam usaha-usaha mengurangkan pengimportan buah-buahan dan sayur-sayuran. Memandangkan bahawa bahan-bahan pertanian ini dengan izin ialah merupakan *perishable product*, apakah pihak kerajaan telah menyediakan satu ketika nanti memerlukan *storage facilities* dengan izin. Oleh kerana galak-galakan nanti takut-takut ianya berlebihan suatu ketika dan ianya memerlukan pula satu *change of reaction* dengan izin supaya barang-barang ini dapat dipasarkan ataupun dieksportkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Saya suka menjelaskan iaitu bagi pengeluaran ikan Kerajaan Negeri telah meningkatkan kemudahan-kemudahan bilik sejuk dan mengikut laporan yang dapat kepada saya, pada masa ini cukup kemudahan-kemudahan untuk menampung tangkapan pendaratan ikan oleh nelayan-nelayan di Negeri Terengganu. Ini program yang telah kita tingkatkan semenjak dua tahun yang lalu oleh kerajaan dan jugak oleh pihak swasta, iaitu bilik-bilik sejuk yang didirikan oleh pihak swasta sendiri yang digalakkan oleh kerajaan.

14 Mei 1998

Bagi sayur-sayuran, buah-buahan sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, insya Allah tidak berapa lama lagi sebuah bilik sejuk akan dapat beroperasi yang mana telah didirikan di Kuala Terengganu. Tetapi Dato' Yang Dipertua, yang lebih penting daripada itu, daripada pandangan kerajaan ialah soal pasaran dan pemasaran hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan itu perlu ditingkatkan lebih bersistematis dan lebih berkesan lagi supaya buah-buah akan dapat segera dijual di dalam negeri dan di luar negeri termasuk untuk dieksportkan.

Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa untuk menjawab soalan telah selesai. Dan sebelum saya tangguh Dewan, saya jemput Yang Berhormat Wakil Manir untuk memberi ucapan sambungan dalam masa tak lebih daripada lima minit.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasihlah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua beri saya sambung

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHIMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, ini sambung yang semalam, yang tidak dapat *landing* semalam, baru nak *landing* pagi ni? Lama di udara Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, semalam kita bersidang kita tamat pukul 5.00 tepat setelah peringatan saya kemukakan kepada Dato' Yang Dipertua. Jadi, cadangan mengizinkan Wakil Manir berucap pada pagi ini atas cadangan di luar masa pukul 5.00 dari segi peraturan Dewan adalah tidak sah, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua mempunyai bidang kuasa dan hak sebagai Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya boleh beri

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, Yang Dipertua ada hak tapi atas usul semalam, tidak boleh. Itu peraturan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Usul semalam ialah untuk melanjutkan, jika ada. Tidak ada usul untuk melanjutkan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Katakanlah, kalau tak boleh

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ @ IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua,

14 Mei 1998

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat tak payah panjanglah, masa lima saya beri. Sila Yang Berhormat -

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, saya pun lapar perut rasa tak nak berucap, patut minum air dulu. Tapi walau bagaimanapun Dato' Yang Dipertua, saya ucap banyak terima kasih di atas sifat prihatin dan tanggungjawab Dato' Yang Dipertua terhadap Dewan yang mulia ini dan jugak terhadap rakyat negeri ini khususnya.

Saya ingin bercakap berkaitan dengan permasalahan kegawatan ekonomi di negeri ini yang saya kira Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh menerima bahawa punca besar ialah daripada kejatuhan nilai ringgit Malaysia, kejatuhan nilai mata wang. Hari semalam saya bawak cerita, tapi kalau saya nak habiskan cerita itu maka masa yang diberi kepada saya tidak cukup, itu pun sudah diganggu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Pokoknya anak bongsu raja ini, dibekalkan dengan seketul emas yang kecil. Semasa kehabisan modalnya, seketul emas itu diberi kepada suaminya untuk dibawa ke pasar untuk membeli barang. Banyak barang yang dapat dibeli, beras, ikan kering, lain-lain keperluan. Yang mengejutkan, menakjub sisuamai itu kenapa barang sekecil ini begitu bernilai dan begitu berharga sedangkan barang-barang ini aku tidak menggunakan. Dia kata kepada isterinya 'abang banyak punya barang ini dalam hutan tempat abang cari kayu api. abang menggunakan untuk menjamikan parang abang sahaja', banyaknya emas. Sehingga akhirnya ringkas ceritanya emas pada masa dulu menjadi mata wang.

Sekarang ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang kita tahu tanggungjawab mengeluarkan mata wang adalah tanggungjawab negara, tanggungjawab kerajaan yang diamanahkan kepada Bank Pusat ataupun Bank Negara. Apakah acuan dan kaedah yang dibuat oleh Bank Negara untuk mengeluarkan dan mengedarkan mata wang? Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagi sayanya Bank Malaysia mempunyai satu formula atau kaedah bahawa setiap satu ringgit yang diedarkan kepada masyarakat maka mestilah mempunyai sandaran atau rizab hanya 80.59 sen sahaja. Jadi, kalau seribu ia hanya adalah RM800.00, maknanya sudah RM200.00 tidak cukup. Begitulah kalau sejuta, RM200,000.00 yang tidak cukup. Itu dalam keadaan biasa tapi dalam keadaan-keadaan yang tertentu Bank Negara terpaksa pula mencetak pula wang, walaupun rizabnya tidak cukup. Akhirnya mata wang kertas yang dikeluarkan atau mata wang yang dikeluarkan bukan bersandar kepada rizab yang ada tetapi berdasar kepada penguatkuasa undang-undang. Wang ini diperakukan dengan kuatkuasa undang-undang tapi dia sebenarnya ia tidak mempunyai sandaran dan rizab lagi. Ini menyebabkan mata wang kita terus jatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekiranya apa yang saya cakap ini sandara Yang Berhormat Wakil-wakil Kerajaan boleh menyatakan.

Oleh kerana itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mata wang kita dimasukkan, oleh sebab mata wang kita tidak cukup rizab, yang tidak cukup sandaran dimasukkan ke pasaran antarabangsa, yang diperniagakan. Mata wang sudah menjadi bahan perniagaan yang sepatutnya mata wang tidak menjadi bahan perniagaan tetapi dijadikan bahan perniagaan pada tahun 1972. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, akibat daripada sandaran yang tidak cukup itu, maka sesungguhnya mata wang kita jatuh. Sekarang ini kalau kita punyai sandaran yang dipakai oleh Bank Negara, sama ada sandaran itu yang berbentuk emas yang berbentuk Dolar Amerika atau Yen Jepun ataupun Pound Starling maka sebenarnya setiap orang pada hari ini mungkin orang

14 Mei 1998

yang memiliki satu juta ringgit yang nak pergi ke Bank Negara, nak tukar RM satu juta dia dia nak mintak emas atau dia nak mintak wang asing mungkin dia tidak dapat kerana rizab itu sebenarnya tidak ada. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Jadi, oleh kerana ita kerajaan berhampas pulas untuk mengatasi kejatuhan nilai mata wang ini.

Apakah rancangan yang sebenar? Perdana Menteri sering kali bila ditanya, saya pun tidak tahu kenapa sebenarnya nilai mata wang kita itu jatuh dan bagaimana cara untuk mengatasinya. Sampai hari ini tiada jawapan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Akibatnya Dato' Yang Dipertua, secara bahasa diplomasisnya institusi-institusi kewangan terpaksa ditutup tetapi digunakan penggabungan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Asas kenapa institusi-institusi kewangan terpaksa digabungkan dalam istilah manja yang digunakan atau terpaksa ditutup dengan istilah yang lain. Kerana Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sistem riba yang dipakai oleh pihak negara berdasarkan sistem kewangan adalah menyebabkan permasalahan yang besar. Kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri di Singapura, menyatakan di Malaysia ini bank-bank terpaksa mengeluarkan pinjaman kepada para usahawan sebanyak RM490 bilion. Tetapi para usahawan yang

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ (o) IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Suri): Penjelasan, Dato' Yang Dipertua, masa sudah cukup. Tinggal lagi dua *second*. Jadi, maksud Yang Berhormat Wakil Manir ni, kita cetak wang ni macam masa Jepun dulu? Maksud begitu? Wang pisang, hak kita buat wau tu.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam perkara ini saya suruh rujuklah, saya dah beritahu kemarin, kalau saya tak betul tolong betulkan. Mengikut kajian yang saya buat, dicetak sekarang ini tidak bersandarkan kepada rizab. Saya ada duit Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam keadaan kita menghadapi kejatuhan nilai mata wang. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dan dalam kerajaan mengeluh tidak ada rizab, rizab kita tidak cukup tetapi wang kertas sepuluh ringgit dicetak lagi. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini sebagai langkah-langkah dan tindakan yang boleh menyulitkan lagi. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Jadi, kalau saya bersyarah panjang lapi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh sebab itu akhirnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekali lagi saya mengucap terima kasih dan saya tadi teringat kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sungutan daripada rasa asan daripada ini, sungutan daripada orang-orang Melayu macam mana dia kata kalau sekiranya UMNO tak merintah Malaysia, orang Melayu dak jadi macam ni. Kalau UMNO dak merintah Malaysia, ekonomi dak meleset macam ni. Orang bersungut - kalau UMNO dak merintah Malaysia ni, politik orang Melayu dak jadi macam ni

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALI BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, bukan orang berungut, Yang Berhormat tu kata. Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

14 Mei 1998

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alhamdulillah, sudah selesai. Saya tangguh Dewan dan akan disambung semula jam 11.00 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.40 PAGI.

14 Mei 1998

PUKUL 11.10 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPIRTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan disambung semula dan saya jemputlah pihak kerajaan yang memberi jawapan kepada soalan-soalan yang dibangkit semalam. Saya jemput -

YANG BERHORMAT ENCIK OTHMAN BIN DAUD (Wakil Ajil): Bismillahi rahmani rahim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan, puhan puhan sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terlebih dahulu saya ambil kesempatan ini mengucap terima kasih banyak kepada Ahli ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara mengenai dengan kemajuan sukan, kegiatan belia khususnya dalam usaha kita untuk melahirkan masyarakat yang kita ingini seperti mana dalam Wawasan SIHAT Kerajaan Negeri Terengganu. Cuma sebelum itu saya rasa clok saya buat kenyataan di sini kebanyakannya yang dibangkitkan terutamanya Ahli-ahli Yang Berhormat pembangkang mengenai dengan khususnya pembaziran yang dibuat oleh kerajaan mengadakan kemudahan-kemudahan sukan tidak tepat malah jauh daripada benar. Kerana apa yang menjadi kenyataan Dato' Yang Dipertua, ialah menerusi usaha-usaha yang kerajaan buat khususnya dalam bidang sukan ini, kita dapat lihat bahawa muda mudi kita, belia-belia kita telah mendapat manfaat yang besar yang mana terdapat atlit-atlit dari Terengganu telah mengharumkan nama bukan saja Negeri Terengganu malah Malaysia ini. Dan kelmarin kita mendapat berita di peringkat MSSM, dua orang atlit dari Terengganu telah memenangi acara 100 meter lelaki dan perempuan dengan rekod baru kejohanan. Dan ini merupakan satu sejarah kepada Negeri Terengganu sejak adanya Negeri Terengganu ini dan sejak adanya kejohanan MSSM. Dan kita

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN AWANG CHIK (Wakil Ladang): Penjelasan - Bila Terengganu tak dak?

YANG BERHORMAT ENCIK OTHMAN BIN DAUD (Wakil Ajil): Ya?

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN AWANG CHIK (Wakil Ladang): Penjelasan - Bila Negeri Terengganu tak dak?

YANG BERHORMAT ENCIK OTHMAN BIN DAUD (Wakil Ajil): Itu saya tidak ada sejarahlah, cuma saya nak katakan sejak adanya Negeri Terengganu inilah kali pertama Negeti Terengganu memenangi pingat emas acara *sprinting* ini di peringkat kebangsaan. Dan kita dua-dua iaitu Nazmizam iaitu acara 100 meter lelaki dengan rekod 10.7 saat dan juga Nik Nor Azura ini atlit perempuan juga rekod baru kejohanan MSSM.

Dan hasil-hasil daripada kegiatan-kegiatan sukan yang kita buat ini walaupun kita mempunyai kemudahan infrastruktur sukan yang jauh tidak mencukupi, jauh ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri lain dan kita tidaklah mahu mendengar nasihat Yang Berhormat pembangkang untuk kita tidak mengadakan kemudahan sukan ini malah insya Allah, apabila kegawataan ekonomi kita ini diatasi atampun berakhir kita akan mengadakan lebih banyak lagi kemudahan-

14 Mei 1998

kemudahan. Kerana kita yakin dan percaya menerusi kegiatan sukan inilah kita akan dapat mencapai Wawasan SIHAT yang telah diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin maklumkan di sini, saya bercakap ini agak tergopoh-gapah kerana nak cepat, iaitu sukan sekarang bukan lagi menjadi satu kegiatan biasa tetapi dalam banyak hal ia adalah merupakan satu industri besar-besaran. Malah kemajuan dalam bidang sukan ini adalah selaras, selari dengan kemajuan sesbuah negara. Kalau kita melihat negara-negara maju dalam dunia, mereka jugak akan maju dalam bidang sukan. Dan sekarang ini sukan bukan sekadar rekreasi tetapi sukan juga boleh menjadi satu punca ataupun sumber kerana terdapat profesional-profesional yang terdiri daripada ahli-ahli sukan ini dan mereka boleh mempunyai pendapatan yang tinggi hasil daripada penglibatan dalam sukan.

Seterusnya para hadirin, dengan cara bersukan ini juga dapat melahirkan manusia yang lebih *balance* dalam segala segi dan mereka yang mukanya sentiasa masam, muram, ada saja yang tidak kena dan segala-galanya, tapi dengan bersukan ini kita boleh melahirkan masyarakat yang saya bercakap dalam Dewan yang lalu iaitu yang sentiasa tersenyum. Kita nak melahirkan masyarakat senyum ini kerana senyum ini adalah suruhan Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad s.a.w. sebagaimana sabdanya -

سُمْلَىٰ فِي رِحْمَةٍ حَدَّىٰ صَدَقَةٍ

Senyum kita kepada sahabat kita, saudara kita adalah sedekah dan mendapat ganjaran pahala dari Allah s.w.t.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di sebuah negara, luar pada Terengganu, luar daripada Malaysia dia mengadakan satu kelab iaitu Kelab Senyum - *Laughing Club* dengan izin. Di India, *Laughing Club* ini dianggotai oleh orang-orang profesional dan mereka berjumpa seminggu sekali badi ketawa. Ini satu benda mungkin kepada kita di Terengganu agak baru tetapi saya rasa kita boleh praktikkan ini walaupun tidak sampai menubuhkan kelab tapi galakan orang kita menyertai sukan. Saya terima kasih kepada Yang Berhormat Manir terutamanya, saya difahamkan menganjurkan pertandingan sukan bola di Kawasan Manir beberapa bulan yang lalu walaupun ini tidak menyokong usaha kerajaan tetapi sekurang-kurangnya menunjukkan satu arah gerakan yang cukup baik memenuhi masa lapang muda-mudi kita.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam usaha kerajaan untuk melahirkan usahawan-usahawan di Terengganu, terlalu banyak yang kita buat. Berbagai-bagai tabung diwujudkan dan pada akhir bulan tiga yang lalu Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah melancarkan Tabung Pembangunan Usahawan Peringkat Negeri yang merupakan satu-satunya yang dilancarkan oleh kerajaan negeri dalam Malaysia ini. Dan kita telah mendapat permohonan yang banyak daripada usahawan-usahawan Negeri Terengganu yang mencubri berbagai-bagai bidang keusahawanan. Menerusi Jabatan Belia dan Sukan juga kita ada Tabung Ekonomi Belia, kita ada Tabung SEFF, *Small Entrepreneur Financing Fund*, yang kita di Terengganu merupakan Tabung SEFF yang paling berjaya di peringkat negara - kita paling berjaya. Tabung SEFF ini ialah satu tabung peringkat federal, Persekutuan kita di Terengganu yang paling berjaya. Jadi, kita akan teruskan usaha-usaha ini, Dato' Yang Dipertua.

14 Mei 1998

Begitu juga mengenai dengan usaha-usaha di bawah Rakan Muda, apa persoalan yang ditimbulkan oleh Wakil Permaisuri tidak sempat dijawab tadi, yang bertanya mengenai bagaimana usaha kerajaan untuk mengadakan perancangan supaya muda-mudi, belia-belia kita ini mempunyai masa lapang dengan berfaedah dan berguna. Dan kursus-kursus serta seminar, perjumpaan-perjumpaan, majlis-majlis penerangan yang kita buat Dato' Yang Dipertua, terlalu banyak sehingga dalam keadaan tertentu kita tidak mempunyai cukup peserta terhadap majlis-majlis yang kita anjurkan tadi. Maka sebab itu kita agak *selective* terhadap majlis-majlis ini supaya kita tidak membazirkan tenaga dan wang ringgit.

Perkara-perkara lain yang kita jalankan bagi mencapai hasrat kerajaan bagi melahirkan masyarakat yang bahagia, masyarakat yang berakhhlak mulia dan bertakwa khususnya ialah yang dibuat oleh berbagai-bagai agensi kerajaan yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri dan juga kerajaan Persekutuan.

Dato' Yang Dipertua, itu saja dan saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya mintak kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat untuk dapat menolong kerajaan kita mengadakan usaha-usaha bagi memajukan muda-mudi dan masyarakat kita ini. Yang paling akhir kita lancarkan Dato' Yang Dipertua, ialah Briged Muda. Briged Muda ini yang pertama kita di Terengganu dan saya suka maklumkan kita dapat pujian dan penghargaan daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan Malaysia sendiri. Bagaimana mereka memuji dan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin juga memuji ini satu langkah yang baik kerana muda-mudi tadi kita jemput masuk dalam Briged Muda, kita menanam semangat patriotik, patriotism, daya tahan, daya juang dan disiplin yang tinggi. Kerana manusia yang disiplin saja Dato' Yang Dipertua, yang insya Allah boleh memacu Negeri Terengganu ini ke arah kejayaan dan mencapai Wawasan 2020, insya Allah.

Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput lagi -

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payung): Bismillahi rahmani rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, tuan-tuan, puan-puan sekalian.

Dalam menggulung perbahasan kali ini izinkan saya menyentuh empat perkara yang dibangkit oleh Ahli Dewan semalam. Pertamanya mengenai sistem pendidikan ini banyak disentuh oleh wakil-wakil yang berucap semalam terutama daripada Wakil Rhu Rendang mengenai sistem pendidikan yang ada di Malaysia. Tidaklah tepat dikatakan bahawa sistem pendidikan yang ada di Malaysia ini yang tidak langsung ada perubahan sejak dari zaman dulu lagi. Kita lihat banyak negara di Asia ini pun banyak telah dibuat reformasi pendidikan. Sebagai contoh Jepun buat dia punya reformasi pada tahun 84, Korea Selatan 85, China 85, India 86, Bangladesh 87, Pakistan 88, Thailand 88. Dan sebelum itu suatu perisytiharan pendidikan Islam telah diadakan di Mekah Mukarramah pada tahun 76 dan ini telah menjadi dasar kepada pembentukan falsafah pendidikan di Malaysia yang telah dimaktubkan pada tahun 88. Dengan berdasarkan falsafah ini maka sistem pendidikan digubal dan Alhamdulillah hari ini *diimplement* dari masa ke semasa. Dengan sebab itu sistem pendidikan yang ada pada hari ini adalah hasil daripada pembentukan falsafah

14 Mei 1998

yang bertunjangkan kepada *Ikrak bismirabika laziqalat* yakni baca dulu. Ini telahpun ada dan hasil daripada sistem ini, ini kita sekarang dan kita dapat kebanyakan negara Islam belum lagi melaksanakan perisytiharkan Mekah pada tahun 76 dulu selain daripada kita di Malaysia.

Yang keduanya secara ringkas juga

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, penjelasan - Apakah kerajaan sedar bahawa di bawah sistem pelajaran yang berjalan di negara ini lahir rakyat ataupun generasi muda yang terlibat di dalam penyalahgunaan dadah begitu ramai, dalam gejala bohsia dan bohjan, pembuangan bayi, gejala *riddah*? Ini adalah lahir di bawah sistem pendidikan dan pembelajaran yang ada. Apakah kerajaan sedar ini berlaku dan apakah daya usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk membaik pulih sistem pembelajaran dan pendidikan yang ada?

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payung): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sistem pendidikan telah dimulai sejak zaman-zaman dulu, zaman Kalifah, zaman Muawiyah - zaman pemerintahan Kalifah Umar Abdul Aziz sebagai contoh terkenal dengan *social justicenya* itu, kemudian zaman Kalifah Abasiah, zaman Ribamakmur, zaman Kalifah Harun Al-Rashid terkenal dengan zaman ilmu. Zaman itu pun ada pencuri, ada orang buat jahat - ini tidak melambangkan bahawa sistem pendidikan itu gagal. Kalau sistem pendidikan kita hari ini, kita buat, *implement* ada orang mencuri, ada orang hisap dadah, ada orang barangkali berkhawlwat, kita lihat peratusan daripada jumlah nisbah penduduk dengan yang melakukan kegiatan maksiat ini. Untuk membuat *sweeping statement* menyatakan bahawa adanya orang hisap dadah, adanya orang pergi buat jahat sebab itu sistem gagal. Saya ingat ini satu kenyataan yang sangat tidak tepat. Kita lihat juga hasil positif daripada sistem tadi. Apakah selama ini Malaysia tidak melahirkan

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payung): suatu generasi yang berketrampilan.

YANB BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): saya minta penjelasan sedikit. Dato' Yang Dipertua, bukan soal begitu, soal kita katakan bahawa ini adalah ciri-ciri kegagalan falsafah dan dasar pendidikan itu. Dan sebagaimana dijelaskan oleh Datin Peduka Zaleha Ismail, hari Selasa di Alur Setar dengan izin Dato' Yang Dipertua - dia berkata sekarang ini kenaikan kanak-kanak yang tidak mendengar kata-kata ibu bapa, kenaikannya 32 peratus. Ini bermakna pendidikan yang ada pada hari ini tak dapat membimbing, membentuk generasi muda ini.

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payung): Saya beritahu tadi, bilangan yang telah berjaya dilatih, akhlaknya mulia, yang ketrampilan barangkali lebih ramai daripada mereka yang terjebak dalam kes-kes dadah, ubat batuk dan sebagainya. Kes naik, memang naik, tapi kalau kita lihat dari segi pertumbuhan penduduk seramai 3 atau 4 peratus setahun di Malaysia hari ini berbanding dengan mereka yang berada di

14 Mei 1998

sekolah, berbanding mereka yang berada di universiti dan berbanding dengan mereka yang berada dalam pusat-pusat serenti. Cuba kita lihat dari segi itu. Dan untuk menyatakan ini, pada keseluruhannya sistem itu gagal, saya ingat tidak betul. Sistem itu gagal tidak betul, kalau maksud gagal bahawa kesemua sekali di Malaysia

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Maksudnya kenaikan *disobedient* dengan izin Dato' Yang Dipertua, *the disobedient* maknanya kanak-kanak yang tidak mematuhi, tidak mendengar kata-kata ibu bapa kenaikan 32 peratus. Bukanlah dibandingkan kelahiran dan sebagainya. Ini keadaan, fenomena yang ada pada hari ini.

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payung): Angka kita tidak nafi. Sekarang ini kita kena ingat, pendidikan untuk mendidik bukan hanya terletak kepada sistem sekolah tetapi terletak juga kepada sistem kekeluargaan. Banyak benda yang kita kena ingat. Kalau hanya letak pada sekolah, ada orang curi gagal sekolah, apa kata - ada curi sistem keluarga. Itupun kita boleh letak di situ. Oleh sebab itulah kenyataan kita hari ini untuk menyatakan bahawa sistem pendidikan terus melangkah perubahan dan reformasi dari masa ke semasa untuk melahirkan generasi yang berwawasan, berakhhlak dan akhirnya bertakwa kepada Allah s.w.t. Jadi, itu yang saya nak sebut yang pertama sekali.

Yang kedua wakil daripada Alur Limbat, dia tak dak di sini minta tolong sampaikan kepada dia mengenai rumah awam kos rendah Bukit Payung, dia masuk Bukit Payung sikit fasal saya masuk Alur Limbat, jadi Pengurus Penyelaras. Jadi terbaliklah barangkali. Yang saya nak beritahu ialah fakta yang ada di tangan dia tak betul. Fakta sebenaraya ialah di Bukit Payung ada 156 buah rumah kos rendah, yang memohon 789 orang, yang dipanggil temuduga 663 orang, yang boleh ditimbang yakni yang layak dipertimbang 509 orang. Kemudian terdapat 4 orang telah diberi surat menyatakan dia tu berjaya, disiasat semula untuk mensahihkan bukti-buktinya yang terdapat dalam borang. Dan satu daripada empat ini ditarik balik kerana permohonan ini telahpun mendapat rumah di tempat lain. Ini yang ada di dalam rekod kita. Yang tiga lagi masih

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payung): minta maaf saya nak perbaiki dulu. Ada empat orang disiasat, yang satu dah tarik balik, tiga lagi, satu diberi anak kunci yang dua lagi masih belum diberi kunci termasuk barangkali yang telah dilaporkan oleh Yang Berhormat Wakil Alur Limbat. Ini yang betul.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya oleh kerana Dato' Yang Dipertua, tadi dicadangkan oleh Exco supaya memberitahu sandara Yahaya oleh kerana dia tidak ada, tapi saya sendiri tengok surat kelmarinnya dia yang diluluskan, telahpun membayar bayaran tiba-tiba ditarik balik. Ada panggil, ucapan-ucapan yang saya tidak mahu dedahkan di sini. Jika sekiranya maklumat yang diberi oleh Yang Berhormat Exco tadi, bukanlah kerana dia telah ditawarkan rumah di tempat lain - adakah pertimbangan semula akan dilakukan?

14 Mei 1998

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payung): Saya nak jelaskan di sini bahawa ada empat orang tadi tu, yang ditarik balik ialah mereka, pemohon yang mendapat rumah tempat lain. Tapi yang dimaksudkan oleh Wakil Alur Limbat itu ialah pemohon yang tidak dapat rumah tempat lain tapi belum dapat kunci. Ada dua orang lagi yang belum dapat kunci walaupun telah diberi surat kata berjaya kerana siasatan lanjut masih berlaku. Dan saya amat terima kasih kepada pihak PMINT dan Jawatankuasa kerana rumah Bukit Payung ini tidak kira parti politik, dia beri belaka. Kalau saya orang UMNO sudah tentu saya nak orang saya belaka tetapi memandangkan bahawa ketegasan yang ada pada PMINT mereka beri semua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTUALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Ialah ini kenyataan yang dibuat secara kerajaan, kenyataan yang tak dibuat secara kerajaan borang pun tak diberi melainkan melalui UMNO. Dan orang ni pun kata, saya menang bukan banyak sangat saya nak pindah semua pengundi-pengundi ni mari sini. Ini ucapan-ucapan yang dibuat jadi memburukkan kita. Saya harap perkara-perkara yang seumpama ini tidak ditimbulkan oleh rakyat kerana menggambarkan kesedihan wakil itu sendiri.

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payung): Terima kasih, saya sebenarnya kalau ikut tekanan daripada cawangan-cawangan kitaiah, barangkali patut beri kepada orang UMNO yalah, pasal subsidi tu banyak tiap-tiap rumah, sepatutnya tu. Tapi oleh kerana saya ingat PMINT ni dia dan pihak kerajaan prihatin terhadap kesemua rakyat dia beri belakalah. Dan saya tak yakin borang ni pun nak pilih-pilih jugak. Kalau borang nak pilih, maksud orang parti lain tak boleh mesti boleh satu parti saja. Tapi saya ingat, barangkali *statement* tak betullah. Yang betulnya, ada yang boleh dan ada yang tak boleh. Itu yang paling betul saya kira. Jadi, tolong beritahu kepada sandara kita Yang Berhormat yang tak datang pada hari ini.

Yang ketiga masalah di Metro Pacific, Alhamdulillah masalah telahpun dalam perhatian pihak Jabatan Perhubungan Perindustrian dan akan dapat diselesaikan dalam masa yang segeralah. Masalahnya perubahan dari segi pengambilaihan pentadbiran di kilang itu. Saya diberitahu sekarang proses-proses untuk perbincangan di antara pekerja dengan majikan sedang berlaku. Mudah-mudahan ini dapat diselesaikan dalam masa yang singkat:

Yang terakhir sekali Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ialah syarat pinjaman MARA. Kelmarin Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam memberitahu dan ingin saya memberitahu bahawa MARA syarat dia sama dulu jugaklah untuk dapat pinjaman, pertamanya bumiputera, yang kedua pendapatan keluarga tidak lebih RM2,000.00 sebulan, dapat *offer* tawaran ke universiti atau IPT. Pinjaman, penjamin boleh jamin maksimum dua orang. Kalau ramai sangat takut dak dan nak bayar. Hanya seorang saja yakni ibu atau bapa untuk jadi penjamin, pendapatan penjamin tidak kurang dari RM500.00 dan nilai pinjaman yang diberi kalau berjaya RM4,090.00 hingga RM4,360.00 berdasarkan kursus yang diambil di peringkat universiti.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTUALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, yang diluahkan semalam dan yang dipohon semoga kelonggaran dan pihak kerajaan melalui Dewan ini ataupun melalui Exco yang berkenaan, dipohon kelonggaran supaya ibu bapa dapat menjamin walaupun lebih daripada dua orang. Kerana jika sekiranya tak dapat

14 Mei 1998

dijamin oleh ibu bapa dalam keadaan begini siapa yang mahu menjamin. Ada oleh kerana tidak ada jaminan ini langsung anaknya yang tak dapat menyambung pelajaran dan pinjaman, itu soalnya.

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payung): Inilah yang saya katakan sistem pendidikan kita hari ini telahpun berjaya sehingga tempat di universiti tak cukup. Orang berebut nak masuk belaka, MRSM kita, sekolah menengah sains kita, berebut belaka nak masuk ini menunjukkan Alhamdulillah mendapat sambutan yang baik. Tentang pinjaman maklum sajalah duit tak berapa nak cukup, jadi barangkali sumber-sumber lain daripada MARA masih ada lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi? Ya, sila -

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Saya juga ingin turut berucap untuk menggulung Titah Ucapan Di Raja dan khususnya saya ingin menjawab kepada perkara yang dibangkitkan oleh Alur Limbat mengenai masalah air yang khususnya berlaku di sekitar Paka dan Kertihi.

Dato' Yang Dipertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, semua kita tahu pada masa sekarang ini negara kita sedang menghadapi masalah kemarau yang panjang dan di beberapa negeri di Malaysia ini telah juga mengalami masalah yang berat di segi bekalan air ini. Kita telah memper jelaskan sama ada di media dan di dalam Dewan ini sendiri bahawa di negeri kita ini tidak menghadapi masalah bekalan. Yang ketebulan kita menghadapi masalah sedikit di Sungai Paka ini adalah soal apa yang berlaku kemasukan air masin yang lebih daripada laut ke dalam sungai berkenaan menyebabkan *intake* kita yang berada di Bukit Bauk lebih kurang 4 kilometer daripada kuala sungai menyedut air masin berkenaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, apa yang sebenarnya pihak Jabatan Bekalan Air telahpun sama ada kita merancang untuk mengatasi masalah ini dengan jangan panjang dan jangka pendek dan segera, kita juga sebenarnya telah memberi sahaman yang memangnya diterima rakyat sekitar. Apa yang saya bimbang melalui tohmahan dan juga hujah yang dibangkitkan oleh Alur Limbat ini seolah-olah ingin *menangguk di air yang keruh*, ingin menggunakan isu sebagai modal politik dan ingin memutar-belitkan keadaan. Jadi penjelasan saya, Dato' Yang Dipertua, dalam satu-satu ketika mungkin kita bangkitkan 20 perkara tetapi untuk menyelesaikan satu perkara mungkin kita tidak boleh selesaikan dalam jangka masa yang singkat, dalam jangka masa 20 tahun tak boleh selesaikan, kemungkinan.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, punca berlakunya di Sungai Paka ini adalah akibat daripada kemarau yang mengakibatkan sungai kering dan cetek. Langkah segera yang kita lakukan di segi luar daripada Jabatan Bekalan Air ialah dengan menasihatkan Jabatan Hutan untuk mengurangkan tebangan pokok-pokok terutamanya di kawasan tadahan di Hulu Paka. Yang kedua, kita menasihatkan Jabatan Pengairan dan Saliran untuk membuat kajian segera dan kajian telah diputuskan bahawa pelesen-pelesen pasir yang berada di sekitar Sungai Paka itu perlu kita kurangkan. Sekarang ini kita telah menarik balik lesen-lesen berkenaan dan kita benarkan setakat yang ada sekarang ini - 8 pelesen. Dan kita anggarkan dengan mendapan pasir

14 Mei 1998

yang dibawa oleh Sungai Paka lebih kurang 200,000 tan setahun maka dengan syarat-syarat yang ketat kita kenakan kepada pelesen-pelesen ini untuk mengeluarkan pasir-pasir berkenaan supaya ia tidak menjadikan keadaan sungai itu semakin dalam dan memudahkan lagi air masin bertakung di dalam sungai berkenaan. Dato' Yang Dipertua, dalam kedaan ini kita tidak boleh menyekat sama sekali industri pengeluaran pasir ini kerana industri ini sangat mustahak kepada pembangunan industri sekitar yang telahpun kerajaan mempunyai komitmen dengan pihak-pihak tertentu untuk menyiapkan kerja-kerja mereka.

Jadi, untuk mengatasi masalah di segi jabatan pula kita telahpun menyedari apabila kemasukan air masin ini berlebihan dan kualiti air itu telah agak membahayakan kepada pengguna dari segi untuk minuman, kita telah menasihatkan dengan segera mengeluarkan notis kepada penduduk sekitar bahawa air yang kita keluarkan melalui paip Jabatan pada masa ini sehingga kita beri notis semula, hanyalah sesuai untuk penggunaan selain daripada minuman, mandi dan sebagainya. Jadi untuk mengatasi masalah air minuman kita telah niengarahkan segera bekalan-bekalan air bersih dibawa oleh lori-lori jabatan dan bantuan JKR. Dan Alhamdulillah, setakat ini kita tidak menerima aduan mengenai bekalan ini dari pihak pengguna di kawasan yang sekitar.

Dato' Yang Dipertua, bagi mengatasi untuk jangka panjang supaya bekalan air sentiasa tidak terganggu, insya Allah, pihak jabatan telah membuat perancangan dimana kita akan membina sebagaimana saya nyatakan dalam jawapan saya tadi, kita akan membina segera satu empangan rendah (*low level river barrage*) dengan izin, di sungai berkenaan dan kerja-kerja menanam cerucuk besi untuk merintangi sungai ini telahpun bermula pada bulan ini. Ini adalah untuk kita mengatasi kemasukan air masin yang saya katakan tadi supaya ia tidak mengganggu *intake* kita di Bukit Bauk.

Dato' Yang Dipertua, kita juga dalam jangka panjang dalam menentukan pengedaran ataupun air di kawasan Paka ini juga kita telah memasang paip yang utama daripada Kemaman yang kita khususkan daripada tangki Bukit Harimau Menangis di Kemasik. Insya Allah, kedua-dua ini kita akan dapat mengatasi dalam masa yang singkat untuk memastikan bekalan air bersih dapat kita keluarkan dan hasilkan kepada penduduk sekitar Paka.

Untuk jangka yang dikatakan oleh Yang Berhormat berkenaan dimana kita lebih utama kepada industri, bekalan air kita kepada industri. Sebenarnya Dato' Yang Dipertua, kita mempunyai rancangan bersama pihak Petronas dimana kita akan mengasingkan untuk jangka panjang bagi penggunaan air bagi pengguna dan juga penggunaan industri. Proses ini dalam peringkat perbincangan dan jika diizinkan, kita insya Allah dalam tempoh 3 tahun akan datang kita akan membekalkan air kepada pihak industri dengan sedutan kita bawa dari Sungai Dungun dan boleh membekalkan sekitar 50,000 meter padu air sehari berbanding dengan bekalan kita bawak di sekitar Paka sekarang ini 6,000 meter padu sehari. 6,000 meter padu sehari ini adalah untuk bekalan pengguna demostik dan juga industri. Insya Allah, kerajaan jangkakan dalam tempoh penyiapan kerja-kerja ini insya Allah, industri di kawasan Paka sekitarnya juga penggunaan demostik di sekitar kawasan berkenaan akan dapat kita atasi dengan segera.

Sekian jawapan saya Dato' Yang Dipertua. Walbillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warhamtullahi wabarokatuh.

14 Mei 1998

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput lagi, sekiranya ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ (*a* IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Assalamualaikum warhamtullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam perbahasan yang berjalan selama tiga hari ini ada di antara wakil-wakil daripada Kuala Besut, Bukit Tunggal telah menyentuh dengan pembangunan pelancongan di Negeri Terengganu. Jadi, saya mengambil peluang seberapa ringkas yang boleh membuat sedikit pandangan dalam perbahasan ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang kita ketahui dan maklumi bahawa industri pelancongan Malaysia telah berkembang begitu pesat sejak tahun 1990. Ini berdasarkan data-data ataupun perangkaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia. Sebagai satu contoh, berbanding Dato' Yang Dipertua, bagi tahun 1990 kedatangan pelancong ke negara Malaysia 7.4 juta orang. Tahun 1994, iaitu semasa ini diadakan kempen Tahun Melawat Malaysia, maaif Dato' Yang Dipertua, 89 - 4 juta bila dikempen Tahun Melawat Malaysia 1990 meningkat hampir sekali ganda 7.4 juta. Dan seterusnya meningkat dari setahun ke setahun. Dari segi pendapatan pula Dato' Yang Dipertua, dia juga terus meningkat - 1988 misalnya pendapatan dari sektor ini RM2 bilion, tahun 1990 - RM4.5 bilion, sehingga tahun 1996 jumlah pendapatan sektor ini RM10.3 bilion. Jadi, sudah tentu industri pelancongan ini industri penyumbang utama serta pemangkin kepada ekonomi negara.

Dan oleh kerana itu tidak salah kerajaan Negeri Terengganu sendiri mengambil beberapa langkah dan pendekatan bagi memajukan sektor pelancongan di negeri ini. Dan ini juga Dato' Yang Dipertua, selain dari indikator jumlah ketibaan pelancong dan pendapatan kita juga dapat lihat indikator pasaran-pasaran utama ertiinya daripada mana pelancong-pelancong ini datang. Ada data dia Dato' Yang Dipertua, misalnya daripada United Kingdom, daripada Asia sendiri, daripada Asean, daripada Taiwan, Jepun, Korea, Thailand, Indonesia dan sebagainya. Oleh kerana keadaan ekonomi gawat sedikit pada masa ini jumlah itu pada saat ini kurang sebab jumlah peratus pelancong-pelancong ini daripada negara-negara Asean. Jadi, masalah ekonomi yang melanda Malaysia ini, *with due respect* dengan izin Dato' Yang Dipertua, pandangan-pandangan daripada wakil pembangkang, masalah ekonomi ini bukan hanya berlaku di negara kita. Ia juga pada mulanya berlaku di negara-negara lain di Asean ini. Yang pertamanya berlaku pada bulan Julai, kalau tak silap saya pada 2 haribulan Julai, berlaku di Thailand lebih dahulu. Lepas itu di Indonesia, lepas itu di Malaysia dan jugak berlaku di negara Filipina, jugak berlaku di South Korea. Dan satu ketika berlaku di Hong Kong yang kita kenal sebagai pusat ekonomi dan juga pusat kewangan antarabangsa di Timur Jauh. Jadi,

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, boleh penjelasan sikit - Peratus *Asian touries* dengan luar Asian punya *touries*, berapa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ (*a* IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, saya tak dapat nak kira di sinilah, datanya ada. Jadi, akan datang ini kita supaya Wakil Batu Buruk

14 Mei 1998

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya nak peratus saja - tentu Yang Berhormat Exco tahu kerana dia kata pelancong ni daripada ASEAN pun ada, luar ASEAN pun ada. Untuk menjustifikasi jawapan itu mesti dia tahu peratusnya bukan saya nak bilangan angka - bukan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ (*a* IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, ada Dato' Yang Dipertua tapi panjang sebenar sekalinya, kira ni makam masa, bukan tak dak. Jadi, kegawatan ekonomi itu tadi saya fikir boleh kita buat perbandingan - itu atau faktor yang berlaku di negara kita ini dibanding faktor kegawatan yang berlaku di Thailand, yang berlaku di Indonesia, yang berlaku jugak di negara-negara yang lain supaya kita boleh beri pandangan itu lebih rasional, lebih dapat diterima. Saya tak katalah maknanya pandangan daripada wakil-wakil kelmarin tak betul, itu pandangan mereka.

Selain daripada itu Dato' Yang Dipertua, indikator lain ialah dari segi perbelanjaan pelawat dan jugak dari segi aspek penawaran hotel dan bilik, aspek taburan agensi pelancongan, aspek MICE iaitu *meeting, exhibition* dan sebagainya, aspek penggunaan tenaga dalam sektor pelancongan dan jugak pelaburan-pelaburan daripada pihak swasta dalam sektor ini. Ini dari segi indikator yang menunjukkan bahawa industri pelancongan ini merupakan satu industri yang berpotensi besar yang menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negara.

Selain daripada itu, Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Penjelasan sikit, Dato' Yang Dipertua - ekonomi negara ke ekonomi negeri? Dan yang keduanya Dato' Yang Dipertua, saya ingin penjelasan, kalauolah duit Sterling daripada empat ringgit naik enam ringgit dua puluh sen sekarang - kenapa pelancong-pelancong daripada Eropah, daripada Amerika berkurangan juga? Sedang dia boleh belanja lebih di sini dan mengambil kesempatan kalauolah infrastruktur pelancongan kita munasabah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ (*a* IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, banyak sebab sebenarnya. Walaupun kita kata dalam suasana ekonomi sekarang ini sepatutnya pelancong-pelancong ini lebih ramai datang ke tempat kita sebab wang dia lebih besar dan wang kita lebih kecil. Tapi kita kena ingat, ada faktor-faktor lain yang menyebabkan mereka ini kurang datang ke negara kita. Saya tak naklah memberi panjang lebar dari segi ni, sebab saya tidaklah boleh nak jawab *impromtu* begini.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang menyebabkan dia orang tak mari faktor apa - faktor lain?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AZIZ (*a* IBRAHIM BIN AWANG (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, ada faktor-faktor lain - faktor lain itu ialah promosi, dari segi promosi, dari segi pemasaran, dari segi jerebu dan dari segi pertandingan kita jugak dengan negara-negara lain. Kita bertanding dengan Thailand, kita bertanding dengan Indonesia, jadi nak dijawab ini Dato' Yang Dipertua, dia panjang - saya tak boleh nak bagi jawapan *impromtu* secara sekali gus begini, ada banyak faktor-faktor yang menyebabkan mereka ini kurang datang.

14 Mei 1998

Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu dari segi matlamat kerajaan negeri, saya bercakap adi dari segi federal, dari segi keseluruhan dan dari segi dalam negeri jugak kita bermatlamat untuk mencapai jumlah kedatangan pelancong yang lebih meningkat. Dalam tahun 1996 misalnya hampir satu juta, dalam tahun 1997 kita jangka di antara 1.25 juta hingga kepada 1.5 juta orang pelancong. Sebab itu kita kempen Tahun Melawat Terengganu, ini dari segi strategi pemasaran dan jugak dari segi aktiviti unik menarik mereka. Selain daripada itu, Dato' Yang Dipertua, kita mencadangkan dan kita telahpun buat dari masa ke semasa untuk mempelbagaikan produk produk pelancongan. Ini strategi-strategi pelancongan yang kita nak buat Dato' Yang Dipertua iaitu mempelbagaikan produk pelancongan perkhidmatan baru yang memberi minat yang lebih besar kepada pelancong luar dan dalam negeri seperti - contoh *agro-tourisme* yang sedang kita buat, *eco-tourismic*, *youth tourisme*, *edu-tourisme* iaitu pendidikan dan pelancongan, *culture and historical tourisme*, dengan izu Dato' Yang Dipertua, *medical tourisme*, *sport tourisme*, *adventure tourisme*. Selain daripada itu kita kena buat promosi dan pemasaran dalam dan luar negeri seperti kempen Tahun Melawat Terengganu dan jugak pemasaran-pemasaran yang dibuat oleh negara kita di luar negara dan sebagainya.

Dan akhir sekali Dato' Yang Dipertua, kita juga akan menyediakan infrastruktur ini yang disebut oleh wakil-wakil kita, perlu ada jeti pelancongan dan sebagainya. Dan akhir sekali perlu juga kepada penglibatan masyarakat tempatan dan peningkatan dari segi kemudahan pengangkutan seperti lapangan terbang KIA, lebuhraya, lapangan terbang baru Kuala Terengganu dan sebagainya.

Jadi, Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasih kepada pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh wakil-wakil dalam perbahasan tiga hari ini dan saya begitu positif bahawa kita mempunyai potensi besar dari segi pembangunan sektor pelancongan di Negeri Terengganu, kita ini. Sekian, terima kasih Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, ada lagi .

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALIE BIN ABDUL RAHMAN (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Permaisuri, Rhu Rendang, Bukit Tinggal, Kuala Besut, Teluk Pasu, Tepoh dan jugak Wakai Mempelam, dan mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain jugak yang telah membangkitkan perkara-perkara dan memberikan pandangan, pendapat, cadangan yang menentuhi portfolio saya iaitu petroleum, industri dan jugak pertanian meliputi subsektor ternakan, perikanan dan sebagainya. Saya dengan seberapa daya saya cuba menjawab persoalan-persoalan ini sambil memberikan penjelasan, penerangan, maklumat kepada Dewan, kepada Ahli Yang Berhormat dan jugak kepada rakyat Negeri Terengganu tentang kedudukan prestasi dan jugak perkara-perkara masalah, isu menyentuh perkara-perkara ini pada masa ini.

Dato' Yang Dipertua, pertama sekali menyentuh sektor petroleum - perlulah diketahui bahawa mengikut anggaran pada tahun 1998, anggaran minyak rizab negara adalah sebanyak 3.8 billion tong. Daripada jumlah ini 2.6 billion tong atau 69% terdapat di perairan Terengganu. Daripada 629,000 tong sehari yang akan dikeluarkan, Terengganu akan mengeluarkan 400,000 tong sehari iaitu 63% menjadikan Terengganu negeri pengeluar utama minyak di negara ini. Walaupun harga minyak di pasaran dunia telah jatuh kerana terdapat pengeluaran berlebihan di peringkat

14 Mei 1998

dunia, kejatuhan ini tidaklah menjelaskan hasil minyak, *revenue* atau hasil minyak negara dan ini jugak bermakna bahawa royalti minyak bagi Negeri Terengganu jugak dijangkakan tidak begitu terjejas iaitu dianggarkan pada tahun ini Terengganu mencrima sekitar lebih kurang RM400 juta.

Bagi gas pulak Dato' Yang Dipertua, rizab gas negara bagi tahun 1998 pula ialah 81 trillion kaki padu atau 81 trillion *standard cubic feet*, daripada ini 38.9 trillion kaki padu atau 48% terdapat di Terengganu. Pada tahun ini 2,000 juta kaki padu akan dikeluarkan di Terengganu daripada 5,000 juta kaki padu yang akan dikeluarkan di seluruh negara.

Selain daripada itu, Dato' Yang Dipertua, beberapa projek lain juga akan dilaksanakan di Negeri Terengganu di dalam sektor ini. Pertama projek *ammonia*, yang kedua projek *acid-acrylic*, yang ketiga projek VCM, yang keempat projek *aromatic*. Semua projek-projek ini, kecuali projek *aromatic* yang akan beroperasi pada tahun 2000, akan beroperasi pada tahun 1999 yakni pada tahun depan. Projek-projek *multi-billion ringgit Malaysia* ini sudah tentulah akan menyaksikan pelaburan dalam ekonomi Negeri Terengganu secara lebih besar-besaran yang akan menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi dan peluang-peluang perniagaan, pekerjaan kepada rakyat negeri.

Untuk makluman Dewan ini, Petronas saja sehingga ini telah melabur RM37.2 bilion di Terengganu tidak termasuk pelaburan oleh EPMI dan lain-lain pelabur-pelabur asing dan kerajaan negeri serta agensi-agensinya di dalam menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur.

Projek-projek petroleum dan gas, Dato' Yang Dipertua, enam projek pemerosesan gas ataupun GPP telahpun dilaksanakan di Negeri Terengganu sebagaimana kita sedia maklum sehingga ini. Ini telah memberi asas kepada pelaksanaan projek *ethalena* dan *polyethalena* yang pertama peringkat satu di Negeri Terengganu yang telah beroperasi 1995. Perkembangan projek-projek *petrochemical* di Terengganu terus diteroka di bawah pelan induk pembangunan petrokimia negara oleh Petronas. Pertama projek *ethalena* dan *propilena* yang kedua, yang tadi yang pertama, sekarang yang kedua - dijangka akan dilaksanakan dan beroperasi pada tahun 2001. Projek *ethalena-oxide*, projek *ethalena-glecal* akan beroperasi jugak pada tahun 2001. Selain daripada itu, projek terbitan *ethalena* akan bersama-sama dilaksanakan dengan kedua-dua yang telah saya sebutkan yang akan beroperasi pada tahun 2001 jugak.

Projek-projek ini apakah maknanya, Dato' Yang Dipertua - projek-projek ini, ketiga-tiga projek tadi adalah merupakan projek usahasama di antara Petronas dan Syarikat Amerika - Union Carbide Coperation sebuah syarikat yang terulung di dunia ini dalam bidang petrokimia dan yang akan merupakan pelaburan daripada negara Amerika Syarikat yang terbesar di Malaysia. Alhamdulillah, Dato' Yang Dipertua projek pelaburan Amerika Syarikat yang terbesar di negara ini akan ditempatkan di Negeri Terengganu dengan pelaburan berjumlah kira-kiranya RM4.27 bilion. Saya membangkitkan perkara ini Dato' Yang Dipertua, kadang-kadang kita memandang negeri lain mendapat projek besar kita terlupa bahawa kita pun mendapat saham kita yang sama jugak.

Dato' Yang Dipertua, bilangan tenaga kerja yang akan diperlukan tentulah tidak kurang bagi menjayakan projek-projek ini. Tenaga kerja binaan sahaja yang akan diperlukan, dianggarkan

seramai 17,000 orang kemuncaknya pada pertengahan tahun 1999 iaitu pada tahun akan datang. Dan ini merupakan perihal dan cabaran kepada rakyat Negeri Terengganu untuk menyertai di dalam kegiatan ini. Sementara itu Dato' Yang Dipertua, saya perlu memperjelas iaitu tenaga kerja di dalam berbagai-operasi petroleum di Kertih. Tenaga pekerja tetap pada masa ini adalah seperti berikut, iaitu untuk jelaskan isu tentang penyertaan rakyat Negeri Terengganu di dalam berbagai kegiatan operasi minyak dan gas di Negeri Terengganu - Petronas mempunyai 3,642 orang pekerja dan kakitangan, FPMI mempunyai 1,098 jumlahnya 4,556 orang. Daripada jumlah ini Petronas saji menggunakan 55% pekerja anak-anak Terengganu, lebih daripada separuh. Sudah tentulah tidak semua pekerja-pekerja dalam Petronas dan FPMI di Negeri Terengganu ini merupakan rakyat Negeri Terengganu.

Petronas juga melaporkan mereka akan melaksanakan dua projek sokongan di Terengganu dalam jangka masa pendek ini. Yang pertama, menambah kapasiti ILPP - Institut Latihan Perusahaan Perindustrian - daripada 550 orang pelatih kepada 1,000 pelatih. Yang kedua, Dato' Yang Dipertua, Petronas akan membangun sebuah bandar bersepadu di Dungun. Oleh kerana pertumbuhan perindustrian di kawasan Kertih, Paku dan Dungun akan meningkatkan tahap ekonomi dan tahap hidup yang akan mewujudkan permintaan untuk jenis perumahan yang lebih berkualiti. Berdasarkan faktor satu rumah untuk satu pekerja, dianggarkan bahawa pada tahun 2005 akan kekurangan kira-kira 13,000 unit rumah. Maka itulah rancangan ini dambil daya usaha oleh Petronas yang akan bermula pada suku ketiga tahun ini dan akan siap pada tahun 2000 peringkat yang pertama yang akan mengandungi rumah komersil 35,000 unit, kemudahan industri, rekreasi dan sekolah-sekolah dan kemudahan-kemudahan sokongan yang lain.

Dato' Yang Dipertua, begajak saya kepada sektor perindustrian sumbangan sektor perkilangan kepada KDNK Negeri pada 97 masih lagi menduduki tempat kedua tertinggi, iaitu 15.9% dengan pertumbuhan pada kadar 15%. Adalah jelas bahawa dalam jangka panjang bila mana perlombongan dan petroleum akan menjadi kurang penting kepada ekonomi Terengganu maka sektor perindustrian akan mengambil tempat terpenting ini. Oleh itu, Terengganu perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk memperingkatkan lagi pertumbuhan sektor perindustrian ini. Insya Allah, usaha-usaha ini akan memberi hasil yang diharapkan memandangkan Negeri Terengganu akan terus menjadi tumpuan pelabur pelabur kebelakangan ini.

Projek-projek yang diluluskan oleh MITI pada tahun ini, pada 1998 sehingga Mac, sebanyak 158 projek telah diluluskan bagi negara iaitu dengan modal pelaburan RM10.27 billion. Daripada ini saham Negeri Terengganu ialah 11 projek dengan modal RM5.5 bilion yang merupakan 53.9%.

Dato' Yang Dipertua, saya memang tidak berkesempatan untuk menggulung semuanya oleh kerana itu Dato' Yang Dipertua, saya memohon izin dapat saya menyampaikan teks penggulungan saya ini kepada Dato' Yang Dipertua, bagi perjalanan Dato' Yang Dipertua, mungkin hendak diedarkan kepada ahli-ahli. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

14 Mei 1998

**USUL MENANGGUHKAN PERSIDANGAN DEWAN KERANA
KEMANGKATAN DULI YANG MAHA MULIA AL SULTAN**

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya suka membawa satu usul yang berbunyi -

Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini bersetuju mengambil KETETAPAN menangguhkan persidangannya menurut Fasal 33 (2) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu kerana kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Al Sultan pada pagi ini (14 Mei 1998) kira-kira jam 10.15 pagi di Hospital Mount Elizabeth, Singapura dan merakamkan ucapan takziah serta mendoakan semoga Allah mencucuri rahmatNya ke atas roh Almarhum Baginda.

Al-FATHIAH.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAI (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul itu.

USUL INI KEMUDIAN DIHADAPKAN KEPADA MESYUARAT DAN DIPERSETUJUI DENGAN SEBULAT SUARA.


USUL INI DITERIMA.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jadi, usul yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar diterima sebulat suara dan saya sebagai Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, serta dengan persetujuan Ahli-ahli Dewan menangguhkan Dewan ini hingga ke suatu masa yang akan diberitahu kelak. Dan perkara-perkara yang belum diselesaikan, insya Allah akan dibawa ke persidangan yang akan datang.

Dan sebelum saya berundur, saya bagi pihak Dewan Undangan Negeri Terengganu melahirkan rasa yang amat dukacita atas kemangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan saya meminta sekali lagi sama-sama membaca Al-Fatihah menghadiahkan pahala kepada rohnya serta mendoakan semoga Allah tempatkan roh Baginda bersama-sama dengan syuhadah, solehim, siddikin dalam syurga Jannatunain - *Al-FATHIAH.*

Sekian dan Dewan kita ditangguh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.00 TENGAH HARI.



P E R S I D A N G A N
PADA HARI SELASA, 30 JUN, 1998

Hari Selasa
30 Jun 1998

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 139]
2. Usul Yang Telah Diberi Notis [Muka 143]

*Usul Menjunjung Kasih Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Sultan*

[sambungan penggulungan]

3. Rang Undang-Undang [Muka 150]
- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama
Islam (Pindaan) 1998*

4. **TANGGUHAN** [Muka 158]

30 Jun 1998

**DEWAN UNDANGAN NEGERI MULA BERSIDANG PADA PUKUL 9.30
PAGI**

IADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd,
DPMT.,ASM.,PJK.,BLB.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Amar Di Raja (Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad),
SSMT.,PSM.,SPMT.,DA.,DPMJ.,KMN.,JP.,PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,
SPMT.,DSMT.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Dr. Mohd Yusof bin Haji Mohd Noor,
SPMT.,DSSA.,JMN.,PPT.,KMN.
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Mulia Engku Bijaya Sura (Dato' Syed Omar bin Muhamad),
DSMT.,DPMT.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dato' Haji Aziz @ Ibrahim bin Awang,
DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL SURA

Yang Berhormat Encik Ahmad bin Said, ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang,
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Dr. Abdul Latiff bin Awang,
DPMT.,KMN.,PKT.,PJK.
WAKIL BUKIT PAYUNG

30 Jun 1998

Yang Berhormat Encik Wong Poon Meng,
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Encik Othman bin Daud, PJC,
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Dato' Haji Wan Zakaria bin Abdul Rahman,
DPMU, ASM., PJC., PJK., PPN.
WAKIL KUALA BESSUTI

Yang Berhormat Dato' Haji Muda bin Mamat,
DPMU, PJK., PPN.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Dr. Abdul Wahab bin Ngah, SMT.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Haji Harun bin Hassan,
AMT., AMN., PJK.
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad (or Abu Bakar bin Ali),
DPMU, AMN., PJK.
WAKIL KJ-MASIK

Yang Berhormat Haji Awang bin Abdul Jabar,
ASM., SMT., AMN., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Haji Idris bin Mamat, PJK.
WAKIL JI-RTHI

Yang Berhormat Encik Mohd Jidin bin Shafee,
WAKIL PURNAMASIK

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Abu Bakar,
WAKIL BUKIT TUNGGAI

Yang Berhormat Haji Shafie bin Daud, PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Encik Lukman bin Muda, PJK.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Haji Ibrahim bin Yusof,
WAKIL KUALA BERANG

30 Jun 1998

Yang Berhormat Tuan Yaakub bin Abdul Kadir,
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong,
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abdul Hadi bin Haji Awang,
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut,
WAKIL WAKAF MEMPHAM

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah,
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Encik Yahaya bin Ali,
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat,
WAKIL TELUK PASU

TIDAK HADIR

Yang Berhormat Dato' Haji Mamat Ghazalee bin Abd. Rahman,
DSMT.,DPMT.,KMN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Dengan Maaf

Yang Berhormat Haji Harun bin Taib,
WAKIL MANIR

Dengan Maaf

30 Jun 1998

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Baharuddin bin Ismail,

DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Encik Ab. Karim bin Abd. Rahman

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Senara Muda (Dato' Haji Mazlan @ Mohd Nanri bin Hashim),

DPMT.,ASM.,KMN.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Osman bin Muda, PJK.

30 Jun 1998

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tan Sri Menteri Besar Terengganu, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Sidang disambung semula pada hari ini setelah mesyuarat yang pertama Penggal Persidangan Keempat Dewan Undangan Negeri Kesembilan ditangguh pada 14 Mei 1998, dimana ada dua agenda yang belum selesai, iaitu pertama Usul Yang Diberi Notis dan yang kedua Rang Undang-Undang. Suka saya maklumkan bahawa Yang Berhormat Ahli Kawasan Langkap dan Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Manir telah memaklumkan kepada Dewan, dimana mereka tidak dapat hadir pada hari ini oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Sekarang saya jemput pihak kerajaan yang akan membuat gulungan pada pagi ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Dewan yang dihormati, tuan-tuan dan puan-puan yang dikasih sekalian.

Sebagai pembawa usul merafakkan sembah junjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku atas ucapan atau atas Titah Ucapan di Dewan ini, sukalah saya pertama-pertama mengambil kesempatan bagi pihak kerajaan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membahas Titah Ucapan. Saya mengambil peluang untuk menyatakan beberapa perkara Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Perkara yang pertama berhubung dengan perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri Rhu Rendang berhubung dengan program-program mengurangkan jumlah keluarga termiskin atau dengan perkataan lain mengeluarkan mereka daripada garis kemiskinan. Untuk ini, secara ringkas biarlah saya menyatakan bahawa kerajaan negeri telah menubuhkan satu jawatankuasa yang dipanggil Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dilantik sebagai agensi penyelaras dan Urusetia kepada Jawatankuasa ini. Jawatankuasa ini menurunkan beberapa kuasa dan mengarahkan utusan daripada masa ke masa kepada Jawatankuasa PPRT Peringkat Daerah yang telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah masing-masing.

Antara cadangan atau program-program yang akan dilaksanakan, telah dilaksanakan ialah memasukkan sebilangan daripada kumpulan ini, kumpulan yang termiskin ini di bawah Skim Amanah Ikhtiar. Dan di peringkat negeri, dengan menggunakan peruntukan-peruntukan kerajaan negeri, skim yang hampir sama dijalankan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga di bawah Skim Jaya Diri. Sebahagian daripada saham FELCRA akan diperuntukkan kepada golongan ini, dicampur dengan program-program peningkatan ekonomi kampung melalui Jabatan Pertanian dan jabatan-jabatan yang ada hubungan dengannya selain daripada

30 Jun 1998

memperkuat dan meratakan program pembangunan masyarakat setempat. Dan dalam hal ini termasuk juga Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebahagian saham FELDA.

Itulah di antara perkara-perkara atau program-program yang telah diatur dan akan ditambah program-program baru dari satu masa ke satu masa. Tapi program-program ini akan mengambil masa untuk memperlihatkan kejayaannya. Kita berharap dengan kerjasama semua pihak program-program yang baik ini akan dapat, kalau tidak membasmikan keseluruhan sekurang-kurangnya mengurangkan jumlah mereka di dalam kumpulan ini, kumpulan rakyat termiskin ini.

Dato' Yang Dipertua, Ahli Dewan Undangan Negeri yang sama - Rhu Rendang menyebut secara khusus bahawa kerajaan negeri tidak mempunyai sikap terbuka, pemimpin-pemimpinnya tidak boleh ditegur, bila ditegur mudah melenting. Kita boleh bertanya kepada Yang Berhormat yang berkenaan dan sahabat-sahabatnya, apakah penglibatan atau penyertaan mereka selama ini di dalam Dewan Undangan Negeri ini dengan menyebut banyak hal, dengan kecaman dan sebagainya bukankah dapat disebut sebagai teguran kepada kerajaan khususnya kepada pemimpin-pemimpinnya. Tapi kadang-kadang kita juga rasa kurang senang dengan kaedah sahabat-sahabat kita daripada parti pembangkang menegur. Kita dengar kadang-kadang teguran itu walaupun pada hakikatnya baik, niatnya baik tetapi terlalu kasar, tidak berhikmah, tiada tatatertib. Sedangkan kita sedia maklum, di dalam tatatertib kehidupan kita sebagai seorang Islam terutamanya waktu menuaikan ibadat tertentu, ada kaedah-kaedah tertentu bila kita menegur seseorang. Kita ambil contoh, misalnya menegur seorang Imam di dalam sembahyang, kita tidak perlu serakah. Jadi, kalau kita pakai kaedah yang digunakan oleh sahabat-sahabat kita daripada parti pembangkang untuk menegur Imam dalam sembahyang, saya rasa maklum akan ditinggalkan oleh Imam, Dato' Yang Dipertua. Kerajaan negeri, pemimpin-pemimpinnya terbuka, sedia menerima teguran asalkan teguran itu baik, teguran itu membina dan ditujukan untuk kebaikan bersama.

Dato' Yang Dipertua, Wakil Rakyat yang sama juga ada menyebut bahawa kerajaan negeri yang telah dikurniakan sumber tabii, maksudnya saya rasa ialah hasil daripada petroleum - hasil itu telah ditumpahkan kepada perkara perkara yang tidak menguntungkan. Dato' Yang Dipertua. Berkali-kali sudah Yang Amat Berhormat Menteri Besar selaku Ketua Kerajaan Negeri i akan saja di Dewan ini malah di luar Dewan, telah menyebut sebahagian besar daripada hasil kerajaan Negeri Terengganu, tentulah hasil daripada petroleum telah digunakan untuk pendidikan dan hal-hal yang lain yang baik. Kalau ada perkara-perkara yang dapat disifatkan tidak baik oleh pembangkang khususnya Ahli Dewan Undangan Negeri Rhu Rendang, saya rasa peratusnya terlalu sedikit - kalau tidak ada perkara-perkara yang disebutkan itu.

Dato' Yang Dipertua, selaku Pengurus Jawatankuasa Pendidikan dan Pembangunan Marinis, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada beberapa orang Ahli Dewan Undangan Negeri yang mengambil bahagian di dalam perbahasan, yang menumpukan perhatian kepada pendidikan dan mengaitkan pendidikan dengan masalah sosial atau penyakit sosial yang dihadapi muda-mudi kita sekarang. Untuk mengatakan sistem pendidikan kita tidak berjaya atau gagal Dato' Yang Dipertua, saya rasa tidak adil - tidak adil kepada kerajaan, tidak adil kepada guru-guru, tidak adil kepada guru-guru agama, tidak adil kepada ibu-bapak yang mengambil bahagian yang sangat cergas terutama akhir-akhir ini di dalam bidang pendidikan.

Jumlah yang disebutkan sebagai membawa masalah baik di sekolah ataupun di luar sekolah dari segi peratusnya kecil, Dato' Yang Dipertua. Tapi walau bagaimanapun kita tidak berdiam diri, secara khusus sebagai satu contoh, dapat kiranya saya sebut bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu daripada tahun 1996 malah lebih dahulu lagi, sejak tahun 1996 dengan program yang khusus memberikan tumpuan kepada kumpulan-kumpulan yang disebut kumpulan yang berisiko tinggi, anak-anak muda, pelajar-pelajar lelaki dan perempuan yang terlibat dengan kerentak-kerentak, dengan masalah-masalah yang di luar dunia kita pada mulanya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tapi bila telah kita pelajari dan kita tangani masalah ini sebaik-baik dengan sejumlah bantuan kewangan yang banyak daripada kerajaan negeri kita merasa yakin bahawa sistem pendidikan kita yang ada boleh mengatasi atau boleh menangani masalah ini dengan baik. Apa yang kita bimbang di luar sekolah, anak-anak muda ini yang kita tidak jamin telah pulih seratus peratus akan meneruskan, menyambung kegiatan-kegiatan yang tidak baik, Dato' Yang Dipertua. Jadi, di sinilah kerjasama daripada semua pihak untuk menolong mengatasi masalah ini. Kita akui ada golongan yang kita sifatkan golongan yang berisiko tinggi yang terlibat dengan perkara-perkara yang kita sendiri selama ini tidak berfikir mereka boleh melakukan.

Dato' Yang Dipertua, masalah-masalah penyakit sosial ini sebenarnya masalah yang dihadapi oleh anak-anak daripada keluarga yang bermasalah juga, sebahagian besarnya. Jadi, untuk mengatakan sistem pendidikan kita gagal dengan tidak memberikan perhatian kepada keluarga, rasanya tidak adil. Tapi untuk menyalahkan jabatan-jabatan kerajaan khususnya katakanlah Yayasan Pembangunan Keluarga kerana tidak memberi perhatian kepada masalah kekeluargaan pun tidak betul. Selama ini, parti kerajaan - UMNO, parti Barisan Nasional dan tidak terlepas parti pembangkang PAS dan lain-lain asyik bercakap mengenai hal-hal politik saja, Dato' Yang Dipertua, tapi sedikit sangat menimbulkan atau mengaitkan masalah-masalah sosial ini. Bila kerajaan dengan cara berani melalui Kementerian Perpaduan Negara dan Kebajikan Masyarakat mendedahkan perkara yang seumpama ini barulah pihak-pihak tertentu termasuklah pertubuhan-pertubuhan politik ikut sama membicarakannya. Tetapi malangnya mereka mengambil *angle* yang lain dengan menuduh kerajaan tidak berbuat itu, tidak berbuat ini dan sebagainya. Tidak menunjukkan kesediaan untuk bersama-sama bertanggungjawab dan memikul sebarang risiko yang dihadapi akibat perbuatan yang seumpama ini.

Dato' Yang Dipertua, berhubung dengan pendidikan juga Yang Berhormat ADUN Wakaf Mempelam ada menyebut masalah yang dihadapi oleh ibu bapak yang mempunyai anak yang masuk ke Institusi Pendidikan Tinggi lebih daripada dua orang sedangkan di dalam borang, di dalam syarat mengatakan bahawa pada satu masa mereka tidak boleh menjamin lebih daripada dua orang. Hal ini telahpun kita kemukakan kepada MARA dan kepada badan-badan agensi kerajaan yang mengeluarkan biasiswa dan mereka akan mengkaji masalah ini. Jadi, itu sendiri maklumat yang telah disampaikan kepada Dewan ini oleh Wakil Rakyat yang berkenaan menunjukkan dengan jelas bahawa sebenarnya sistem pendidikan kita sangat berjaya sehingga satu keluarga dapat menghantar anaknya lebih daripada dua orang ke Institusi Pendidikan Tinggi. Dan kita harap yang sampai ke pendidikan tinggi ini akan jadi manusia, Dato' Yang Dipertua.

30 Jun 1998

Dato' Yang Dipertua, saya mengacapkan setinggi-tinggi terima kasih atas beberapa pandangan Yang Berhormat ADUN Alur Limbat yang menunjukkan kesediaan untuk turut sama bertanggungjawab kepada beberapa masalah. Tapi janganlah, janganlah diragui kesediaan kerajaan, kesediaan pemimpin-pemimpin kerajaan yang mengajurkan supaya pada masa ini untuk menangani masalah kegawatan ekonomi, kita disuruh mengikat perut. Kerajaan telah menunjukkan beberapa contoh yang baik, contoh yang baik ini sepatutnya cukup amuk menjanjikan atau untuk meyakinkan rakyat bahawa kerajaan bukan sabaja menyerni ataupun menyuruh, mengarahkan rakyat berbuat sesatu tetapi kerajaan sebenarnya terlebih dahulu berbuat perkara yang semmpama ini. Saya tidak tahu bila Yang Berhormat yang berkenaan mengatakan bahawa ada pegawai-pegawai yang tabiat atau cara kerjanya yang tidak baik, masuk lewat, tidak mahu jumpa orang waktu malam dan sebagainya. Saya tidak tahu, adakah maksud Yang Berhormat yang berkenaan itu tertuju kepada Wakil Rakyat yang tertentu. Kalau Wakil Rakyat Barisan Nasional terutamanya orang UMNO, tidak ada seorang pun yang tidak boleh dilawati waktu malam kecuali kalau terlalu lewat malam, Dato' Yang Dipertua.

Masalah air masin di Paka dan lain-lain ini ialah perkara-perkara yang memang disedari oleh kerajaan Dato' Yang Dipertua, dan langkah-langkah telah diambil dari masa ke semasa. Saya sebenarnya Dato' Yang Dipertua, bercadang untuk membuat berapa respon kepada Yang Berhormat Wakil Manir tentang beberapa perkara yang disebut dalam ucapannya terutama sekali mengenai perceetakan wang ataupun mengeluarkan wang atau mata wang *currency* yang Yang Berhormat yang berkenaan merasa terlalu ragu kepada kemampuan Kerajaan Malaysia. Dibimbangkan Kerajaan Malaysia termasuk mencetak wang dengan tidak melandaskan atau mendasarkan wang yang dicetak itu kepada jumlah emas - berat ataupun nilai emas yang ada. Kalau emas ini yang dikira sangat Dato' Yang Dipertua, sebagai *backing* kepada *currency* maka saya rasa ada dua tiga buah negeri saja di dalam Malaysia ini yang boleh mengeluarkan wang. Satu daripadanya, sahih dalam Negeri Terengganu kita ini kerana ada emas di Lubuk Mandi dan barangkali di Pahang. Hak lain-lain Dato' Yang Dipertua, tidak boleh. Tapi pernah satu ketika dahulu semasa berlaku Perang Dunia Yang Kedua duh, kalau tidak salah Dato' Yang Dipertua, bila rakyat Jerman bertanya kepada Hitler - apakah cagarai wang *deutsch mark* yang dikelarkan oleh Jerman. Kata Hitler: *Our money is back by our father and mother*, tapi kita tidak bercadang nak jadi Hitler pulak, Dato' Yang Dipertua. Cukup, cukup mengatakan bahawa untuk memberi keyakinan bahawa mata wang kita cagarannya atau sandarannya ialah kekuatan ekonomi yang ada pada kita. Saya tidak bercadang mengulas panjang kerana Yang Berhormat yang berkenaan tidak ada di dalam Dewan ini, Dato' Yang Dipertua.

Dato' Yang Dipertua, itulah dua tiga perkara yang saya rasa patut saya sebut di dalam Dewan Undangan Negeri dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada sahabat-sahabat, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri termasuklah Ahli Dewan Undangan Negeri daripada PAS yang berhasrat sangat untuk menegur kerajaan, pemimpin-pemimpin kerajaan. Kita bersedia, kita terbuka dengan syarat teguran-teguran itu dibuat dengan maksud yang baik, niat yang baik dan ada hikmahnya, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Saya jemput Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tan Sri Menteri Besar.

30 Jun 1998

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Assalamualaikum,
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat sekalian.

Pertama sekali saya ucap terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membincangkan usul ini tempoh hari. Dan saya mengambil peluang mengucap terima kasih kepada barisan penyokong kerajaan yang telahpun memberi penjelasan dan jawapan banyak perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang yang setengah-setengah tidak bertanggungjawab dan tidak mahu mengaku kenyataan yang terbentang luas di hadapan mereka demi kepentingan politiknya. Setengah-setengah mengulangi terutama sekali dari segi kegawatan ekonomi ini ialah salahkan kepada kerajaan kerana banyak projek-projek mega seperti lapangan terbang, jeti, padang golf dan lain-lain kemudahan asas yang telah dibuat oleh pihak kerajaan. Hanya dia mengulangi apa yang telah disuarakan oleh pihak media asing sebagai satu usaha untuk memburuk pemimpin-pemimpin kita yang begitu mendapat sambutan baik dari seluruh dunia. Oleh itu saya berharap kepada pihak pembangkang, pertama sekali janganlah kita menafikan perkara yang benar dan membuat jahil perkara-perkara yang kita tidak tahu, kerana Nabi kita pernah berpesan kepada kita:

Jangan buat-buat sakit, akhirnya sakit sungguh. Jangan buat-buat jahil, akhirnya jahil sungguh.

Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Rhu Rendang, Wakaf Mempelam, Manir dan sebagainya banyak menyebut bahawasanya pembangunan seimbang yang diharapkan oleh kerajaan tidak akan tercapai kerana kerajaan tidak mempunyai sifat terbuka, mahu menerima kritikan, teguran dan sebagainya. Sebenarnya perkara yang disebut ini tidak betul kerana kita sentiasa menerima pandangan, teguran dan juga mendapat nasihat dari mana-mana, yang mana baik, tak kira dari pembangkang dan sebagainya. Tapi sepanjang yang kita tahu, takdak perkara yang kita boleh ambil daripada pembangkang ini. Sebagai satu contoh, dari segi pemecatan orang-orang yang tidak menyokong kerajaan. Kita tidak lakukan sedemikian, seperti Imam - Bilal. Tapi dilakukan oleh pemimpin PAS di setengah negara yang dikuasainya. Saya tanya juga pemimpin yang memecatnya, kenapa pecat? Kata dia: ni buat kacau ke ambo. Tapi kita walau kacau macam mana pun, kita tak pecat. Bahkan lepas tiga kali beri amaran, kalau buat jugak baru kita ambil tindakan. Jadi tidaklah benar sebagaimana yang dikatakan oleh pihak pembangkang, kita memecat orang tanpa menegur dan sebagainya sebagaimana didakwa oleh Ahli Yang Berhormat daripada kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi.

Dua mengenai politik wang dan Yang Berhormat mengakui saya telah menyebut, menasihat. Ini sebenarnya Dato' Yang Dipertua, setengah-setengah menggunakan duit, duit dia sendiri untuk nak naik. Tapi bagi setengah-setengah ahli pembangkang, dia guna duit, duit orang - duit yang menjadi amanah untuk disampaikan kepada orang, sebagaimana diceritakan oleh ahli PAS sendiri terutama sekali duit-duit pungutan zakat yang patut disampaikan kepada lapan Asnaf tapi tidak dibelanjakan, untuk kepentingan dia. Mana lebih jahat dari segi pengurusan duit ni. Kalau UMNO belanja sedikit sebanyak nak naik, dia belanja duit dia. Tapi PAS, setengah-setengahnya belanja duit siapa? Duit yang menjadi amanah dia, dia tidak sampai kepada amanah. Jadi, kita boleh lihat baik buruk dari segi ini.

30 Jun 1998

Dan juga Ahli Yang Berhormat telah mengatakan bahwasanya:

[Signature]

Rakyat mengikut contoh pemimpin. Saya akui - bahawa sebab itulah di Terengganu ini dan pemimpin-pemimpin Barisan dimana-mana juga, tengok tidak ada perkara yang tidak baik dari segi menegur, caranya beradat sopan dan sebagainya bagaimana disebut oleh Wakil Seberang Takir tadi. Tapi cara-cara yang telah dibuat oleh pihak PAS, maknanya kita lihat oleh kerana pemimpinnya sedemikian, maka yang bawah pun cuma akhir-akhir ini barulah ditukarkan approachnya bahawa langkah kita ambil pada masa dulu tidak menguntungkan kita, baik kita buat approach yang baik, buat baik dan sebagainya. Tapi sebenarnya mengikut apa yang kita lakukan selama ini. Jadi banyak contoh-contoh yang baik yang kita buat tapi diikut oleh pihak pembangkang. Dan Alhamdulillah, Tuhan memberi petunjuk kepada dia mengikut contoh-contoh baik yang kita lakukan. Dari segi parti juga, kita main macam-macam sukan - 7 sebelah dan sebagainya daripada dulu, kita dapat kecaman. Hari ini menjadi ikutan kepada parti PAS. Jadi, sebab itulah saya kata banyak contoh-contoh yang baik yang kita lakukan dan menjadi ikutan kepada pihak parti pembangkang.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli Berhormat juga dari pihak pembangkang telah mengatakan bahwasanya dia terpaksa membuka banyak sekolah kerana sistem pendidikan yang dijalankan oleh kerajaan tidak sesuai. Saya nak tanya satu - sekolah-sekolah yang dibuka tu berapa ramai anak daripada pemimpin PAS yang hantar ke sekolah tu? Sama ada di Rusila baik, dimana-mana juga. Barangkali seratus peratus anak-anak mereka hantar kepada sekolah - sekolah yang dia kata tidak baik tadi. Sekolah yang dia buka pula adalah terdiri daripada kalangan pengikut-pengikutnya saja dan tidak ada daripada kalangan pemimpin. Kalau dia percaya dengan sistem pendidikan dia mestilah dia hantar, tapi dia tidak hantar. Ini kenyataan yang ada. Cuba tanya kepada dia, berapa orang? Semua hantar ke sekolah-sekolah yang dikatakan sistem tidak baik yang dijalankan oleh pihak kerajaan. Jadi, sebab itulah dalam soal ini kita harus mengakui kenyataan ini, kebaikan yang telah dibuat oleh kerajaan menjadi tanggungjawab kita. Kita sebar yang baik untuk sama-sama kita membantu perkara yang baik.

Dan satu lagi saya suka nak menarik perhatian, kadang-kadang ahli dari pihak pembangkang mengatakan bahawa banyak hasil yang kita ambil digunakan kepada yang tidak membina. Saya berapa kali telah menyatakan bahwasanya sebahagian besar hasil yang kita terima, kita habiskan kepada pendidikan. Sebagai contoh Dato' Yang Dipertua, KUSZA yang kita bentuk berapa ratus juta yang kita belanja, TATI yang kita tubuh tak kurang daripada RM41 juta kita belanja setahun. Ini tidak termasuk sembilan buah sekolah agama bawah kerajaan negeri. Kolej Pendidikan Sains Islam, satu lagi yang kita buat. Dan akhir-akhir ini sebagai mengatasi iaitu oleh kerana terlambat ramai yang telah mendapat kejayaan bagaimana nak serapkan dia di sekolah-sekolah pengajian tinggi supaya mereka ini berpeluang dan tidak, orang kata tidak belajar, hingga kita terpaksa membuka Kolej Yayasan Terengganu di Kuala Ibai bagi menampung 400 - pradiploma dan juga matrikulasi. Selain dari itu, Kolej Matrikulasi yang kita buat di Batu Buruk dan lain-lain lagi yang melibatkan beratus-ratus juta pada tiap-tiap tahun.

30 Jun 1998

Hasrat kerajaan selain daripada memberi pelajaran lanjutan juga memberi pendidikan dan latihan kepada mereka. Hari ini TESDEC lebih daripada 20 kursus yang kita ada di merata-rata. Dan satu bangunan yang kekal sedang dibina di Marang. Ini juga menelan belanja yang begitu banyak. Apa yang kita nak, semua ruang untuk belajar, berlatih memang dibuka. Sebab itu saya katakan sehingga sekarang kita belanja tidak kurang daripada RM1.4 bilion dari segi pendidikan selain daripada kita belanjakan duit minyak ni untuk anak yatim, untuk orang susah dan sebagainya. Jadi, tidaklah benar apa yang dikatakan kita membelanjakan duit ini kepada sesuatu yang tidak membina. Sebab itulah dari segi sosial ini, jika dibanding di tempat-tempat lain kita amat kurang sekali. Semalam ada kenyataan yang menyatakan di Kelantan nombor dua terbanyak dalam soal ini. Dan hari ini saya dengar komen daripada orang ramai, sebab-sebabnya tidak ada pendidikan agama yang menyeluruh.

Jadi, saya suka menyatakan bahwasanya sekolah-sekolah agama dulu kita ada sekolah petang, hari ini di sekolah petang pun ada di sekolah kerajaan, selain daripada itu tidak kurang 2,000 kelas Fardhu Ain yang kita ada di tiap-tiap daerah. Jadi sebab itulah untuk kita sama-sama mengetahui soal ini, kita menghadapi kenyataan, terangkan kenyataan ini sebab kita bertanggungjawab kepada Alah s.w.t. pada hari kiamat kelak. Jadi segala sesuatu yang kita lakukan hendaklah kita bertanggungjawab bukan saja kepada manusia juga kepada Allah s.w.t. Bagi pihak kerajaan negeri, insya Allah, Barisan Nasional akan terus berusaha bagi mempertingkatkan dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran, kemudahan asas yang kita lakukan dari dulu sehingga sekarang.

Jadi, itulah sedikit sebanyak sebagai tambahan kepada apa yang telah dijawab dan diberi penjelasan oleh rakan-rakan saya dalam Barisan Nasional. Terima kasih, wassalamualaikum.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

30 Jun 1998

RANG UNDANG-UNDANG

**ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
(PINDAAN) 1998**

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOFF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Satu Enakmen bagi meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD LUKMAN BIN MUDA (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM 1986, DIBACA BAGI KALI YANG PERIAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOFF BIN HAJI MOHD NOOR (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mencadangkan supaya Rang Enakmen bagi meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986, dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 ("Enakmen").

2. Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas bagi Rang Undang-Undang dan perihaluan kuatkuasanya. Ia juga menetapkan tarikh mula kuatkuasanya seksyen 3.

3. Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 5 Enakmen bagi menjadikan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama sebagai salah seorang ahli Majlis.

4. Fasal 3 bertujuan meminda subseksyen 6 (1) Enakmen. Dengan pindaan ini maka ahli Majlis yang disebut di bawah seksyen 5 (1) (g) Enakmen hendaklah mengosongkan jawatannya pada penghabisan tempoh dua tahun dari tarikh perlantikannya tetapi layak dilantik semula.

5. Fasal 4 bertujuan memasukkan seksyen baru 10A ke dalam Enakmen. Di bawah seksyen baru 10A, Setiausaha Majlis adalah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif dan pentadbir Majlis dan menjalankan tugas-tugas yang dikenakan ke atasnya oleh Enakmen atau yang diberikan kepadanya oleh Yang Dipertua Majlis serta berhak menghadiri semua mesyuarat Majlis.

6. Fasal 5 bertujuan meminda subseksyen 11 (4) Enakmen berbangkit dari peruntukan seksyen baru 10A yang dicadangkan.

7. Fasal 6 bertujuan memasukkan seksyen baru 14A ke dalam Enakmen untuk memberikan kuasa kepada Majlis untuk menubuhkan syarikat.

8. Fasal 7, 8, 9 dan 11 masing-masing bertujuan meminda seksyen 155, 156, 157 dan 162 Enakmen bagi membolehkan Majlis mengendalikan semua urusan zakat dan fitrah.

9. Fasal 10 mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD LUKMAN BIN MUDA (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk bahasan dan saya jemputlah sesiapa yang ingin bercakap.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahi rabbi alami walbihinastain. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mengucap syukur kepada Allah s.w.t. dan berterima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang bagi meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986.


Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memandangkan kepada pindaan Enakmen ini hanya berligar di sekitar menukar nama, menggantikan nama Pesuruhjaya kepada Yang Dipertua dan Jabatan kepada Majlis serta fungsi dan tanggungjawab Majlis Agama Islam dan Adat Melayu. Walaupun pindaan ini adalah perlu untuk mengemas kinikan pentadbiran agama Islam negeri ini, tetapi ianya tidak melibatkan soal prinsip dan keutamaan. Sepanjang sidang Dewan ini saya tidak nampak ada usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk meminda peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam yang bercanggah dengan hukum syarak. Dan tidak ada usaha

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, sila duduk. Diharap perbahasan dalam lingkungan dan tajuk yang ditentukan saja.

30 Jun 1998

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, saya menyatakan ini dalam lingkungan perbahasan berhubung dengan Rang Undang-Undang ini yang mengenai kuasa Majlis, berhubung dengan kuasa Majlis Agama Islam.

Dato' Yang Dipertua, sebagaimana kita sedia maklum bahawa Allah s.w.t telah berfirman:



YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya berpendapat apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu telah menyimpang dari kehendak dan terkeluar dari maksud Rang Enakmen yang dibentangkan ini.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, ini perbahasan umum bukan dalam Jawatankuasa. Pada fahaman saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Barangkali kita harus balik kepada Pasal 46(6) yang menyebut: Tiap-tiap ahli bendaklah menumpukan pandangan kepada perkara yang sedang dirunding. Jadi, ini maknanya hanyalah beberapa pindaan dalam Enakmen ini. Sila, sambung.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepoh): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua, atas teguran itu. Saya berpendapat bahawa kita dalam perbahasan secara umum berhubung dengan Enakmen ini. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah boleh kita memperuntukkan undang-undang pentadbiran untuk mentadbirkan Undang-Undang Islam, sedangkan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat telah tahan. Kita bukan bercakap soal umum Enakmen ini tapi hanya kepada beberapa pindaan yang dicadangkan. Itu saja. Jika nak bercakap benda yang macam ni, saya rasa masa lain dan bukan hari ini. Tidak kena mengena dengan tajuk ia barangkali Yang Berhormat Wakil Tepoh telah memada setakat itu.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh kerana di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam ada menyebut berhubung dengan fungsi Majlis Agama jadi saya ingin menekankan oleh kerana pindaan ini mengibarkan nama Majlis dan tanggungjawab, kerjaya dan sebagainya. Jadi dalam soal ini memanglah saya ingin menyentuh supaya Majlis ini bertanggungjawab menjalankan fungsinya bagi mengemas kinikan Undang-Undang Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam ini. Jadi, oleh kerana banyak kelemahan-kelemahan yang kita dapat di dalam Undang-Undang Pentadbiran ini yang secara langsung menyentuh soal fungsi Majlis. Setiausaha dan juga Pesuruhjaya serta mereka yang diberi tanggungjawab di dalam melaksanakan tugas yang

diamanahkan ini maka saya mengambil peluang ini untuk menggesa pihak kerajaan supaya mempastikan bahawa pelaksanaan kepada fungsi-fungsi ini biarlah benar-benar mengikuti apa yang dikehendaki oleh hukum syarak. Terutamanya kalau kita lihat dalam soal prosedur mahkamah sebagaimana yang

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, tidak ada kena mengena prosedur mahkamah ni, hanya pindaan beberapa fasal saja. Antaranya apa yang disebut tadi, meminda daripada nama Jabatan kepada Majlis, perlantikan Setiausaha dan sebagainya, itu saja.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, saya pohon mencelah Dato' Yang Dipertua. Fasal 46(6) ialah di *committee stage* dimana dalam perbincangan. Sekarang ini ialah membincangkan Enakmen itu sendiri bukannya *paragraph* ke *paragraph* dimana kita gunakan 46(6).

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Tapi harus kita ingat bahawa agenda kita sekarang ini ialah Rang Enakmen yang dicadang beberapa pindaan, yang bersangkutan dengan nama dari Jabatan kepada Majlis dan jawatan Setiausaha dan sebagainya, itu saja. Jadi, sebab itulah saya harap kepada Yang Berhormat sedang bercakap sekarang ini dan yang akan datang juga harus berkisar dalam lingkungan itu saja tidak menyimpang keluar. Jadi, barangkali Wakil Tepoh tidak ada apa-apa ya? Saya jemput -

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Bismillahi rahmani rahhim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan dan pemerhati.

Pertama-pertamanya saya ingin menarik perhatian Dewan bahawa pembentang Enakmen oleh Wakil Kampung Raja pada hari ini ialah tujuan untuk meminda beberapa peruntukan yang terdahulunya mempunyai fungsi dan peranan yang berbeza setelah ianya diubah struktur penyusunan pentadbiran. Dato' Yang Dipertua, dalam kita mengemukakan sesuatu Enakmen pindaan yang seumpama ini pertama-pertamanya saya berpendapat kita mestilah faham dan tahu apakah perlunya pindaan ini dibuat dan dikemukakan. Apakah tujuannya? Dan adakah ianya akan mencapai hasrat pentadbiran? Dato' Yang Dipertua, Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama dimasukkan perlantikannya di bawah Enakmen ini. Dan begitulah juga Setiausaha yang sekarang ini hendak menduduki Majlis yang ditubuhkan di bawah Enakmen ini. Jika sekiranya satu usaha untuk mendapat kecekapan dan kesempurnaan pentadbiran maka wajarlah Exco yang membentang Enakmen pindaan ini memikirkan bahawa tidakkah suatu Enakmen khusus perlu diadakan bagi mentadbir Majlis dan memperjelaskan kuasa-kuasa Majlis dan tidak dilonggak di bawah suatu Enakmen yang mencakupi semutanya sama dengan taraf Enakmen 4/55 sebelum kita merdeka dulu. Dimana Inggeris tidak memberi keutamaan kepada kita, seluruh pentadbiran orang Islam itu diletakkan di bawah satu Enakmen saji. Oleh itu, di dalam usaha kita merealisasikan pentadbiran yang menggambarkan kesempurnaan pentadbiran Islam itu, tibalah masanya kita membahagi-bahagikan apa yang Inggeris tinggalkan sebagai warisan. Oleh itu, suatu Enakmen khas untuk penubuhan Majlis ini perlu diadakan, Dato' Yang Dipertua.

Yang kedua, di dalam Enakmen ini juga terdapat kesalahan-kesalahan jenayah dan sebagainya. Dan kesalahan-kesalahan jenayah itu hanyalah berkisar kepada tidak berpuasa, tinggal Jumaat. Ini perkara-perkara yang di luar skop pentadbiran. Kita perlu mengadakan Enakmen Jenayah Islam. Dan di dalam Enakmen ini juga dijelaskan penubuhan mahkamah dimana penubuhan mahkamah ini memerlukan suatu Enakmen khas yang menjelaskan bidang kuasa mahkamah, perlantikan hakim-hakim dan sebagainya. Dan dalam sidang yang terdahulu saya telah bertanya kepada Exco - Exco kata tunggu Pusat. Macam mana kita mahu tunggu Pusat, sedangkan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu perlu dilaksanakan dan dijalankan. Di bawah sistem mana? Kita mempunyai Mahkamah Syariah tetapi tidak ada peraturan Mahkamah Syariah. Tidak ada Enakmen Keterangan untuk dipakai. Apakah penghakiman tanpa prosedur, tanpa Enakmen Keterangan ini suatu penghakiman yang sempurna? Oleh itu, meminda

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): oleh itu meminda perkataan Pesuruhjaya, memberi kuasa Pesuruhjaya menduduki Majlis, memberi taraf Setiausaha menduduki Majlis tanpa kuasa mengundi dan sebagainya ini, tidak akan mencapai hasrat dan cita-cita.

Dato' Yang Dipertua, oleh itu hendaklah kita lihat kepada kesungguhan menyempurnakan pentadbiran ini dan tidak perlu kita tunggu orang kerana kuasa dan bidang kuasa berada di Dewan ini bukannya di Parlimen. Dan saya percaya serta yakin barisan Exco yang ada pada hari ini boleh, berkeupayaan untuk mengemukakan kalaulah mereka berhasrat sedemikian. Lebih-lebih lagi dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, takkan Negeri Terengganu yang dipimpin oleh seorang yang berlatar belakangkan agama ini ketinggalan daripada Sabah dan Pulau Pinang yang mempunyai Enakmen-enakmen lebih lengkap daripada kita. Sepatutnya Negeri Terengganu pimpinan yang bertaraf ulamak lebih mendampingi Kelantan dan mempunyai banyak Enakmen-enakmen yang boleh dikemukakan sebagai kerjasama untuk menyempurnakan pengabadian diri kepada Allah s.w.t.

Jadi, Dato' Yang Dipertua, saya merasakan bahawa Dewan yang mulia ini bila mana diminta sesuatu kelulusan sama ada Enakmen asal ataupun pindaan, pembentang mengemuka Enakmen itu mestilah terlebih dahulu peka mana dia matlamatnya, apakah hasrat kita? Jangan jadi apa yang pernah berlaku ucapan oleh seorang Menteri, kita tidak boleh melaksanakan syariah kerana kita perlu mendahului ekonomi. Bila bergerudum ekonomi, berapa kali bergerudum ekonomi maknanya tidak akan dilaksanakan apa-apa syariah. Kerana kesyuzulan Islam itu memerlukan dan mewajibkan kita tidak meninggalkan satu bahagian,

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berdasarkan apa teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat kepada Ahli Dewan Undangan Negeri Tepoh maka ukuran yang sama kena beri kepada Ahli Dewan Undangan Batu Buruk ni. Dia dah keluar pagar, Dato' Yang Dipertua.

30 Jun 1998

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, ahli bahasa mungkin dia tidak tahu bukan ahli undang-undang. Jadi, ahli bahasa memang tidak bersekata dengan pandangan ahli undang-undang. Saya hanya memberi contoh yang di luar pagar yang memerlukan dimasukkan ke dalam pagar. Kalaularah tidak ada contoh

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memasukkan hak luar pagar ni banyak berdohoh lalu jadi hak dalam pagar dok timbul langsung. Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Batu Buruk, seperti yang sama sebut tadi bahawa adalah dikehendaki segala perbahasan dan perbincangan kita dalam tajuk yang ditentukan saja. Adapun soal-soal yang panjang lebar yang dibangkitkan tadi

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, dengan penuh hormat kepada fungsi Speaker. Saya tidak mahu berdebat dengan Dato' Speaker. Oleh kerana itu pandangan Dato' Speaker dan kebetulan saya tak bawak *Standing Order* pada hari ini, saya tawakufkan untuk masa depan tetapi saya harap bersama-sama kita teliti dengan sempurna. Kerana pada pandangan saya dalam perbahasan umum ini tidak dihadkan seperti mana yang kita bincang dan bahas di peringkat Jawatankuasa. Dengan penuh hormat, saya harap kita nilai semula dan untuk masa depannya. Insya Allah, pada hari ini saya patuh kepada arahan Dato' Yang Dipertua dulu sehingga saya dapat kemukakan hujah yang lebih. Wallahu alam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih dan insya Allah pandangan-pandangan yang diberi akan diperhatikan oleh pihak kerajaan. Sila, kalau ada lagi? Saya faham tidak lagi yang hendak bercakap, sekarang saya buka untuk undian.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI MOHD YUSOFF BIN MOHD NOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, boleh saya respon kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila -

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI MOHD YUSOFF BIN HAJI MOHD NOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih kepada dua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai dengan cadangan pindaan Enakmen yang dimaksudkan. Dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Buruk yang telah menyatakan bahawa Terengganu berasib baik kerana ada pemimpin yang mengetuai negeri ini yang dipimpin oleh Menteri Besar pada masa ini, yang memberi satu imej yang baik kepada negeri ini. Dan ini suatu pengakuan yang cukup berharga dan yang sebenarnya memang tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun bahawa Negeri Terengganu berasib baik kerana kita ada pemimpin yang menjadi Ketua yang terdiri daripada orang yang baik. Cuma yang tidak berasib baik ialah kerana Negeri Terengganu ini ada parti pembangkang yang

tidak baik. Di negeri-negeri lain atau di negara-negara lain di dunia ini yang mengamalkan sistem demokrasi juga mempunyai parti-parti pembangkang. Di antara negeri-negeri yang mempunyai parti pembangkang, memang ada negeri yang parti pembangkangnya baik, positif dan konstruktif. Dan ada negara yang parti pembangkangnya sentiasa mengambil sikap *destructive*. Di Negeri Terengganu ini, hari ini pembangkangnya namia partinya baik tapi tingkah laku adalah memerlukan kepada pemberian atau islah sebagaimana disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ketua Pimpinan Negeri ini.

Perkara khusus yang kita bincangkan pada hari ini adalah khusus untuk menyahut seruan-seruan yang disebut sebelum ini bahawa Majlis perlu dikemaskinikan. Langkah ini adalah langkah awal dan kalau sekiranya kita perlu membuat satu pendekatan yang menyeluruh untuk meminda Enakmen secara keseluruhan, maka sudah tentu dalam dunia yang global ini kita tidak boleh melihat satu kawasan yang khusus tanpa melihat negeri-negeri yang lain. Lebih-lebih lagi di Malaysia hari ini, kalau sekiranya kedapatan pengurusan Islam atau pengurusan sesebuah Majlis Agama yang juga terdapat di negeri-negeri lain berbeza dengan negeri yang lain maka kita jangan lupa kita ditonton oleh orang lain. Ditonton oleh orang lain yang menganut agama yang berbeza, sebarang kelainan dalam praktis kita, dalam pentadbiran akan melemahkan imej kita pada pandangan orang lain. Maka sebab itu kita tidak berkata kita menunggu orang lain, saya tidak pernah berkata bahawa kita menunggu tapi kita sedang bertindak menyelaraskan dengan pihak Pusat yang telah diamanahkan untuk menyelaraskan urusan-urusan yang besar yang urusan mengemaskinikan struktur pentadbiran yang berkaitan dengan Islam bukan saja Majlis tetapi ia meliputi juga Jabatan Agama Islam yang merupakan satu jabatan kerajaan. Dan Majlis sebagai satu perbadanan yang mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu.

Saya yakin hasil daripada perbincangan yang menyeluruh adalah lebih baik daripada kita hanya melihat dengan memperkecilkan skop kita kepada negeri kita saja. Saya yakin pada masa akan datang

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Dato' Yang Dipertua, penjelasan - Adakah Yang Berhormat pernah melihat draf, apa yang digembar-gemburkan sebagai Undang-Undang Murtad yang diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri?

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOFF BIN HAJI MOHD NOR (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Wakil Seberang Takir tadi, Wakil Batu Buruk dia masuk ikut pintu molek dah tapi masuk dalam dia lompat pagar, terbit luar. Soalan tambahan daripada Yang Berhormat Batu Buruk ni adalah soalan yang merupakan soalan telah lompat pagar luar. Jadi tidak ada kena mengena dengan rancangan pindaan ini. Sebab itu tak perlu saya memberi jawapan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

30 Jun 1998

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM 1986, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM 1986 TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO' DR. MOHD YUSOFF BIN HAJI MOHD NOR (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD LUKMAN BIN MUDA (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM 1986, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 1 Tahun 1998.

30 Jun 1998

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI IAN SRI MENTERI BFSAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan kepada satu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli ahli Yang Berhormat, tuan-tuan, puah-puan dengan permohonan tangguhan tadi maka saya tangguhkan persidangan Dewan ini kepada suatu masa dan tarikh yang akan ditentukan kemudian.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.35 PAGI.